

711-39

10

# Menebus Maruah

Abu Hassan Adam

Diterbitkan oleh  
**Kumpulan Rusa Sdn Bhd.**  
24 Jalan 20/16A, 46300 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

Semua hak terpelihara.  
Hakcipta © 1994 Kumpulan Rusa Sdn Bhd.  
Reka bentuk kulit © 1994 Kumpulan Rusa Sdn Bhd.  
Mana-mana bahagian di dalam buku ini tidak boleh  
disiarkan atau diterbitkan semula, dalam sebarang bentuk  
atau dengan cara apa cara sekalipun, sama ada  
dengan mekanik atau elektronik, termasuk  
memfotokopi, perakaman atau menerusi storan  
mana-mana maklumat atau sistem mendapat  
kembali maklumat, tanpa mendapat kebenaran  
terlebih dahulu daripada Penerbit.

ISBN 983-9080-21-0

Dicetak oleh  
Eagle Trading Sdn Bhd,  
81 Jalan SS25/32, 47301 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

M 716039

5 JAN 1995  
Perpustakaan Negara

■	<i>Kata Pengantar</i>	
■	Arus Pimpinan Dr. Mahathir: Satu Renungan Ringkas	i
■	Mengingati Perjuangan UMNO	1
■	Inggeris Mencabuli Hak Orang Melayu	9
■	Wanita UMNO Harus Melangkah Lebih Jauh	17
■	Pemuda Tuntut Carcosa Dikembalikan	25
■	Memecah Tradisi Kepemimpinan Masa Lalu	31
■	Perjanjian Bijih Timah Khianati Negara	41
■	PPB Kawal Pasaran Timah Dan Sikap Negara Pengguna	51
■	Mengarah Sikap Dan Mentaliti Ke Timur	60
■	Penubuhan PPB Gemparkan Blok Barat	71
■	Pemimpin Dilantik Oleh Rakyat Untuk Rakyat	81
■	Ketua Pemuda UMNO: Ke Mana Haluan Dibawa?	86
■	Pilihan Raya 1982: Karisma Pemimpin-pemimpin Muda Teruji Sudah	93
■	Gandingan Pemimpin Tua Dan Muda Dalam Pentadbiran Negara	100

■ Sistem Perbankan Bercorak Islam	112
■ Pengaruh UMNO Membentuk Kabinet	120
■ Membela Nasib Golongan Miskin	128
■ UMNO Baru: Teguhkan Kembali Maruah Bangsa	137
■ Budaya Wang Dan Taktik Kotor Mainan Calon Parti	145
■ Kemenangan BN Di Ampang Jaya: Bukti Sokongan Rakyat	154
■ Guru Melayu Tunggak Perjuangan Parti	160
■ Pemerhati Luar Muslihat Pembangkang	166
■ Membanteras Penyelewengan Yang Berterusan	174
■ Membendung Amalan Rasuah: Sikap Anwar Harus Diteladani	179
■ Belanjawan 1992: Ke Arah Reformasi Sosial	185
■ Menguji Keutuhan Demokrasi Ala-Malaysia	191
■ Memahami Dasar Ekonomi Negara	196
■ Melayu Mesti Ubah Sikap Untuk Menyahut Wawasan Negara	203
■ Melahirkan Pengurus Industri Yang Berdaya Maju	210
■ Aspirasi Wawasan Untuk Kemajuan Bangsa Dan Negara	218
■ Penjajahan Bentuk Baru	224
■ G15 Mantapkan Pembangunan Dan Ekonomi Negara-negara Membangun	228
■ George Bush Mengiktiraf Kemajuan Malaysia	235



منٲري قنڊيڊيكن مليسيا  
MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

### KATA PENGANTAR

Satu hakikat yang perlu kita sedari ialah tentang perubahan dan perkembangan yang berlaku di dunia kini, sama ada dari segi perubahan struktur dan sistem ekonomi atau sosial ataupun dalam hal-hal lain yang memerlukan keterlibatan kita menjelang Kurun ke 21. Dalam menangani perkembangan yang sebegini, kita harus berada ditengah-tengah perkembangan dan perubahan itu. Ini bermakna bahawa kita tidak harus lagi berada di pinggiran sebagai pemerhati dan penonton yang merasakan bahawa kita bukan sebahagian daripada 'pelakon' yang sedang melakonkan berbagai peristiwa itu. Lantas sekiranya kita masih belum peka dengan hakikat sedemikian maka kita tidak berada di tahap tamaddun yang kita alami kini walaupun dalam suasana perubahan yang begitu pesat. Justeru itu kita kurang peka kerana tidak merasakan apa yang orang lain rasa.

Bangsa yang maju di dunia sedang mempersoalkan siapakah yang akan 'memiliki' Kurun ke 21? Pendek kata usaha yang akan kita jalankan adalah merupakan satu usaha menebus maruah. Satu perkara yang cukup besar dan cukup kompleks untuk difikirkan kerana kita jarang memikirkan hal yang sebegini (mungkin!!). Apa perlunya kita memikirkan hal yang sedemikian. Mungkin kita beranggapan bahawa itu hanya sebagai 'angan-angan mat Jenin' - satu perkara yang mustahil akan dapat dicapai!!

Pandangan dan pendapat yang sebegini yang harus dikikis bagi sesuatu bangsa yang akan bergerak dalam tamaddun menjelang Kurun ke 21. Pernah disibar luaskan beberapa dekad yang lampau bahawa seolah-olah kebolehan mencipta sebilah jarum itu sebagai satu syarat untuk memerdekakan bangsa. Dan sekiranya pandangan yang sedemikian masih berleluasa menguasai benak bangsa kita maka tentu sekali tidak akan meluncur kereta proton saga di Oxford Street kini.

Lantas Wawasan 2020 sebenarnya mempelawa kita untuk sama-sama terjun dan merasakan pahit maung, senang susahnya mengharungi arus perubahan yang sedang bergolak ini. Dengan itu apa yang dikatakan sebagai Tamaddun Melayu menjelang Kurun ke 21 itu ialah komitmen atau iltizam bangsa kita dalam mengharungi arus perubahan itu. Sejauh manakah kemampuan kita bertanding, berlumba dengan bangsa-bangsa lain dalam usaha untuk menuju ke sesuatu matlamat terpujanglah kepada kita untuk menentukannya.

Dan dalam "Megatrends 2000" telah ditegaskan bahawa Kurun ke 19 adalah milik Mediteranean, Kurun ke 20 milik Atlantik dan Kurun ke 21 adalah kepunyaan Pasifik. Dan persoalannya ialah apakah bangsa kita merupakan salah satu yang diperhitungkan untuk menjadi 'pelakon' di Pasifik itu nanti?

Mari kita jawab bersama dan kita lakukan bersama dan jikalau ditanya tentang kecenderungan Tamaddun Melayu Kurun ke 21 maka jawapannya ialah iltizam menjadikan bangsa ini sebagai sebuah bangsa yang unggul bukan sahaja di Pasifik tetapi diseluruh dunia. Dr. Mahathir telah memyediakan wawasannya. Kita melaksana dan merealisasikan.

Dari segi tugas dan peranan kita untuk menaikkan martabat bangsa saya fikir kita telah melakukan sesuatu yang baik ke arah itu. Satu perkara yang perlu direnungkan juga ialah kita telah memberikan pemikiran ke arah itu dan kita juga sedang memikirkan tentang persoalan sama ada dapatkah kita membuat kesimpulan yang kita telah mencapai mercu dalam perjuangan untuk mengangkat martabat bangsa dari segenap segi.

Atau adakah perlu kita merenung dan mengumpulkan fakta, data dan maklumat sebagai bahan pengadunan alternatif bagi mencipta satu visi baru sebagai usaha selanjutnya untuk melengkapkan kesinambungan sejarah gemilang yang telah dicipta masa lampau? Apakah dimensi baru yang harus kita cari, yang harus diteroka dan yang harus dibina supaya kecemerlangan itu akan menjadi sesuatu yang hakiki dan abadi.



(DATUK AMAR DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD)

# ARUS PIMPINAN DR. MAHATHIR: SATU RENUNGAN RINGKAS

---

(SEPANJANG PERJALANANNYA DR. Mahathir diibaratkan sebagai seorang pahlawan yang sentiasa berusaha menebus maruah bangsanya. Pengembaraannya itu adalah satu pengorbanan yang tidak pernah kenal erti kalah dan letih, malah tidak juga pernah menampakkan perasaan kecewa apabila satu-satu tindakan yang dilakukannya itu kurang mendapat sambutan daripada pengikutnya. Beliau meneruskan perjalanan sehinggalah akhirnya dapat meyakinkan pengikut bahawa apa yang dilakukan sebenarnya merupakan satu keyakinan yang telah dikaji dan diteliti. Kini perjalanan diteruskan lagi dan matlamatnya ialah pada tahun 2020. Kita tidak tahu di manakah perhentian dan siapakah yang akan menyambung perjalanannya itu. Hanya yang boleh kita lakukan ialah berdoa agar pemimpin yang menyambung perjalanannya nanti ialah tokoh yang serupa ataupun pemimpin yang boleh mempertingkatkan dan mantapkan segala pencapaian yang dinikmati kini.)



Dalam erti kata yang lain, penggantinya nanti seharusnya mempunyai kualiti kepimpinan yang boleh meneruskan usaha menebus maruah itu.

(Analisis yang cuba diterokai tentang pemikiran Dr. Mahathir bermula pada tahun 1971 iaitu ketika beliau masih dianggap orang luar selepas terkeluar daripada arus pentadbiran Kerajaan ekoran daripada kritiknya tentang perjalanan pentadbiran Kerajaan pada ketika itu. Dan kebanyakan penekanan analisis ini tentulah di sekitar tahun 80-an iaitu ketika beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia. Penulis terpaksa juga meninjau tentang pemikirannya ketika menulis buku *The Malay Dilemma* dan perbincangannya dalam satu majlis diskusi pada tahun 1971 yang dianjurkan oleh Institute of Southeast Asian Studies Singapore semata-mata untuk menilai sama ada apa yang dilahirkannya pada tahun-tahun itu masih relevan dengan apa yang telah dilakukannya ketika menjadi Perdana Menteri.)

Penulisan sebegini dirasakan ada kelainannya. Rencana yang terkandung di dalam buku ini adalah rujukan kepada analisis tentang pentadbiran Dr. Mahathir yang boleh dianggap sebagai bukti bahawa apa yang difikirkan oleh Dr. Mahathir masih konsisten dengan tindakannya sehingga ke hari ini. Diharap analisis itu dan rencana-rencana berikutnya dapat memberikan satu gambaran menyeluruh kepada pembaca akan segala kegiatan Perdana Menteri itu merupakan satu usaha untuk menebus maruah bangsa, khususnya bangsa Melayu. Sebaliknya tentu ada pandangan yang merasakan usaha Perdana Menteri tidak sedemikian. Di sinilah letaknya kebebasan berfikir yang cuba ditonjolkan oleh penulis.

Kedengaran juga komen dari kalangan tertentu yang mengatakan apa yang dikotakan oleh Dr. Mahathir

kini tidak sama dengan apa yang diperkatakan dahulu. Ini bermakna apa yang ditulis di dalam *The Malay Dilemma* atau yang diucap di dalam forum dan diskusi beberapa tahun dahulu tidak selaras dengan dasar yang dilaksanakan ketika beliau menjadi Perdana Menteri.

( Apakah anggapan ini betul? Justeru itu penulis cuba meneliti dan membongkar (setakat kemampuan yang ada) bahan-bahan lama yang mengandungi ucapan dan isi wawan cara Dr. Mahathir dengan para wartawan sama ada dari dalam atau luar negara. Misalnya, dalam satu majlis forum di Singapura pada tahun 1971, Dr. Mahathir telah membuat kenyataan yang cukup menarik mengenai hubungan negara kita dengan China. Dan tentulah amat sesuai pandangan ini didahulukan memandangkan betapa eratnya perhubungan antara Malaysia dengan China kini ekoran lawatan Perdana Menteri pada pertengahan Jun 1993 lalu. Jika kita merujuk kepada 'Trends in Malaysia', July 1971 di dalam *Institute of Southeast Asian Studies*, Dr. Mahathir menyatakan: )

...If China and Russia are going to help in a policy which Malaysian thinks will do Malaysia a lot of good, it would not do to treat these two countries as enemies....

( Kenyataan Dr. Mahathir yang disuarakan pada tahun 1971 masih relevan pada tahun 1993. Ini dapat dilihat dengan tindakannya mengetuai rombongan ke China yang bertujuan untuk meningkatkan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan negara China. ) Dan hasil pemergiannya itu telah menelurkan banyak kebaikan kepada kedua-dua negara, terutama Malaysia. Justeru itu sebagaimana yang telah diucapkannya bahawa sekiranya negara itu banyak memberikan per-

tolongan kepada Malaysia, tidak ada sebab mengapa Malaysia harus bermusuhan dengan negara tersebut.

Lagipun dengan adanya sokongan dari negara China tentang penubuhan EAEC sudah tentu akan memberikan perangsang kepada kita untuk meneruskan penajaan rancangan yang akan memberi banyak faedah kepada negara-negara sebelah Timur. Amerika Syarikat yang sebelum ini menampakkan sikap tidak setuju yang berterusan dengan sesuatu projek tentunya akan berfikir sejenak apabila melihat sokongan yang diberikan oleh China kepada projek ini.

Sebagaimana yang telah dilaporkan China menyatakan sokongannya terhadap EAEC yang ditaja oleh Malaysia dan bersedia bekerja sama untuk memastikan kejayaannya. Malah China menganggap cadangan itu satu idea yang bernas yang boleh memberi manfaat kepada negara-negara di rantau ini. Sokongan itu telah dinyatakan oleh Perdana Menteri China sendiri, Li Peng. Dalam lawatannya ke Malaysia pada tahun 1990, Li Peng pernah menyatakan sokongannya terhadap penubuhan EAEC. Walau bagaimanapun, nasihat Dr. Mahathir pada tahun 1971 itu ialah:

Whatever it is relationship between China and Malaysia will not become too close too easily.

Dari segi pertemuan dan temu ramah Perdana Menteri kita dengan wartawan asing dirasakan terlalu banyak. Victor Laniauskas selaku ketua penyunting majalah *Reader's Digest* edisi Asia telah menemu bual Perdana Menteri dan hasilnya sebagaimana yang disiarkan di dalam majalah itu keluaran April 1982. Sejurus sahaja Barisan Nasional menyambut kemenangannya pada tahun 1983, Dr. Mahathir ditemu ramah pula oleh

wartawan *Asiaweek* - Berton Woodward, David Lazarus dan Assif Shameen. Dalam keluaran majalah *Asiaweek* 23 September 1983, sekali lagi dimuatkan temu ramah Assif Shameen dengan Dr. Mahathir. Pada bulan Mei 1988, Carroll Bogert dari majalah *Newsweek* pula mengadakan wawan cara dengan Perdana Menteri.)

Berdasarkan kepada beberapa wawan cara, penulis mendapati nada Dr. Mahathir beberapa tahun lalu adalah sama dengan apa yang diperkatakannya hari ini. Dengan itu juga dapat dibayangkan tentang konsistennya dasar dan perjuangan yang dilakukan oleh Perdana Menteri kita. Yang agak memeranjatkan ialah pendapat yang dihamburkan ketika beliau dalam buangan pada tahun 1970 tidak banyak beza dengan pandangan yang diutarakan semasa menjawat jawatan Perdana Menteri.

( Dalam tahun 1983, majalah *Far Eastern Economic Review* keluaran 23 September menjelaskan wawasan Dr. Mahathir. Beliau menyatakan (pada ketika itu) kita memerlukan sebuah negara yang kuat, stabil dan makmur agar rakyat dapat hidup dalam keadaan harmoni. Katanya lagi, beliau tidak berhasrat untuk menggelarkan bangsa Malaysia sebagai masyarakat yang unggul. Tetapi setiap pemimpin tentulah berhasrat untuk memimpin sebuah negara yang kuat dan bermaruah. Apabila ditanya pula oleh para wartawan Malaysia pada 29 Disember 1989 mengenai wawasannya, beliau menjelaskan: )

Sebenarnya ia tidak lebih daripada hasrat setiap rakyat Malaysia untuk menjadi lebih baik daripada keadaan mereka hari ini, untuk dihormati, untuk lebih sejahtera dan untuk menikmati kestabilan politik. )

Jika diperincikan pula kenyataan di atas tentulah ada perkara-perkara yang ingin dicapai oleh Perdana Menteri kita. Antaranya ialah:

1. Menjadikan rakyat Malaysia lebih baik daripada keadaan hidup mereka hari ini.
2. Untuk dihormati.
3. Hidup lebih sejahtera.
4. Untuk menikmati kestabilan politik.

Tiada siapa dapat menafikan tentang usaha yang akan dilaksanakan untuk menjamin agar kehidupan rakyat Malaysia lebih baik daripada keadaan mereka pada hari ini. Pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 1993 di sekitar 8% adalah satu pencapaian yang menakjubkan dan menimbulkan tanda tanya di kalangan banyak negara. Yang menghairankan mereka ialah peningkatan pertumbuhan ini berlaku dalam saat-saat negara-negara lain (termasuk negara maju seperti Amerika dan Jepun) mengalami kemelesetan. Dahulu sentiasa diperkatakan bahawa nasib ekonomi negara kita dan juga negara-negara lain yang sedang membangun banyak bergantung pada keadaan ekonomi negara-negara maju. Sekiranya berlaku kelembapan ekonomi di negara-negara berkenaan, kemungkinan negara kita akan mengalami nasib yang sama.)

Kestabilan politik kita kini berkait rapat dengan kestabilan politik negara. Kita tentulah tidak mahu mendabik dada mengatakan kepada dunia luar bahawa Malaysia telah berjaya menangani masalah perpaduan kaum tetapi pada hakikatnya kita telah menikmati hasil perpaduan itu. Semenjak peristiwa 13 Mei 1969, belum berulang lagi peristiwa ini, seolah-olah memberikan

gambaran jelas yang rakyat Malaysia sudah cukup matang untuk mengelakkan peristiwa malang itu mengambil tempat sekali lagi kerana ia hanya merupakan 'menang jadi abu, kalah jadi arang'.

Lantas kita menikmati erti perpaduan. Tentulah tidak ada satu anasir yang benar-benar bertanggungjawab terhadap kewujudan keadaan itu. Tetapi yang jelasnya, kepimpinan Dr. Mahathir dan anggota kabinetnya yang sentiasa bertolak ansur dalam menangani masalah negara yang rumit. Ekorannya, kehadiran pelabur asing yang tidak ragu-ragu lagi untuk menanam modal di Malaysia. Banyak kesannya. Yang paling ketara sekali ialah dari segi penyediaan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia dan sekaligus mengatasi masalah pengangguran di negara ini.

Di mata dunia pula, Malaysia mula dikenali. Perlantikan kita ke majlis Keselamatan PBB merupakan kejayaan yang diperoleh dengan sokongan kuat dari negara-negara yang sebelum ini tidak mengenali kita. Dirasakan untuk terpilih ke majlis keselamatan itu pastilah memerlukan penghormatan negara luar kepada negara kita.

Tidak lama dahulu, kita menjadi tuan rumah CHOGM yang pencapaiannya agak berbeza berbanding kebiasaan. Kesanggupan Malaysia dan khususnya kesediaan Dr. Mahathir untuk menjadi tuan rumah ke persidangan negara-negara Komanwel tentunya mengejutkan banyak negara pada mulanya. Bukankah Perdana Menteri enggan menghadiri persidangan Komanwel di Australia pada tahun 1982 dahulu? Bukankah Dr. Mahathir berpendapat persidangan itu banyak membuang masa dan lebih baik baginya berbuat sesuatu di negaranya? Masih terdengar agak nyaring di telinga kita tentang kerasionalan yang beliau kemukakan itu.

*Readers Digest* April 1982 ada memetik wawan cara Perdana Menteri mengenai perkara ini. Apabila dikemukakan soalan mengenai keengganannya untuk menghadiri persidangan Komanwel di Australia pada tahun 1982, Perdana Menteri menjelaskan:

Saya ada mempunyai sedikit pengalaman menghadiri persidangan antarabangsa serupa ini dan saya dapati terlalu sedikit yang dicapai dalam erti kata sebenar. Adalah lebih baik sekiranya kita dapat tumpukan kepada satu dua perkara dan melaksanakannya daripada kita hanya bercakap mengenai hasrat dan cita-cita murni kita tetapi tidak melaksanakannya. Memikirkan banyak beban tugas yang terpaksa saya lakukan di negara saya, maka saya membuat keputusan tidak akan menghadirinya. Tetapi ini tidak pula bermakna yang saya tidak yakin kepada Komanwel sebagai satu pertubuhan....

Selepas beberapa tahun kata-kata ini diucapkan oleh Perdana Menteri, kita dapati prinsip dan pegangan beliau masih diteruskan. Persidangan Komanwel yang berlangsung di Kuala Lumpur dahulu sesungguhnya mengotakan apa yang dikatakan sebelum ini. Persidangan itu bukan majlis pesta-pestaan tetapi telah menelurkan resolusi yang konkrit. Deklarasi Langkawi yang mempersoalkan tentang pencemaran alam sekitar dan isu mengenai Aparteid telah menarik perhatian dunia. Dengan jelas menampakkan bahawa sesungguhnya CHOGM dapat berbuat sesuatu yang konkrit seperti mana yang disarankan oleh Dr. Mahathir dahulu.

Yang paling membanggakan kita sebagai rakyat Malaysia ialah perlantikan Dr. Mahathir sebagai pengerusi sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pertubuhan Komanwel ini dari segi peranan dan tanggungjawabnya menempuh dekad 90-an dan dekad-dekad seterusnya. Komanwel telah diberikan nafas baru sesuai dengan

perkembangan yang begitu pesat dari kalangan negara-negara ahli. Tentunya juga Komanwel akan bergerak seiring dengan masa dan zaman yang berubah.)

Keengganan beliau menghadiri persidangan Komanwel di Australia pada tahun 1982 telah ditafsirkan oleh banyak pihak sebagai anti-British kerana pada anggapan sesetengah pihak persidangan itu terlalu rapat kaitannya dengan Great Britain. Apatah lagi apabila beliau memperkenalkan dasar '*Buy British Last*' yang terang-terang merupakan penentangan terhadap Great Britain. Seiring dengan dasar itu juga, Dr. Mahathir memperkenalkan pula **Dasar Pandang ke Timur**.

Tidak secara langsung memandang ke Timur bererti penerapan nilai-nilai baru ke dalam jiwa rakyat Malaysia. Memandang ke Timur bermakna memandang ke Jepun dan Korea Selatan. Apa yang dapat dilihat di sana? Kita harus menolak ke tepi budaya 'harakiri' tetapi penekanan sebenarnya tertumpu pada **Etika Kerja**. Saya juga dapat melihat kejayaan perusahaan persendirian di sana. Dengan demikian saya bercakap mengenai **Pen-swastaan**. Saya lihat kerja sama antara sektor persendirian dan Kerajaan. Jadi dicadangkan **Persyarikatan Malaysia**. Dan perhatikan juga bagaimana orang Jepun bekerja: seorang presiden akan turun ke bawah memakai pakaian seragam sebagaimana yang dipakai oleh pekerja biasa. Itu yang dinamakan **Kepimpinan Melalui Teladan**.

Perdana Menteri pernah menyatakan tentang satu perkara yang berlaku di Korea Selatan yang mendorong beliau memikirkan sejenak (mungkin) tentang langkah-langkah yang akan diambil di Malaysia. Dalam majalah *Far Eastern Economic Review* 23 September 1983 ada dinyatakan analisis berikut:



...Kita semua diberitahu bahawa adalah lebih bermanfaat membeli suatu jenis barangan daripada mengeluarkan sendiri. Ini merupakan dakyah negara-negara maju: agar negara sedang membangun menjadi pasaran barangan mereka. Lihat sahaja Korea Selatan sebagai contoh. Apabila negara berkenaan hendak mewujudkan kilang mengeluarkan besi, ia telah dinasihatkan agar mengeluarkan sebanyak 600,000 tan sahaja tetapi sebaliknya mereka mengeluarkan sehingga 1.5 juta tan. Ramai berpendapat yang Korea Selatan bodoh kerana bukankah lebih murah membeli barangan itu dari Jepun sahaja. Tetapi sekarang Korea Selatan dapat mengeluarkan 11.5 juta tan besi dan sebahagian besarnya dijual ke Jepun.

Dengan jelas menampakkan bahawa dalam usaha Perdana Menteri memajukan orang Melayu dari segi ekonomi tidak pula terlintas untuk menekan kaum-kaum lain yang lebih maju di negara ini. Dasar inilah yang nampaknya masih diteruskan sehingga ke hari ini, walaupun DEB digantikan dengan Dasar Pembangunan Negara. Pencapaian kaum Bumiputera dalam apa jua lapangan tentulah tidak boleh dihadkan oleh masa dan waktu. Penentuan sesuatu tarikh sebenarnya adalah hanya sebagai panduan untuk melaksanakan dasar itu dan tidak pula dijadikan tarikh penentuan tamatnya sesuatu dasar.

Apabila beliau mula menerajui pemerintahan negara beliau amat bimbang tentang pencapaian DEB, khususnya yang berkaitan dengan peningkatan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan ekonomi negara:

Apa yang membimbangkan kita ialah sungguhpun mudah untuk mendapatkan 30% penyertaan Bumiputera dalam bidang ekonomi, yang menyukarkan ialah bagaimana mengawalinya. Kecualilah rakyat (Bumiputera) tahu menguruskan saham mereka. Kita terpaksa mengkaji dengan teliti apa

yang harus dilakukan. Kita tidak mahu merosakkan orang lain tetapi tentulah satu perkara yang sia-sia juga jika pada penghujung perlaksanaan nanti kesemua 30% ekuiti hilang disebabkan rakyat menjualnya dan apabila sampai pada satu tahap nanti kedudukan orang Melayu kembali pada keadaan asal. Dari segi perlanjutan DEB haruslah dilihat dari segi aspek kestabilan dan tidak semata-mata kepada soal perangkaan.

*Far Eastern Economic Review*, 23 September 1983

Kita tidak dapat memperinci dan mengiakan kenyataan di atas tetapi kegelisahan para pemimpin atasan berkaitan dengan soal pembelian dan penjualan saham ini kedengaran amat ketara. Ramai Bumiputera menjadi orang kaya baru kesan daripada pembelian saham yang menguntungkan ekoran daripada Dasar Penswastaaan yang diperkenalkan dari semasa ke semasa. Pembelian saham oleh kaum Bumiputera bukan sebagai satu pelaburan jangka panjang tetapi hanyalah untuk mengaut keuntungan jangka pendek. Pelbagai langkah dikendalikan oleh Kerajaan bagi menyekat kegiatan sedemikian, namun tentulah ada cara untuk mengelakkan peraturan yang dikenakan oleh Kerajaan itu.

Pada dasarnya kegiatan sedemikian berleluasa tentulah berpunca daripada sikap kaum Bumiputera sendiri. Tidak berapa lama dahulu, kaum Bumiputera terlibat dalam satu keadaan spekulasi yang amat memalukan - saham Pak Man Telo. Itu adalah satu kegiatan perniagaan yang tidak langsung boleh diterima akal, namun begitu ramai yang terjebak dalam kegiatan ini berpunca daripada keinginan hendak cepat kaya. Yang terlibat dan yang menjadi mangsa bukan sahaja golongan yang jahil dalam kegiatan perniagaan tetapi ramai juga yang terdiri daripada lulusan ekonomi dari universiti. Mereka tahu kegiatan itu salah tetapi mereka terus

menyertainya. Apabila kegiatan ini diberhentikan oleh Kerajaan, ramai orang Melayu menjadi papa kedana dalam sekelip mata.

Huraian mengenai kegiatan di atas memalukan orang Melayu. Soalnya mengapa diteruskan juga. Inilah antara persoalan yang akan ditangani dan merupakan satu usaha menebus maruah.

Pada 29 Disember 1989, Dr. Mahathir mengadakan satu wawan cara dengan akhbar *Berita Harian*. Berdasarkan temu ramah itu, jelas menunjukkan irama dan tempo Dr. Mahathir sudah bercampur antara bangga dengan apa yang dicapai dengan kekecewaan yang dialami oleh sebahagian besar golongan Bumiputera ketika merebut peluang yang disediakan oleh DEB. Kegagalan kaum Bumiputera banyak bergantung kepada sikap dan nilai yang dijiwai oleh kaum Bumiputera sendiri. Ditinjau dari segi kebanggaan beliau tentang pencapaian itu, terus-terang beliau melahirkan:

Pada fikiran saya dalam masa 20 tahun dengan mengambil kira kadar pertumbuhan beberapa buah negara, DEB telah dapat dilaksanakan dengan baik. Jika kita ambil kadar pertumbuhan 10% bagi sebuah negara, ia satu kadar yang tinggi. Bagi DEB kadar pertumbuhan Bumiputera daripada 1% kepada 19% atau 20% dalam masa 20 tahun, kita berjaya mengurangkan kemiskinan dan ini juga satu kejayaan besar. Juga jika kita ambil negara mana sekalipun mereka tidak mampu mencapai kejayaan sepertimana yang kita capai dengan DEB. Satu lagi aspek dalam DEB ialah meningkatkan kemahiran Bumiputera melalui pendidikan.

*Berita Harian*, 29 Disember 1989

Namun demikian Dr. Mahathir tidak dapat menyembunyikan kekecewaannya. Walaupun dengan hati dan perasaan yang amat berat beliau terus melahirkan agar

dapat dijadikan ubat dan panduan bagi kejayaan masa hadapan. Kita lihat kenyataannya:

...tetapi saya harus mengaku bahawa saya kecewa dengan sikap Bumiputera yang melihat sebagai satu cara untuk cepat kaya, bukan untuk menambah kemahiran. Mereka sanggup menggadai hak mereka dalam DEB untuk mendapat keuntungan segera dengan menjual nama. Mereka fikir inilah cara yang DEB hendakkan mereka buat... sememangnya mereka salah. Mereka sebenarnya merosakkan diri sendiri. Saya bimbang di sini kita tidak hanya boleh menyalahkan Bumiputera, kita juga harus menyalahkan Kerajaan kerana terlalu bertolak ansur. Kita tidak ambil tindakan, misalnya apabila Bumiputera menjual lesen... kita hanya tutup mata kerana itu Kerajaan silap. Kemudian ada pula bukan Bumiputera yang sanggup membayar kepada Bumiputera supaya mereka tidak perlu bersusah payah. Akhirnya, Bumiputera sendiri tidak dapat menimba sebarang kemahiran pun.

Satu perkara lagi yang terus-menerus diperjuangkan oleh Dr. Mahathir dalam usahanya memantapkan pentadbiran negara di samping menebus kembali maruah bangsa ialah memerangi rasuah. Konsep bersih, cekap dan amanah adalah prinsip dan falsafah yang menegakkan Kerajaan pimpinan Dr. Mahathir. Orang ramai mempertikaikan tentang kesanggupan dan keupayaan Kerajaan menentang perbuatan terkutuk itu memandang bilangan yang mengamalkan perbuatan ini terdiri daripada mereka yang berpengaruh.

Sehingga kini kita boleh berbangga dengan apa yang dilakukan ke arah memerangi rasuah, walaupun masih banyak yang perlu dibersihkan. Dan ini tentulah tidak terkecuali juga kepada para menteri dan wakil rakyat kita yang sentiasa melaungkan slogan tentang pembasmian rasuah di kalangan rakyat. Tindakan yang

dilakukan oleh Dato' Hassan Ibrahim dalam pemberisihannya di RISDA tidak lama dahulu membayangkan kepada kita tentang peningkatan usaha Kerajaan ke arah memerangi rasuah. Apatah lagi apabila tertangkapnya Pengarah Yayasan Sabah terus menebalkan keyakinan kita terhadap usaha yang cemerlang itu. Rakyat mendoakan agar usaha memerangi rasuah ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan.

Dalam tajuk 'Badan Pencegah Rasuah Bertindak Tegas' dipaparkan tentang pelawaan yang dibuat oleh Anwar Ibrahim (ketika itu Menteri Pendidikan) untuk menyiasat tentang kes pembiayaan pembinaan rumahnya. Perkara ini timbul ekoran daripada tohmahan yang dibuat oleh pihak pembangkang ketika kempen pilihan raya Ampang Jaya dijalankan dahulu. Kesan daripada tindakan beliau itu menampakkan bahawa langkah itu sebenarnya telah menguatkan keyakinan rakyat bahawa jawatankuasa Kabinet yang diterajui benar-benar berhasrat untuk menyekat penyelewengan dan rasuah di semua peringkat.

Analisis mengenai peranan dan kepimpinan Dr. Mahathir untuk menebus maruah bangsa dan masyarakat Malaysia seluruhnya bukan terhenti di sini sahaja malah ia seperti air yang mengalir dan terus mengalir. Penulis mempelawa pembaca untuk terus menganalisis....

October 1993

**Abu Hassan Adam**

## MENGINGATI PERJUANGAN UMNO

...Selain Dr. Mahathir dan isterinya, Siti Hasmah dapat juga dilihat nama Aminuddin Baki, Raja Ahmad Nordin dan Abdullah Ayub yang bukan kecil peranan mereka dalam membangun dan menyuburkan kemerdekaan negara. Mungkin yang lain tidak begitu terkenal tetapi masyarakat akan menghargai jasa dan perjuangan mereka walaupun dilakukan dalam diam.

---

*Berita Minggu*, 14 Ogos 1983

RANCANGAN MALAYAN UNION adalah mungkin yang mempercepatkan penubuhan UMNO. Kalaupun tidak disebabkan ura-ura Kerajaan Inggeris mahu menubuhkan Malayan Union, UMNO tetap akan wujud kerana, pada masa itu, kesedaran orang Melayu telah sampai ke puncaknya untuk membebaskan tanah air ini daripada cengkaman penjajahan Inggeris.

Kegiatan gerakan nasionalis negara-negara jiran seperti Indonesia dan Filipina telah dapat mempengaruhi fikiran orang Melayu di Tanah Melayu supaya berjuang mendapatkan kembali hak dan kemerdekaan. Tambahan pula perjuangan Soekarno dan Parti Nasional Indonesia (PNI) telah meniti dari bibir ke bibir dan

perkembangannya sentiasa diikuti oleh pejuang-pejuang kebangsaan tanah air seperti penuntut-penuntut dari Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI). Walaupun semangat perjuangan telah sedia tersemam dalam tahun 1920-an dan 1930-an, namun tidak ada peristiwa yang benar-benar dapat dijadikan unsur yang boleh mempercepatkan proses mendapatkan kemerdekaan itu. Tegasnya, Tanah Melayu tidak mengalami peristiwa menyayat hati seperti yang berlaku di Filipina atau Indonesia. Di Filipina misalnya, tercetus peristiwa pembunuhan tiga orang paderi berbangsa Filipina di Cavite pada tahun 1972 yang ditembak mati oleh skuad penembak atas tuduhan menghasut rakyat supaya bangkit menentang pemerintahan Sepanyol. Kezaliman pemerintahan penjajah itu telah menimbulkan kemarahan rakyat. Maka lahirlah pemimpin-pemimpin seperti Jose Rizal, Mabini dan Aguinaldo. Pada tahun 1896, Jose Rizal yang dianggap wira bangsa Filipina juga dijatuhi hukuman tembak oleh skuad penembak. Kedua-dua peristiwa zalim itu telah membakar perasaan rakyat, lantas merintis jalan ke arah pencapaian kemerdekaan Filipina.

Di Tanah Melayu pula, rancangan Malayan Union yang diperkenalkan oleh Inggeris telah membawa rakyat merintis jalan ke arah kemerdekaan. Hasrat Inggeris itu benar-benar menyakiti hati orang Melayu. Bagi sesetengah ahli sejarah, pada saat-saat kemunculan Malayan Union itulah yang benar-benar dapat dikira sebagai kelahiran dan cetusan semangat kebangsaan orang Melayu. Bagi orang Melayu, nasionalisme ialah cetusan semangat perjuangan yang mula bertunas bukan disebabkan tertubuhnya Negeri-negeri Melayu Bersekutu atau Malayan Union, bahkan kelahirannya dikesan semenjak Perjanjian Pangkor ditandatangani

dan penjejakan kaki James Birch di Perak. Ataupun mungkin perjuangan ini mula muncul semenjak Kerajaan Melayu Melaka, apabila Hang Tuah pernah mengatakan, "Takkan Melayu hilang di dunia." Pertuturan sedemikian adalah pengucapan seorang pejuang bangsa.

Kelahiran UMNO dan kemunculan para pemimpinnya pada peringkat awal adalah kelahiran pejuang bangsa dalam bentuk yang lain dari zaman sebelumnya. Disebabkan pendidikan Barat atau pendidikan agama, mungkin telah menukarkan corak perjuangan orang Melayu dari menggunakan keris dan lembing kepada lidah dan pena. Peperangan menghadapi Malayan Union dianggap sebagai ujian bagi pejuang-pejuang bangsa menggunakan senjata lidah dan pena itu.

Hasrat untuk memperkenalkan Malayan Union timbul daripada keyakinan Inggeris bahawa mereka begitu berjaya mentadbir Tanah Melayu dengan cara pemerintahan tidak langsung dan ingin pula mencuba satu sistem yang lebih kemas (pada anggapan Inggeris), lebih formal dan lebih langsung. Lantas diwujudkan Malayan Union. Inggeris cuba meletakkan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu ke dalam satu pentadbiran bersama dengan Negeri-negeri Selat (tidak termasuk Singapura). Tujuan sebenar Inggeris bertindak demikian, masih lagi menjadi isu yang perlu dibincangkan dengan teliti. Tetapi hakikat yang nyata ialah kemunculan Malayan Union menjadi ancaman 'penghinaan' paling jelas kepada orang Melayu, khususnya Raja-raja Melayu. Hak dan kekuasaan Raja-raja Melayu dilenyapkan dan sebagai ganti, orang Melayu disuruh menumpahkan taat setia kepada Raja Inggeris.

Dari sinilah bertolaknya penentangan habis-habisan orang Melayu yang bersendikan prinsip,



langkah mayat aku dulu atau biar putih tulang jangan putih mata. Tentulah tidak seorang pun kaum Melayu rela melihat Raja dan bangsanya tercemar. Dengan pengumuman itu, orang Melayu sanggup melupakan sikap kenegerian mereka. Mereka mengetepikan dari negeri mana mereka datang. Yang penting berjuang untuk menegakkan maruah bangsa. Inggeris kebingungan melihatkan perkembangan itu kerana ia tidak pernah menduga akan menerima penentangan sedemikian hebat. Mungkin Inggeris memikirkan segala tindak-tanduk mereka tidak dapat dimengertikan oleh orang Melayu. Dan walaupun ada bangkangan nanti, Inggeris yakin dapat menenteramkannya.

Lagipun, Inggeris sedar golongan Melayu yang berpendidikan Inggeris telah khayal dengan beberapa layanan istimewa yang diberi. Ada antara mereka sanggup melupakan perjuangan bangsa setelah berkahwin dengan orang putih. Mujurlah masih ada orang Melayu berpendidikan Barat dan beberapa tokoh yang masih ingat dan sayangkan bangsanya, ingin terus berjuang untuk menegakkan maruah bangsa. Walaupun sebilangan penuntut yang mendapat pendidikan dari MPSI bersemangat perjuangan tetapi mereka masih memerlukan pemimpin yang benar-benar dapat menyatukan seluruh bangsa Melayu. Walaupun kepemimpinan seperti Ibrahim Yaakub dan Hassan Manan hampir berjaya menyatukan orang Melayu, namun kemunculan Dato' Onn Jaafar telah menampilkan belangnya sebagai pemimpin ulung bangsa Melayu.

Sebenarnya, Malayan Union bukan sahaja ditentang oleh orang Melayu tetapi juga dikritik oleh pegawai Inggeris yang pernah bertugas di Tanah Melayu. R.O. Winstedt di dalam bukunya, *Malay and Its History*

membuat ulasan yang menarik mengenai cadangan penubuhan Malayan Union. Katanya:

...bukan sahaja dia tidak menunjukkan perasaan timbang rasa (yang sepatutnya) kepada rakyat yang tertekan, Whitehall sebaliknya telah 'merempuh' masuk ke Tanah Melayu (yang baru saja pulih) dengan cara yang sama sepertimana dilakukan oleh James Birch 'melanggar' Perak dalam tahun 1874... langkah yang diambil itu terlalu tergesa-gesa....

Seolah-olah Windstedt mengakui bahawa penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union adalah sama dengan penentangan yang dilancarkan oleh Dato' Maharaja Lela terhadap James Birch. Kedua-dua tindakan Inggeris itu membayangkan kesilapan Inggeris yang mengakibatkan kehancurannya. Whitehall mempunyai pandangan yang tersendiri ke arah pembentukan Malayan Union. Pengalaman Belgium, Holland, Denmark dan Norway dalam usaha mereka menentang Jepun telah dijadikan asas hujah ke arah pembentukan Malayan Union. Inggeris berpendapat kewujudan sebuah Kerajaan yang bersatu dan kukuh di Tanah Melayu adalah perlu untuk menentang Jepun. Tambahan pula Inggeris berpendapat orang Melayu menjalinkan hubungan kerja sama dengan Jepun untuk menentang Inggeris.

Sehubungan pembentukan Malayan Union ini, Pejabat Tanah Jajahan di London mengeluarkan arahan dalam tahun 1933, mengenai pandangan dan prinsip yang harus diikuti oleh pegawai-pegawai Inggeris:

...adalah jelas bahawa bagi pengekaln kedudukan, kewibawaan dan maruah Raja-raja Melayu seharusnya dijadikan petunjuk dalam menentukan dasar Inggeris....

Tindakan yang bertentangan dengan arahan inilah menyebabkan timbulnya kemarahan orang Melayu. Bukan itu saja, tindakan Inggeris yang cuba memperbodoh-bodohkan Raja Melayu dengan memberikan masa yang singkat untuk menandatangani perjanjian persetujuan boleh menyebabkan jatuh banggunya maruah bangsa. Ada syarat-syarat dalam perjanjian itu bertujuan mengurangkan dan melemahkan kedudukan Raja-raja Melayu. Misalnya, segala perlantikan pembesar ke Dewan Negeri mestilah ditandatangani oleh Raja England. Sepatutnya, hal itu adalah di dalam bidang kuasa Raja Melayu.

Dato' Onn Jaafar menentang segala dasar dalam Malayan Union melalui UMNO. Disebabkan kepemimpinannya, orang Melayu berdiri teguh bersamanya. Kesannya, Inggeris terpaksa mengalah dengan rancangan Malayan Unionnya itu. Namun demikian, Malayan Union muncul juga dengan memakai 'baju baru' dan nama baru iaitu Persekutuan Tanah Melayu. Pengenalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dengan konsep *jus soli* menjadi semacam pelarian orang Melayu dari mulut harimau masuk ke mulut buaya. Inggeris tidak habis-habis berusaha menyakiti hati orang Melayu. Inggeris mengambil langkah demikian, kononnya untuk mengelakkan perbalahan antara kaum – Melayu, Cina dan India – yang mungkin berlaku. Hujah ini didasarkan kepada beberapa peristiwa yang telah dan sedang berlaku di dunia pada ketika itu. Misalnya, pertempuran antara kaum di India dan antara bangsa Arab dengan Yahudi di Palestin. Peristiwa ini dijadikan asas dan dalih Inggeris untuk meyakinkan orang Melayu tentang perlunya diperkenalkan konsep *jus soli*. Sayangnya Inggeris tidak mahu mendedahkan sikap sebenar dasar itu

diperkenalkan. Ramai yang menyedari Inggeris tidak mahu bertanggungjawab terhadap golongan imigran yang dibawa masuk beramai-ramai ke negara ini. Dahulu, ketika mereka diperlukan bekerja di lombong bijih dan ladang getah, Inggeris memberikan layanan yang istimewa. Apabila sampai masanya tenaga mereka tidak diperlukan lagi, Inggeris mencari jalan meninggalkan mereka. Segala beban untuk menyelesaikan masalah itu diletakkan di atas bahu orang Melayu. Justeru itulah UMNO bertindak menentanginya habis-habisan.

Dalam persidangan yang diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, dari 20 hingga 21 Mei 1950, isu *jus soli* hangat dibincangkan dan tidak seorang pun perwakilan UMNO menyokong taraf kerakyatan *jus soli*. Tegasnya, semua tidak rela menerima konsep *jus soli*. Berdasarkan buku *25 Tahun Merdeka* karya Tan Sri Abdul Samad Idris diterangkan bahawa antara yang menentang konsep *jus soli* ialah sekumpulan penuntut Melayu dari Universiti Malaya, Singapura. Antaranya termasuklah Mahathir bin Mohamad dan Siti Hasmah binti Muhammad Ali.

Penuntut-penuntut lain yang turut menandatangani memorandum bertarikh 16 Mei 1950 itu ialah Abdullah Ayub, Aminuddin Baki, Abdul Rahman Jalal, Hamzah Sendut, Ariffin Marzuki, Zaharah Mokhtar dan Raja Ahmad Nordin. Antara lain memorandum itu berbunyi:

Kami yang bertandatangani di dalam memorandum ini adalah penuntut-penuntut dan dengan keadaan demikian fikiran dan pandangan kami mestilah bersifat maju dan luas. Tapi setelah menimbang dengan sehalus-halusnya tentang betapa buruknya keadaan sekarang kami merasa bahawa kami tidak dapat mengorbankan apa jua 'hak istimewa' yang sedikit yang tidak dijangka memperolehnya bagi faedah kemajuan.

Di sini jelas menunjukkan bahawa penuntut-penuntut juga memainkan peranan menyuarakan isi hati mereka terhadap segala perkembangan di tanah air. Kebanyakan mereka yang menandatangani memorandum itu ialah golongan nasionalis, yang kini menjadi pemimpin di negara ini. Selain Dr. Mahathir dan isterinya, Siti Hasmah, dapat juga dilihat nama Aminuddin Baki, Raja Ahmad Nordin dan Abdullah Ayub yang bukan kecil peranan mereka dalam membangun dan menyuburkan kemerdekaan negara. Mungkin yang lain tidak begitu terkenal tetapi masyarakat akan menghargai jasa dan perjuangan mereka walaupun dilakukan dalam diam-diam.

Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa dengan perpaduan yang dibina dan dipupuk di dalam UMNO, orang Melayu dapat menumpaskan cadangan Malayan Union dan apabila konsep *jus soli* diperkenalkan, orang Melayu sekali lagi bersatu untuk menggegarkannya. Semangat dan perjuangan orang Melayu terus bersemarak dari satu tahap ke satu tahap sehinggalah tercapai kemerdekaan. Kini, tugas nasionalis sekarang pula untuk menilai dan mengukuhkan kemerdekaan yang telah dicapai. Semoga berjaya, insya-Allah.

# INGGERIS MENCABULI HAK ORANG MELAYU

Mereka mungkin tidak tahu atau sengaja tidak mahu tahu bahawa orang Melayu mempunyai sistem politik yang sungguh teratur dalam zaman Kerajaan Melayu Melaka yang berlanjutan sedari zaman-berzaman hinggalah ke hari ini, Sistem Beraja masih tetap dipertahankan dan diamalkan di Malaysia.

Sekiranya England bukan sebuah negara beraja, kemungkinan besar apabila Inggeris singgah sebentar di negara kita, mereka akan menafikan dan mencemuh konsep Raja dan Kerajaan negara ini.

---

*Berita Minggu*, 19 September 1982

RENCANA 'MERDEKA SEPANJANG AHAD' dalam *Berita Minggu*, 25 Ogos lalu amat mencabar dan boleh disifatkan sebagai pembuka mata. Sesuai benar tulisan Profesor Madya Zainal Kling itu muncul dalam saat-saat negara kita menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-25. Bagi orang Melayu yang mengenang nasib bangsanya yang sentiasa ditindas, terutama apabila mengenangkan nasib datuk neneknya di bawah naungan pentadbiran Inggeris dahulu, rencana ini amat mengharukan. Terharu dalam erti kata apabila membaca

tentang kenyataan, "Kita telah alpa pada saat-saat itu, dengan membuat kesalahan terhadap kedudukan sebagai tanah jajahan." Pada hal dari segi martabat pada masa itu, kita sebenarnya tidak berhadapan dengan Kerajaan Kolonial. Pada saat itu, kita sebenarnya tidak terjajah tetapi seperti yang ditakrifkan oleh Swettenham pada tahun 1895:

Signing the Federation Agreement of 1895, the rulers would not in the slightest degree diminishing the power and privileges which they now possess nor be countailing the right of self government which they at present enjoy.

Dilihat pula fasal-fasal Perjanjian Persekutuan 1948 (perjanjian ini ditandatangani setelah orang Melayu berjaya menggagalkan rancangan Malayan Union tajaan Inggeris yang antara lain, bertujuan mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu), kedudukan Sultan dan Raja-raja Melayu masih tidak terjejas. Dinyatakan juga Sultan dan Raja-raja Melayu diberikan semula hak utama kuasa dan bidang kuasa ke atas negeri mereka masing-masing seperti zaman sebelum perang. Orang Melayu juga 'diasuh' agar meyakini bahawa sebaik sahaja Perjanjian Pangkor 1874 ditandatangani, seolah-olah Sultan dan Raja Melayu kehilangan kuasa. Kita juga alpa dengan hakikat kehadiran Residen di negeri-negeri Melayu - Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang - hanyalah sebagai Penasihat kepada Sultan tetapi tidak semua nasihatnya mesti diikuti. Ini dijelaskan dalam Perjanjian Pangkor.

Cuma sejarawan Barat terlalu menonjol-nonjolkan bahawa segala kejayaan yang dicapai di negeri-negeri Melayu adalah hasil pemikiran Residen, seolah-olah membayangkan Residen itu pemerintah sebenar. Meng-

ikut Profesor Khoo Kay Kim, masyarakat Malaysia sentiasa dikelirukan oleh ahli sejarah yang tidak bertanggungjawab, dengan mengatakan tahun 1874 sebagai titik tolak dalam menentukan kemajuan orang Melayu.

Pensejarahan Malaysia sentiasa mengambil tahun itu sebagai garis pemisah antara zaman yang disifatkan orang Melayu masih mundur dengan zaman moden orang Melayu. Kesan yang timbul daripada anggapan ini, amat buruk dan memalukan. Tentulah bagi orang Barat yang tidak mengerti sejarah Malaysia atau lebih tepat lagi, sejarah orang Melayu akan mengatakan orang Melayu tidak tahu mentadbir negeri. Memang lumrah sekali ahli sejarah Barat menyifatkan negeri-negeri Melayu sentiasa, 'dalam keadaan anarki atau huru-hara'. Dikatakan juga sistem politik negeri-negeri Melayu tidak teratur dan tidak ada peraturan pentadbiran yang boleh dijadikan panduan. Mereka mungkin tidak tahu atau sengaja tidak mahu tahu bahawa orang Melayu mempunyai sistem politik yang sungguh teratur dalam zaman Kerajaan Melayu Melaka yang berlanjutan sedari zaman-berzaman hinggalah ke hari ini, Sistem Beraja masih tetap dipertahankan dan diamalkan di Malaysia. Untuk penjelasan mengenai sistem politik dan pentadbiran pada zaman Kerajaan Melayu Melaka, Alfonso d'Albuquerque menyatakan:

There used to be in Malacca five principle dignities. The first is Paduca Raja who signifies viceroy and after the king, this one is the greatest. The second is Bendahara, governs the Kingdom. Sometimes Bendahara holds both the office of Paduca Raja and Bendahara for two separate persons in there two office never well together.



Walaupun penerangan mengenai Bendahara tidak begitu jelas, sekurang-kurangnya dapat membuktikan yang jawatan-jawatan seperti Bendahara, Penghulu Bendahari, Syahbandar dan seumpamanya telah wujud dalam Kerajaan Melayu. Bukan setakat itu sahaja, malah pakaian pembesar-pembesar Melayu juga menampakkan taraf dan status mereka di mata masyarakat. Misalnya, buku *Sejarah Melayu* menjelaskan tentang pakaian Bendahara:

...baju sakhlut dan kami dengan selengkapnya. Tetapi Penghulu Bendahari dan Temenggung dan para Menteri tiada berkebah akan Bendahara berkebah dan buli-buli dakwat.

Berdasarkan hakikat itu, memang tidak patut kita mengambil tahun 1874 sebagai tahun penentuan. Profesor Khoo Kay Kim mengemukakan hujah yang sangat menarik dalam rencananya, 'Malay Society, 1874-1920' di dalam *Journal of South East Asian Studies*, September 1974. Beliau menyatakan:

Admittedly the year 1874 is significant in Malaysian history but it was hardly the beginning of every aspect of development or change in the Malay Peninsular... yet the introduction of bureaucratic form of administration in Johor, actually antedated 1874. However little has been said about this because it is simply assumed that anything 'modern' must have been introduced by the British administrations.

Kita juga alpa, jika dibandingkan pentadbiran Inggeris pada zaman yang sama, pentadbiran yang dijalankan oleh orang Melayu menunjukkan kecekapan yang jauh lebih baik daripada Inggeris. Profesor Khoo menghujah:

The bureaucratic transition in Johor is, in many ways also more interesting for the simple reason that the person charged with the task of laying the foundation of the new administrative machinery were local people. By the time Johor was compelled to accept a British Adviser, in the course of world war I, the local administrations of Johor had achieved more for their own state than all the British administrations could do in Pahang since 1888.

Ahli sejarah Barat seharusnya berterus-terang mendedahkan kelemahan Inggeris mentadbir Pahang. Melihat negerinya yang besar sahaja, Inggeris mula tamak dan cuba mencampuri hal-ehwal Pahang. Disebabkan ketidakcekapan mentadbir, Inggeris tidak berdaya meneruskan pentadbiran negeri itu. Sudah pasti Inggeris malu melepaskan Pahang begitu sahaja. Sebenarnya, Inggeris dalam dilema. Hendak dilepaskan, menyentuh maruah bangsa mereka. Dengan demikian, Inggeris terpaksa mencari jalan untuk menyelesaikan masalah itu – melalui tipu helah lalu mengesyorkan penubuhan Kesatuan Negeri-negeri Melayu – Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Inggeris menyatakan penubuhan Persekutuan adalah untuk menyelaraskan pentadbiran keempat-empat negeri itu. Kononnya dengan penyatuan itu, Inggeris dapat menyalurkan bantuan teknikal dan kesihatan di keempat-empat negeri. Dan pelbagai alasan lagi ditabur untuk mengabui mata orang Melayu. Hakikat sebenar gabungan itu ialah untuk menyelamatkan pentadbiran Inggeris di Pahang. Adanya Persekutuan, dapat membantu menyelenggarakan perbelanjaan pentadbiran Pahang dengan bantuan negeri kaya seperti Perak dan Selangor. Dengan itu, maruah dan air muka Inggeris dapat diselamatkan.

Berkaitan dengan tindak-tanduk Inggeris yang sentiasa berbolak-balik, elok juga didedahkan tentang taktik dan strategi Inggeris menjelang Perjanjian Pangkor 1874. Diperhatikan sepintas lalu, dapat disimpulkan bahawa Inggeris mahu dianggap sebagai wira apabila mereka mencampuri hal-ehwal negeri-negeri Melayu. Kononnya orang Inggerislah yang sentiasa mengambil berat hal-ehwal orang Melayu. Andrew Clarke yang menjadi Gabenor Negeri-negeri Selat, pernah menulis pada 20 September 1873:

Her Majesty's Government have, if need hardly he said, no desire to interfere in the internal affairs of Malay states. But looking to the long and intimate connection between them and the British Government, and to the well being of British settlements, Her Majesties government found it incumbent upon them to employ such influence as they possess with the native princess to rescue if possible those fertile and productive countries from the ruins which must be fall them if the present disorders continued unchecked.

Jikalau tulisan Andrew Clarke menggambarkan seolah-olah Inggeris bangsa yang sangat tinggi kemanusiaannya, surat arahan Lord Kimberley kepada Andrew Clarke pula menampakkan tujuan sebenar campur tangan Inggeris. Antara lain, dia menyatakan yang negeri-negeri Melayu dalam keadaan runcing, kacau-bilau dan pentadbirannya kucar-kacir. Dia bimbang, kalau keadaan ini berterusan, ia akan menjejaskan perdagangan bijih timah. Saudagar-saudagar Eropah dan China yang menanam modal dalam perusahaan perlombongan mencadangkan kepada pembesar-pembesar negeri agar memohon bantuan orang-orang Eropah untuk mengamankan keadaan.

Lord Kimberley juga menyatakan kebimbangan Inggeris tentang kegiatan kuasa Eropah lain yang berada di sekitar kepulauan Asia Tenggara. Kebimbangannya ialah takutkan kuasa-kuasa itu mencampuri hal-ehwal negeri-negeri Melayu. Walaupun hasrat campur tangan itu seolah-olah Inggeris takutkan kuasa asing, namun matlamat akhirnya ialah mengambil alih negeri-negeri Melayu untuk kepentingan ekonomi Inggeris iaitu Inggeris memerlukan kawasan perdagangan yang aman bagi memudahkannya berdagang dengan China.

Kebimbangan Inggeris akan kehadiran kuasa Eropah yang lain ialah Belanda yang pada ketika itu sedang rancak menindas rakyat Indonesia, khususnya orang Jawa. Begitu juga Perancis di Vietnam. Mengikut Wilfred Blythe, orang Cina tidak kurang memainkan peranan menggalakkan campur tangan Inggeris di negeri-negeri Melayu. Dalam bulan Mei 1873, memorandum yang ditandatangani oleh 248 orang saudagar China dari Negeri-negeri Selat dibentangkan di dalam Dewan Perundangan yang bersungut tentang kacau-bilau di negeri-negeri Melayu. Mengikut memorandum itu, hampir seluruh negeri Melayu Pantai Barat dalam keadaan kacau-bilau hingga mengakibatkan terhentinya kegiatan perdagangan.

Kesimpulannya, walau apa pun alasan yang dikemukakan oleh Inggeris untuk campur tangan di negeri-negeri Melayu, orang Melayulah yang menjadi mangsanya. Demi kepentingan memenuhi hasrat Inggeris untuk menonjolkan dirinya sebagai negara atau bangsa yang agung, dipandang mulia di mata dunia, maka negeri-negeri Melayu dan orang Melayu tergadai. Di atas penodaan sistem politik orang Melayu, di atas pencemaran adat resam orang Melayu dan di atas kehan-

curan sistem ekonomi orang Melayu, Inggeris mewujudkan sistem pentadbiran Barat untuk disogokkan kepada orang Melayu dan mengiakan bahawa inilah sebenarnya sistem pentadbiran yang baik.

Sepanjang pentadbirannya di negeri-negeri Melayu, Inggeris seolah-olah menafikan kewujudan sistem politik yang stabil di bawah pimpinan orang Melayu. Cuma, Inggeris tidak berani menafikan kewujudan Raja-raja Melayu yang menjadi pemerintah. Ini mungkin disebabkan Inggeris juga mempunyai Raja. Sekiranya England bukan sebuah negara beraja, kemungkinan besar apabila Inggeris singgah sebentar di negara kita, mereka akan menafikan dan mencemuh konsep Raja dan Kerajaan negara ini.

## WANITA UMNO HARUS MELANGKAH LEBIH JAUH

Soal siapa yang menjalankan atau yang menjadi teraju memimpin sesuatu pertubuhan itu, tidak penting. Tetapi soalan yang harus dijawab ialah bagaimana nanti seseorang menjalankan tugasnya memimpin cawangan UMNO yang penting itu....

..Jika hendak berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lelaki, pemimpin wanita hendaklah sanggup 'berkokok' dan 'berketak' bukan sahaja di negara sendiri malah walau di mana sekalipun....

---

*Berita Minggu*, 13 Ogos 1982

BERBANDING DENGAN PRESTASI yang ditunjukkan oleh wanita di negara-negara lain, masih ada ruang yang perlu dilakukan oleh wanita di negara kita. Ini tidaklah bermakna apa yang dilakukan oleh kaum wanita negara kita kini, tidak berfaedah dan tidak perlu mendapat perhatian. Oleh kerana masyarakat dunia sedang berkembang dalam beberapa aspek, wanita kita juga perlu turut sama mengikut rentak dan tempo itu. Perayaan Hari Wanita baru sahaja berlangsung dan Persidangan Agung UMNO pula akan menjelang. Pemilihan Ketua Pergerakan Wanita UMNO akan ditentukan. Soal siapa menang dalam pemilihan itu nanti bukan menjadi tumpuan ren-

cana ini, walaupun pada kebanyakan ahli wanita khususnya dan ahli UMNO umumnya, perkara itu adalah perkara utama.

Soal siapa yang menjalankan atau yang menjadi teraju memimpin sesuatu pertubuhan itu, tidak penting. Tetapi soalan yang harus dijawab ialah bagaimana nanti seseorang menjalankan tugasnya memimpin cawangan UMNO yang penting itu. Di tempat-tempat tertentu, wanita negara ini perlu melihat dan mendongak tentang apa yang telah dilakukan oleh wanita dari negara lain. Kehebatan Puan Indira Gandhi yang sekian lama memimpin negara India, patut dicontohi. Bukan setakat kejayaannya menewaskan kaum lelaki untuk merebut jawatan Perdana Menteri, tetapi falsafah dan prinsip pengangannya mengendalikannya ratusan juta rakyat India.

Kita juga ingin melihat wakil wanita kita dapat memainkan peranan seperti yang dilakukan oleh Puan Marcos, misalnya. Beliau bukan sahaja berkokok di negaranya tetapi mendapat perhatian daripada wakil-wakil asing apabila berucap di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Rakyat Filipina begitu yakin melepaskannya untuk mewakili mereka dalam persidangan di luar negara. Setakat ini banyak perkara besar telah dilakukannya. Beliau pernah berunding dengan Muammar Gaddafi dari Libya mengenai masalah pemberontakan golongan Islam pimpinan Nur Misuari, di selatan. Beliau berjaya mendapatkan jumlah pinjaman yang besar dari negara-negara Arab bagi membiayai beberapa projek di negaranya.

Mungkin ada yang menyebut, kejayaan Puan Marcos disebabkan kedudukannya sebagai isteri Presiden Marcos. Itu memang tidak dapat dinafikan. Tetapi dalam menjalankan sesuatu urusan negara yang melibatkan

hubungan diplomatik, Presiden lebih yakin terhadap kewibawaan isterinya untuk mengendalikan misi tersebut. Sekiranya sesuatu kejayaan seseorang itu dikaitkan dengan kaliber suaminya, lambat-laun akan luntur juga. Tetapi berlainan halnya dengan Puan Marcos.

Peranan pemimpin wanita di negara kita juga tidak harus diperkecilkan. Kita tidak harus melupakan jasa Tan Sri Fatimah Hashim, Aishah Ghani, Zaleha Ismail, Rafidah Aziz, Rahmah Othman dan seumpamanya, yang telah banyak dan akan terus berjasa pada negara. Dan kebetulan pula, kecuali Tan Sri Fatimah, keempat-empat nama yang disenaraikan itu akan bertanding merebut jawatan Ketua dan Timbalan Ketua Pergerakan Wanita UMNO. Pada hemat kita, siapa yang terpilih nanti tentunya akan menghadapi era pimpinan yang penuh cabaran. Ini didasarkan pada corak pentadbiran 2M yang jauh berlainan rentak dan temponya daripada pemimpin-pemimpin yang lampau.

Dapatkah pemimpin-pemimpin yang dilantik nanti berlari bersama pemimpin 2M? Tentunya Dr. Mahathir tidak mahu pemimpin yang lembap dan tidak berdaya membuat sesuatu perubahan yang radikal. Tidak dapat dinafikan kebanyakan syor Raden Adjeng Kartini telah banyak dilakukan oleh wanita kita. Dan untuk memasuki era yang akan datang, tidak perlu lagi, agaknya, kita sentiasa melaungkan nama Adjeng Kartini walaupun jasa dan bakti Kartini tidak dilupakan dan sentiasa terpendam di hati dan sanubari kita. Mungkin kalau Kartini masih hidup pun, perjuangannya tentulah selaras dengan Margaret Thatcher atau Indira Gandhi atau Puan Marcos dan pemimpin-pemimpin wanita lain di dunia.

Kegiatan peringkat awal kaum Ibu UMNO di Tanah Melayu ialah dalam bidang sosial dan kebajikan seperti



yang dilakukan oleh Kartini di Indonesia. Oleh kerana kebanyakan tindak-tanduk rakyat negara ini banyak dipengaruhi daripada saudara tuanya dari Indonesia, kemungkinan besar pengaruh Kartini juga telah meresap ke Tanah Melayu. Jikalau Kartini sering mengecam adat kahwin paksa di Indonesia, maka dalam Persidangan UMNO di Johor Bahru pada September 1947, para perwakilan wanitanya ada juga menyentuh tentang soal anak gadis yang dikahwin paksa dengan lelaki tua.

Raden Adjeng Kartini sering membangkitkan tentang soal pelajaran putera bumi Indonesia (Jawa) yang ketinggalan dalam penjajahan Belanda. Dengan demikian, Kartini mahu pendidikan orang Jawa, terutama anak-anak gadisnya tidak diabaikan. Bagaimanapun, kata Kartini:

Bukanlah sekali-kali maksud kami untuk cuba-cuba membikin mereka itu menjadi orang Jawa Eropah dengan memberikan pendidikan liberal itu; tujuan kami adalah untuk mengembangkan nilai-nilai halus yang ada pada mereka dan dengan menghubungkan mereka dengan kebudayaan lain itu, kami ingin membantu mereka untuk lebih memperhalus lagi nilai-nilai kebudayaan mereka sendiri, bukan untuk membuangnya.

Sehubungan ini, di negara kita timbul sedikit kekelamkabutan dalam soal perjuangan kaum wanita. Disebabkan terlampau kuat dipengaruhi Barat, wanita kita juga terikut-ikut dengan idea Gerakan Pembebasan Wanita (*Women's Lib*) di Barat tanpa mempersoalkan kewajaran dan kesesuaiannya dengan iklim sosial negara kita. Seperkara yang kurang disenangi ialah Barat telah dijadikan contoh untuk diikuti tanpa mempersoalkan langsung nilai-nilai Islam yang seharusnya turut

dipertimbangkan. Sesuai dengan dasar pentadbiran 2M yang dalam banyak hal, berdasarkan kepada prinsip-prinsip Islam, maka sudah sewajarnya bakal Ketua Wanita mengikuti arus ini dan tidak seperti zaman lampau, walaupun unsur Islam itu ada, tetapi tidak dititikberatkan.

Sekiranya ditakdirkan pucuk pimpinan Pemuda UMNO berpindah kepada tokoh-tokoh yang kuat berpegang kepada prinsip-prinsip Islam, maka pimpinan Wanita UMNO juga harus sanggup jalan seiring. Pergerakan Wanita UMNO bukan tidak pernah memberikan penumpuan khusus kepada hal-hal yang berkaitan dengan Islam. Pernah terjadi dalam persidangan di Arau, Perlis dan Alor Setar, usul mencadangkan agar anak perempuan Melayu (Islam) yang berkelulusan agama dihantar ke Mesir untuk melanjutkan pelajarannya dalam bidang agama.

Sesuai pada masa kita menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-25, molek rasanya disorot kembali sejarah penubuhan Wanita UMNO. Ahli-ahli Wanita UMNO khususnya, tidaklah mudah melupakan jasa tokoh-tokoh pengasas pertubuhan ini.

Usaha untuk menubuhkan Pergerakan Kaum Ibu UMNO (nama asal Wanita UMNO) telah disuarakan oleh tiga wakil dalam Persidangan UMNO 1946. Mereka ialah Datin Puteh Mariah (wakil Perikatan Melayu Perak), Puan Zainab Abdul Rahman (wakil Persatuan Melayu Seberang Prai) dan Puan Saleha Ali (Persatuan Melayu Selangor). Tujuan asal penubuhan adalah untuk Pertubuhan UMNO mendapat sokongan penuh masyarakat Melayu.

Sebagaimana termaklum, tahun 1946 adalah tahun yang penuh cabaran bagi orang Melayu, tahun yang

menentukan jatuh bangunnya orang Melayu. Pada tahun itulah munculnya cadangan Malayan Union Inggeris yang bertujuan untuk mengurangkan kuasa Rajaraja Melayu dan seolah-olah mahu menafikan yang Tanah Melayu ini kepunyaan Melayu, di samping menganggap bangsa asing juga diberi hak kerakyatan yang sama. Pada ketika itulah muncul Dato' Onn Jaafar, dengan beraninya menentang penubuhan Malayan Union melalui Pertubuhan UMNO. Dengan semangat waja yang ada pada ahli UMNO ketika itu maka Inggeris 'menyerah kalah' dan menarik kembali cadangan Malayan Unionnya.

Dan atas dasar untuk berganding bahu dengan kaum lelaki menyebabkan kaum wanita ingin menubuhkan pertubuhan yang berasingan tetapi bergabung dalam UMNO. Secara rasmi, Pergerakan Kaum Ibu UMNO mula ditubuhkan pada awal tahun 1947, dengan nama Jabatan Kaum Ibu. Tetapi nama ini ditukarkan kepada Pergerakan Kaum Ibu, pada 25 Ogos 1949. Mungkin atas sebab itulah Wanita UMNO merayakan Hari Wanitanya pada 25 Ogos. Seperti juga negara-negara Asia Tenggara yang lain, Pergerakan Wanita di Tanah Melayu juga mengalami beberapa masalah kekurangan pemimpin wanita yang dianggap terpelajar. Kebanyakan pemimpin wanita, pada ketika itu berkelulusan sekolah rendah sahaja. Dan tidaklah seperti hari ini, ada wanita yang berjaya mencapai kelulusan tinggi.

Di samping itu, jasa pemimpin-pemimpin lampau tidak harus dilupakan. Negara turut berbangga dengan sumbangan Allahyarhamah Azizah Jaafar dan Hajah Zainon Sulaiman yang menjadi Ahli Majlis Mesyuarat apabila Persekutuan ditubuhkan pada tahun 1948.

Begitu juga Datin Puteh Mariah yang pernah menjadi wakil di Persidangan Raja-raja Melayu, 1948 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perlembagaan, 1947.

Menyentuh mengenai penglibatan wanita desa dalam Pertubuhan Wanita UMNO sehingga tahun 1957, dapat dikatakan sambutan dari desa agak pasif. Ada beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya keadaan ini. Antaranya ialah kekurangan ilmu pengetahuan. Hal ini telah menimbulkan perasaan rendah diri di kalangan mereka, segan bergaul mesra dengan golongan terpelajar yang biasanya dari bandar. Di samping itu, adat juga menjadi faktor yang mengongkong dan menyekat penglibatan wanita desa untuk bergerak aktif dalam pertubuhan wanita.

Tetapi mengikut satu sumber, sambutan wanita luar bandar mula bertambah baik selepas tahun 1950-an. Hal ini ada kaitannya dengan usaha pemimpin wanita yang agak serius menjemput wanita desa bergerak secara aktif. Tambahan pula, pada ketika itu, negara akan mengadakan Pilihan Raya 1957. Jika keadaan pada masa itu diambil sebagai contoh dan dibandingkan pula dengan Wanita UMNO sekarang, apakah nampak kemajuan dan perubahan yang besar? Apakah kehadiran wanita yang begitu ramai dalam setiap kali Persidangan UMNO memberikan kesan padu pada perjuangan mereka? Soalan ini mungkin sukar dijawab.

Tetapi sukar dinafikan bahawa kehadiran wanita ke Persidangan UMNO semacam lawatan tahunan ke Kuala Lumpur (begitu jugalah, agaknya bagi sesetengah ahli UMNO yang lain). Mungkin ada yang datang melawat Muzium Negara, Taman Titiwangsa atau Zoo Negara. Kalau begitulah tujuan wanita mahupun wakil Pemudanya datang ke persidangan yang penuh ber-

makna ini, maka dapat disimpulkan bahawa mentaliti kaum wanita kita tidak banyak berubah dari dahulu lagi. Pernah dalam perjumpaan persidangan pada tahun 1975, mesyuarat agak kelam-kabut sedikit disebabkan ramai ahli yang mengalihkan tumpuan perhatian daripada membincangkan usul penting kepada melihat dan menjengah wajah Muhammad Ali (ketika itu mengadakan pertarungan tinju di Kuala Lumpur).

Pergerakan Wanita UMNO menganggap pergerakan mereka pertubuhan yang matang. Kematangan sesuatu pertubuhan diukur daripada tindakan dan program konkrit yang dijalankan. Jika hendak berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lelaki, pemimpin wanita hendaklah sanggup 'berkokok' dan 'berketak' bukan sahaja di negara sendiri malah walau di mana sekalipun. Dalam dunia yang kebanyakan tindak-tanduk manusia memerlukan otak dan fikiran pemimpin wanita juga seharusnya bergerak ke arah yang sama. Perhimpunan UMNO kali ini dianggap sangat penting kerana pemilihan Ketua Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita. Penting di sini bermaksud para ahli yang hadir terpaksa membuat keputusan yang sungguh kritikal kerana dalam pimpinan 2M ini, negara sedang bergerak maju dan mendapat perhatian dunia. Jikalau pemimpin Pemuda boleh bergerak seperti 2M dan beriring pula dengan pemimpin Wanitanya yang berkebolehan dan berkaliber, maka kita tidak dapat membayangkan bagaimana rupa negara kita pada masa hadapan. Yang pastinya, rakyat tidak pernah lupa pepatah, 'Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara'. Dan kata-kata hikmah orang Melayu yang kononnya, dijelaskan oleh Hang Tuah, "Takkan Melayu hilang di dunia."

## PEMUDA TUNTUT CARCOSA DIKEMBALIKAN

Dengan itu, jikalau Pemuda UMNO terus memperjuangkan untuk mendapatkan kembali Carcosa bererti Pemuda UMNO memperjuangkan hasrat Duli-duli Yang Mulia yang terputus di tengah jalan. Pemuda UMNO bukan sahaja akan mendapat sokongan penuh daripada rakyat jelata tetapi juga daripada Duli-duli Yang Mulia Sultan. Sekiranya Sultan-sultan dan Perdana Menteri berdiri teguh di belakang Pemuda UMNO, nescaya segala usaha akan tercapai.

---

*Berita Harian*, 21 April 1984

TIDAK PERLULAH DITERANGKAN bagaimana bangunan Carcosa mendapat namanya. Yang harus dipersoalkan sekarang ialah bangunan Carcosa telah menjadi perdebatan di kalangan rakyat Malaysia, ekoran desakan Anwar Ibrahim, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Sebelum ini, ramai yang tidak tahu tentang kewujudan sebuah bangunan peninggalan Inggeris yang terus dimiliki sehingga ke saat ini. Bukan sahaja sekadar bangunan tetapi nilainya seluas empat ekar juga telah 'dihadiahkan' kepada Inggeris.

Mengikut Lady Ruth Hawley, Tunku Abdul Rahman bertanggungjawab menghadiahkan bangunan Carcosa

dan kawasan di sekitarnya kepada Kerajaan Inggeris pada bulan September 1956 ketika beliau menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Ketetapan penyerahan itu telah dikemukakan oleh Tunku di Mesyuarat Majlis Undangan Persekutuan. Tunku menghadihkan Carcosa sebagai lambang persahabatan dan silaturahim antara rakyat British dan negara ini. Yang penting bagi Tunku sebagai mengenang jasa Inggeris.

Mungkin ramai yang agak keliru memikirkan tentang jasa dan sumbangan yang diberikan oleh Inggeris kepada kita. Mungkin disebabkan perkataan 'jasa' dan 'sumbangan' itu sangat subjektif sifatnya, maka terlalu sukar untuk ditakrifkan. Bagaimanapun, tentu ramai bersetuju jika dikatakan segala 'jasa' dan 'bakti' Inggeris telah kita 'bayar' dengan harga yang berlipat ganda. Dibandingkan dengan pendapatan hasil mahsul negara kita, tidak perlu lagi diberikan sebarang hadiah. Apakah yang telah ditinggalkannya kepada kita? Inggeris terlalu baik hati meninggalkan kepada kita lombong-lombong tinggal dengan air yang kebiruan dan sesuai untuk tempat lepak dan menungan anak-anak muda di kawasan Kinta dan Larut.

Sekalipun Inggeris tidak meninggalkan bijih, sekurang-kurangnya bekalkanlah kepada anak negeri ini teknik dan kepakaran dalam hal-hal yang berkaitan dengan perlombongan dan membekalkan juga ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknikal. Bagi Inggeris, jangankan hendak membekalkan ilmu setinggi itu. Kalau ada anak Melayu (dari kampung) yang berkebolehan akan cuba disekat kerana pada anggapan setengah daripada mereka, tujuan Inggeris memberikan pelajaran kepada orang Melayu hanyalah untuk men-

jadikan anak Melayu itu seorang petani yang lebih baik daripada ayahnya. Tidak lebih daripada itu!

Mungkin ada juga sumbangan yang diberikan oleh Inggeris kepada rakyat negara ini. Ini tidak dinafikan. Dan sumbangan itu telah dibalas dengan hadiah. Dan entah berapa jenis hadiah yang telah kita berikan sebelum kita hadiahkan Carcosa kepadanya. Hujah kedua tentang mengapa Tunku Abdul Rahman menghadihkan Carcosa ialah kerana British telah memberikan kemerdekaan – suatu hadiah yang sangat bermakna. Apakah kemerdekaan yang kita capai itu dianggap satu pemberian? Bukankah ia hak rakyat negara ini? Jikalau Tunku Abdul Rahman mengatakan kemerdekaan kita sebagai satu pemberian Inggeris, kemungkinan Tunku mempunyai alasan-alasan tertentu untuk mengutarakan hujahnya.

Bagi penulis, kemerdekaan negara adalah hak yang kita perjuangkan bersama. Dan rakyat tentunya terhutang budi atas jasa dan bakti Tunku yang tidak ternilai dalam usaha mendapatkan kemerdekaan itu. Tidak ada penjajah dalam sejarah dengan rela memerdekakan tanah jajahannya, kecuali dengan desakan. Begitu jugalah yang terjadi kepada negara kita. Jikalau tidak ada kocakan dari kesatuan penuntut di Tanjung Malim pimpinan Ibrahim Haji Yaakub, kalau tidak ada desakan dari kesatuan-kesatuan Melayu negeri serta kalau tidak muncul UMNO pimpinan Dato' Onn Jaafar, sudah tentu sampai ke hari ini Inggeris masih tidak mahu melepaskan negara ini. Bukankah Inggeris telah memacak tahap kedua pemerintahannya di Tanah Melayu pada tahun 1946 dengan penubuhan Malayan Union? Bukankah penubuhan Malayan Union menampakkan hasrat Inggeris untuk terus berkuasa di Tanah Melayu? Bukankah



jelas hasrat Inggeris menubuhkan Malayan Union untuk menenggelamkan Raja-raja Melayu dan orang Melayu keseluruhannya? Bukankah Inggeris mahu bertepuk dan bersorak melihat Si Luncai terjun dengan labu-labunya? Berdasarkan hakikat ini, apakah layak dikatakan kemerdekaan itu sebagai hadiah dari Kerajaan Inggeris?

Tentu kita masih ingat jumlah nyawa tentera-tentera kita yang terkorban mempertahankan harta-harta Inggeris. Tentu kita tidak mudah melupakan pahit maung yang dideritai dalam zaman darurat. Mengikut Lady Ruth Hawley, pada 20 Julai 1956 Kerajaan Selangor telah menyerahkan Carcosa kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Persekutuan Tanah Melayu dengan syarat bayaran tahunan seringgit. Selepas itu, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan memindahkan hak milik itu (Carcosa dan kawasannya) kepada Kementerian Bangunan Awam dan Kerja Raya United Kingdom, Great Britain dan Ireland Utara.

Rakyat British yang mengetahui mengenai pemberian itu tentulah tersenyum lebar mengenangkan ada satu bangsa di dunia ini terlalu baik hati sehinggakan sanggup memberi hadiah kepada penjajah. Yang anehnya, cukai tahunan ke atas tanah dan rumah Carcosa hanyalah seringgit setahun. Jika dibandingkan dengan nilai tanah ketika itu, tanah tapak Carcosa itu sangat berharga. Dan tapak bangunan itu adalah tempat yang paling bernilai di bandar raya. Sayangnya, tapak yang dikatakan sangat bernilai itu bukanlah dimiliki oleh negara. Timbul persoalan pokok tentang kewajaran mengambil balik Carcosa sebagaimana yang disarankan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Pasti timbul pendapat pro dan kontra. Tentulah akan timbul tuduhan buruk siku dan sebagainya.

Bagaimanapun, Pemuda UMNO tidak keseorangan dalam memperjuangkan untuk mendapatkan kembali Carcosa. Malah, Raja-raja Melayu juga tidak menyetujui penyerahan Carcosa kepada Inggeris. Menurut Pemegang Mohor Raja-raja Melayu yang mengadakan persidangan akhbar dalam bulan September 1956, Majlis Raja-raja tidak diberitahu oleh Kerajaan mengenai pemberian itu. Dan, amatlah tidak kena segala tindakan itu kerana ia membabitkan soal rakyat dan negara ini. Dato' Onn Jaafar bersama-sama beberapa kesatuan Melayu yang lain melahirkan rasa kesal atas tindakan menyerahkan Carcosa kepada Inggeris tanpa merundingkan terlebih dahulu dengan Majlis Raja-raja Melayu.

Dengan itu, jikalau Pemuda UMNO terus memperjuangkan untuk mendapatkan kembali Carcosa bererti Pemuda UMNO memperjuangkan hasrat Duli-duli Yang Mulia yang terputus di tengah jalan. Pemuda UMNO bukan sahaja akan mendapat sokongan penuh daripada rakyat jelata tetapi juga Duli-duli Yang Mulia Sultan. Sekiranya Sultan-sultan dan Perdana Menteri berdiri teguh di belakang Pemuda UMNO, nescaya segala usaha akan tercapai.

Satu hakikat yang perlu difikirkan oleh Pemuda UMNO ialah langkah berhati-hati yang harus dilakukan dalam usaha besar ini. Tentulah Kerajaan British cukup bersedia dengan segala perisai bagi menghadapi kemungkinan yang menyentuh maruah bangsanya. Pasti juga ada pihak-pihak tertentu yang ingin menumpang semangkuk, terutama pada saat-saat menjelang Perhimpunan Agung UMNO ini. Kita akan dapat menyaksikan pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan memutarbelitkan isu tersebut. Dan, pasti sekali muncul jaguh-jaguh yang akan mempertahankan Car-

cosa dengan alasan (mungkin) yang menyatakan orang Melayu tidak pernah buruk siku. Walau apa jua halangan dan rintangan, dengan kembalinya Carcosa kepada kita maka satu lagi maruah bangsa akan tertebus.

## MEMECAH TRADISI KEPEMIMPINAN MASA LALU

...Ramai memuji Dr. Mahathir kerana kejayaannya menarik Anwar Ibrahim menyertai UMNO. Anwar Ibrahim dikatakan pemimpin yang berpegang teguh kepada prinsip perjuangan dan tidak akan mudah dipujuk rayu. Ini ditegaskan sendiri oleh ayah dan ibunya.

Dalam zaman pentadbiran Tun Abdul Razak, Anwar Ibrahim pernah ditawarkan beberapa jawatan penting yang bergaji besar tetapi semuanya ditolak dengan alasan belum sampai masanya. Tetapi apabila dipelawa oleh Dr. Mahathir, Anwar Ibrahim terus memikirkan secara positif....

---

*Berita Minggu*, 11 April 1982

MUNGKIN ALLAH TELAH menunjukkan jalan yang sewajarnya kepada Dr. Mahathir untuk mentadbir negara ini yang menyebabkan Anwar Ibrahim turut mengikut haluan yang sama, yang juga jalan yang sentiasa dicari dan dipohon, dan ingin dirintis dan dilalui oleh Anwar Ibrahim. Ramai memuji Dr. Mahathir kerana kejayaannya menarik Anwar Ibrahim menyertai UMNO. Anwar Ibrahim dikatakan pemimpin yang berpegang teguh kepada prinsip perjuangan dan tidak akan mudah

dipujuk rayu. Ini ditegaskan sendiri oleh ayah dan ibunya.

Dalam zaman pentadbiran Tun Abdul Razak, Anwar Ibrahim pernah ditawarkan beberapa jawatan penting yang bergaji besar tetapi semuanya ditolak dengan alasan belum sampai masanya. Tetapi apabila dipelawa oleh Dr. Mahathir, Anwar Ibrahim terus memikirkan secara positif. Peristiwa kejayaan Dr. Mahathir dapat disamakan atau hampir-hampir sama dengan kejayaan Presiden Filipina, Ramon Magsaysay memujuk Lui Taruc, pemimpin Hukbalahap yang menentang pemerintah di sekitar tahun-tahun 1940-an dan 50-an. Perbezaannya, Anwar Ibrahim sebagai pemimpin yang berlandaskan Islam, sebaliknya Lui Taruc adalah pemimpin Hukbalahap yang perjuangannya berlandaskan komunisme. Pemimpin-pemimpin Filipina sebelum Magsaysay cuba menawan hati Lui Taruc dan gagal tetapi cara dan tindakan Magsaysay telah berjaya menarik Lui Taruc makan bersamanya dan terus menghentikan perjuangan Hukbalahap.

Penyertaan Anwar Ibrahim dalam Barisan Nasional (BN) bukanlah disebabkan oleh individu yang mempengaruhi. Mengikut sumber tertentu, Tun Abdul Razak, Datuk Asri dan ramai pemimpin tanah air yang lain telah menemui dan memujuknya tetapi tidak berjaya. Berdasarkan hakikat ini, jelaslah Anwar Ibrahim tidak mudah terpengaruh dengan pujukan pemimpin-pemimpin, sebaliknya akan tertarik dengan apa yang dilakukan atau yang akan dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin berkenaan. Anwar Ibrahim pasti tertarik dengan cara kepemimpinan Dr. Mahathir dan sikapnya yang sentiasa menggalakkan orang Islam bekerja keras untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

Tindakan Dr. Mahathir menghapuskan rasuah dan mengharapakan sebuah Kerajaan bersih, di samping berusaha menghapuskan kemiskinan dan mengurangkan jurang antara yang miskin dengan yang berada adalah juga asas-asas perjuangan Islam. Mungkin tidak pernah wujud dalam sejarah pentadbiran di Malaysia seorang pemimpin tertinggi dengan lantang mengeluarkan kata-kata yang agak kesat ditujukan kepada pemimpin-pemimpin bekas tanah jajahan seperti yang pernah dilakukan oleh Dr. Mahathir dan Dato' Musa. Tindakan kedua-dua pemimpin ini terhadap Barat, khususnya British telah membuka mata sesetengah pemimpin dunia. Dr. Mahathir pernah melahirkan fikirannya di dalam bukunya, *The Malay Dilemma* bahawa penjajahan Britishlah yang menjadi punca utama orang Melayu dalam dilema. British pernah dan beberapa kali menempelak dengan mengatakan orang Melayu malas. Jadi mengikut Dr. Mahathir, kalau British boleh berkata begitu dan dengan lantang pula, mengapa pula kita tidak boleh berbuat demikian. Mengapa kita dikritik apabila menyatakan sesuatu keburukan mereka, tambahan pula apa yang diperkatakan itu betul.

Dasar dalam dan luar negara yang dilaksanakan oleh Dr. Mahathir dewasa ini agak menyimpang daripada dasar yang diketengahkan oleh ketiga-tiga pemimpin negara yang lalu, terutama dasar yang tidak berkiblat ke Barat. Sebaliknya dasar yang dipopularkan oleh Dr. Mahathir ialah berpaling ke Timur. Dr. Mahathir berpendapat tidak ada ertinya negara kita membeli barang-barang British dengan harga mahal kerana dengan berbuat demikian akan menggalakkan lagi kenaikan gaji pekerja dan menambah kemalasan.

Tindakan Perdana Menteri yang menggemparkan dunia ialah keengganannya menghadiri persidangan negara-negara Komanwel yang dianggap oleh Malaysia sebelumnya sebagai pertubuhan agung. Walaupun timbul kecaman dan kutukan dari negara-negara lain yang menganggotai Komanwel terhadap sikap Perdana Menteri, terutama dari Australia (yang mana sebuah stesen pemancar di Queensland mengeluarkan kenyataan yang kurang enak mengenai sikap Perdana Menteri pada 4 September 1981), namun Dr. Mahathir tetap berkeras dan sentiasa berpaut pada prinsip perjuangannya.

Dilaporkan ada beberapa perkara yang menyebabkan Perdana Menteri kurang senang dengan tindakan pertubuhan dunia itu. Antaranya ialah:

1. Sifat persidangan itu yang lebih banyak bercakap daripada bekerja yang pada pendapat Dr. Mahathir lebih menguntungkannya berada di Malaysia dari membuang masa menghadiri persidangan itu.
2. Persoalan tentang kenaikan yuran pelajaran di Britain yang mana pelajar-pelajar Malaysia adalah yang paling ramai berbanding pelajar-pelajar dari negara lain. Pentadbiran British telah mengenakan yuran yang tinggi terhadap pelajar-pelajar dari negara-negara yang tidak tergolong dalam kumpulan EEC.
3. Keengganan British membenarkan MAS menambahkan penerbangan ke London.
4. Sambutan dingin negara-negara maju dalam bidang perindustrian untuk memberi bantuan teknikal sepenuh hati kepada negara-negara sedang membangun terutama negara-negara di Asia Tenggara.

Agak tidak kurang mengejutkan dunia ialah kenyataan Perdana Menteri yang menyatakan tidak ada keikhlasan dari negara-negara Utara untuk membantu negara-negara Selatan dari aspek kemajuan ekonomi. Kenyataan ini dikeluarkannya berkaitan dengan Persidangan Cancun yang diadakan di Mexico tidak lama dahulu. Alasan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri ialah mengenai penjualan stok bijih timah oleh Amerika Syarikat. Amerika Syarikat sedar pada ketika itu bijih timah bukan berkurangan di pasaran dunia, namun demikian Amerika Syarikat terus berdegil dan mengedarkan stok simpanannya di pasaran. Ini mengakibatkan kejatuhan harga bijih timah di pasaran dunia dan kesan langsungnya menghimpit ekonomi Malaysia. Tidakkah Amerika Syarikat sedar sebagai sebuah negara Selatan, Malaysia sangat bergantung pada bijih timah sebagai sumber pendapatan negara? Oleh itu, di manakah letaknya keikhlasan negara-negara Utara yang kononnya ingin membantu negara-negara Selatan yang sedang membangun itu?

Imee Marcos, anak kepada Presiden Marcos yang turut menyertai ayahnya menghadiri Kemuncak Utara-Selatan di Cancun pada bulan Oktober tahun lalu mempersoalkan mengenai sikap sesetengah pemimpin dunia yang mengikuti persidangan itu. Beliau terkejut dan hairan melihat telatah Presiden Francois Mitterrand dari Perancis yang sibuk menulis poskad dan membelek-belek brosur pelancongan yang pada ketika itu persidangan sedang membincangkan tentang bantuan-bantuan yang harus diberikan oleh negara kaya kepada negara miskin. Mungkinkah keadaan serupa itu telah diramalkan oleh Dr. Mahathir di Persidangan Komanwel? Walau apa pun tuduhan dan tohmahan yang dilem-



parkan terhadapnya namun Perdana Menteri terus dengan sikapnya.

Kerajaan British mungkin juga bergegar dengan tindakan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang mendapat sokongan kewangan dari Kerajaan, membeli sebahagian besar saham Guthrie yang British anggap sebagai serangan waktu fajar (*dawn raid*). Sebenarnya saham Guthrie dibeli mengikut peraturan biasa di pasaran saham berdasarkan cara dan peraturan perniagaan saham dan dikira sebagai sah. Tambahan pula pemegang saham menjualkannya dengan rela hati, tertarik dengan harga tinggi yang ditawarkan. Dengan cara demikianlah saham-saham Guthrie bertukar tangan kepada PNB. Suratkhbar di Britain menganggap tindakan Kerajaan sebagai pemilknegaraan mengikut pintu belakang (*back-door nationalisation*) tetapi akhbar *The New Straits Times* membidas dengan menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia dalam sejarahnya tidak pernah memilknegarakan walaupun sebuah syarikat asing di Malaysia.

Tetapi kalau kita renung dan berpaling ke zaman silam, apakah kita terusik benar dengan tuduhan serangan waktu fajar dan beberapa tuduhan lain yang dilemparkan oleh British kepada kita, dibandingkan dengan tindakan mereka, tegasnya Syarikat Hindia Timur Inggeris merampas Pulau Pinang dari Sultan Kedah (negeri tempat lahir Dr. Mahathir), pengambilan Singapura oleh Raffles pada tahun 1819 dari Sultan Hussein Johor (negeri tempat lahir Dato' Musa) dan membuat beberapa perjanjian lagi secara tipu helah dengan negeri-negeri Melayu? Apakah British tidak sedar ataupun pura-pura lupa dengan serangan yang dilakukannya itu? Kesan daripada tindakan PNB menguasai Guthrie menyebab-

kan Britain terpaksa meminda Undang-undang Pasaran Saham di London yang sememangnya ditujukan untuk menyakiti kita.

Berikutan itu, Dr. Mahathir mengeluarkan arahan kepada semua jabatan Kerajaan Malaysia agar membeli barang-barang keluaran Britain apabila difikirkan perlu sahaja. Segala pesanan hendaklah dibuat melalui Jabatan Perdana Menteri. Rupa-rupanya tindakan Dr. Mahathir menyebabkan Lord Carrington meluru datang ke Malaysia menemui Perdana Menteri untuk merundingkan beberapa perkara kepentingan bersama. Kehadirannya dalam waktu yang singkat iaitu selama tiga hari berkesempatan menemui Perdana Menteri. Dr. Mahathir telah memulangkah paku buah keras kepada wakil British itu mengapa dia bersikap demikian terhadap Britain.

British atau lebih tegas lagi saudagar-saudagar British di sini cuba mengabaikan hasrat Kerajaan untuk menyusun semula ekonomi masyarakat Malaysia melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB). Saudagar British yang berkepentingan di Malaysia pura-pura tidak mengerti tentang hasrat Kerajaan menuju matlamat membahagikan kekayaan negara ini sebanyak 30% kepada Bumiputera pada tahun 1990 dan kaum-kaum lain 40%, manakala baki 30% adalah untuk pemodal asing. Bukan sahaja saudagar-saudagar British tidak mahu menyokong dasar ini, malah mereka menjadi pe-tualang kepada pelaksanaannya. Mereka cuba mengetepikan kewujudan golongan pengusaha Bumiputera tetapi sebaliknya mereka bekerja sama rapat dengan kaum-kaum lain seperti yang berlaku dalam zaman pemerintahannya dahulu. Agak tepat kata Dato' Musa yang cuba mengingatkan British bahawa masanya telah

berlalu apabila 'tuan' masih berleluasa di sini. Tetapi sayangnya masih ada lagi ahli-ahli lembaga pengarah ladang-ladang kepunyaan British yang menganggap negara ini sebagai Tanah Melayu. Ramai pula yang berpendapat kita tidak boleh mentadbir negara ini dan kononnya lama-kelamaan negara akan hancur berkecai.

Segala tindak-tanduk 2M mungkin diperhatikan dengan penuh minat oleh Anwar Ibrahim. Seolah-olah segala soalan yang sentiasa menendang di benaknya beberapa lama dahulu telah terjawab hasil daripada tindakan dua individu agung ini. Dalam masa perjuangannya, sama ada di Universiti sebagai pemimpin Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM) atau ABIM, Anwar Ibrahim meletakkan asas Islam sebagai keutamaan dalam apa jua perkara. Di samping itu beliau sering melaungkan suara hatinya tentang penubuhan Universiti Islam. Slogan-slogan seperti perjuangan berdasarkan suara hati ramai sentiasa keluar dari mulutnya. Jadi segala hasrat, cita-cita yang diidamkan itu telah cuba dirintis oleh Dr. Mahathir. Kesannya, Allah telah membuka hati dan mendorong pemimpin muda ini tampil ke hadapan seiring jalan dengan pemimpin tercinta memikul tanggungjawab menuju ke arah yang satu. Moga-moga diberkati Allah.

Antara Anwar Ibrahim dan Dr. Mahathir memang banyak persamaan latar belakang. Ini diakui sendiri oleh Anwar Ibrahim semasa temu ramah di televisyen tempoh hari dan tentunya kenyataannya disetujui oleh Dr. Mahathir. Semasa menghadapi pergolakan peristiwa 13 Mei 1969, Dr. Mahathir dan Anwar Ibrahim sama seiring jalan. Dr. Mahathir dan Dato' Musa telah disingkirkan dari UMNO kerana perselisihan pendapat dengan

Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri pada ketika itu. Dengan perkataan lain, 2M mengalami nasib yang sama sebelum sampai ke puncak. Dan Anwar Ibrahim yang pada ketika itu masih di universiti turut menyokong perjuangan dua tokoh itu, walaupun pada ketika itu beliau belum dikenali ramai.

Pada mulanya ramai berpendapat yang Dr. Mahathir dan Dato' Musa lebih condong membela nasib orang Melayu dan akan membiarkan kaum-kaum lain. Begitu jugalah anggapan ramai terhadap Anwar Ibrahim. Malah Lim Kit Siang sendiri membuat perhitungan yang agak silap tentang sikap 2M setahun yang lampau, berbanding dengan apa yang dilakukan oleh 2M. Lim Kit Siang pernah mengatakan bahawa pimpinan 2M telah menimbulkan keraguan di kalangan orang bukan Melayu. Beliau berharap agar 2M berhati-hati dalam apa jua tindakan kepimpinan untuk rakyat keseluruhan. Keraguan Lim Kit Siang ini terjawab sudah, melihatkan tindakan pemerintahan 2M. Mereka tidak mengira bangsa dan keturunan. Keraguan bukan Melayu terhadap DEB juga terhapus apabila mereka dijelaskan dengan seikhlas-ikhlasnya tentang dasar dan falsafah DEB. Sekiranya masih ada bukan Melayu yang mempersoalkan DEB, dengan sendirinya mereka sengaja tidak mahu faham tentang dasar itu dan layak dipanggil antinasional.

Pernah beberapa orang ahli UMNO menyuarakan kebimbangan mereka tentang kelajuan pentadbiran sekarang di bawah pimpinan 2M. Dato' Hussein Onn mengambil masa 50 hari untuk mengumumkan kabinet barunya selepas beliau memegang jawatan Perdana Menteri pada bulan Januari 1976. Ini agak berbeza dengan Dr. Mahathir yang mengumumkan susunan kabinetnya dua hari selepas beliau mengangkat sumpah

sebagai Perdana Menteri pada 16 Julai 1981. Dr. Mahathir pernah menegaskan bahawa pentadbirannya berbeza bukan dari segi dasar tetapi dari segi penumpuan dan cara.

Dugaan awal yang dihadapi oleh Dr. Mahathir ialah berhubung dengan KGB. Siddiq Mohamed Ghaus yang ditangkap pada 13 Julai 1981 ialah Setiausaha Politik Dr. Mahathir, semenjak beliau dilantik menjadi Menteri Pelajaran lagi. Dr. Mahathir terus mengambilnya berkhidmat apabila beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1976 sehinggalah Siddiq Ghaus ditangkap kerana terlibat dengan ejen Komunis Rusia.

Sehingga ini, segala dugaan dan tindakan Dr. Mahathir dapat diatasi. Walaupun ada yang meragui kepimpinan Dr. Mahathir, namun ramai menganggap Dr. Mahathir sebagai pemimpin tulen. Ini ditambah pula dengan kejayaannya menjemput Anwar Ibrahim menyertai UMNO. Dan bagi diri Anwar Ibrahim pula, mungkin merasakan perjuangan dari luar tidak mendatangkan apa-apa kesan seperti yang dialaminya semasa menjadi Presiden ABIM dahulu, sebaliknya idealisme telah diperjuangkan oleh Dr. Mahathir dan menampakkan kesan positif. Jadi, kemasukan Anwar Ibrahim dalam UMNO tidak bererti beliau telah mengorbankan prinsip perjuangannya, malah telah mengukuhkannya lagi.

## PERJANJIAN BIJIH TIMAH KHIANATI NEGARA

Kedua-dua pihak iaitu negara pengeluar dan pengguna mesti memahami hasrat antara satu sama lain. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Misalnya, pada 27 April lalu, hari pertama penguatkuasaan pengawalan eksport bijih timah, Pentabdiran Perkhidmatan Umum Amerika Syarikat (*United States General Service Administration* – GSA) telah menjual bijih timah dengan banyaknya di pasaran dunia. Tindakan ini dianggap satu langkah tidak simpati Amerika Syarikat yang bertujuan hendak menurunkan lagi harga bijih yang sedia ada di paras bahaya.

---

*Berita Harian*

BUKANLAH MENJADI HASRAT Kerajaan untuk menyalahkan sesiapa menyebabkan penurunan harga bijih timah di pasaran dunia. Kejatuhan harga dideritai oleh Malaysia yang bergantung kuat pada bijih timah sebagai bahan eksport utama. Kita juga tidak mahu menjadi seperti Pak Pandir yang berprinsipkan, 'bukan anak aku seorang yang mati' apabila melihatkan bukan sahaja Malaysia yang mengalami kejatuhan harga bijih timah ini tetapi juga negara-negara pengeluar bijih yang lain,

seperti Thailand dan Indonesia. Kesannya memang ketara seperti bencana ekonomi yang sedang menimpa.

Laporan Tahunan Belanjawan 1981 keluaran Bank Negara Malaysia memperlihatkan suasana mendung selepas mengalami zaman cemerlang di sekitar tahun 70-an. Laporan itu menunjukkan kejatuhan pendapatan dalam bahan-bahan eksport penting Malaysia. Bahan-bahan penting seperti bijih timah dan getah masih lagi ditempatkan pada kedudukan utama dalam senarai eksport penting. Di samping itu, laporan itu agak kurang menyenangkan apabila ia menunjukkan kekurangan dalam imbalan pembayaran negara dan kemerosotan rizab asing. Hal ini ditambah pula dengan kecenderungan negara meletakkan harapan pada pinjaman luar untuk menstabilkan ekonomi negara sekurang-kurangnya dalam zaman kemerosotan ekonomi. Walaupun kita tidak mahu menyalahkan sesiapa, namun tidak dapat tidak jari akan menuding ke arah Amerika Syarikat, negara-negara terlibat dan negara perindustrian yang lain bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung ke atas kejatuhan harga bijih dan bahan-bahan mentah yang lain.

Amerika Syarikat mungkin dipersalahkan kerana kekejamannya menjualkan stok simpanan bijih ketika harga pasaran dunia sedang menurun, walaupun bermacam-macam rayuan dibuat agar tidak bersikap demikian. Dari satu aspek yang lain keadaan kemelesetan yang berlaku ke atas negara-negara perindustrian di Eropah dan Amerika Syarikat juga memercikkan habanya dan seterusnya menggugat kestabilan ekonomi negara kita secara langsung atau tidak langsung. Presiden Reagan pernah memberitahu di Washington, Amerika Syarikat telah pun memasuki

zaman kemelesetan. Dan dengan kemalapan yang menyelubungi ekonomi dunia itu menyebabkan pemerintah Amerika Syarikat mengalami belanjawan genting, yang pada hakikatnya tidak pernah dialami semenjak beberapa tahun yang lampau.

Berkurangnya eksport bahan mentah dari negara Malaysia ke Amerika Syarikat, bererti berkurang jugalah pendapatan yang diterima oleh negara kita. Selama mana kita akan mengalami derita kemelesetan ekonomi bergantung kepada tindakan negara kita dan negara-negara pengeluar yang lain dan juga setinggi mana simpati Amerika Syarikat terhadap negara-negara pengeluar bijih yang kebanyakannya dari negara 'Selatan' (istilah yang lumrah digunakan dalam Persidangan Cancun di Mexico tahun lalu). Dan baru-baru ini, negara-negara pengeluar bijih timah iaitu Indonesia, Thailand dan Malaysia telah mengadakan rundingan di Kuala Lumpur bagi mencari jalan untuk menaikkan harga bijih di pasaran antarabangsa. Eksport bijih timah bergantung kuat sama ada pada peranan stok penimbal dapat dijalankan dengan baik bagi faedah kedua-dua pihak iaitu negara pengeluar dan pengguna atau semua pihak mesti bekerja sama juga tidak skim stok penimbal akan membawa kesan baik.

Kedua-dua pihak iaitu negara pengeluar dan pengguna mesti memahami hasrat antara satu sama lain. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Misalnya, pada 27 April lalu, hari pertama penguatkuasaan pengawalan eksport bijih timah, Pentabdiran Perkhidmatan Umum Amerika Syarikat (*United States General Service Administration - GSA*) telah menjual bijih timah dengan banyaknya di pasaran dunia. Tindakan ini dianggap satu langkah tidak simpati Amerika Syarikat



yang bertujuan hendak menurunkan lagi harga bijih yang sedia ada di paras bahaya.

Amerika Syarikat mula menjualkan simpanan stoknya di negara sendiri pada 1 Julai 1980 sehingga 13 Disember 1981 berjumlah 3,170 tan. Pada 14 Disember 1981 barulah diedarkan ke pasaran dunia. Dalam jangka masa antara 14 Disember hingga 31 April 1982, 5,845 tan bijih telah diedarkan. Ketika itu harga bijih telah sampai ke paras tenat. Kesalahan sepatutnya diletakkan ke atas bahu Amerika yang bertanggungjawab tentang keadaan pasaran bijih dewasa ini. Kelemahan pasaran bijih yang berterusan membayangkan kelebihan bahan mentah ini di pasaran dunia dan ditambah lagi penjualan dari simpanan stok GSA.

Majlis Bijih Timah Antarabangsa (ITC) mengumumkan sekatan ke atas pengeluaran bijih timah yang berkuatkuasa sehingga 30 Jun 1981 dan jumlah bijih yang seharusnya dikeluarkan oleh negara-negara pengeluar dihadkan kepada 25,000 tan metrik sahaja. Tujuan ini adalah untuk mencapai kestabilan harga di pasaran bijih antarabangsa. Kesan yang timbul berikutan dengan langkah yang diambil ialah penutupan beberapa lombong bijih di Malaysia. Hal ini berpunca daripada harga bijih yang rendah, berbanding harga pengeluaran yang tinggi. Oleh kerana pengusaha-pengusaha tidak dapat menemukan antara kos pengeluaran yang tinggi dengan harga pasaran yang rendah, maka langkah singkat ialah memberhentikan operasi.

Melihatkan situasi perdagangan bijih timah seperti yang digambarkan, seolah-olah menyamai pertarungan antara 'durian' dengan 'mentimun'; digolek luka, menggolek pun luka. Ini memandangkan, semasa negara-negara pengeluar bersetuju untuk menyekat

pengeluaran bijih masing-masing, Amerika Syarikat terus menjual simpanan stoknya dengan sewenang-wenang. Berdasarkan hakikat inilah Dr. Mahathir hampir tidak menaruh kepercayaan terhadap kejujuran negara-negara seperti Amerika Syarikat dan England. Beliau pernah menimbulkan keraguan ini apakah yang dapat dilakukan oleh negara-negara Utara terhadap negara-negara Selatan. Perdana Menteri seterusnya mengesyorkan jalan yang dapat menggembelngkan satu pakatan kerja sama antara negara-negara Utara dan negara-negara Selatan dengan memberikan keyakinan bahawa negara-negara Utara akan memperoleh keuntungan hasil daripada pakatan ini.

Ketegasan Dr. Mahathir dikotakan dengan menolak jemputan untuk menghadiri Persidangan Komanwel tahun lalu yang disifatkan sebagai perjumpaan yang tidak bermakna. Begitu juga ketidakyakinan beliau dengan Persidangan Cancun di Mexico yang akan menumpukan bentuk-bentuk dan saluran-saluran tertentu untuk menghulurkan bantuan kepada negara-negara Selatan iaitu negara-negara sedang membangun. Yang sedihnya, ketika Ronald Reagan sedang hangat berbincang di Cancun ketika itu jugalah anak buahnya begitu asyik mengedarkan simpanan stok bijih timah. Amerika Syarikat mesti bertanggungjawab terhadap keadaan pasaran bijih timah yang ada sekarang. Pengkhianatannya terhadap keputusan Perjanjian Timah Antarabangsa (ITA) yang kelima seharusnya didedahkan dan mendapat kutukan dari badan-badan dunia yang lain.

Mungkin kerana sikap negara-negara yang serupa inilah menyebabkan Perdana Menteri mencadangkan kita berpaling ke Timur (Jepun dan Korea). Kita sudah puas merenung ke Barat tetapi Barat tetap memalingkan

muka daripada kita, ibarat kata, hidung tak mancung pipi tersorong-sorong. Sudah puas kita berbudi namun budi yang ditabur masih tidak dikenang. Hampir kering bijih di Kinta, hampir banjir kawasan Larut dek lombong tinggal dan entah berapa banyak nyawa cucu-cicit Long Jaafar melayang diragut lombong tinggal oleh rakyat dari negara-negara Utara. Alangkah sedihnya Long Jaafar dan betapa pilunya Raja Jumaat mengenangkan nasib anak cucu di tanah air sendiri. Sebelum kedatangan orang Cina dan Inggeris ke Tanah Melayu, merekalah pelombong yang meneroka lombong-lombong bijih Perak dan Selangor. Usaha mereka tidak harus diperkecilkan.

Sejarah mengabadikan bahawa perusahaan melombong bijih timah di Tanah Melayu bermula pada abad ke-17 lagi. Pada ketika itu dan dalam kurun ke-18, pembeli utama bijih timah dari Tanah Melayu ialah Belanda dan pastinya harga pasaran tidak dipengaruhi oleh GSA atau stok penimbal. Walaupun melombong bijih timah pada ketika itu menggunakan cara primitif, yang mengusahakannya adalah orang Melayu. Kawasan perlombongan bijih timah yang terkenal di Tanah Melayu pada ketika itu ialah di Larut (Perak), Laut (Selangor) dan Sungai Juang (Negeri Sembilan).

Menurut Profesor Khoo Kay Kim di bawah sistem tradisi, pada dasarnya segala kegiatan ekonomi dikuasai oleh pembesar satu-satu kawasan. Rakyat jelata menjalankan perdagangan sebagai ejen pembesar. Begitu juga apabila orang Cina mula-mula datang mengerjakan lombong mereka adalah orang upahan yang bekerja untuk pembesar-pembesar Melayu (tauke lombong). Kalau adapun modal dari luar maka modal itu hanya dapat ditanam secara tidak langsung iaitu melalui pem-

besar-pembesar. Jadi, bilakah pembesar-pembesar Melayu hilang fungsinya sebagai pengusaha lombong? Hal ini berlaku apabila saudagar-saudagar Negeri-negeri Selat menganggap sistem tradisi di bawah pengawalan pembesar-pembesar Melayu tidak sesuai dengan sistem ekonomi baru yang dibawa dari Barat iaitu sistem yang menggalakkan memaksimumkan keuntungan dan berasaskan pada prinsip persaingan bebas.

Pada pertengahan kurun ke-18, pembesar-pembesar Melayu tidak lagi dianggap sebagai golongan yang memonopoli perlombongan bijih, peranan ini diambil alih oleh saudagar-saudagar dari Negeri-negeri Selat iaitu Cina dan Inggeris. Golongan inilah yang terus-menerus berkuasa di arena perlombongan sehingga hari ini walaupun pengusaha Inggeris hampir tiada.

Kemunculan DEB seolah-olah mahu menonjolkan kembali orang Melayu agar menyertai bidang perlombongan ini. Walaupun beberapa orang tauke lombong Melayu muncul tetapi untuk terus hidup mereka terpaksa menempuh onak dan duri yang bukan kepalang. Ketidakikhlasan sesetengah pelombong Cina yang berpengalaman terhadap usaha untuk membantu memajukan Bumiputera di bidang itu dianggap sebagai petualang kepada DEB. Hasil pertolongan dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan, akhirnya muncul juga beberapa orang pelombong Melayu. Sayangnya, sedang mereka belajar terbang, ditimpa angin kencang pula. Mungkinkah ramai pelombong Melayu yang akan menutup lombong mereka akibat keadaan pasaran bijih yang wujud ketika ini?

Nampaknya, pihak Kerajaan terutama Dr. Mahathir beria-ia benar mencari jalan untuk memulihkan keadaan pasaran bijih. Rumusan dari negara-negara pengeluar

bijih untuk membentuk satu pakatan pengeluar-pengeluar bijih diharapkan menjadi kenyataan. Malah, hal penubuhan pakatan ini memang telah lama diura-urakan. Penubuhan pertubuhan itu diasaskan kepada OPEC yang diharapkan kewujudannya nanti akan dapat menstabilkan harga minyak. Walaupun ada pendapat negatif tentang kejayaan pertubuhan itu, namun seolah-olah rancangan itu akan diteruskan. Pengalaman yang dialami oleh negara-negara pengeluar minyak di Timur Tengah harus dijadikan contoh. Pernah negara-negara pengeluar minyak Arab ditindas dan kekayaan minyak diperas semenjak tahun 1938 (apabila minyak mula dijumpai di Arab Saudi) hinggalah tahun 1960-an apabila nasionalisme Arab mula bertapak di padang pasir dan apabila keperluan minyak negara-negara Eropah dan Jepun bertambah meningkat.

Libya di bawah Muammar Gaddafi mahukan harga minyak dinaikkan 10% pada tahun 1973 tetapi ditentang oleh syarikat-syarikat minyak Jerman Barat. Gaddafi bertindak memotong 20% daripada pengeluarannya. Harga naik melambung hingga 30% daripada permintaan asal. Kejayaan Gaddafi diikuti negara-negara pengeluar minyak di Timur Tengah. Semenjak itu harga minyak terus naik. OPEC berjaya berbuat demikian kerana ia tahu bekalan minyak dunia hanya sekadar cukup untuk keperluan. Simpanan tidak banyak. Kita belum mengetahui sama ada pertubuhan negara-negara pengeluar bijih akan berjaya seperti OPEC sekiranya taktik yang serupa digunakan. Ini menimbulkan persoalan.

Berikutan kejatuhan harga bijih dan kemerosotan ekonomi dunia yang turut melibatkan Malaysia, Perdana Menteri telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk menyesuaikan keadaan kemelesetan dengan

perkembangan pembangunan di negara ini. Menurut Dr. Mahathir, perlu ada pindaan dan penyesuaian dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat. Hanya projek-projek perlu sahaja yang akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan. Satu kajian mendalam harus dijalankan untuk menentukan projek manakah yang memerlukan pelaksanaan segera.

Seperkara yang jelas ialah Kerajaan tidak akan membatalkan projek-projek untuk kepentingan rakyat seperti perumahan bagi golongan berpendapatan rendah, yang ada kaitan langsung dengan kesejahteraan rakyat seperti rancangan mengurangkan berlakunya banjir (terutama di Kuala Lumpur yang sering dilanda banjir kilat). Hasrat untuk membatalkan projek berprestij telah dinyatakan oleh Dato' Musa, yang lebih berminat untuk meneruskan projek-projek yang boleh meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar yang masih lagi belum dapat dibanggakan.

Sebenarnya keadaan malang ini bukan sahaja menimpa negara kita malah di Thailand juga. Kabinetnya mengarahkan pemotongan 5% ke atas peruntukan Kerajaan bagi tiap-tiap kementerian, jabatan, biro, pertubuhan rasmi dan perbadanan kemajuan negeri pada tahun 1982. Arahan kabinet itu dianggap penting untuk menyekat ekonominya menemui kehancuran, kemerosotan perniagaan dan untuk menutup jurang antara pendapatan sebenar dengan pendapatan yang dianggarkan. Arahan itu dikemukakan oleh Biro Belanjawan bagi pihak Kerajaan pimpinan Prem Tinsulanonda. Sebagaimana langkah yang diambil oleh Malaysia, tiap-tiap ketua kementerian hendaklah menentukan projek yang seharusnya didahulukan dan meninggalkan pelaksanaan projek yang dianggap kurang memberi man-

faat kepada rakyat. Langkah ini diharapkan agar rancangan lima tahun yang kelimanya memperoleh kejayaan.

Seperkara yang harus ditegaskan mengenai kemerosotan ekonomi ini ialah pengalaman negara-negara Afrika. Zambia yang bergantung kepada 90% pengeluaran tembaga sebagai sumber pendapatan eksport terpaksa memotong perbelanjaan dan membatalkan segala projek pembangunan. Cuma Maghribi negara yang cepat bertindak dan dapat mengatasi kemerosotan itu. Maghribi agak berjaya memulihkan pendapatan negaranya seperti yang dialami pada tahun 1974. Tindakan yang dijalankan oleh Kerajaan negeri itu ialah memproses sendiri satu pertiga (yang sepatutnya dieksport) fosfat untuk dijadikan asid fosforik dan baja kimia. Dengan cara ini negara itu berjaya menstabilkan ekonominya.

Pakar ekonomi menjelaskan, salah satu cara untuk menstabilkan ekonomi bagi sesebuah negara ialah mencipta cara baru pengeluaran barang-barang bagi pasaran tempatan, menggunakan idea yang inovatif bukan terhadap pelaburan besar-besaran sahaja tetapi memadai dalam bentuk kecil-kecilan dahulu. Asas utama bagi barang industri yang dieksport ialah pasaran tempatan. Inilah bentuk yang digunakan di negara maju seperti Jepun. Tanpa asas tempatan kebanyakan pengusaha mendapati sukar untuk menumpukan perhatian kepada pasaran eksport.

# PPB KAWAL PASARAN TIMAH DAN SIKAP NEGARA PENGGUNA

...Malaysia sudah lali dengan 'sepak terajang' kuasa Barat terutamanya Amerika Syarikat, dalam urusan perniagaan bijih. Jadi sebagai penyelesaian ke arah menstabilkan pasaran dicadangkan penubuhan PPB yang diasaskan oleh tiga buah negara dalam ASEAN yang merupakan pengeluar bijih timah dunia yang penting iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand. Berdasarkan pengalaman silam, Malaysia kurang yakin terhadap ITA 6, memandangkan kejujuran yang boleh dipersoalkan oleh negara-negara pengguna.

---

*Berita Minggu*, 18 Julai 1982

DENGAN TEGAS, DR. Mahathir mengumumkan Malaysia akan tetap menyertai Perjanjian Timah Antarabangsa Ke-6 (*International Tin Agreement - ITA 6*), di samping akan meneruskan juga rancangan menubuhkan Persatuan Pengeluar-pengeluar Bijih (PPB). Sebelum ini memang telah banyak diperkatakan tentang ura-ura Malaysia tidak akan menyertai ITA 6. Hal ini berpunca daripada situasi yang kurang menyenangkan mengenai perdagangan bijih antarabangsa. Menurut



Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong, hanya 51.13% sahaja negara-negara pengguna bijih timah dunia bersedia menyertai perjanjian ini, sedangkan syarat pelaksanaan perjanjian itu memerlukan sekurang-kurangnya 65% negara-negara pengguna. Sebaliknya bagi pihak pengeluar pula, 80% dari negara-negara pengeluar telah pun bersetuju menyertainya. Sudah tentu apabila disebut negara pengeluar, Malaysia menduduki tempat yang paling penting.

Walaupun Malaysia bersetuju menyertai ITA 6, namun ia mempunyai satu lagi pilihan bagi menjamin masa hadapan bijih, agar tidak lagi dipermainkan oleh negara-negara pengguna, di samping menjamin pasaran dan harga yang stabil. Malaysia sudah lali dengan 'sepak terajang' kuasa Barat terutamanya Amerika Syarikat, dalam urusan perniagaan bijih. Jadi sebagai penyelesaian ke arah menstabilkan pasaran dicadangkan penubuhan PPB yang diasaskan oleh tiga buah negara dalam ASEAN yang merupakan pengeluar bijih timah dunia yang penting iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand. Berdasarkan pengalaman silam, Malaysia kurang yakin terhadap ITA 6, memandangkan kejujuran yang boleh dipersoalkan oleh negara-negara pengguna.

Cadangan menubuhkan PPB mendapat sokongan penuh daripada Fauzi Abdul Rahman, jurutera perlombongan dan pelombong Melayu yang aktif, di samping menjadi Setiausaha Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Pahang. Malah, awal-awal lagi beliau mengesyorkan penubuhan PPB itu. Dalam kenyataannya yang tersiar di *Berita Minggu* tidak berapa lama dahulu, beliau menegaskan betapa pentingnya penubuhan PPB. Asas hujah beliau pada hakikatnya bahawa Malaysia adalah pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia

apalagi sekiranya negara-negara pengeluar yang lain (terutama negara-negara dalam ASEAN) sanggup bergabung, tentulah menjadi lebih kuat dan berkesan. Malah, perlahan-lahan negara kita dapat pula mempengaruhi negara-negara pengeluar yang lain.

Melalui PPB tabung pertubuhan dapat diwujudkan, di samping mengadakan pusat penyelidikan untuk mengurangkan kos melombong dan mempelbagaikan kegunaan bijih timah. Beliau yakin soal peruntukan tidak menjadi penghalang kerana para pelombong sudah tentu sanggup memberikan sumbangan sebagai ahli persatuan. Selanjutnya, beliau mencadangkan tentang cara-cara menghadapi kegentingan pasaran bijih dengan mempelbagaikan perniagaan melalui pelaburan dalam industri berat dan pembuatan, di samping meneruskan kegiatan melombong.

Cadangan dan saranan yang dilaungkan itu menjadi kenyataan. Pada 22 Jun 1982, Malaysia, Indonesia dan Thailand yang bertanggungjawab mengeluarkan lebih kurang 65% daripada pengeluaran dunia sepakat menubuhkan PPB untuk menyelaraskan hal-hal pengeluaran bijih dan permintaan, di samping mencari pasaran-pasaran baru bagi bahan itu. Pada 28 dan 29 Jun, sekali lagi menteri dari ketiga-tiga negara pengeluar bijih bertemu dan memutuskan sebarang persetujuan yang telah dibuat mengenai PPB yang dirancangkan itu.

Agak tepat ramalan Fauzi Abdul Rahman apabila beliau menyatakan negara-negara pengeluar bijih yang lain pasti tertarik dengan rancangan PPB. PPB memang mendapat sambutan dari negara-negara lain. Misalnya, Bolivia yang dikira sebagai negara pengeluar bijih yang keempat terbesar di dunia berhasrat untuk menyertai gagasan tersebut. Begitu juga negara-negara seperti

Brazil, Burma, China, Australia, Nigeria dan Zambia yang berkemungkinan besar akan turut serta. Hasrat dan keinginan negara-negara pengeluar ini bergabung dan berganding bahu mungkin didorong oleh perasaan kecewa di atas tindakan negara-negara pengguna yang sentiasa bersikap menindas negara-negara pengeluar. Kebetulan negara-negara pengeluar tergolong dalam negara-negara sedang membangun, sedangkan negara-negara pengguna adalah negara maju dan telah sekian lama bergerak dalam perdagangan antarabangsa.

Kelemahan yang mula dirasai oleh negara-negara pengeluar ialah kekurangan usaha dan penyelidikan ke arah mempelbagaikan penggunaan bijih timah. Oleh itu, ini merupakan keutamaan dalam senarai objektif penubuhan PPB. Keburukan menggantungkan harapan kepada bahan mentah semata-mata sebagai nadi ekonomi negara mungkin disedari oleh pemimpin negara kita sebelum ini. Cuma baru kini Allah mendorong kita agar mengubah cara berfikir supaya berorientasikan ke Timur, setelah melihat perkembangan ekonomi yang pesat di negara Jepun dan Korea.

Terasa perit apabila Malaysia sebagai negara pengeluar bahan mentah, menghadapi zaman kemelesetan seperti yang dialami sekarang. Dan tidak pula bermakna negara-negara perindustrian tidak terkena bahang kemelesetan ini. Cuma tahapnya tidaklah begitu teruk sebagaimana negara-negara yang mengeluarkan bahan-bahan mentah. Seperti yang termaklum, harga bahan-bahan mentah ketika ini telah sampai ke paras yang paling rendah semenjak tahun 1950. Kesan kemelesetan dalam perusahaan bijih telah memperlihatkan 4,000 orang hilang pekerjaan. Dan dianggarkan pemotongan 15% bahan eksport yang dicadangkan oleh Majlis Timah

Antarabangsa (ITC) akan menyebabkan 3,000 lagi hilang pekerjaan. Apatah lagi jikalau pemotongan meningkat 40% daripada eksport Malaysia.

Penubuhan PPB tidaklah pula bertujuan menimbulkan perselisihan dengan ITC. Mengikut Datuk Paul Leong, PPB tidak perlu mengadakan stok penimbal. Ia akan dilaksanakan berdasarkan pasaran bersama. Datuk Paul Leong memberi contoh cara-cara perdagangan dalam PPB dijalankan dengan mengemukakan bagaimana Pertubuhan Pelombong-pelombong Malaysia menandatangani kontrak dengan kerajaan India untuk membekalkan 2,000 tan bijih timah. Malaysia mengambil langkah tegas ke arah penubuhan PPB berpunca daripada kekecewaan yang amat sangat akibat tindakan negara-negara pengguna, terutama Amerika Syarikat yang tidak bertanggungjawab. Malaysia telah lama merasai dan faham benar akan 'budi' dan tindakan Amerika.

Pada 26 April lalu, harga bijih di Pulau Pinang jatuh ke paras RM29 iaitu turun 15 sen daripada harga yang ditetapkan. Pada hari yang sama juga ITC telah mengenakan pemotongan eksport 15%. Bagi menambahkan lagi keruncingan pasaran, pada hari berikutnya GSA mengedarkan 100 tan bijih dari stok simpanannya. Inilah yang dikatakan perbuatan Amerika Syarikat yang tidak bertanggungjawab. Mengikut Datuk Paul Leong, dianggarkan terdapat perlambakan sebanyak 70,000 tan bijih di pasaran antarabangsa. Jumlah ini akan mengambil masa dua tahun untuk diserapkan, walaupun ada pemotongan 15% bahan eksport itu dan andaian yang Amerika Syarikat akan berterusan memberhentikan penjualan stok simpanan. Hal ini tentulah menggerunkan Malaysia yang bergantung kuat pada bijih sebagai

bahan eksport. Stok simpanan bijih Amerika Syarikat berjumlah lebih kurang 200,000 tan iaitu melebihi daripada penggunaan seluruh dunia.

Tujuan penubuhan GSA adalah untuk mengadakan simpanan stok bagi semua bahan perlu bagi kegunaannya menghadapi sebarang kemungkinan pada waktu perang dan sebagainya. GSA lah yang bertanggungjawab di atas malapetaka yang menimpa nasib perdagangan bijih timah kita. Kelihatannya, Amerika Syarikat sengaja mengetepikan kelahiran ITC. Walau apa pun persetujuan yang dicapai dan dimeteraikan dalam ITA, namun kalau Amerika Syarikat hendak berbuat sesuatu untuk kepentingan diri ia akan meneruskan niatnya tanpa memikirkan kesejahteraan negara lain. Amerika dan Rusia enggan menyertai ITA 6, begitu juga Bolivia. Bagaimanapun EEC menyokong persidangan tersebut. Seorang perwakilan ke ITA 6 membayangkan bahawa PTA 6 akan terus bergerak secara berkesan walaupun tanpa penyertaan dua kuasa besar dunia itu. Amerika Syarikat hanya menyertai ITA 5 yang telah menelurkan suasana runcing antara Malaysia (sebagai pengeluar utama bijih) dan Amerika Syarikat (negara pengguna yang utama).

Satu aspek lain berkaitan dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menyelamatkan dan menstabilkan harga bijih timah di pasaran antarabangsa ialah cadangan agar penjualan bijih timah negara disalurkan melalui Pasaran Komoditi Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Commodity Exchange - KLCE*) dan tidak lagi melalui Pasaran Logam London (*London Metal Exchange - LME*). Nampaknya cadangan Datuk Paul Leong kebetulan sama dengan syor yang diketengahkan oleh Fauzi Abdul Rahman beberapa minggu lalu dalam *Berita Minggu*. Fauzi per-

nah menyatakan betapa pentingnya pasaran itu dipindahkan dari London ke Kuala Lumpur, bukan sahaja negara dapat memperkenalkan mata wang ke luar negara, tetapi juga dapat mengelakkan penggunaan pound sterling, mata wang yang akhir-akhir ini sentiasa mengalami keadaan yang paling tidak stabil. Sudah sampai masanya Kerajaan memikirkan secara serius akan perkara ini dan tindakan yang diambil itu memang tepat sekali.

Sejarah LME berkaitan rapat dengan sejarah pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu. LME diasaskan apabila kebanyakan lombong bijih di Tanah Melayu dimiliki oleh Inggeris. Pada ketika itu LME mengamalkan syarat yang ketat mengenai spekulasi tetapi apabila Inggeris tidak lagi punya kepentingan dalam perdagangan bijih, kelihatan seolah-olah Inggeris sengaja melonggarkan syarat demikian dan menggalakkan spekulasi. Atas alasan ini pada pendapat pakar-pakar ekonomi, wajar benar kegiatan perdagangan bijih timah dipindahkan ke Kuala Lumpur.

Perbincangan mengenai penubuhan PPB dan ITA agak tidak lengkap sekiranya tidak disingkap tabir sejarah permulaan ITA ditandatangani. Seperti dewasa ini, pada masa dahulu negara-negara pengeluar bijih timah seperti Tanah Melayu, Nigeria, Indonesia dan Bolivia menghadapi masalah untuk menstabilkan harga bijih. Oleh yang demikian satu pakatan bersama diadakan dalam tahun 1931. Cuma bezanya pada ketika itu Tanah Melayu dan Nigeria ditadbir oleh Inggeris, manakala Indonesia ditadbir oleh Belanda.

PTA yang pertama dirasmikan pada 28 Februari 1931 apabila negara-negara berkenaan bersetuju bergabung dalam satu pertubuhan dengan matlamat utama

untuk menstabilkan harga bijih. Perjanjian pertama itu terus dilaksanakan dalam masa dua tahun iaitu sehingga 31 Disember 1933. Kejayaan yang dicapai oleh ITA yang pertama yang melibatkan persetujuan bersama dari negara-negara pengeluar disebabkan beberapa faktor. Antaranya kedudukan bijih timah yang hanya dimonopoli oleh beberapa kuasa Barat, misalnya Inggeris dan Belanda. Dengan demikian apa juga tindakan bersama dapat dilaksanakan dengan penuh jaya. Bertolak dari hakikat ini, negara yakin penubuhan PPB juga akan berjaya kerana tiga daripada negara pengeluar bijih terbesar di dunia tergolong dalam pertubuhan negara-negara ASEAN. Oleh itu, segala tindakan berdasarkan semangat kekitaan.

Dalam masa pemerintahan 2M, jelas sekali bangsa kita hidup bukan untuk menyembah dan meminta. Kini, masyarakat kita telah bertindak lebih konkrit. Ada rancangan yang kita akan jalankan menunjukkan masyarakat kita sudah boleh berfikir dengan matang dan berdikari. Seolah-olah pemimpin-pemimpin kita hari ini menyatakan bahawa perbuatan 'menyembah' bukan lagi penyelesaian masalah. Sekiranya rancangan ini masih gagal, kegagalan itu bukan disebabkan kecuaiian dan kebolehan kita merancang tetapi mungkin disebabkan negara-negara maju yang terus mengkhianati negara-negara sedang membangun. Terserahlah kepada masyarakat dunia untuk menghakiminya. PPB hendaklah sentiasa memerhatikan hal-hal ini dengan teliti dan bertindak secara positif tanpa perasaan pilih kasih. Dan sekiranya masih ada juga penyelewengan, maka sampailah masanya mungkin seruan Datuk Musa "supaya kita jadi biadab" dipraktikkan. Biadab yang dimaksud-

kan Datuk Musa itu mungkin dalam konteks keadaan yang begini.



## MENGARAH SIKAP DAN MENTALITI KE TIMUR

...Telah berzaman telinga kita dibisikkan dan dibuaikan dengan nyanyian yang mengagungkan Barat. Mata kita dipaksa melihat kehebatan Barat. Dalam bidang pelajaran, Englandlah yang terbaik. Begitu juga sikap membeli barang, mata kita telah dilatih mencari barang yang berlabel 'made in England' atau 'imported from England'. Barang-barang sedemikianlah yang dikatakan standard....

Dalam suasana sedemikian, Dr. Mahathir telah mengubah haluan dengan amat mendadak. Beliau menyerukan agar rakyat Malaysia memandang ke Timur – Jepun dan Korea.

---

*Berita Harian*

DASAR BERPALING KE Timur mungkin juga terlintas di fikiran Tunku Abdul Rahman atau Tun Abdul Razak, mahupun Tun Hussein Onn. Tetapi apabila Dr. Mahathir memimpin negara ini dasar itulah yang cuba disogokkan kepada rakyat. Ini bermakna dasar itu lebih baik daripada yang lain. Tepat sebagaimana diterangkan oleh Dr. Mahathir, perbezaan pentadbirannya dengan pemimpin-pemimpin negara yang terdahulu ialah dari segi pendekatan dan penumpuan. Telah berzaman telinga kita dibisikkan dan dibuaikan dengan nyanyian yang

mengagungkan Barat. Mata kita dipaksa melihat kehebatan Barat. Dalam bidang pelajaran, Englandlah yang terbaik. Begitu juga sikap membeli barang, mata kita telah dilatih mencari barang yang berlabel '*made in England*' atau '*imported from England*'. Barang-barang sedemikianlah yang dikatakan standard. Setinggi mana kelulusan seseorang yang diperoleh dari universiti tempatan tidaklah setanding dengan kelulusan yang dicapai di Great Britain atau Amerika Syarikat.

Walaupun panggilan 'abah', 'ayah' atau 'bapak' dan 'emak' atau 'ibu' kita warisi daripada nenek moyang kita, lebih moden dan lebih hebat lagi, kononnya panggilan 'daddy' dan 'mummy'. Ia semata-mata mahu menunjukkan, "akulah orang yang terpelajar di negara ini."

Dalam suasana sedemikian, Dr. Mahathir telah mengubah haluan dengan amat mendadak. Beliau menyeru agar rakyat Malaysia memandang ke Timur - Jepun dan Korea. Ramai berpendapat Dr. Mahathir bersikap demikian kononnya kerana mendapat didikan dalam negeri dan tidak di England atau di negara Barat yang lain, seperti Perdana Menteri sebelumnya. Alangkah mudah kesimpulan yang dibuat dengan mengetepikan faktor-faktor lain yang boleh membentuk sikap Dr. Mahathir berpaling ke Timur.

Tentulah kita terfikir bahawa Inggerislah yang telah menjajah negara, fikiran, perasaan dan seluruh hidup lapisan rakyat. Kesannya menjadikan kita porak-peranda. Bukankah Inggeris juga mengatakan yang Melayu malas, tidak serius dalam sesuatu perkara dan baru-baru ini tersebar dengan meluas di dalam buku yang mengatakan orang Malaysia masih tinggal di atas pokok. Pada mereka orang Melayu masih bodoh dan kolot.

Begitu hinanya Malaysia di kaca mata mereka, sehingga suara burung di Malaysia ini pun tidak semerdu suara burung di England. Pasti ada sebab-sebab tertentu yang menggerakkan Dr. Mahathir mengarahkan perhatian kita ke Timur.

Kalau diteliti dengan lebih rapi, terdapat banyak persamaan antara tindakan pemimpin Korea, sama ada dahulu atau sekarang dengan tindakan pemimpin negara kita. Ini tidak pula bererti pemimpin negara kita sentiasa meniru apa yang Korea atau Jepun lakukan hingga menimbulkan implikasi bahawa pemimpin negara kita tidak ada idea. Mungkin Dr. Mahathir mempunyai fikiran yang hampir dengan Park Chung Hee. Perbezaannya, mungkin kerana Park berjaya melaksanakan dan mempraktikkan ideanya disebabkan beliau lebih dahulu menjadi Presiden Korea sedangkan Dr. Mahathir baru sahaja diberi mandat untuk bertindak, mempraktikkan idea yang tersirat, mengotakan apa yang dikata. Bak kata pepatah Melayu, seindah mana sekalipun sebutir intan, kalau tidak digilap, tidak akan mengerdip cahayanya. Walau sebernas mana sekalipun ideanya, kalau tidak diberi peluang tidak akan nampak jasanya.

Suatu ketika dahulu, *The Malay Dilemma* dikuburkan kononnya dibimbangi kalau-kalau kandungannya menimbulkan kacau-bilau dan keadaan yang tidak diinginkan. Dikhuatiri kalau-kalau perbalahan antara kaum meletus kembali. Yang anehnya, setelah buku itu dihidupkan kembali keadaan di Malaysia semakin aman, lebih aman, makmur dan bahagia dari zaman sebelum tahun 1969. Pokoknya, bukan buku yang menimbulkan kacau-bilau, yang pentingnya, Kerajaan perlu bersih, cekap dan amanah.

Sejak Presiden Chun Do Hwan memegang tampuk Kerajaan berasaskan perlembagaan yang diperkenalkan dalam bulan Mac 1981, Korea Selatan menempuh perubahan yang begitu pesat, bukan sahaja di bidang politik, malah di bidang ekonomi dan sosial. Ini semata-mata untuk kepentingan rakyat dan kalau boleh mahu menandingi kejayaan pemimpin sebelumnya. Chun menjadi Presiden atas sokongan tentera, berikutan pembunuhan Presiden Park Chung Hee dalam bulan Oktober 1979. Sudah tentulah tugas Presiden Chun lebih berat lagi.

Di antara tindakan ke arah memajukan ekonomi negaranya ialah dengan menggerakkan rakyat ke arah memajukan diri dan negara, mengurangkan pegawai-pegawai Kerajaan bagi menjimatkan perbelanjaan negara, menyekat perniagaan (yang mendapat biaya Kerajaan) yang tidak menguntungkan dan menghapuskan rasuah.

Di Malaysia, pentadbiran 2M menjalankan langkah yang hampir sama. Sebaik sahaja menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa bertindak tegas dengan menutup beberapa badan ekonomi negeri (yang bergantung pada pembiayaan Kerajaan) yang tidak menguntungkan. Ramai pegawai dari badan ekonomi negeri yang tidak cekap dan 'berniaga' untuk kepentingan sendiri, ditukarkan atau dinasihatkan meletak jawatan. Begitu juga dalam usaha membasmi rasuah. Kerajaan 2M terus-menerus memerangi wabak penyakit ini dengan menubuhkan danewartakan Badan Pencegah Rasuah (BPR), menggantikan Biro Siasatan Negara (BSN) yang sedia ada. Di Korea, kempen mencegah rasuah menular bukan sahaja terhadap pegawai-pegawai Kerajaan malah ke sektor-sektor masyarakat

yang lain. Tidak lama dahulu, Badan Pencegah Rasuah Korea bertindak ke atas pegawai-pegawai bank yang menerima rasuah dalam bentuk komisen sebagai ganjaran meluluskan permohonan pinjaman.

Dalam persidangan Dewan Rakyat Januari lalu, Chun mengemukakan beberapa langkah untuk menghapuskan apa yang dipanggilnya 'tiga sikap negatif dalam masyarakat Korea'. Pertama, hasrat Kerajaannya menghapuskan rasuah. Usaha Kerajaan dalam masa dua tahun kebelakangan ini, tidak dapat dilakukan untuk menghapuskan amalan rasuah sepenuhnya. Presiden Chun pernah menyeru agar ahli-ahli politik dan pegawai Kerajaan berganding bahu untuk mewujudkan imej yang baik semasa menjalankan tugas bagi mencapai hasil yang maksimum dengan menggunakan perbelanjaan yang minimum.

Di Malaysia, sungguhpun penubuhan BPR menggantikan BSN seolah-olah menggambarkan kepada dunia bahawa Malaysia adalah negara yang bergelut dengan rasuah tetapi sebenarnya, kata Dr. Mahathir walaupun ada amalan rasuah, belum lagi sampai ke tahap pegawai-pegawai berani menerimanya secara terbuka. Amalan rasuah memang mudah bertunas, terutama dalam sistem ekonomi pasaran bebas seperti di Malaysia atau Korea. Oleh itu, untuk menenyapkan amalan rasuah sama sekali adalah tugas yang maha berat tetapi boleh dilaksanakan secara berperingkat.

Kejayaan Malaysia mengatasi inflasi hampir sama dengan Korea. Hal ini dapat dilihat berpandukan kedudukan negara itu dalam tahun 1981. Pada tahun lepas, Kerajaan Korea berjaya membendung harga barang-barang daripada 36% pada tahun 1980 kepada

13% pada tahun 1981. Sebagaimana di Malaysia, Korea juga sedang mengalami masalah kemelesetan. Eksport Korea Selatan hampir tidak bergerak seperti yang diharap-harapkan. Akibatnya, negara itu terpaksa mengehadkan pengeluaran barang-barang industri di samping menghadapi permintaan dalam negeri yang berkurangan.

Di samping persamaan dalam tindakan, tentulah ada aspek-aspek dari Korea yang perlu kita pelajari dan contohi. Kalau tidak, tak mungkin pemimpin kita mengarahkan agar mencontohi Korea. Untuk meninjau aspek mana yang harus dicontohi, perlulah kita menoleh ke belakang, menyingkap sejarah perkembangan ekonomi Korea, terutama dalam masa pemerintahan Presiden Park Chung Hee. Sebenarnya, sejak zaman itu lagi Korea mula bergerak ke arah pembangunan. Ketika Korea mula melaksanakan program pembangunannya, ramai ragu-ragu akan keupayaan Korea mencapai apa juga kejayaan di bidang teknologi. Walaupun pendapat mengenai perkara itu berbeza-beza, namun kesimpulannya, "tidak harus memperkecil-kecilkan kebolehan dan ketekunan rakyat Korea, sungguhpun agak sukar bagi mereka mencapai apa yang diharapkan."

Bekas diplomat British, Mathir Filmer Evans, yang kemudiannya menjadi pengarang terkenal, pernah menyatakan sesuatu mengenai orang Korea, di dalam bukunya, *The Land And People of Korea* (1962). Beliau menyatakan orang Korea amat cepat mempelajari sesuatu tetapi agak sukar mengajar mereka. Hakikat ini, katanya berpunca daripada sikap mereka yang selalu mengambil jalan mudah dalam apa jua tindakan. Pendapat lain pula menegaskan bahawa kejayaan Korea di bidang ekonomi bukanlah kejayaan dasar ekonomi

pasaran bebas tetapi disebabkan tindakan praktik kuasa-kuasa yang terlibat secara langsung dalam ekonomi. Apa juga perbincangan yang berkisar tentang teori ekonomi atau sistem ekonomi yang ideal, hampir tidak pernah diadakan dalam masa pemerintahan Presiden Park Chung Hee. Sebaliknya, pihak Kerajaan sentiasa menyelesaikan sebarang masalah yang timbul sekiranya difikirkan perlu dan kalau itu pun tidak dapat dijalankan, Kerajaan hanya membiarkan pengusaha persendirian menjalankan tindak-tanduknya. Dengan tindakan demikian Korea berjaya memulihkan dan memajukan ekonominya.

Pada penghujung tahun 1974 dan 1975, Korea mengalami defisit US\$2,000 juta dalam belanjawan negaranya tetapi pada tahun 1976, keadaan ini dapat diperbaiki sehinggakan penurunan deficit kepada US\$280 juta sahaja. Ini membayangkan perkembangan ekonomi yang begitu pesat. Para wartawan sama ada dalam atau luar negara membandingkan keupayaan Korea dengan kejayaan Jepun pada tahun 1966 apabila eksport negara itu berjaya mencapai US\$10,000 juta. Dengan kejayaan Korea, sebuah majalah di Jepun *Diamond* memberi amaran kepada Jepun bahawa Korea Selatan berkemungkinan dapat menyamai atau menandingi kemajuan ekonomi Jepun.

Hasil perkembangan itu juga berupaya menukarkan corak negara Korea dari negara miskin kepada negara membangun – yang bergantung kepada kegiatan pertanian dan mengalami imbalan pembayaran yang lemah pada awalnya terpaksa bergantung kepada bantuan kewangan dari negara luar. Suatu hal yang mengagumkan juga ialah kejayaannya itu tanpa memiliki

bahan-bahan mentah yang secukupnya. Bahan mentah yang dimilikinya ialah tungsten.

Berbanding di Malaysia, kita memiliki pelbagai jenis bahan mentah dan banyak pula. Sejak berpuluh-puluh tahun Malaysia menjadi pengeluar utama bijih timah dan getah. Kini Malaysia mengeluarkan kelapa sawit, minyak dan bahan-bahan lain. Menerusi DEB, Kerajaan berusaha menggalakkan agar anak negeri mengusahakan bahan-bahan ini. Tetapi sayangnya sedang anak-anak negeri baru merangkak-rangkak untuk mempelajari cara-cara mengeksploit dan memproses hasil buminya, bahan-bahan itu hampir habis di perut bumi yang bertuah ini dikerjakan oleh kapitalis Inggeris dan tauke-tauke Cina yang lebih dahulu arif mengerjakannya. Kesannya ialah ramai anak-anak muda dari kampung yang berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari rezeki sesuap pagi dan sesuap petang. Ataupun jika lombong itu dimajukan menjadi sebuah taman bunga, sudah tentu ia menjadi tempat menungan anak-anak muda dari kampung yang berhijrah ke kota untuk menjadi buruh kontrak bagi tauke-tauke Cina.

Oleh kerana kepakaran yang agak tinggi, walaupun kekurangan bahan-bahan mentah, tidak pula mengurangkan keupayaan Korea untuk menanggung penduduk yang semakin meningkat. Ini dijalankan dengan meneroka ke negara-negara lain. Di negara kita, banyak projek Kerajaan diselenggarakan oleh pengusaha-pengusaha dari Korea, misalnya di Perak. Kerajaan negeri yang dipimpin oleh Datuk Seri Wan Muhammad Haji Wan Teh telah menandatangani satu kontrak dengan pengusaha dari Korea untuk memulakan pembikinan kilang batu di Gunung Pondok, Padang Rengas. Projek ini dikatakan yang terbesar di Asia Tenggara (mengikut



apa yang dilaporkan oleh akhbar tempatan tidak berapa lama dahulu). Laporan itu juga menyebut kemungkinan besar, sekiranya projek itu dilancarkan akan menjejaskan kesihatan penduduk di sekitar kawasan lima belas batu. Kita tidak tahu sejauh manakah projek itu menguntungkan rakyat, khususnya bagi penduduk di kawasan luar bandar. Kerajaan Perak tentunya mengambil berbagai langkah bagi mengatasi masalah pencemaran di kawasan itu. Mungkin perkara ini turut dibincangkan dengan Dr. Mahathir secara tidak rasmi ketika bertemu dengan EXCO Negeri Perak baru-baru ini. Walau apa pun kemungkinannya, yang jelas ialah sudah tentu ada keuntungan dan faedah yang akan diperolehi oleh pihak-pihak yang terlibat.

Bagi Korea sungguhpun penduduknya bertambah daripada 26 juta dalam tahun 1962 kepada 35 juta pada tahun 1976, pendapatan per kapita rakyatnya juga bertambah daripada US\$87 juta kepada US\$692 juta. Kadar pertumbuhan ekonominya meningkat daripada 7.7% dalam masa pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Pertama (1962-1966) kepada 10.5% dalam Rancangan Lima Tahun Kedua (1967-1971) dan ini meningkat lagi kepada 10.9% dalam pelaksanaan Rancangan Lima Tahun Ketiga.

Antara kejayaan Korea dalam bidang ekonomi ialah penumpuannya terhadap industri berat terutama di bidang perkapalan, kejuruteraan dan elektronik. Di samping itu, eksport masih menjadi tenaga penggerak dalam pertumbuhan ekonomi Korea. Kadar eksportnya meningkat amat pesat - pertumbuhan purata tahunan 40% antara tahun 1962 dan 1976. Dengan nilai yang bermula daripada US\$55 juta kepada US\$7560 juta.

Walaupun ekonomi Korea dikatakan moden tetapi sebenarnya masih lagi di peringkat awal. Sehingga tahun 1960-an, perdagangan antarabangsa masih lagi dalam genggaman monopoli Amerika dan Jerman. Kemudian muncul tunas-tunas segar yang bergiat dalam sektor bank, industri dan sebagainya, hasil galakan dan bantuan Kerajaan. Eksport dalam bentuk loji-loji besar masih lagi kecil dan dalam proses perkembangan. Korea banyak menjalankan projek-projek besar di Arab Saudi. Sebuah lagi firma Korea telah memulakan perusahaan simen di Papua New Guinea dan Korea juga mengikat beberapa perjanjian perdagangan dengan Sudan.

Kejayaan Korea mengeluarkan dan memasarkan bahan-bahan seperti kasut dan kain adalah juga asas kepada pertumbuhan ekonominya. Berdasarkan bahan eksport ini juga, Korea mengalami kelebihan dalam im-bangan pembayaran negara dalam tahun 1976. Tetapi kemakmuran yang Korea alami menimbulkan rasa cemburu kepada Amerika Syarikat, Jepun dan negara EEC yang mengancam pasaran eksport Korea dengan mengenakan cukai perlindungan. Dengan hal yang demikian, Korea mencari jalan keluar bagi menjamin pasaran barang-barang siapnya. Korea tidak lengah bertindak untuk mengalihkan pandangan negaranya daripada berkiblat ke Barat terus ke Timur Tengah. Di sanalah munculnya tangan simpati, pasaran yang luas bagi kepentingan kedua-dua pihak.

Pengalaman yang sama juga sedang dialami negara. Pengalaman yang pahit ini adalah berikutan tindakan Amerika yang 'bermain' dengan pasaran sahamnya sehingga perusahaan bijih timah kita mengalami kesulitan.

Apakah kita juga akan mengikut jejak Korea dengan menumpukan perhatian ke Timur Tengah? Jalan telah dirintis oleh Dr. Mahathir tidak berapa lama dahulu. Beliau telah melawat beberapa negara Teluk dan khabarnya mendapat sambutan yang sungguh menggalakan. Kalaupun Malaysia berhasrat mengikut jejak langkah Korea, halangan tidak begitu banyak yang akan ditempuhi bagi memenangi hati saudara yang se-agama. Bagi Korea, langkah mengurangkan pergantungan kepada Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah yang lain tetapi sebaliknya bertumpu ke Timur Tengah ternyata membuahkan hasil. Jika sebelum langkah itu diambil, Jepun dan Amerika Syarikat menguasai lebih kurang 70% daripada pengaliran import eksport Korea tetapi kesan daripada tindakan sedemikian menurun ke paras 55% sahaja.

Dr. Mahathir pernah menyuarakan pendapatnya di dalam kertas kerja yang dibentangkan ketika beliau menjadi Ahli Jawatankuasa Tertinggi UMNO pada tahun 1971 mengenai tekanan dan tindakan negara-negara maju ke atas negara-negara sedang membangun. Dr. Mahathir mengkritik tindakan sesetengah negara sedang membangun yang sentiasa mencontohi negara membangun sebagai asas untuk rancangan pembangunannya.

Katanya lagi kebanyakan ahli dan perancangan ekonomi, disamping memuja-muja negara maju telah mengalami sikap yang agak negatif dari kaca mata Malaysia, iaitu apa saja yang diamalkan oleh negara maju akan dicontohi oleh negara-negara yang sedang membangun.

## PENUBUHAN PPB GEMPARKAN BLOK BARAT

Sebelum perjanjian penubuhan PPB dimeterai di Bangkok minggu lepas, menteri-menteri dari tiga negara pengeluar bijih yang terbesar di dunia – Malaysia, Indonesia dan Thailand telah pun berbincang pada peringkat awal tentang rancangan penubuhan PPB. Apabila perkara ini diketengahkan dan disokong pula laporan pemberitaan yang meluas dari media massa, ia telah membuka mata dunia terutama negara-negara pengeluar bijih timah dan juga negara-negara pengguna seperti Amerika Syarikat....

---

*Berita Minggu, 25 Julai 1982*

CADANGAN DR. MAHATHIR agar ditubuhkan satu pertubuhan pengeluar-pengeluar bijih rupa-rupanya menjadi kenyataan. Pada hari Jumaat 11 Jun 1983, ketiga-tiga menteri Malaysia, Indonesia dan Thailand – pengeluar bijih yang terbesar di dunia – sebulat muafakat menubuhkan Pertubuhan Pengeluar-pengeluar Bijih (PPB). Buat pertama kali dalam sejarah perdagangan bijih timah antarabangsa, negara cuba melepaskan diri dari belunggu Perjanjian Timah Antarabangsa (*International Tin Agreement* – ITA) dan Pasaran Timah London (*London Metal Exchange* – LME) yang buat sekian lama cuba

mengikat Malaysia. Selama beberapa tahun negara mengalami kerugian akibat terlalu banyak bertolak ansur dan sering mengalah sehingga nyaris-nyaris kita tenggelam.

Kesedaran negara, Indonesia dan Thailand untuk berganding bahu diharapkan dapat menelurkan hasil yang memuaskan. Tambahan pula ketiga-tiga negara tergolong dalam ASEAN, tentunya semangat setia kawan sentiasa menyelubungi setiap perasaan sama ada Datuk Paul Leong, Profesor Sobroto mahupun Ob Vasuratna. Tertubuhnya PPB mencuit hati kita untuk menoleh ke belakang sejenak, menyingkap tabir bermulanya segala idea ke arah penubuhan PPB. Jasa dan gagasan idea Dr. Mahathir sentiasa mendapat pujian negara, begitu pun titik peluh dan curahan fikiran Datuk Paul Leong tidak mudah dilupakan. Namun demikian, kita jangan lupa sumbangan Fauzi Abdul Rahman yang amat bermakna.

Melalui akhbar inilah (18 Julai 1982) Fauzi yang bertindak selaku jurutera perlombongan, merangkap Setiausaha Dewan Perniagaan Melayu Malaysia cawangan Pahang mengalu-alukan serta menegaskan betapa pentingnya penubuhan PPB. Pada perkiraannya, Malaysia adalah pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia. Sekiranya negara-negara pengeluar yang lain sanggup bergabung, tentulah pertubuhan ini menjadi lebih kuat dan berkesan. Melalui pertubuhan ini juga, tabung kewangan dapat diwujudkan, di samping menubuhkan pusat penyelidikan dengan tujuan untuk meminimumkan kos perlombongan dan mempelbagaikan penggunaan bijih timah. Yang agak penting daripada syor beliau itu ialah segala kegiatan perdagangan yang melibatkan penjualan bijih timah disalurkan melalui Pasaran Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) dan tidak lagi melalui LME.

Datuk Paul Leong menyifatkan:

Such a tin market in this time zone is useful timely as it will reduce the need to trade on the London Metal Exchange, based on a currency which has not been noted for its exchange note stability.

Kata seorang ahli ekonomi pula:

The London Metal Exchange was set up when the British owned most of the tin mines in Malaya. The LME had stricter regulations in those days regarding speculation their interest in stabilising tin prices has owned now that Malaysian owned mines.

*The New Straits Times*, Julai 1982

Syor-syor dan cadangan-cadangan ini dimasukkan ke dalam objektif penubuhan PPB yang ditandatangani di Bangkok. Ketiga-tiga menteri akan mengadakan pertemuan seterusnya di Bangkok pada 29 Ogos akan datang untuk membincangkan tentang anggaran belanjawan, undang-undang pertubuhan dan hal-hal lain yang berkaitan. Segala proses ke arah memindahkan perdagangan bijih timah ke KLCE dan tidak lagi melalui LME akan dapat disempurnakan pada penghujung tahun 1983 ataupun awal tahun 1984.

PPB juga menjalankan penyelidikan untuk mempelajari penggunaan bijih timah. Ini adalah antara tujuan asal penubuhannya. Dengan penubuhan satu lagi badan yang bertanggungjawab ke atas segala penyelidikan mengenai penggunaan bijih timah, barulah pertubuhan ini berfungsi dengan menepati erti kata yang sebenarnya. Setakat ini terlalu kurang inisiatif dijalankan untuk meneroka lapangan baru penggunaan bijih timah. Tambahan pula permintaan terhadap bijih timah agak

berkurangan kebelakangan ini. Ini ditegaskan sendiri oleh Datuk Paul Leong. Permintaan dunia jatuh daripada 200,000 tan kepada 165,000 tan. Keadaan ini haruslah dipandang berat oleh negara-negara pengeluar. Mungkin juga ini merupakan satu cara bagi negara-negara pengguna untuk mengurangkan penggunaan bijih timah dan menggantikan dengan bahan lain yang lebih kurang sama mutunya.

Salah satu ciri PPB ialah ia tidak akan mewujudkan stok penimbal sepertimana dalam ITA. PPB lebih memberatkan soal-soal kerjasama antara negara-negara pengeluar bijih supaya tenaga dapat digembleng ke arah memikirkan satu cara untuk menstabilkan harga logam tersebut. Walaupun PPB adalah pertubuhan negara-negara pengeluar, namun ia tetap menjaga kepentingan pengguna. Dengan sikap demikian kemungkinan besar negara-negara pengeluar bijih yang lain akan turut serta mendokong PPB. Sememangnya negara pengasas mengalu-alukan kemasukan seberapa banyak negara ke dalam pertubuhan itu agar pertubuhan itu nanti benar-benar kukuh.

Sebelum perjanjian penubuhan PPB dimeterai di Bangkok minggu lepas, menteri-menteri dari tiga negara pengeluar bijih yang terbesar di dunia - Malaysia, Indonesia dan Thailand telah pun berbincang pada peringkat awal tentang rancangan penubuhan PPB. Apabila perkara ini diketengahkan dan disokong pula laporan pemberitaan yang meluas dari media massa, ia telah membuka mata dunia terutama negara-negara pengeluar bijih timah dan juga negara-negara pengguna seperti Amerika Syarikat. Bolivia yang dikira sebagai negara pengeluar bijih yang keempat terbesar di dunia menyatakan hasrat untuk menganggotai PPB. Begitu

juga negara-negara seperti Brazil, Burma, Australia, Nigeria dan Zambia.

Itu dahulu. Kini PPB ditubuhkan dengan rasmi dan yang menjadi pengasasnya ialah tiga buah negara ASEAN yang sanggup sehidup semati memperjuangkan cita-cita murni ini, demi kepentingan ekonomi rantau ini. Ke manakah perginya Bolivia dan negara-negara yang berura-ura hendak menyertai PPB dahulu? Apakah negara-negara yang menyatakan simpati itu masih mengamalkan sikap tunggu dan lihat akan tindakan negara-negara ASEAN melaksanakan tugasnya? Apakah mereka masih mahu diperbudak-budakkan oleh negara-negara pengguna yang tidak begitu bertimbang rasa?

Lahirnya PPB dengan tidak secara langsung menggambarkan perasaan ketidakrelaan negara-negara pengeluar bijih (kebetulan negara-negara sedang membangun yang dianggap miskin) untuk terus diperkotak-katikkan oleh negara-negara pengguna yang kaya. Berpuluh-puluh tahun kita dipermainkan oleh Amerika, Britain dan Jerman Barat kerana merekalah yang menjadi negara pengguna bijih yang terbesar di dunia. Terlalu lama kita sengsara. Kita mengeluarkan bijih tetapi mereka yang kaya. Hanya selepas dua puluh enam tahun negara mencapai kemerdekaan baru kita sedar tentang langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki keadaan perdagangan bijih timah, sedang kita tahu bijih timah adalah nadi kepada negara kita. Kita juga sudah lama mengetahui yang negara kita adalah pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia. Dunia tahu di mana Lembah Kinta. Panggilan Larut menyebabkan orang China berduyun-duyun berhijrah ke mari sehinggalah ke saat ini, mereka terus menghuni di bumi kita dan



menjadi sebahagian daripada kita sedang kaum peribumi yang berhak ke atas tanah pusaka bangsa masih berdiam diri, membiarkan segala-galanya berlaku di depan mata. Begitu juga kita telah membiarkan bijih timah mengalir ke tangan orang lain tanpa sekatan yang konkrit.

Kita berbuat begitu kerana negara kita kaya dengan hasil bumi kurniaan Allah. Kita tahu masih banyak lagi bijih di perut bumi dan kita juga tahu minyak akan memancut keluar dari dasar laut kita. Tetapi kadangkadang kita lupa bahawa Allah berkuasa melakukan apa sahaja dalam sekelip mata. Katakanlah bijih 'lari' entah ke mana, minyak meresap ke dalam bumi, getah, kelapa sawit, nanas dan kayu balak pupus di tanah gersang. Tidak ada gunanya kita sedar pada waktu itu. Jangan ditangisi nasi yang telah menjadi bubur.

Lahirnya idea untuk menubuhkan PPB berpunca daripada wujudnya keadaan tidak sihat yang menyelubungi suasana perdagangan bijih timah antarabangsa yang telah mencabar kewibawaan Malaysia supaya mengorak langkah ke arah satu tindakan berkesan yang boleh menjernihkan semula keadaan itu. Malaysia selaku negara pengeluar bijih timah yang terbesar merasakan tindakan segera adalah perlu untuk menyelesaikan masalah itu yang akan menentukan jatuh bangun industri bijih timah negara kita.

Zaman kemelesetan yang telah dan sedang menghimpit dunia kini menyebabkan kita berfikir dua kali tentang bagaimana caranya untuk memulihkan keadaan mendung yang melitupi suasana perdagangan bijih timah. Kita mula sedar apabila 170 buah lombong bijih terpaksa ditutup menyebabkan 4,000 buruh hilang pekerjaan.

Kemelesetan juga memberi kesan negatif terhadap ekonomi negara yang banyak bergantung kepada pengeluaran bahan mentah. Dalam hal ini Malaysia tidak terkecuali terutama apabila perdagangan bijih timah menghadapi zaman gelap. Kesedaran kita tentang tindakan Amerika terhadap perusahaan bijih timah bertambah mendalam berikutan langkah mereka yang disifatkan tidak bertimbang rasa kepada negara-negara sedang membangun.

Pada 26 April 1982, harga bijih di Pulau Pinang jatuh ke paras RM29 iaitu turun 15 sen daripada paras harga yang ditetapkan. Pada hari yang sama Majlis Timah Antarabangsa (ITC) telah mengenakan pemotongan eksport sebanyak 15%. Bagi menambahkan lagi keruncingan keadaan pasaran, pada hari berikutnya GSA mengedarkan 100 tan bijih timah dari stok simpanannya. Keadaan ini menyebabkan harga turun dengan mendadak dan sukar sekali disekat. Inilah yang dikatakan perbuatan Amerika Syarikat yang tidak bertanggungjawab. Mengikut pendapat Datuk Paul Leong, beliau menganggarkan terdapat 70,000 tan bijih melambak di pasaran pada ketika itu. Mengikut perkiraannya jumlah itu akan mengambil masa selama dua tahun untuk diserapkan, walaupun ada potongan 15% dan andaian yang Amerika Syarikat akan memberhentikan penjualan stok simpanan. Sekiranya Amerika berterusan mengedarkan stoknya, masa untuk penyerapan mungkin lebih lama lagi. Amerika Syarikat telah menjual stok simpanan bijih yang berjumlah lebih kurang 200,000 tan iaitu melebihi jumlah penggunaan seluruh dunia.

Dr. Mahathir memandang berat akan tindakan Amerika, khususnya dan peranan negatif ITC dalam

usahanya untuk menstabilkan harga bijih. Pada hari Sabtu 19 Jun 1982, tiga orang menteri dari Malaysia, Indonesia dan Thailand menemui Dr. Mahathir untuk membincangkan hal yang berkaitan dengan perdagangan bijih. Pada masa itu Malaysia ragu-ragu akan peranan ITC ke-6 kerana ITC tentu sekali tidak dapat berbuat apa-apa mengenai harga disebabkan tidak semua negara pengguna turut serta dalam ITC ke-6 itu. Apabila difikirkan ITC tidak dapat berbuat sesuatu yang berkesan terhadap GSA yang bertanggungjawab melonggokkan stok simpanan mereka di pasaran antarabangsa.

Secara tidak langsung, penubuhan PPB memberi tamparan hebat kepada ITC atau ITA. Penubuhan ini juga dianggap satu tindakan berani, berikutan timbul kesedaran yang mendalam negara-negara pengeluar bijih timah tentang keadaan daif mereka yang sentiasa dipermainkan-mainkan oleh negara-negara pengguna dunia. Pada teorinya, ITC yang ditubuhkan 26 tahun lalu berfungsi untuk menstabilkan harga bijih timah di pasaran antarabangsa. Caranya, dengan mengadakan satu mekanisme stok penimbal. Peranan stok ini ialah untuk mengimbangi harga di pasaran. Misalnya, jika bijih melambak di pasaran, ia boleh mengakibatkan kejatuhan harga, di sinilah stok penimbal berperanan membeli bijih itu. Sebaliknya jika bijih berkurangan di pasaran, stok penimbal akan menjualkan bijihnya. Dengan cara inilah harga dapat dikawal.

Sekiranya ITC berjalan dengan lancar dan licin, harga pasaran dapat dikawal tetapi timbul satu lagi anasir yang tidak bertanggungjawab yang sentiasa mengharu-birukan keadaan perdagangan iaitu peranan GSA. GSA sering campur tangan untuk meruntuhkan

struktur perdagangan bijih timah antarabangsa. Media massa di Barat tentulah tidak menyenangi penubuhan PPB. Jika dirujuk keadaan yang berlaku di London tahun lepas, jelas menunjukkan niat para wartawan. Mereka memainkan peranan menghasut dan melemahkan semangat negara-negara yang pada dasarnya telah ber-setuju menganggotai PPB. Hasil tindakan PPB negara-negara pengguna Barat mula gusar dan takut. Perasaan ini disalurkan melalui media massa. Dengan demikian, baru jelas bahawa penubuhan PPB adalah satu jalan penyelesaian ke arah menstabilkan harga. Tentu pakar-pakar ekonomi negara-negara itu mulai sedar dan dapat mengagak betapa berkesannya peranan PPB yang mungkin mengancam ekonomi negara-negara pengguna. Mungkin mereka bimbang kalau sikap menahan lukah di pergentingan mereka itu dapat dipatahkan.

Dalam usaha PPB mencari jalan untuk mengatasi kepincangan dalam dunia dagang bijih timah, Amerika Syarikat dan negara-negara pengguna yang lain pula sentiasa memikirkan bagaimana hendak mengatasi rancangan negara-negara pengeluar ini. Amerika Syarikat tidak seharusnya memikirkan pertandingan menang kalah, jika lawannya negara yang lemah dibandingkan dengan kekuatannya. Biar seribu PPB ditubuhkan, namun kalau GSA dengan sewenang-wenangnya menjualkan simpanan stok akan hancur juga pasaran bijih. Dalam hal ini Timbalan Setiausaha Negara Amerika, Walter Stoessel pernah membayangkan kebimbangannya mengenai penubuhan PPB:

...yes only in general sense. I referred to protectionist trends in general and the tendency on the part of some producers of commodities to form cartels which went against the operation of the free market system.

Walau apa pun yang diperkatakan PPB telah ditubuhkan dan akan bergerak selaras dengan perlembagaan yang termaktub. Kita belum tahu tentang kejayaannya tetapi setiap usaha murni pasti akan membuahkan hasil yang baik. Sekiranya kejayaan itu berupa satu reformasi dalam usaha negara untuk mengubah cara berfikir masyarakat yang selalu berpegang pada andaian menurut tradisional, kejayaan itu bolehlah disifatkan sebagai mengikut arus zaman, bak kata pepatah Melayu, sekali air bah sekali pasir berubah.

## PEMIMPIN DILANTIK OLEH RAKYAT UNTUK RAKYAT

...Datuk Bahaman bergelar Orang Kaya Semantan disebabkan kegagahannya. Dato' Onn Jaafar dimuliakan kerana kepandaian dan kebolehannya menyatukan orang Melayu dan menubuhkan UMNO. Begitu juga pemimpin-pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn hinggalah kepada Dr. Mahathir, kesemuanya dipilih berdasarkan kualiti dan daya kepimpinan. Mungkinkah pada masa akan datang muncul Perdana Menteri Malaysia yang menggunakan wang untuk mempengaruhi dan memancing pengundi?

---

*Dewan Budaya*, 1 Julai 1985

SAYA INGIN MENYENTUH satu episod sejarah yang amat penting dalam persejarahan Malaysia sebelum melangkah lebih jauh. Detik sejarah yang dimaksudkan itu ialah saat-saat Dato' Onn Jaafar meletakkan jawatan dalam UMNO. Mengikut Tan Sri Abdul Samad Idris di dalam bukunya, *25 Tahun Merdeka*:

Sebelum Dato' Onn meninggalkan UMNO satu Perhimpunan Agung Khas telah diadakan di Hotel Majestik pada 23 dan 26hb. Ogos, 1951. Dalam perhimpunan itu Tunku Abdul Rahman Putra telah dipilih menjadi Yang Dipertua Agung baru

setelah mengalahkan lawan-lawannya dalam pertandingan tiga penjur.

Namun Tunku Abdul Rahman Putra dicalonkan oleh Encik Bahaman bin Shamsuddin. Beliau ditentang oleh Tuan Haji Ahmad Fuad, calon yang dikemukakan oleh Dato' Onn, Encik C.M. Yusof dicalonkan oleh Raja Ayub bin Raja Bot dan Encik Tajuddin bin Uda Isa.

Banyak kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan episod di atas dan banyak pengajaran yang boleh ditimba. Satu daripadanya ialah terdapat pertandingan tiga penjur untuk merebut jawatan Yang Dipertua Agung (kini dipanggil Presiden) dan kempen-kempen yang dijalankan bertujuan menaikkan calon masing-masing. Misalnya, Dato' Onn dalam ucapannya menyokong Haji Ahmad Fuad Hassan sebagai Yang Dipertua Agung dengan alasan kedudukannya sebagai haji dan ulama serta berkemampuan memimpin.

Persoalan yang ingin diketengahkan ialah adakah calon itu sendiri yang mendabik dada mengatakan dia seorang pemimpin yang berkebolehan dan berkelayakan untuk memimpin? Tidak, malah Tunku Abdul Rahman sendiri tidak pernah mendabik dada, menyorongkan hidung yang tak mancung mengatakan beliau adalah calon yang paling layak bagi jawatan Yang Dipertua Agung.

Menurut satu sumber, Tunku Abdul Rahman telah 'dipujuk' oleh Tun Abdul Razak supaya menyertai UMNO. Pada pendapat Tun Abdul Razak, Tunku adalah orang yang paling layak dijadikan pemimpin UMNO berdasarkan kewibawaannya ketika memimpin kesatuan Melayu United Kingdom ketika menuntut di sana dahulu. Dalam mesyuarat itu, keputusan memihak

kepada Tunku Abdul Rahman dan dipilih menjadi Yang Dipertua Agung.

Mengikuti Tan Sri Abdul Samad Idris, pemilihan Tunku berdasarkan status Tunku berdarah diraja. Pada masa itu kedudukan Istana dipandang mulia. Suatu perkara yang unik dalam pemilihan itu ialah sikap calon-calon yang kalah, misalnya, Haji Ahmad Fuad dan Dato' C.M. Yusof. Mereka tidak terus menarik diri sebaliknya patuh pada keputusan mesyuarat yang berkehendakkan mereka menjadi Ahli Jawatankuasa Majlis Tertinggi UMNO.

Saya sengaja mengambil peristiwa sejarah ini untuk membandingkan keadaan pada zaman itu dengan keadaan yang berlaku pada hari ini terutama dalam saat-saat perebutan jawatan dalam pucuk pimpinan UMNO sama ada di peringkat Bahagian atau Cawangan. Ada calon-calon yang ingin bertanding untuk merebut satu-satu jawatan telah menggunakan berbagai-bagai cara untuk memenangi kerusi. Ada yang terpaksa menyuruh kawan dan konco-konconya mencalonkan dirinya untuk memegang satu-satu jawatan dan bukan atas kerelaan hati kawan untuk mencalonkannya. Calon berusaha sedaya upaya berkempen ke sana ke mari sambil mendabik dada mengakui dialah calon paling layak untuk jawatan itu.

Keadaan ini tidak pernah berlaku kepada ahli UMNO di zaman sebelum merdeka. Jika adapun hanyalah berlaku kepada seorang dua. *Sejarah Melayu* juga tidak pernah mencatatkan trend ini dalam sistem politik orang Melayu. Dewasa ini trend sedemikian berlaku di mana-mana asalkan ada perebutan untuk satu-satu jawatan penting dalam UMNO ataupun parti politik yang lain. Ada yang mengatakan trend demikian



merupakan satu pertandingan yang sihat dan menunjukkan kematangan ahli-ahli dan kewarasan mereka berfikir.

Persoalan itu tidak perlu dijawab dengan tergesa-gesa. Yang jelas apabila ada unsur-unsur mendabik dada dan penggunaan wang yang berleluasa untuk mempengaruhi pengundi timbul sungutan-sungutan yang mengatakan cara pemilihan pemimpin kita telah terkeluar daripada landasan yang menjadi tradisi budaya Melayu.

Orang Melayu tidak harus memberi pengiktirafan kepada dirinya. Sekiranya seseorang itu merasakan dirinya pandai, maka orang lain yang mengukur dan orang lain juga yang mengiktiraf kepandaiannya itu. Begitu juga seseorang yang beranggapan dirinya layak menjadi pemimpin, maka orang lain yang memberi pengiktirafan kelayakannya itu. Orang Melayu sentiasa berpegang pada rasmi padi semakin berisi semakin tunduk dan menghindari rasmi lalang. Jika keadaan hari ini dibandingkan dengan zaman Dato' Onn dahulu tentulah jelas kelihatan sebagai penyimpangan daripada norma-norma yang diikuti oleh orang Melayu dahulu. Apakah punca yang menyebabkan keadaan sedemikian? Mungkinkah disebabkan terlalu ramai golongan bijak pandai yang mahu jadi pemimpin? Atau mungkin mereka terbayangkan ganjaran di sebalik kemenangan satu-satu jawatan itu?

Tentulah tidak ada sesiapa yang dapat menafikan kemungkinan-kemungkinan ini. Jelas terbukti, untuk mencapai kejayaan dalam bidang politik ataupun perniagaan, langkah pertama yang harus dilakukan ialah memenangi satu-satu jawatan dalam parti. Selepas itu menyusul pula berbagai-bagai kemudahan untuk meraih kekayaan. Tetapi apakah dorongan kebendaan

yang menyebabkan anggota masyarakat kita lupa diri, terpesong jauh daripada budaya datuk nenek kita? Ataupun mungkinkah trend ini merupakan satu proses perubahan?

Satu kesan yang mungkin timbul ialah munculnya pemimpin yang tidak menepati ciri-ciri dan kualiti sebenar seorang pemimpin - ataupun boleh dipanggil pemimpin plastik. Hal ini tidak mustahil berlaku.

Katakan tohmahan ini benar dapatlah dikatakan wang adalah satu-satunya senjata yang dapat membeli jawatan yang diidamkan dalam parti. Ciri-ciri seorang pemimpin seperti kebolehan, kewibawaan, kebolehpercayaan, kelulusan, kejujuran dan sebagainya tidak lagi dipandang. Wang telah mengabui mata dan hati calon dan juga pengundi.

Cara ini telah menyimpang jauh daripada amalan budaya Melayu. Hang Tuah dilantik sebagai laksamana disebabkan kegagahan dan sifat kepahlawanannya. Datuk Bahaman bergelar Orang Kaya Semantan disebabkan kegagahannya. Dato' Onn Jaafar dimuliakan kerana kepandaian dan kebolehannya menyatukan orang Melayu dan menubuhkan UMNO. Begitu juga pemimpin-pemimpin seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail, Tun Hussein Onn hinggalah kepada Dr. Mahathir, kesemuanya dipilih berdasarkan kualiti dan daya kepimpinan. Mungkinkah pada masa akan datang muncul Perdana Menteri Malaysia yang menggunakan wang untuk mempengaruhi dan memancing pengundi?

## KETUA PEMUDA UMNO: KE MANA HALUAN DIBAWA?

..Jika ditakdirkan Datuk Haji Suhaimi menang, kita tunggu strategi baru yang akan dibawanya. Tetapi jika kemenangan berpihak kepada Anwar Ibrahim, sudah pasti isu penting yang dibawanya ialah Islam. Persoalannya, tercapaikah hasrat UMNO untuk menimbulkan kesedaran masyarakat, mengembalikan maruah umat yang sudah terjejas, yang terlalu berkiblatkan kepada kebendaan dan pengasingan hidup daripada menurut kehendak dan prinsip agama? Samasalah kita lihat.

---

*Berita Minggu, 22 Ogos 1982*

SEKALI LAGI PERHATIAN dunia tertumpu ke Malaysia. Jikalau pun tidak seluruh dunia, sekurang-kurangnya negara-negara Asia Afrika ataupun negara-negara Islam di Timur Tengah akan menaruh penuh minat untuk mengikuti detik perkembangan politik Malaysia kerana Anwar Ibrahim (yang terkenal di negara-negara tersebut) akan bertanding untuk jawatan Ketua Pemuda UMNO, menentang sahabat karibnya Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin. Hakikat yang tidak harus dilupakan ialah Anwar Ibrahim terpaksa berhadapan dengan sahabat karibnya sendiri. Mereka dari

satu sekolah dan mungkin mendapat pendidikan daripada guru yang sama pula. Dari segi perjuangan pun, tidak banyak bezanya. Dan kini, mereka memegang jawatan yang sama - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Awal-awal lagi Anwar Ibrahim berharap pertandingan ini nanti mengikut lunas-lunas demokrasi dan segala kempen hendaklah menyentuh isu-isu asas yang berkaitan dengan pokok perjuangan. Diharapnya juga tidak ada kempen yang menyentuh hal-hal peribadi. Ramai pemerhati politik beranggapan pertarungan kali ini adalah betul-betul pertarungan fikiran, idea dan kepimpinan dua intelek yang dianggap menjadi contoh untuk diikuti kelak. Datuk Haji Suhaimi pula menegaskan bahawa beliau tidak perlu menyatakan jasa-jasa yang telah dilakukan kerana masyarakat boleh mengadilinya sendiri cara beliau mengendalikan teraju pucuk pimpinan. Yang terakhir (kalau boleh disifatkan begitu) ialah Datuk Haji Suhaimi telah mengetuai tunjuk perasaan Kumpulan Rakyat Malaysia terhadap kedatangan sekumpulan peguam yang ingin meninjau kes-kes tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri di negara kita. Terus-terang dinyatakan bentuk dan cara kepimpinannya berbeza dengan pimpinan Datuk Harun. Menurutnya, pada zaman Datuk Harun, kebanyakan ahli Exco Pemuda UMNO adalah orang luar iaitu tidak memegang jawatan di dalam Kerajaan kecuali Datuk Harun.

Inilah perbezaan yang paling ketara dan tidak ada konfrontasi politik dalam era kepimpinannya. Cuma Datuk Haji Suhaimi pernah beberapa kali menegaskan, kumpulan pimpinannya adalah Kumpulan Halia. Para pemerhati politik sering menanggapi cawangan Pemuda

UMNO berperanan cukup penting untuk menggerakkan kegiatan parti. Sekiranya cawangan Pemuda UMNO tidak aktif, cawangan-cawangan lain juga bersifat demikian, seperti Wanita UMNO.

Sejarah membuktikan bahawa semenjak ditubuhkan pada Ogos 1949, Pemuda UMNO memainkan pelbagai peranan aktif. Zaman menuntut, mencapai dan mengisi kemerdekaan tanah air serta selepas Peristiwa 13 Mei 1969, memperlihatkan taring Pemuda UMNO semakin menyengat. Ia dianggap sebagai Kumpulan Pendesak yang segala tindak-tanduknya harus mendapat perhatian pucuk pimpinan, malah memerlukan pelaksanaan segera. Cawangan Pemuda UMNO ditubuhkan dalam Perjumpaan di Butterworth, dihadiri oleh 24 orang perwakilan dari empat cawangan. Dalam perjumpaan itu, Tun Hussein Onn yang ketika itu berusia 27 tahun, dilantik menjadi Presiden. Sayangnya beliau tidak lama memegang jawatan itu kerana diberi tugas sebagai Setiausaha Agung UMNO dalam tahun 1950. Ketika itu pucuk pimpinan UMNO dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar.

Tugas memimpin Pemuda UMNO diserahkan kepada tenaga muda iaitu Tun Abdul Razak yang pada ketika itu berusia 28 tahun. Dalam usia yang begitu muda, beliau berjaya mendapat keyakinan semua pihak untuk meneruskan perjuangan pemimpin Pemuda. Tun Abdul Razak juga berjaya mendesak UMNO menukarkan slogan 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'. Hal ini dinyatakan dalam Persidangan UMNO di Kuala Lumpur pada Februari 1951, selepas dua tahun Pemuda UMNO ditubuhkan.

Walaupun dalam persidangan itu pelbagai pihak menentang cadangan yang diusulkan, namun ke-

putusan tetap meluluskannya. Semenjak tarikh itulah Pemuda UMNO menampakkan taring dan menunjukkan bisanya. Ramai menganggap kepimpinan Pemuda tidak harus diperkotak-katikkan dan sesuailah kalau dikatakan bahawa pemuda harapan bangsa. Dan semenjak itu juga Pemuda UMNO komited dalam apa sahaja bentuk perjuangan dan apa juga isu yang berkaitan dengan politik dan kewujudan orang Melayu.

Pucuk pimpinan Pemuda UMNO kemudian berpindah tangan daripada Tun Abdul Razak kepada Tun Sardon Jubir. Beliau menyandang jawatan itu selepas Tun Abdul Razak dilantik sebagai Naib Presiden UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Tiga belas tahun Tun Sardon mengendalikan pucuk pimpinan Pemuda UMNO. Dalam zaman inilah peranan Pemuda dikatakan paling penting kerana perjuangan menuntut kemerdekaan. Beliau mendapat keyakinan, pengalaman dan pengaruh untuk berjuang mencapai kemerdekaan tanah air dan kedaulatan hak bangsa dan agama orang Melayu.

Tidak hairanlah kalau Pemuda UMNO dapat bergerak licin dan jaya kerana ketika memegang jawatan tersebut, Tun Sardon berumur 34 tahun dan berpengalaman memimpin pelbagai pertubuhan. Beliau pernah menjadi Presiden Kesatuan Melayu Singapura di samping sebagai ahli yang aktif berjuang dalam Parti Kebangsaan Melayu. Dalam tahun 1956, Pemuda dengan berani berusaha memerdekakan Tanah Melayu daripada pemerintahan Inggeris, mendesak Inggeris membebaskan orang Melayu dari cengkamannya. Dan apabila kemerdekaan dicapai, tugas Pemuda tidak selesai di situ sahaja. Malah seolah-olah tugas dan laun-

gan Pemuda baru hendak bermula. Era bertindak bentuk baru pun bermula.

Sekali lagi Pemuda UMNO berada di barisan hadapan untuk memperjuangkan kemajuan pelajaran dan kedudukan ekonomi orang Melayu. Sejak zaman itu lagi, Pemuda UMNO sedar tentang kelemahan kedudukan orang Melayu dari beberapa segi. Dan laungan ini masih berterusan sehingga kini. Bezanya terletak pada lantang tidaknya laungan itu. Di samping cuba merubah sosio ekonomi orang Melayu, Pemuda UMNO juga lantang menyuarakan agar bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan yang tunggal bagi Persekutuan Tanah Melayu, di samping Islam menjadi agama rasmi.

Dan sebagaimana terbukti pada hari ini, perjuangan Pemuda UMNO itu berhasil. Bahasa Melayu, kini dinamakan Bahasa Malaysia dan Islam adalah agama rasmi negara ini. Sehingga tamatnya pimpinan Tun Sardon sebagai Ketua Pemuda UMNO, setiap era itu ada isu besar yang diperjuangkan. Dan apabila Datuk Senu Abdul Rahman mengambil alih kepimpinan Pemuda, beliau juga tidak sunyi dengan isu Revolusi Mental yang bertujuan untuk menggerakkan tenaga orang Melayu ke arah pembangunan fizikal dan mental. Rakyat terutama yang tinggal di desa-desa, digerakkan agar bersemangat dan bergerak maju dalam bidang ekonomi dan sosial, setelah negara merdeka.

Dalam masa dua puluh tahun (1949-1969), Pemuda UMNO yang dipimpin oleh tokoh-tokoh berkaliber, giat berpolitik dan masyarakat nampak keberkesanannya. Selepas Peristiwa 13 Mei 1969, timbul pula isu yang berkehendakkan Pemuda UMNO dipimpin oleh seorang yang tegas, berani dan bijak. Pada saat itulah munculnya Datuk Harun Idris (bekas Menteri Besar

Selangor) yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin badan Pemuda ini. Dan terbukti Datuk Harun bukan sahaja bijak memimpin Pemuda, malah tempatnya sukar diganti kerana apabila disebut sahaja Pemuda UMNO ahli UMNO sentiasa menjulang nama Datuk Harun.

Ketiadaan Datuk Harun memimpin Pemuda UMNO amat dirasakan, namun demikian kekosongan yang diisi oleh penggantinya Tan Sri Syed Jaafar Albar, tidak kurang hebatnya. Gelaran 'Singa UMNO' jelas membuktikan ketokohnya. Dalam masa kepimpinannya yang singkat, dua orang menteri iaitu Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid, ditangkap atas tuduhan berfahaman komunis. Tan Sri Syed Jaafar menggembar-gemburkan isu ini sehingga beliau meninggal dunia pada Januari 1977.

Apabila pucuk pimpinan Pemuda UMNO beralih ke tangan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin, ramai mengatakan peranan Pemuda semakin pasif kerana tidak banyak isu hangat diketengahkan, sehangat isu-isu lampau. Walaupun Datuk Haji Suhaimi dapat menewaskan Ketua Pemuda sebelum ini iaitu Datuk Mohamad Rahmat, tetapi kenaikannya adalah atas sokongan ahli yang mahu 'melepaskan geram' kepada Datuk Mohamad Rahmat. Namun demikian, Haji Suhaimi dikaitkan dengan penahanan Datuk Harun Idris.

Kini, ramai pemerhati politik meramalkan Anwar Ibrahim dapat meletakkan semula Pemuda UMNO ke tahap kegemilangannya, memandangkan tindak-tanduknya yang luar biasa, di dalam dan luar negara. Bagaimanapun ini tidaklah bererti Anwar Ibrahim yang banyak pengalaman memimpin persatuan di dalam dan luar negara, mesti berjaya memimpin Pemuda UMNO. Mungkin beliau tidak dapat memenuhi kehendak ahli-



ahli yang terlalu sangat mendesak. Ramai menyatakan pimpinan Datuk Haji Suhaimi tidak begitu memenuhi hasrat majoriti Pemuda UMNO.

Walau apa pun keputusan persidangan itu nanti, Pemuda akan menerimanya dengan hati terbuka. Jika ditakdirkan Datuk Haji Suhaimi menang, kita tunggu strategi baru yang akan dibawanya. Tetapi jika kemenangan berpihak kepada Anwar Ibrahim, sudah pasti isu penting yang dibawanya ialah Islam. Persoalannya, tercapaikah hasrat UMNO untuk menimbulkan kesedaran masyarakat, mengembalikan maruah umat yang sudah terjejas, yang terlalu berkiblatkan kepada kebendaan dan pengasingan hidup daripada menurut kehendak dan prinsip agama? Sama-samalah kita lihat.

# **PILIHAN RAYA 1982: KARISMA PEMIMPIN- PEMIMPIN MUDA TERUJI SUDAH**

Dr. Mahathir sendiri mengakui bahawa prestasi cemerlang Barisan dalam pilihan raya kali ini tidak diduga sama sekali. Kebanyakan tokoh muda yang diletakkan sebagai calon, bukan sahaja memenangi kerusi yang dipertandingkan, malah mendapat kelebihan undi yang besar. Kemenangan ini seolah-olah memperlihatkan rakyat menerima mereka dengan hati penuh bangga. Dan pendirian 2M direstui serta disokong oleh rakyat yang dizahirkan melalui palitan pangkah di sebelah gambar dacing.

---

*Berita Minggu, 2 Mei 1982*

DUNIA PASTI MENGAGUMI prestasi Pilihan Raya 1982 yang ketujuh di Malaysia. Lebih mengagumkan parti pemerintah Barisan Nasional (BN - Perikatan), berjaya mengekalkan kedudukannya semenjak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Rakyat Malaysia perlu berbangga dengan beberapa keadaan yang wujud dalam negara dewasa ini. Banyak perkara yang perlu dicatatkan tetapi memadai kalau hanya dikatakan

bahawa pertukaran pucuk pimpinan di negara ini dijalankan dengan cara yang paling hormat dan penuh kesopanan.

Tunku Abdul Rahman menyerahkan pucuk pimpinan kepada Tun Abdul Razak dalam suasana yang melambangkan unsur kemelayuan. Begitu jugalah Dr. Mahathir mewarisi pucuk pimpinan daripada Datuk Hussein Onn. Setelah lebih kurang sepuluh bulan memimpin kabinet yang dibentuk oleh Datuk Hussein Onn, Dr. Mahathir mengadakan Pilihan Raya Umum untuk mendapatkan mandat baru daripada rakyat. Menjelang pilihan raya, Dr. Mahathir bersama timbalannya, Dato' Musa membuat beberapa perubahan penting yang dianggap drastik oleh sesetengah pihak tetapi positif pada pihak yang lain. Segala tindak-tanduk 2M, sama ada di dalam atau di luar negara, mendapat restu rakyat berdasarkan keputusan pilihan raya yang diumumkan.

Pihak pembangkang tidak mempunyai isu untuk memancing undi. DAP mahupun PAS, apatah lagi parti-parti kecil seperti PSRM dan KITA, tidak berdaya menahan gelombang perubahan yang dilaksanakan oleh 2M. Dalam Pilihan Raya 1978, DAP memperoleh 16 kerusi Parlimen. Tetapi dalam pilihan raya kali ini, ia hanya berjaya mempertahankan 6 kerusi di Semenanjung. Antara kawasan-kawasan Parlimen yang dianggap kubu DAP yang jatuh ke tangan Barisan ialah kawasan Petaling, Seremban, Mengelembu dan Tanjong di Pulau Pinang.

Keluang yang menjadi kawasan tunggal DAP juga ditawan oleh Barisan. Kawasan-kawasan lain yang ditawan ialah Batu Gajah, Damansara, Beruas dan Bukit Mertajam. Ada juga calon-calon DAP yang dapat mengekalkan kerusi mereka. Antaranya Lee Lam Thye, Lim Kit

Siang dan Karpal Singh. Namun demikian, kemenangan mereka adalah tipis dengan kelebihan undi yang kecil berbanding yang diperoleh dalam Pilihan Raya 1978.

Lee Lam Thye, wakil Parlimen bagi bandar Kuala Lumpur semenjak 1974, hanya mendapat kelebihan 18,831 undi berbanding 21,714 undi yang diperolehnya dalam tahun 1978. Begitu juga Chan Kok Kit yang memenangi kawasan Parlimen Sungai Besi. Dalam pilihan raya lepas, beliau mendapat kelebihan undi yang besar iaitu 33,687, berbanding 5,505 undi yang diperolehnya kali ini. Bagi kawasan Damansara, V. David dikalahkan oleh Tan Koon Swan dengan kelebihan undi 14,422.

Ada pendapat mengatakan punca kegagalan DAP disebabkan sesetengah calon tidak tahu berbahasa Melayu atau Inggeris, berbanding calon-calon MCA yang terdiri daripada golongan profesional seperti doktor, peguam dan jurutera. Dr. Mahathir sendiri tidak menduga Pilihan Raya Umum kali ini dapat menandingi prestasi calon Barisan dalam Pilihan Raya 1978.

Perkara yang dianggap menjadi masalah pada mulanya ialah mengenai calon-calon muka baru yang diketengahkan. Di sesetengah negeri, hampir separuh daripada calon Barisan adalah muka-muka baru. Dan sebagaimana maklum, calon baru tidak dapat menggunakan jentera parti dengan memuaskan disebabkan ia dikuasai oleh golongan veteran. Masalah juga timbul di kalangan parti-parti komponen dalam BN sendiri. Pergeseran antara satu parti dengan parti lain kerap timbul. Bukan itu sahaja, malah dalam parti itu sendiri timbul pergeseran sesama mereka, terutama berkaitan dengan perlantikan calon menjelang pilihan raya.

Dr. Mahathir sendiri mengakui bahawa prestasi cemerlang Barisan dalam pilihan raya kali ini tidak diduga sama sekali. Kebanyakan tokoh muda yang diletakkan sebagai calon, bukan sahaja memenangi kerusi yang dipertandingkan, malah mendapat kelebihan undi yang besar. Kemenangan ini seolah-olah memperlihatkan rakyat menerima mereka dengan hati penuh bangga. Dan pendirian 2M direstui serta disokong oleh rakyat yang dizahirkan melalui palitan pangkah di sebelah gambar dacing.

Datuk Najib Tun Abdul Razak yang disebut-sebut sebagai bakal Menteri Besar Pahang memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Bandar Pekan dengan mendapat kelebihan 2,371 undi menewaskan lawannya Mohamed Rosli Arif dari PAS. Di Johor, bekas Setiausaha Politik kepada Timbalan Perdana Menteri Abdul Ajib Ahmad berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Endau. Beliau memenangi kerusi itu dengan kelebihan 5,220 undi. Ajib menggantikan Datuk Othman Saat sebagai Menteri Besar Johor. Bekas Timbalan Hal-Ehwal Dalam Negeri, Datuk Abdul Rahim Thamby Chik mendapat kelebihan 5,296 undi menewaskan Encik Abdul Jalil Isa dari PAS.

Agak tidak keterlaluan kalau dikatakan Perak merupakan negeri yang paling kurang sekali menonjolkan muka-muka baru dalam pilihan raya ini berbanding Johor, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pahang. Seolah-olah kurang benar golongan profesional di Perak yang berminat menceburkan diri dalam arena politik. Mungkin Datuk Seri Haji Wan Muhammed bin Wan Teh akan mengorak langkah memikirkan hal ini sedalam-dalamnya.

Seperkara yang agak menonjol yang dapat diperhatikan dalam Pilihan Raya Umum 1982 ialah kematangan berfikir bukan sahaja di kalangan calon tetapi yang lebih penting, pengundi-pengundinya. Dr. Mahathir sendiri mengakui kebijaksanaan pengundi-pengundi. Perdana Menteri juga menekankan tentang kemunculan pengundi-pengundi baru (generasi putera kemerdekaan yang dilahirkan selepas 1957) yang tidak harus dilupakan dalam soal menentukan kemenangan calon-calon. Dan kemenangan calon-calon muka baru juga sedikit sebanyak kerana sokongan golongan ini.

Golongan muda seharusnya berbangga kerana Perdana Menteri menganggap golongan ini sebagai kumpulan pengundi yang bijak dan matang. Dan kematangan itu seharusnya dihargai. Tidak mungkin ada lagi golongan ahli politik veteran yang sengaja tidak mahu sedar tentang hakikat kewujudan golongan baru ini yang sudah tentu segala tindakannya dari aspek apa pun agak berbeza dengan golongan veteran. Justeru menyedari hakikat inilah agaknya 2M mengambil langkah meletakkan calon yang berkaliber di samping tidak menepikan langsung golongan veteran yang berpengalaman. Contoh yang paling ketara yang menunjukkan keputusan pilihan raya yang agak mengelirukan tetapi menampakkan kematangan pengundi ialah ketewasan Lim Kit Siang di kawasan Dewan Undangan Negeri Bandar Hilir, Melaka di tangan Gan Boon Leong. Sebaliknya pengundi telah mengundi Lim Kit Siang untuk mewakili mereka di Parlimen. Walaupun kelebihan undinya agak kecil tetapi Lim Kit Siang berjaya menewaskan Chan Teck Chan.

Contoh yang sebaliknya pula berlaku di kalangan ahli-ahli PAS. Datuk Asri hanya memenangi kerusi

Dewan Undangan Negeri. Begitu juga Encik Mustafa Ali dan Abdul Hadi Awang, di Terengganu. Kedua-dua mereka berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri tetapi gagal di Parlimen. Tan Koon Swan yang menang di kawasan Damansara mengatakan bahawa, kemenangannya itu adalah "kemenangan ke atas kebijaksanaan, perasaan dan kenegaraan yang mendalam yang melampaui sentimen, emosi dan slogan-slogan kosong." Kemenangan itu, tambahnya adalah bukti nyata yang pengundi di kawasanya mahukan BN memimpin Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Kawasan yang sukar dilupakan dalam sejarah politik Malaysia ialah Batu Laut di Selangor. Yang jelas, calon bebas yang memenangi kerusi itu telah memenangnya buat kali ketiga. Walaupun jumlah kelebihan undinya berkurangan, namun Abdul Jabar bin Mohamed Yusuf masih dapat mempertahankan kerusinya. Ini dianggap sebagai keunikan dalam sejarah politik Malaysia.

Pentadbiran 2M telah membuat perhitungan yang sangat berani dan bahaya dalam pemilihan calon dengan meletakkan Anwar Ibrahim (yang diibaratkan sesetengah pihak masih 'lembik sayapnya') di Permatang Pauh menentang calon PAS, Haji Zabidi yang sememangnya telah berakar umbi di situ. Kesan keputusan pilihan raya memperlihatkan Haji Zabidi kecundang di tangan Anwar Ibrahim. Beliau mendapat kelebihan undi yang terbesar di Pulau Pinang. Ramai yang terkejut dengan keputusan itu kerana bukan sahaja Haji Zabidi tewas malah ditewaskan dengan kelebihan undi yang banyak. Kemenangan Anwar Ibrahim disambut penuh bangga oleh rakyat terbanyak. Sebuah akhbar memaparkan berita bagaimana kemenangan Anwar

Ibrahim yang diumumkan pada jam 3.20 pagi itu disambut dengan riang oleh penyokong-penyokong di Rumah Malaysia.

Apabila diminta mengulas tentang kemenangan Anwar Ibrahim, Dr. Mahathir hanya menyatakan yang Anwar telah membuat pilihan yang tepat memilih UMNO sebagai tapak perjuangannya. Dan bagi Dr. Mahathir pula, beliau berjaya memilih calon yang benar-benar sesuai untuk kawasan Permatang Pauh. 'Anak ayam' yang dikatakan masih lembik sayapnya telah bertukar menjadi ayam bersayap keras. Keyakinan Dr. Mahathir meletakkan Anwar Ibrahim bertanding di tempat bahaya harus dihormati.

Tidak syak lagi bahawa saudara Anwar Ibrahim adalah merupakan '*a man to watch*'. Negara tentunya akan menyaksikan babah demi babah perjuangan orang muda ini. Ada yang telah meramalkan bahawa satu hari nanti berkemungkinan menggantikan kepimpinan yang ada.



## **GANDINGAN PEMIMPIN TUA DAN MUDA DALAM PENTADBIRAN NEGARA**

Senarai Menteri dan Timbalan Menteri yang menganggotai kabinet Dr. Mahathir dapat dikatakan padu – percampuran antara tenaga muda yang dinamik dengan golongan veteran yang berpengalaman dan tahan uji. Dr. Mahathir pernah melahirkan pendapatnya dengan mengatakan bahawa pemimpin politik memainkan peranan penting sebagai asas kemajuan sesebuah negara. Merekalah yang membentuk dasar dan menjadi tanggungjawab mereka juga untuk memajukannya, supaya apa jua dasar yang parti tentukan dapat dijalankan dengan penuh kejayaan.

---

*Berita Minggu, 9 Mei 1982*

BANYAK SOALAN YANG sentiasa mengganggu fikiran kita seolah-olah telah terjawab dengan sendiri berikutan pengumuman kabinet baru Dr. Mahathir yang dapat dianggap sebagai kabinet waja. Sebelum ini, kita tertanya-tanya mengapa Datuk Rais Yatim dilucutkan dari jawatannya sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan, apakah salahnya Encik Adib Adam dipindahkan dari Melaka ke Kuala Lumpur? Siapakah agaknya yang layak

menggantikan tempat Datuk Shariff Ahmad dan Richard Ho yang tidak bertanding dalam pilihan raya lalu? Rakyat juga sering bertanya tentang nasib yang akan menimpa Anwar Ibrahim dan Abdul Rahim Bakar, bekas Menteri Besar Pahang.

Kabinet baru dibentuk selepas genap seminggu pilihan raya. Dr. Mahathir menubuhkan kabinetnya yang lalu dua hari sahaja selepas beliau mengangkat sumpah menjadi Perdana Menteri menggantikan Tun Hussein Onn pada 16 Julai 1981. Dengan tindakannya itu, tidak pula bermakna Dr. Mahathir telah tergesa-gesa menyenaraikan nama-nama menteri dalam kabinetnya. Dapat dikatakan perancangannya dibuat dengan begitu teliti sekali, kalau tidak, masakan berlaku 'pertukaran', 'penghijrahan' dan 'persaraan' beberapa Menteri, Timbalan Menteri dan Menteri Besar. Kalaulah keputusan pilihan raya Sabah dan Sarawak diumumkan serentak dengan keputusan pilihan raya di Semenanjung, mungkin jugalah Dr. Mahathir mengambil masa dua hari untuk mengumumkan kabinetnya.

Dalam susunan kabinet yang baru nanti, dapatlah kita lihat bagaimana tindakan tenaga dinamis golongan muda mengendalikan kementerian yang dipertanggungjawabkan kepada mereka. Rakyat sudah tidak sabar lagi untuk melihat rentak Anwar Ibrahim yang sebahagian usianya diasuh di Sudut Pidato (*Speakers Corner*) di kampus Universiti Malaya. Jika dahulu beliau hanya bersuara dari luar, tetapi dalam kabinet baru Dr. Mahathir beliau dilantik untuk mengemudikan satu kementerian dan diharapkan kemudinya tidak patah di tengah jalan.

Senarai menteri dan timbalan menteri yang menganggotai kabinet Dr. Mahathir dapat dikatakan padu -

gabungan antara tenaga muda yang dinamik dengan golongan veteran yang berpengalaman dan tahan uji. Dr. Mahathir pernah menyatakan bahawa pemimpin politik memainkan peranan penting sebagai asas kemajuan sesebuah negara. Merekalah yang membentuk dasar dan menjadi tanggungjawab mereka juga untuk memajukannya, supaya apa jua dasar yang parti tentukan dapat dijalankan dengan penuh kejayaan.

Sungguhpun ada pihak-pihak pegawai yang bersalah, kita tidak boleh menyalahkan mereka. Kita tidak patut mendengar nasihat yang bertentangan dengan dasar kita sendiri. Oleh itu, daripada analisis yang macam mana pun, yang salah ialah ahli politik dan mereka jugalah yang mesti dibetulkan kemudian. Dengan demikian, justifikasi Dr. Mahathir mengambil agak ramai tenaga muda menganggotai kabinetnya, di samping mengekalkan golongan veteran ialah perlunya pendapat orang yang berpengalaman dan idealisme yang datang dari tenaga muda yang belum terpengaruh kepada perkara-perkara yang menyeleweng dari dasar.

Jadi, kedua-dua pihak amat penting dalam perjuangan mana-mana parti politik. Walaupun kita tidak dapat menyatakan pentadbiran siapakah yang paling baik di antara empat orang Perdana Menteri yang pernah menerajui negara ini, namun perbezaan dari segi pendekatan tetap ada. Misalnya, Tun Hussein Onn mengamalkan prinsip '*made do with existing materials*' sedang Dr. Mahathir terpaksa mencari bahan-bahannya dari luar untuk 'menyedapkan' lagi 'hidangan' kabinetnya. Mungkin bahan yang ditinggalkan oleh Tun Hussein Onn tidak begitu berfungsi lagi. Tun Hussein Onn terpaksa bertindak berhati-hati dalam apa juga perkara kerana segala tindakannya itu akan melibatkan

kehidupan berjuta manusia. Tetapi bagi Dr. Mahathir "seseorang tidak boleh membuat telur dadar tanpa memecahkan telurnya." (*"one cannot make an omelette without breaking eggs."*)

Sejak mula berkuasa, pentadbiran 2M sentiasa menitikberatkan pelaksanaan sesuatu dasar. Mereka berpendapat, sungguhpun segala perjalanan pentadbiran mengikut garis yang sebenar, namun masih ada yang perlu diperbetulkan bagi mempertingkatkan lagi prestasi pembangunan. Sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Musa, yang terkenal dengan ketegasannya, sudah tentu memainkan peranan penting, di samping cuba menghapuskan pengaruh komunis yang masih bertapak di negara ini. Dato' Musa juga mengambil berat untuk menyekat amalan rasuah, terutama di kalangan anggota polis dan imigresen yang di bawah jagaannya.

Sebaik sahaja 2M memulakan era pentadbirannya, Dato' Musa telah menutup beberapa anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri yang mati segan hidup tak mahu. Walaupun agensi Kerajaan ini pada asasnya ditubuhkan untuk menolong kaum Bumiputera menyertai bidang perniagaan tetapi kesan sebaliknya, ia melahirkan pegawai-pegawai yang rasuah - menyalahgunakan wang rakyat. Walaupun ada kalangan yang ragu-ragu tentang kesan yang mungkin timbul hasil penutupan agensi-agensi ini, namun Dato' Musa terus menjalankan tindakannya. Sekali melangkah, beliau tidak bisa menoleh ke belakang. Itulah langkah pahlawan, pejuang yang akan terus berjuang untuk rakyatnya.

Kepahlawanan dan keyakinan Dato' Musa terhadap apa yang dilakukan tidak terhenti setakat itu sahaja, malah beliau cuba membuang pegawai-pegawai yang

rasuah, yang tidak menjalankan tugas dengan cekap dan amanah. Persaraan beberapa wakil rakyat di Johor mungkin tidak disebabkan keadaan demikian. Namun begitu, Dato' Musa telah mengambil tenaga baru untuk mengisi kekosongan dalam pentadbiran Kerajaan Johor. Bagi tenaga baru yang akan memasuki gelanggang pentadbiran 2M, sudah tentu perlu bersedia dengan segala kelengkapan, menghadapi cabaran yang getir itu. Ini merupakan ujian kepada mereka. 2M akan memerhati dan menganalisis kerja-kerja pemimpin baru ini untuk dijadikan pelapis, bakal pengganti tempat veteran kelak. Rakyat hanya berdoa agar Allah merestui segala tindak-tanduk 2M. Isteri Dato' Musa, Datin Maria amat bangga dengan kejayaan suaminya dan kejayaan Dato' Musa bertolak daripada kebolehan dan kerajinannya.

Pelengkap kepada pentadbiran 2M ialah tokoh yang bertanggungjawab dalam urusan luar negara kita iaitu Tan Sri Mohd Ghazali Shafie. Tan Sri Ghazali termasuk dalam golongan veteran yang masih mendapat kepercayaan Dr. Mahathir untuk terus memegang jawatan Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri. Tokoh yang berasal dari Pahang ini pernah menggemparkan negara apabila ia terselamat dari nahas kapal terbang di Janda Baik beberapa bulan lalu. Beliau pernah disifatkan sebagai '*the best crisis manager in the country*'. Ketokohan Tan Sri Ghazali bukan sahaja dikenali di dalam negara, malah dalam arena politik antarabangsa. Antara tugas besar yang pernah dilaksanakannya ialah kejayaan rundingan mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah, pengendalian pungutan suara di Sabah dan Sarawak, menyelesaikan krisis rampasan kapal terbang oleh Tentera Merah Jepun, di Kuala Lumpur dan sebagainya.

Ada juga yang berpendapat beliau setanding, kalau tidak pun melebihi ketokohan Carlos Romulo (Menteri Luar Filipina); Rajaratnam (bekas Menteri Luar Singapura) ataupun Mockhtar Kusumatmadja (Indonesia). Pengalamannya yang mantap dalam bidang diplomatik menyebabkan sukar Dr. Mahathir mencari tokoh lain yang boleh diletakkan di tempatnya. Dalam tahun 1950-an beliau pernah bertugas sebagai Duta ke India. Sekembalinya ke tanah air, beliau menyandang jawatan sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Luar selama 10 tahun, sebelum dilantik menjadi Senator dalam tahun 1970.

Berdasarkan pengalaman inilah agaknya Tan Sri Ghazali kadang-kadang disegani, terutama oleh rakan sejawatnya dari negara-negara ASEAN. Pernah rakan-rakannya dari negara ASEAN menyambut perlantikannya sebagai Menteri Luar dalam kabinet pertama Dr. Mahathir (yang dibentuk selepas sahaja Dr. Mahathir dilantik menjadi Perdana Menteri) dengan meramalkan perubahan akan mengambil tempat di rantau ASEAN. Ada yang menyatakan Tan Sri Ghazali akan terus-menerus menghidupkan isu yang diperjuangkan mengenai negara China yang dianggap sebagai ancaman di rantau ini. Diharapkan agar Tan Sri Ghazali terus memainkan peranan yang penting dalam menyelenggarakan Dasar Luar Negeri Malaysia, dalam kabinet Dr. Mahathir nanti.

Malaysia seharusnya berbangga kerana negara kita adalah antara negara-negara Islam di dunia yang dipilih sebagai orang tengah dalam menyelesaikan perselisihan Iran-Iraq. Dan menjadi kebanggaan kita apabila cadangan hendak menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) telah diterima. Kerajaan Malaysia bukan sahaja

menerima beberapa pengakuan tentang sokongan untuk menubuhkan universiti itu tetapi juga tawaran dari pensyarah-pensyarah luar untuk berkhidmat di universiti yang akan ditubuhkan kelak.

Dalam pelaksanaan beberapa rancangan yang diatur kelak adalah dipercayai peningkatan pencapaian Bumiputera dalam lapangan perniagaan akan terus dipergiatkan. Dalam lapangan ini nanti tenaga-tenaga baru akan mencuba kebolehannya. Antaranya yang diletakkan kepercayaan dan harapan oleh rakyat ialah Datuk Rais Yatim, yang diberi mandat menjadi Menteri Tanah dan Wilayah. Sebagai seorang yang mempunyai latar belakang undang-undang, agak tepatlah domain ini diserahkan kepadanya. Tambahan pula tindakan Datuk Rais Yatim ketika menjadi Menteri Besar dahulu, agak berjaya dan berkesan mengenai pemilikan harta. Ketika mengetuai Kerajaan Negeri Sembilan, beliau memperuntukkan beratus ribu ekar tanah kepada rakyat negeri itu, menerusi FELDA, FELCRA, tanah yang diusahakan menerusi tanah pinggir dan rancangan negeri. Kesemua tanah ini diperuntukkan kepada orang Melayu. Datuk Rais juga pernah menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap penyertaan Bumiputera dalam bidang perindustrian terutama di Negeri Sembilan.

Apa yang merungsingkan ialah betapa mudahnya kaum Bumiputera menyerahkan perniagaan mereka kepada bukan Bumiputera. Datuk Rais memberikan banyak contoh yang menunjukkan kaum Bumiputera menjadi rakan kongsi tidur di negerinya. Keadaan serupa ini sebenarnya berlaku di mana-mana di tanah air kita. Bagaimanalah agaknya tindakan Dr. Mahathir menyelesaikan masalah ini. Adakah pentadbiran 2M akan terus mengikut takuk lama juga? Atau apakah ada

perubahan drastik yang dilakukan, terutama dengan penyertaan tenaga muda yang berdinamik? Walau apa pun rancangan atau tindakan yang akan dilakukan, Dr. Mahathir telah memberikan pandangannya mengenai kaum Bumiputera dalam tahun 80-an. Mengikut Perdana Menteri, kelemahan kaum Bumiputera di bidang ekonomi boleh diatasi bukan dengan bantuan Kerajaan tetapi menerusi peningkatan daya saing.

Kerajaan 2M mahukan Bumiputera menaikkan taraf sendiri sementara pihak Kerajaan akan menghulurkan apa juga bantuan yang terdaya tetapi tidak diberikan kepada orang yang sering 'jatuh' dalam bidang yang diceburi. Kerajaan bersedia memberi tunjuk ajar dan bimbingan berdikari dan berlumba-lumba untuk mencapai matlamat perniagaan. Kerajaan tidak akan mengutipikan dasar menghulurkan bantuan kepada kaum Bumiputera tetapi mereka sendiri perlu mengubah nasib. Pandangan dan fikiran Dr. Mahathir dilahirkan dengan penuh ikhlas. Diharap tidak ada pihak yang cuba mengambil kesempatan memutarbelitkan kenyataan. Begitu juga pandangan Dr. Mahathir terhadap kaum bukan Melayu, khususnya orang Cina.

Beliau berpendapat orang Cina ingin mengambil bahagian dalam menerajui pentadbiran Kerajaan sejajar dengan orang Melayu. Orang Melayu pula inginkan kekayaan sebagaimana yang dinikmati oleh orang Cina dalam bidang ekonomi. Banyak lagi cabaran yang diduga akan dihadapi oleh Dr. Mahathir, sama ada di dalam atau di luar negara. Dan segala cabaran ini akan dipikul bersama oleh menteri-menteri yang dilantik.

Tidak perlu dinyatakan di sini tentang kehebatan golongan veteran seperti Tengku Razaleigh, Datuk Lee San Choon, Datuk Samy Velu dan lain-lain. Kita hanya



mahu melihat bagaimana keadaannya nanti jika tenaga lama ini digabungkan dengan tenaga baru seperti Adib Adam, Anwar Ibrahim dan lain-lain. Pengalaman Adib Adam selaku Ketua Menteri Melaka sudah tentu dapat membantunya melicinkan lagi pelaksanaan pentadbirannya di Kementerian Penerangan. Beliau memulakan karier politik di Pejabat UMNO Selangor, kemudian ditukarkan ke Ibu Pejabat UMNO Malaysia. Kesempatan inilah yang memberikannya peluang untuk melihat dari dekat perkembangan politik negara, tambahan pula, apabila beliau dilantik sebagai Setiausaha Kerja UMNO. Ini telah membawanya ke peringkat akar umbi. Adib yang memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Air Panas dalam tahun 1978 kemudiannya dilantik menjadi Ketua Menteri Kerajaan Negeri tatkala Melaka dalam kucar-kacir.

Semenjak zaman pentadbiran Ghafar Baba, kemudiannya disambung oleh Datuk Talib Karim dan diambil alih oleh Datuk Setia Haji Abdul Ghani Ali, politik Melaka sering digoncang oleh krisis demi krisis. Dan dalam pergolakan yang begitu rupalah Adib menceburkan dirinya. Boleh dikatakan politik Melaka agak tenang apabila Adib berada di puncak dan kini tugasnya itu diserahkan pula kepada tokoh baru iaitu Abdul Rahim Thamby Chik. Dalam kabinet baru Dr. Mahathir ini, Adib yang bercita-cita hendak meletakkan sesuatu standard yang boleh mengukur dirinya, memiliki ketokohan dan kualiti seperti Tun Dr. Ismail yang bersikap tegas dan jauh pandangan politiknya telah ditugaskan untuk menggantikan Datuk Mohamed Rahmat mengawasi Kementerian Penerangan. Isu mengenai skandal seks yang kononnya membabitkan golongan artis dengan pegawai atau penerbit rancangan RTM

masih belum reda. Dan Adiblah yang bertanggungjawab menyelesaikannya.

Tentu ada sesuatu sebab yang menggerakkan Dr. Mahathir meletakkan bekas Ketua Menteri Melaka ini di portfolio penerangan itu. Seperti pemimpin-pemimpin dalam struktur sistem 2M, Adib juga peka dalam hal-hwal agama. Beliau berpendapat pembangunan yang tidak bersandarkan kepada keteguhan rohani akan runtuh. Pengalaman dan pendedahan di Eropah menyedarkannya bahawa pembangunan tanpa keagamaan akan kosong dan tidak bererti. Padanya pembangunan di Eropah baik dari segi jasmani dan ekonomi, semuanya kosong kerana membelakangkan agama.

Suara hati Adib agak selaras dengan hasrat Anwar Ibrahim yang dilantik sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Anwar Ibrahim yang terkenal bukan sahaja di dalam negara, malah di luar negara menyatakan bahawa dalam usaha pembangunan yang pesat perlu diperhatikan agar minat kita untuk membangun tidak menginjak dari dasar dan peringkat keutamaan yang ditetapkan dalam peraturan agama kerana kejayaan dan kemenangan dalam pengertian yang sebenarnya akan hanya dicapai menurut garis-garis asas yang ditetapkan. Perlu diingat, kupasan serta kajian mengenai konsep pembangunan dalam Islam tidaklah semata-mata merujuk kepada kecemerlangan zaman lampau sebagai model tanpa meneliti persoalan-persoalan semasa dan batasan-batasan yang wujud.

Nampaknya kehadiran tokoh-tokoh muda adalah untuk memainkan rentak dan irama yang sama. Tetapi sayang sekali kerana tokoh yang dijangka menyertai rentak ini tidak terlihat namanya dalam kabinet waja 2M. Tidak perlu dipersoalkan mengapa beliau tidak terpilih.

Cuma yang perlu dibangkitkan ialah bagaimana Abdul Rahim Bakar, tokoh yang saya maksudkan itu, menjalankan pentadbirannya sekiranya beliau dilantik menjadi Menteri atau Timbalan Menteri, melihatkan prestasinya memimpin Pahang suatu masa dahulu. Beliau terkenal dengan keikhlasannya memimpin Kerajaan Pahang dahulu, di samping mengambil berat tentang kesejahteraan rakyat jelata.

Kecenderungan Abdul Rahim terhadap agama melibatkan beliau dalam perbincangan agama sama ada di kampung atau di peringkat yang lebih tinggi. Tetapi nasibnya agak kurang baik. Beliau telah diarahkan meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar. Tetapi sesungguhnya kelasakan fizikal dan jasmani memberikan kekuatan kepadanya untuk menghadapi segala percubaan dan rintangan setakat ini. Moga-moga Allah meletakkannya di tempat yang wajar dalam arena politik tanah air pada suatu masa yang hampir nanti. Sekiranya segala alat kelengkapan dan jentera mencukupi dan berkeadaan baik, 2M akan memandunya menuju ke satu matlamat yang dapat kita banggakan. Mengikut Dr. Mahathir, beliau berhasrat untuk meningkatkan lagi prestasi pertumbuhan negara.

Walaupun dunia sedang mengalami kemerosotan ekonomi, Malaysia akan tetap mengawal keadaan sedaya yang termampu. Pelaburan dalam dan luar negara akan terus digalakkan, di samping memaju dan mempercepatkan industrilisasi dengan menitikberatkan dasar pelaburan yang sedia ada. Rakyat sudah tentunya memberikan sokongan tidak berbelah bagi terhadap Perdana Menteri. Segala hasrat dan cita-cita untuk memajukan negara, mempertingkatkan perkembangan ekonomi, menghapuskan rasuah akan direstui Allah.

Rakyat juga berbangga dengan kebolehan Dr. Mahathir di luar yang menyebabkan ramai wartawan luar negara mula memuji-muji ketokohan Dr. Mahathir. Ada pula yang sudah berani membandingkan Dr. Mahathir dengan pemimpin besar seperti De Gaulle dan Mao Tse Tung.

## SISTEM PERBANKAN BERCORAK ISLAM

...Bank Islam beroperasi berasaskan konsep untung rugi yang dibahagi sama. Kelainan dengan bank-bank perdagangan ialah ia tidak mengenakan sebarang faedah atas pinjaman perniagaan. Sebaliknya, Bank Islam mengenakan yuran atau bayaran kepada pinjaman itu dan akan berkongsi keuntungan sekiranya perniagaan yang dijalankan mengaut keuntungan. Dan jikalau rugi, ia juga akan mengalami kerugian. Apabila Bank Islam membiayai sesuatu projek, modal yang diberikan itu tidak dikira sebagai pinjaman tetapi dianggap penyertaan ekuiti. Berdasarkan hakikat inilah segala keuntungan atau kerugian boleh dikongsi bersama antara Bank Islam dengan golongan perniagaan.

---

*Berita Minggu, 1982*

BANK ISLAM BUKANLAH institusi kewangan bentuk baru. Cuma bank ini baru hendak diperkenalkan dan ditubuhkan di Malaysia. Di negara-negara seperti Pakistan dan Jordan, ia telah lama wujud, malah hampir menandingi bank-bank tradisional. Ini jelas membuktikan institusi kewangan yang berasaskan Islam boleh dipraktikkan di Malaysia. Kerajaan yakin apa yang mereka buat. Anwar Ibrahim tentu akan bekerja keras

untuk menegakkan Bank Islam di samping Universiti Islam. Beliau sedar kegagalan Universiti Islam dan Bank Islam bukan sahaja kegagalannya mentadbirkan sesuatu projek tetapi ada kaitannya dengan masalah bangsa dan agama. Datuk Sanusi Junid telah membuktikan kemampuan Bank Rakyat.

Mengikut Dr. Mahathir, bank ini akan mula dilancarkan pada tahun hadapan dengan modal berbayar RM500 juta. Daripada jumlah ini, 30% akan disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan, 10% dari Tabung Haji, 5% dari PERKIM, 25% dari Jabatan Agama Negeri dan selebihnya disumbangkan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA. Dari sini dapat diperhatikan penubuhan Bank Islam akan dapat mengumpulkan sumber-sumber wang yang dimiliki oleh orang Islam di negara ini. Ini adalah saluran wang orang Islam ke jalan yang diredai Allah, tanpa perasaan syak yang melibatkan wang mereka dicampuradukkan dengan unsur-unsur keji atau riba.

Mengikut Anwar Ibrahim, konsep Bank Islam selaras dengan konsep Islamiah iaitu bank secara langsung menyertai kegiatan-kegiatan perdagangan. Bank Islam juga tidak mengeluarkan faedah (sama ada melalui syarikat atau orang perseorangan) tetapi sebaliknya, untung atau rugi bersama. Bank Islam tidak akan menyediakan perkhidmatan Simpanan Tetap seperti bank-bank perdagangan yang lain kerana secara langsung ia melibatkan faedah yang bertentangan dengan Islam. Anwar Ibrahim memberi jaminan bahawa Bank Islam tidak akan mengganggu-gugat bank-bank yang ada di Malaysia, malah akan terus berjalan seiring untuk memajukan negara. Dari segi pelaksanaan, banyak peraturan yang kini dijalankan akan terus

digunakan. Yang pasti Bank Islam akan mempunyai peraturannya yang tersendiri dalam beberapa kaedah prinsip yang dibolehkan syarak.

Seperti yang dinyatakan, Bank Islam beroperasi berasaskan konsep untung rugi yang dibahagi sama. Kelainan dengan bank-bank perdagangan ialah ia tidak mengenakan sebarang faedah atas pinjaman perniagaan. Sebaliknya, Bank Islam mengenakan yuran atau bayaran kepada pinjaman itu dan akan berkongsi keuntungan sekiranya perniagaan yang dijalankan mengaut keuntungan. Dan jikalau rugi, ia juga akan mengalami kerugian. Apabila Bank Islam membiayai sesuatu projek, modal yang diberikan itu tidak dikira sebagai pinjaman tetapi dianggap penyertaan ekuiti. Berdasarkan hakikat inilah segala keuntungan atau kerugian boleh dikongsi bersama antara Bank Islam dengan golongan perniagaan.

Dalam hal ini, tentu ramai yang mempersoalkan tentang hukum amalannya. Kalau ditinjau di negara lain, Bank Islam telah dipraktikkan dan mendapat sambutan rakyat. Berjaya atau tidak, Allah jua yang menentukan. Pakistan berjaya menubuhkan Bank Islam. Pada awal tahun ini beberapa bank telah menyediakan pakatan kerja sama demi mengumpulkan modal bagi membiayai projek-projek perindustrian berasaskan konsep-konsep yang diutarakan oleh Bank Islam iaitu pembahagian untung rugi yang sama rata dengan mengeluarkan 'Participation Term Certificate (PTC)' yang disifatkan sebagai Sijil Penyertaan.

Langkah Kerajaan Pakistan itu semata-mata untuk meluaskan penyertaan rakyat di bidang perindustrian di samping menggalakkan pertumbuhan pasaran modal di negaranya. Usaha ke arah menjalankan kegiatan

ekonomi yang bebas daripada faedah telah diterokai oleh Presiden Zia-Ul Haq semenjak tahun 1979. Beliau merancang penubuhan panel yang mengandungi pakar-pakar ekonomi dan ahli-ahli bank untuk mencari jalan bagaimana kegiatan ekonomi tanpa faedah dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Kemudian Pakistan cuba mempraktikkan satu cara kerja sama dalam bidang kewangan dengan memperkenalkan konsep penanaman modal melalui Sijil Penyertaan. Langkah ini dianggap amat baik ke arah mewujudkan segala tindak-tanduk masyarakat Pakistan berasaskan Islam.

Dari segi lain, Pakistan cuba mempraktikkan konsep untung rugi dibahagi sama yang diperkenalkan dalam Januari 1981. Sambutan rakyat sungguh di luar dugaan. Dalam masa 137 hari sahaja, jumlah wang yang terkumpul ialah RM26 juta. Wang ini dilaburkan. Kesan daripada perlaksanaan itu bagi enam bulan pertama pelaburan, mereka telah mengeluarkan hasil dan keuntungan antara 8.5% dan 14.5%. Jadi, kalau di Pakistan negara yang lebih kurang sama taraf pencapaian ekonominya dengan Malaysia berjaya melaksanakan Bank Islam, tentulah tidak ada sebab mengapa kita masih meragui penubuhannya di Malaysia. Jikalau bank-bank lain boleh berjaya dengan pertolongan orang-orang Islam jua, apalah salahnya modal (walau sedikit) orang-orang Islam itu dialihkan ke Bank Islam yang akan ditubuhkan.

Duta Pakistan di Malaysia, Syed Abid Ali Bilgrami menyokong penubuhan Bank Islam di Malaysia. Dalam pertemuannya dengan Anwar Ibrahim, beliau telah membayangkan kesanggupan Kerajaannya untuk menimbangankan sebarang permohonan bantuan oleh Malaysia. Anwar Ibrahim pula menegaskan bahawa



rombongan pegawai akan dihantar ke Pakistan untuk mengkaji selok-belok perjalanan Bank Islam di sana. Bagi meyakinkan lagi kemampuan sebenar Bank Islam yang telah pun terbukti dalam urusan kewangan yang kompleks, molek juga ditinjau penubuhan Bank Islam di Jordan dan operasinya.

Bank Islam di Jordan menyediakan semua kemudahan sepertimana yang dipraktikkan oleh semua bank dewasa ini tetapi melancarkan sistem pembahagian keuntungan dan mengetepikan sistem pengenaan faedah yang biasa dipraktikkan oleh bank-bank perdagangan. Berdasarkan satu sumber, seorang penyimpan Bank Islam yang dipraktikkan di Jordan, tidak diberikan jaminan kadar faedah sebagai keuntungan yang diperolehnya hasil daripada pelaburannya, seperti amalan bank-bank biasa. Sebagai balasan penyimpanan itu dijanjikan keuntungan daripada projek yang dibiayai oleh Bank Islam tadi.

Satu lagi komponen dalam perjalanan sistem Bank Islam di Jordan ialah penjualan bond-bond. Bond jangka panjang disediakan untuk membiayai beberapa projek pembangunan di negara itu seperti yang diamalkan dalam Simpanan Tetap. Para pemegang bond tidak dijanjikan atau diberi jaminan bagi pembayaran khas terhadap modalnya setiap tahun. Besar kecil pendapatan yang diterima oleh pemegang-pemegang bond ditentukan oleh kadar keuntungan yang diperolehi dari projek-projek yang dibiayai dengan bond-bond.

Selain projek Bank Islam, Jordan juga menerokai bidang pelaburan yang lain mengikut prinsip-prinsip Islam. Misalnya, kegiatan yang dijalankan oleh Islamic Investment House Jordan (IIH) perlu mendapat perhatian dan kalau boleh, dicontohi oleh golongan per-

niagaan Islam di negara kita. IHH memulakan kegiatannya dengan penanaman modal ke dalam perusahaan perumahan yang berharga antara RM1.98 juta dan RM2.64 juta. Syarikat ini bukan sahaja memulakan kegiatan perdagangannya awal tahun ini. Projek IHH yang pertama ialah di luar kota Amman. Mengikuti jangkauan, projek ini mengandungi 350 rumah villa dan seni bina rumah melambangkan kehidupan rakyat Jordan.

Syarikat ini juga bercita-cita meluaskan kegiatan perdagangan dalam bidang pengangkutan dengan harapan suatu masa nanti ia akan berpeluang bergerak dalam perusahaan pengangkutan apabila sektor ini berkembang sama ada di Kuwait, Jordan ataupun Iraq dan Arab Saudi. Keunikan IHH ialah skopnya yang sangat luas dan fungsinya hampir menyamai Bank Islam. Sebagai contoh, IHH akan menerima simpanan-simpanan biasa dan kadang-kadang bertindak sebagai wakil-wakil pelaburan dalam projek-projek tertentu sebagaimana diarahkan oleh penyimpan-simpanan ataupun syarikat-syarikat swasta. IHH juga bertindak sebagai pakar runding kewangan dan akan mengkaji serta menyiasat projek itu sebelum ia dilancarkan. Satu projek yang dibiayai oleh Bank Islam seharusnya mendapat penelitian yang wajar sebelum tindakan diambil. Tetapi walaupun IHH menjalankan beberapa kegiatan yang pelbagai dalam perkembangan ekonomi Jordan, namun kegiatan mutlaknyalah ialah penglibatan secara langsung dalam pelbagai projek negara.

Apakah rasional sebenarnya penubuhan Bank Islam ini? Ada yang berpendapat pembahagian tanggungjawab dan risiko antara pemilik modal dan pemilik kilang atau pengusaha, ternyata meningkatkan perimbangan antara nilai modal dan nilai usaha

manusia. Ini juga menjadi perangsang tambahan bagi pelabur kecil dan pengusaha untuk bekerja lebih giat dan tekun menjayakan perniagaannya. Semakin cepat ia mampu menghasilkan keuntungan, semakin cepat pula ia memiliki perusahaannya sendiri tanpa ikatan bank lagi. Penyediaan kewangan bagi pengusaha tempatan seharusnya dapat meningkatkan kecenderungan yang lebih sihat bagi pembangunan sosio ekonomi berbanding sistem yang ada hari ini. Dalam aspek yang lain pula, di samping menitikberatkan bidang kewangan, Bank Islam juga tidak ketinggalan menumpukan perhatian kepada bidang rohani. Dalam operasi Bank Islam terdapat unsur kerohanian yang mendatangkan berkat kepada harta serta menjadikan harta itu berkhidmat kepada masyarakat ke jalan yang diredai Allah, dan bukan sebaliknya.

Kerajaan akan membentangkan rang undang-undang Bank Islam dalam persidangan Parlimen Oktober nanti. Bank Islam akan dibuka kepada orang-orang Islam dan juga bukan Islam. Semua bentuk pinjaman untuk pelaburan akan ditapis melalui Jawatankuasa Penasihat Syarikat. Perdana Menteri juga tidak menggalakkan bank-bank perdagangan lain mengikuti operasi Bank Islam dengan membabi buta. Dalam hal ini, bank-bank lain perlu meneliti dan mengkaji perjalanan Bank Islam sebelum menentangnya. Perdana Menteri juga menegaskan bahawa rancangan penubuhan Bank Islam ini timbul setelah dibuat kajian menyeluruh yang dipengerusikan oleh Raja Tan Sri Mohar Raja Badiozaman (Penasihat Ekonomi, Perdana Menteri).

Cadangan awal penubuhan Bank Islam muncul apabila Pengerusi Gabungan Persatuan Bank-bank Islam Antarabangsa, Putera Mohamed Al-Faisal,

melawat negara ini dua tahun lalu. Arab Saudilah negara tunggal yang mengesyorkan penubuhan bank ini di sini. Pakar-pakar perunding Arab telah pun datang ke Malaysia membincangkan konsep Bank Islam dan beliau menyeru agar negara ini mencontohi Bank Islam di Mesir, Sudan atau Kuwait. Oleh kerana Bank Islam yang bakal ditubuhkan ini masih lagi perkara baru, maka pelbagai masalah akan timbul, terutama mengenai pegawai yang kurang berpengalaman. Bagaimanapun Kerajaan berura-ura hendak menghantar pegawai-pegawai ini berkursus keluar negara agar dapat menimba sedikit sebanyak pengalaman untuk dimanfaatkan di sini.

Di Cyprus, terdapat institut yang melatih pegawai-pegawai mengendalikan operasi Bank Islam bernama Institut Antarabangsa Ekonomi dan Bank Islam (*The International Institute of Islamic Banking and Economics*). Institut ini telah pun melancarkan kursus pertamanya mengenai Bank Islam pada September lalu. Kursus setahun itu boleh menempatkan sekurang-kurangnya seratus pelajar. Sementara itu pula, kursus dua minggu untuk lebih kurang 80 peserta, terutama dari Afrika Barat akan diadakan di Guine. Institut ini diasaskan pada tahun 1982 oleh gabungan Universiti Istanbul Islamabad, Al-Azhar dan Raja Abdul Aziz dan Arab Saudi. Institut ini bercadang melatih sekurang-kurangnya 100 peserta setiap tahun.

## PENGARUH UMNO MEMBENTUK KABINET

...Dr. Mahathir pernah menyatakan bahawa perlantikan seseorang itu adalah kerana beliau kenal dan tahu tentang kebolehan seseorang. Dr. Mahathir seterusnya menyatakan bahawa beliau pasti tidak akan melantik orang yang tidak dikenali dan tidak tahu tentang ketokohnya memimpin.

Berdasarkan sikap dan kenyataan Perdana Menteri ini dengan sendirinya ia menunjukkan bahawa tidak semestinya seseorang yang memenangi jawatan dalam Majlis Tertinggi UMNO akan diberi jawatan dalam Kerajaan....

---

*Dewan Masyarakat, 15 Ogos 1984*

RAMAI BERPENDAPAT KEPUTUSAN pemilihan anggota Majlis Tertinggi UMNO akan menentukan perlantikan anggota kabinet. Bagaimanapun pengumuman kabinet oleh Dr. Mahathir baru-baru ini mengelirukan rakyat. Hal ini jelas dengan perlantikan dua orang ahli kabinet yang tidak langsung bertanding dalam perhimpunan agung UMNO yang baru lalu. Encik Daim Zainuddin Pengerusi Fleet dan Dr. Yusuf Noor dari Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan pilihan yang memeranjatkan. Banyak perkara yang boleh diperkatakan mengenai kabinet baru Dr. Mahathir. Antara yang boleh

disentuh ialah tentang tiga orang Menteri yang masih kekal di dalam kabinet semenjak tahun 1981 iaitu semenjak Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri menggantikan Tun Hussein Onn. Tiga kementerian itu ialah Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Semenjak 1981, Perdana Menteri sendiri memegang Kementerian Pertahanan sementara Dato' Musa diamanahkan memegang Kementerian Dalam Negeri yang sebelumnya di bawah Tan Sri Ghazali Shafie. Datuk Sanusi Junid masih kekal mengemudi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sehingga terlantiknya kabinet baru ini. Kedudukan Datuk Sanusi bukan sahaja menunjukkan beliau mendapat kepercayaan penuh Dr. Mahathir, bahkan juga seolah-olah menunjukkan tidak ada tokoh lain yang dapat mengemudikan kementerian tersebut selain daripada beliau.

Datuk Sanusi tewas dalam usahanya untuk merebut jawatan Naib Presiden tetapi berjaya mengekalkan kedudukannya dalam Majlis Tertinggi. Dari segi taraf dalam parti tentulah kedudukan beliau agak menurun, bukan sahaja beliau dikekalkan dalam kementerian lamanya tetapi diberi pula penghormatan menjadi Setiausaha UMNO menggantikan Datuk Mustapha Jabar.

Kes Datuk Sanusi ini jelas menunjukkan Perhimpunan Agung UMNO tidak seratus peratus menentukan arus perantikan anggota kabinet, Tengku Razaleigh Hamzah, misalnya walaupun dua kali gagal dalam usahanya merebut jawatan Timbalan Presiden tetapi masih dilantik oleh Dr. Mahathir menganggotai kabinetnya. Sungguhpun Tengku Razaleigh ditukarkan dari

Kementerian Kewangan ke Kementerian Perdagangan, namun jawatan itu masih boleh dianggap kanan. Apakah motif Dr. Mahathir mengekalkan beliau dalam kabinet tidak perlu dipersoalkan kerana setiap perantikan mestilah mempunyai beberapa sebab yang wajar.

Satu perubahan yang memeranjatkan banyak orang juga ialah pengguguran Tan Sri Ghazali Shafie dalam senarai menteri yang diumumkan. Dalam kes Tan Sri Ghazali inilah sahaja yang boleh dikaitkan bahawa kekalahan seseorang dalam pertandingan merebut jawatan Majlis Tertinggi UMNO memungkinkan seseorang menteri dilucutkan jawatan.

Sebelum pengumuman kabinet baru ini, ramalan berita dari luar negara melaporkan bahawa Tan Sri Ghazali tidak mungkin digugurkan dari Kementerian Luar Negeri. Ramalan itu didasarkan pada beberapa faktor yang agak rasional. Pertama, kebolehan dan kewibawaan beliau dalam arena politik antarabangsa. Beliau sentiasa dihormati dan disegani terutama kerana pengaruh serta peranan beliau dalam hubungan luar negara. Beliau memainkan peranan yang sangat penting dalam hal-ehwal hubungan luar Malaysia seolah-olah Dr. Mahathir memberikan kepercayaan penuh kepada beliau.

Sungguhpun Tan Sri Ghazali tidak menjawat jawatan Menteri Luar Negeri lagi, namun beliau diberikan tugas khas sebagai Duta Khas Malaysia di samping Menteri Luar yang baru Tengku Ahmad Rithauddeen. Dengan perantikan ini bolehlah diertikan bahawa tenaga Tan Sri Ghazali masih diperlukan dalam hal-ehwal politik antarabangsa.

Satu hal yang agak menarik mengenai Kementerian Luar ialah ia tidak mempunyai banyak menteri. Semen-

jak negara mencapai kemerdekaan, hanya terdapat tiga tokoh yang pernah menyandang jawatan Menteri Luar Negeri. Mereka ialah Tun Abdul Razak, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Tan Sri Ghazali dalam tahun 1981, sebaik sahaja beliau menjadi Perdana Menteri. Dalam zaman pentadbiran Tun Hussein Onn, Tan Sri Ghazali bertanggungjawab kepada Kementerian Dalam Negeri sementara Kementerian Luar diterajui oleh Tengku Ahmad Rithauddeen.

Mengapakah Encik Kadir Sheikh Fadhil tidak dinaikkan pangkat untuk mengetuai Kementerian Luar Negeri? Setakat ini nampaknya Encik Kadir masih 'berlatih' di kementerian itu. Jika didasarkan pada keputusan pemilihan dalam perhimpunan dahulu, Encik Kadir sudah layak dijadikan menteri seperti yang berlaku ke atas Datuk Khalil Yaakub. Dalam pemilihan dahulu beliau mendapat tempat ketiga dengan 924 undi.

Sekali lagi kita tidak harus mempersoalkan mengapa Dr. Mahathir tidak melantik Encik Kadir menjadi Menteri. Ada pendapat mengatakan Dr. Mahathir tidak mahu melantik menteri ketiga dari Kedah untuk bersikap adil dalam pembahagian jawatan menteri. Tetapi hal ini bukanlah satu undang-undang kerana dalam zaman pentadbiran Tun Abdul Razak dahulu terdapat empat orang menteri dari Pahang. Mereka ialah Tun Abdul Razak sendiri, Tan Sri Abu Samah, Tan Sri Ghazali Shafie dan Tan Sri Shariff Ahmad. Malah dalam zaman pentadbiran Tunku Abdul Rahman pun terdapat tiga orang menteri Kedah iaitu Tunku sendiri, Encik Mohd Khir Johari dan Datuk Senu Abdul Rahman.

Dengan demikian, jikalau hujah ini digunakan untuk mempersoalkan mengapa Encik Kadir tidak terpilih maka jelas dia tidak dapat dipertahankan.



Barangkali Dr. Mahathir berpendapat Encik Kadir masih lagi baru dalam kementerian itu kalau dibandingkan dengan Tan Sri Ghazali Shafie ataupun Tengku Ahmad Rithauddeen.

Perlantikan Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai Menteri Pelajaran tidak begitu mengejutkan kerana orang ramai dapat meramalkan bahawa beliau adalah yang akan dipertanggungjawabkan ke kementerian yang strategik itu. Banyak 'petunjuk' yang boleh membuatkan seseorang meramal tentang perlantikan Datuk Abdullah Badawi ini. Salah satunya ialah kejayaan beliau menduduki kerusi Naib Presiden UMNO (walaupun ini bukan petunjuk yang mutlak). Dr. Mahathir pula menyerahkan beberapa jawatankuasa kepada beliau; ini memberikan petunjuk bahawa beliau adalah orang yang diharapkan untuk menjadi pemimpin akan datang.

Sungguhpun ramai yang meramalkan Datuk Abdullah tetap menjadi Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir masih mahu mengelirukan tekaan rakyat hingga ke saat akhir. Hal ini dapat diperhatikan pada hari-hari sebelum pengumuman kabinet baru. Datuk Abdullah diumumkan sebagai pemangku Menteri Luar menggantikan Tan Sri Ghazali ketika menteri berkenaan berada di luar negara. Agak ramai juga yang meramalkan Datuk Abdullah akan ke Kementerian Luar tetapi tidak demikian.

Masyarakat Malaysia sentiasa sedar tentang penyusunan kabinet. Ini wajar kerana kedudukan itu besar pentingnya kepada mereka. Jikalau Perdana Menteri membuat perhitungan yang salah maka kesan dan akibatnya tentulah kepada rakyat jelata juga.

Setakat ini pelbagai pihak memuji Dr. Mahathir mengenai ketepatan perlantikan menteri-menteri yang diumumkan baru-baru ini. Walaupun pada mulanya

ramai yang terkejut tentang perlantikan Encik Daim Zainuddin sebagai Menteri Kewangan misalnya, tetapi setelah dijelaskan sebab-sebabnya, masyarakat menerimanya dengan penuh keyakinan.

Seperti biasa Anwar Ibrahim tidak kurang mendapat perhatian masyarakat. Pelbagai ramalan dibuat tetapi akhirnya Dr. Mahathir meletakkan beliau di Kementerian Pertanian menggantikan Datuk Abdul Manan Othman. Orang yang tidak rapat dengan politik memang tidak akan menyangka Anwar Ibrahim ditempatkan ke kementerian tersebut. Tetapi jika kita teliti perjuangan Anwar Ibrahim dan meninjau kehendak Dr. Mahathir, memang di Kementerian itulah tempat yang paling sesuai untuk Anwar Ibrahim kerana ia berhubung rapat dengan soal-soal kemiskinan.

Kumpulan yang digelar oleh Dato' Musa sebagai 'Magnificent Seven' bukan sahaja berjaya merebut jawatan dalam Majlis Tertinggi UMNO tetapi mereka juga dikekalkan jawatan menteri oleh Dr. Mahathir. Datuk Sanusi Junid misalnya masih kekal di Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar seperti yang dijelaskan pada awal-awal tadi.

Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi ditukarkan dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Pelajaran. Begitu juga Datuk Seri Adib Adam yang bertukar tempat dengan Datuk Rais Yatim. Datuk Shahril Abdul Samad masih terus kekal di Kementerian Wilayah Persekutuan. Datin Paduka Rafidah Aziz yang termasuk dalam senarai 'Magnificent Seven' masih di kementerian yang sama iaitu Kementerian Perusahaan Awam. Kedudukan beliau agak teguh memandangkan kebolehan dan keupayaannya selaku Ketua Wanita UMNO di samping anggapan bahawa perlantikannya sebagai menteri

bukanlah atas dasar memenuhi kuota wanita dalam kabinet tetapi berdasarkan pada kebolehan. Sekalipun Datin Paduka tidak memegang jawatan sebagai Ketua Wanita, besar kemungkinan beliau akan tetap terpilih menjadi menteri kabinet.

Pada umumnya dapat dilihat bahawa para menteri yang dilantik oleh Dr. Mahathir terdiri daripada tokoh-tokoh yang berkualiti sama ada dari segi kelulusan akademik mahupun kualiti. Tentu masing-masing akan menunjukkan ketokohan dalam menjalankan tugas yang amat berat ini. Pasti juga mereka sedar bahawa tugas di bawah pentadbiran Dr. Mahathir bukanlah tumpuan sambil lewa kerana jika mereka didapati tidak berfungsi maka besar kemungkinan mereka akan dilucutkan jawatan.

Perletakkan jawatan beberapa orang menteri seperti Tan Sri Ghazali Shafie, Datuk Manan Othman dan Datin Paduka Aishah Ghani, sedikit sebanyak masih menjadi tanda tanya orang ramai. Apa yang diketahui mereka gagal mempertahankan kerusi di Majlis Tertinggi UMNO. Tetapi adakah itu alasan yang sebenar? Antara menteri yang dilantik baru-baru ini ada yang tidak ada kaitan langsung dengan pemilihan pucuk pimpinan UMNO. Jadi, mengapakah ketiga-tiga menteri ini mesti meletakkan jawatan?

Kesimpulan yang dapat dibuat ialah Dr. Mahathir telah mengambil Perhimpunan Agung UMNO sebagai asas untuk melantik menteri-menteri barunya tetapi bukanlah merupakan kriteria seratus-peratus. Beliau ada juga mengambil kira pandangan ahli-ahli UMNO dalam membuat pertimbangan tetapi yang penting ialah pandangannya mengenai tokoh yang dilantik. Dr. Mahathir pernah menyatakan bahawa perlantikan

seseorang adalah kerana beliau kenal dan tahu tentang kebolehan seseorang. Dr. Mahathir seterusnya menyatakan bahawa beliau pasti tidak akan melantik orang yang tidak dikenali dan tidak tahu tentang ketokohnya memimpin.

Berdasarkan sikap dan kenyataan Perdana Menteri ini dengan sendirinya ia menunjukkan bahawa tidak semestinya seseorang yang memenangi jawatan dalam Majlis Tertinggi UMNO akan diberi jawatan dalam Kerajaan. Amalan Dr. Mahathir ini amat baik kerana dengan cara ini ia dapat mengurangkan permintaan politik kotor (seperti menggunakan wang untuk mendapatkan sesuatu) yang tidak diestuai dalam perjuangan UMNO.

Kriteria yang digunakan oleh Dr. Mahathir untuk melantik menteri kabinetnya adalah campuran dan adunan beberapa unsur seperti keputusan Perhimpunan Agung UMNO, kelayakan dan kebolehan seseorang tokoh, sifat dan peribadi yang boleh menepati konsep bersih, cekap dan amanah. Dengan mengambil kira segala faktor ini, Dr. Mahathir menubuhkan sebuah kabinet yang kukuh sesuai dengan keadaan dan masa.

Jikalau kabinet yang ditubuhkan oleh Dr. Mahathir dalam tahun 1981 dahulu menekankan tentang pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik, kabinet yang baru ini menekankan pelbagai perkara. Ia tidak lagi bergerak ke arah satu tujuan yang sempit dan tidak lagi menekan kepada sesuatu aspek semata-mata. Kemajuan yang dikejanya adalah menyeluruh, merangkumi segenap aspek kemajuan. Oleh yang demikian, jika dirumuskan, kabinet baru ini akan bergerak ke arah kemajuan dan menegakkan maruah negara supaya setanding dengan kemajuan yang dicapai oleh negara-negara maju di dunia.

## MEMBELA NASIB GOLONGAN MISKIN

Mungkin ramai yang tinggal di kawasan Medan Damansara, Bukit Kenny atau Petaling Jaya kadang-kadang tidak pernah terfikirkan hal ini boleh berlaku. Anjing belaan di Bukit Kenny mungkin dapat menikmati daging dua kali sehari tetapi sebahagian besar penduduk desa agak bertuah kalau dapat menikmati daging dua bulan sekali. Ini adalah satu kenyataan dan satu hakikat yang perlu dimenungkan. Sekiranya kita ingin mengetahui dengan lebih mendalam, tanyalah guru yang mengajar di kawasan pedalaman kerana gurulah yang memegang kuasa dalam hal ini.

---

*Berita Minggu, 25 Julai 1982*

DALAM MASA TIGA minggu sahaja 'Tabung Derma Mereka Yang Bernasib Malang' atau Tabung BM berjaya mengumpulkan sejumlah RM20,117.87 sen. Walaupun jumlahnya tidak sebesar mana tetapi memberi makna yang sungguh mendalam. Ini kerana semua derma itu datangnya daripada rakyat yang dikira termasuk juga dalam golongan yang berpendapatan rendah. Mereka sedar akan tanggungjawab untuk membantu saudara mereka yang malang ataupun mereka berpegang pada prinsip suatu hari nanti mungkin mereka juga meng-

alami nasib sebagaimana yang dialami oleh saudara mereka yang malang itu. Lantas datanglah derma yang mencurah-curah yang ukurannya tidak lagi terletak pada nilai tetapi komitmen.

Apalagi nilai RM20,000 pada seorang jutawan seperti Syed Kechik, Tun Datu Mustafa, Encik Ghafar Baba atau jutawan-jutawan Melayu yang lain yang jumlahnya meningkat lebih kurang seribu orang (di Wilayah Persekutuan sahaja) adalah kecil. Mereka bukan sahaja mampu menderma RM20,000 sekaligus tetapi kalau mahu RM20,000 pun tidak merasakan himpitannya. Tetapi lainlah halnya dengan penderma-penderma yang menderma untuk Tabung BM. Sebahagian besarnya menderma dalam jumlah puluhan ringgit sahaja, terlalu sedikit yang mencapai ratusan ringgit.

Dengan sambutan yang menggalakkan daripada rakyat, sudah tentulah membakarkan lagi semangat penyokong Tabung BM ini. Tambahan pula keyakinan rakyat terhadap Tabung BM kian menebal dengan penyerahan RM13,873.30 sen kepada Timbalan Menteri, di Jabatan Perdana Menteri, Anwar Ibrahim Sabtu lalu. Beliau sendiri menyatakan sokongan yang tidak berbelah bagi terhadap usaha *Berita Minggu* itu. Anwar Ibrahim berharap agar, "biar ia berkekalan terus. Masyarakat kita berkemampuan membantu. Sudah sampai masanya rakyat yang menderita mendapat bantuan segera secara langsung daripada golongan yang berkemampuan melalui tabung ini."

Beliau juga meyakinkan masyarakat seluruhnya bahawa, "Saya sendiri, insya-Allah akan berusaha dan memikirkan bagaimana hendak meneruskan usaha ini. Dan setiap sen derma orang ramai adalah kebajikan rakyat miskin atau berpendapatan rendah." Tambah

meyakinkan kita lagi kesediaan beliau untuk berbincang dengan semua golongan termasuk ahli perniagaan, jabatan Kerajaan dan pertubuhan sukarela. Harapan rakyat lagi agar Perdana Menteri Dr. Mahathir akan turut menyokong Tabung BM ini diteruskan dan tidak hanya berfungsi sebagai tabung derma berkala.

Tentulah ada lojiknya mengapa Tabung BM ini harus diteruskan. Penderitaan dan kesengsaraan tidak datang pada satu-satu ketika, bukan seperti pertandingan bola sepak dunia. Penderitaan akan terus mengancam dan sewajarnya tabung ini diteruskan untuk meringankan penderitaan yang menimpa orang yang memerlukan. Walaupun banyak badan sukarela yang berfungsi membantu yang memerlukan, tidak salah kalau Tabung BM ini wujud untuk menambahkan lagi bilangan dalam senarai. Sekurang-kurangnya menampakkan kepada kita akan kemunculan sekumpulan lagi manusia yang sedar tentang tanggungjawab terhadap insan lain.

Berkaitan dengan penderma dan sumbangan derma yang diberikan melalui akhbar ini, terdapat dua ciri penting yang ketara. Pertama, penderma-penderma tidak lagi sedar tentang jumlah atau nilai yang didermakan. Seolah-olah pada mereka menderma adalah tanggungjawab yang mesti ditunaikan. Kedua, penderma tidak lagi memerlukan nama mereka dicatatkan sebagai penderma. Ramai yang menuliskan dengan nama 'Hamba Allah' sahaja, walaupun ada antara derma mereka yang meningkat beratus ringgit. Ini adalah satu fenomena sejarah yang sedang ditempa oleh masyarakat Malaysia. Kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya berbangga kerana tidak banyak negara di dunia yang sanggup berbuat seperti apa yang kita lakukan pada masa ini. Dan

begitu juga tidak banyak akhbar di dunia yang sanggup berbuat seperti yang dilakukan oleh akhbar-akhbar kita di Malaysia.

Ditegaskan awal-awal tadi bahawa projek *Berita Minggu* ini tidak akan terhenti setakat menyerahkan derma itu kepada Jabatan Perdana Menteri sahaja, malah ia akan diteruskan. Dan adalah dipercayai tidak ada pihak yang hanya memikirkan *Berita Minggu* sahaja yang bertanggungjawab pada Tabung BM ini. Projek ini adalah projek bersama. Apabila JPM menyatakan sokongannya terhadap projek ini, tentulah semua pihak akan bekerja sama terutamanya di kalangan akhbar dan seluruh rakyat Malaysia yang sedar tentang betapa perlunya bantuan diberikan kepada pihak yang memerlukan.

Tidak cukup rasanya, kita hanya melafazkan perkataan kasihan apabila menyaksikan satu kemalangan jalan raya yang melibatkan dua nyawa terkorban. Kebetulan yang terkorban ialah si ibu dan si bapa. Perkataan kasihan ditujukan kepada mayat yang terbaring lesu tetapi tentulah lebih kasihan dan lebih sedih lagi memikirkan nasib anak-anak yang tinggal yang bakal mengharungi hidup yang penuh dengan pancaroba. Bagaimanakah mereka dapat menempuh hidup? Siapa-kah yang akan bertanggungjawab tentang makan minum, pakaian dan persekolahan mereka? Walaupun ucapan kasihan berterusan dilafazkan, namun ini belum tentu dapat meringankan beban hidup kanak-kanak yang ditimpa malang itu. Dalam situasi beginilah letaknya peranan dan tanggungjawab tabung derma ini.

Sekiranya ada simpanan tetap dan berterusan, tentulah tidak menghadapi sebarang masalah untuk menghulurkan derma pada bila-bila masa. Mungkin kanak-



kanak yang ditimpa malang itu akhirnya dapat juga bantuan kerana peristiwa itu berlaku di jalan raya dan dapat diperhatikan oleh golongan yang sedia memberi bantuan. Tetapi tahukah kita bahawa di desa-desa pedalaman, masih ramai rakyat yang merasa kehidupan mereka terhimpit yang sentiasa memerlukan dan mengharapkan bantuan dan pertolongan? Tentulah orang yang menetap di Kuala Lumpur tidak dapat mendengar rintihan mereka kerana rintihan itu, biasanya dari desa pedalaman, di kaki-kaki gunung, di gigi sawah padi, di pinggir hutan dan di tepi-tepi pantai (bukan di tepi pantai Tanjung Bunga dan tidak juga di pantai Port Dickson), kampung nelayan yang tentunya jauh dari jangkauan pemberita dan wartawan dan jarang pula dilawati oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan Masyarakat atau agensi-agensi Kerajaan yang lain.

Rintihan mereka adalah rintihan hati. Senyuman mereka adalah senyum dalam tangisan yang bersalut derita. Tawa mereka adalah tawa untuk melupakan segala penderitaan. Di sebalik senyuman dan ketawa riang, kita tidak tahu kanak-kanak itu sebenarnya sedang menderita makan sekali sehari kerana bapanya yang menjadi tempat bergantung hidup mati dipatuk ular ketika mencari rotan di rimba belantara. Kita juga tidak tahu kanak-kanak yang tertawa itu sebenarnya menderita kerana baru sahaja kematian ibu ketika melahirkan anak menyongsang, akibat terlewat dibawa ke hospital kerana ketiadaan kenderaan yang hendak membawanya. Kita juga tidak dapat mengagak bahawa kanak-kanak yang sedang menangis itu sebenarnya sedang menderita kerana baru sahaja kematian ayah akibat jatuh dari bangunan ketika menjadi buruh binaan membina rumah dua puluh tingkat di Singapura.

Tahukah kita bahawa kanak-kanak yang berhenti dan menolong kita membetulkan tayar kereta sebenarnya dalam perjalanan ke kedai di kampungnya untuk membeli sekilo tepung untuk makan tengah hari bagi mereka sekeluarga empat orang? Sedarkah kita bahawa kanak-kanak yang mati dilanggar kereta itu hanya makan seulas mempelam sebagai sarapan pagi sebelum ke sekolah? Kematiannya bukanlah berpunca akibat dilanggar kereta tetapi sebenarnya disebabkan kekurangan zat makanan. Tentu ramai antara kita yang tidak mengetahui keadaan sedemikian sebenarnya wujud di negara kita. Ramai yang mengetahui penduduk desa terdiri dari kalangan golongan sederhana tetapi tidak dapat menggambarkan tentang kesederhanaan itu.

Mungkin ramai yang tinggal di kawasan Medan Damansara, Bukit Kenny atau Petaling Jaya kadang-kadang tidak pernah terfikirkan hal ini boleh berlaku. Anjing belaan di Bukit Kenny mungkin dapat menikmati daging dua kali sehari tetapi sebahagian besar penduduk desa agak bertuah kalau dapat menikmati daging dua bulan sekali. Ini adalah satu kenyataan dan satu hakikat yang perlu dimenungkan. Sekiranya kita ingin mengetahui dengan lebih mendalam, tanyalah guru yang mengajar di kawasan pedalaman kerana gurulah yang memegang kuasa dalam hal ini.

Di kampung-kampung, guru kadang-kadang bertindak sebagai 'menteri' atau 'wakil rakyat' yang menerima segala aduan. Gurulah 'pegawai daerah' yang menguruskan soal tanah. Gurulah yang kadang-kadang bertindak sebagai kerani atau jurutaip yang bertanggungjawab menulis dan menaipkan surat-surat penduduk desa dan akhirnya, guru jugalah yang bertugas sebagai 'budak pejabat' untuk menghantar surat ke

pejabat pos (terutama surat berdaftar). Apabila di dalam kelas, guru bertindak sebagai pegawai kebajikan masyarakat kerana membantu 10 sen atau 20 sen kepada kanak-kanak yang datang ke sekolah tanpa wang saku. Kereta guru kerap bertukar menjadi 'teksi' yang tidak mengenakan tambang. Guru jugalah yang akan membawa anak muridnya ke klinik, sekiranya diserang demam Malaria ketika sedang belajar. Guru bertindak dengan penuh ikhlas.

Ramai guru yang tidak mengenali borang tuntutan Kerajaan kerana mereka tidak pernah membuat tuntutan perjalanan. Mereka tidak tahu pegawai kebajikan masyarakat yang datang ke kampungnya berhak mendapat 55 sen bagi setiap satu kilometer roda keretanya bergolek. Tetapi bagi guru setelah disempurnakan tugasnya menghantar anak murid ke klinik tidak ada borang tuntutan yang perlu diisi seperti biasa dilakukan oleh Tok Penghulu di mukim itu atau pegawai-pegawai pertanian ataupun nazir-nazir sekolah. Apabila menteri, wakil rakyat atau pegawai Kerajaan berkunjung ke desa-desa, mereka tentunya dilayan dengan istimewa oleh penduduk desa, dihidangkan makanan yang paling sedap (dalam konteks suasana desa) yang kadang-kadang penduduk itu sendiri menikmati makanan serupa itu setahun sekali iaitu pada Hari Raya. Mereka menyambut tamu dengan senyum riang.

Tetapi sayangnya, ada di kalangan kita yang mencemuh sikap penduduk desa. Sekiranya sesuatu projek tidak menjadi, biasanya penduduk desalah yang diper-salahkan. Satu keunikan juga bagi masyarakat desa itu ialah mereka sentiasa menyembunyikan penderitaan. Mereka tidak pandai meminta-minta. Mereka sudah cukup puas sekiranya wakil rakyat menjanjikan sesuatu

kepada mereka, walaupun tidak ditunaikan selepas tiga kali pilihan raya.

Masyarakat desa bukanlah jenis pendendam. Mereka terus memberikan sokongan kepada wakil mereka untuk memenangi pilihan raya bagi kali keempat. Tetapi penderitaan mereka terus berlanjutan. Tidak dinafikan, ada yang mendapat perhatian tetapi ramai yang tidak diendahkan. Atas kesedaran inilah, agaknya, *Berita Minggu* terus giat melancarkan Tabung BM dan ingin meneruskannya. Tambahan pula mendapat sokongan daripada Anwar Ibrahim dan hendaknya sokongan daripada 2M. Mungkin pada peringkat awal perancangan tabung ini, ia tidak dapat membiayai seorang pesakit jantung untuk mendapat rawatan di Pusat Rawatan Jantung Filipina di Manila, dan mungkin juga tabung ini tidak terdaya untuk membantu mangsa kebakaran seperti yang berlaku di Sungai Way, Kuala Lumpur, tidak berapa lama dahulu.

Walau bagaimanapun, kita yakin tabung ini terdaya membelikan sepasang cermin mata kepada tukang buat labu tanah di Sayong yang telah hilang penglihatannya akibat dihempap batu besar ketika mencari tanah liat (moga-moga beliau dapat meneruskan kerja untuk menampung sara hidupnya). Tabung ini juga tentu terdaya membelikan sebuah mesin jahit terpakai kepada Kak Minah Janda (untuk menampung mati pencariannya dengan menjahit) setelah kematian suami kerana mempertahankan negara.

Para penggerak tabung ini tentunya tidak sampai hati mendengar berita murid-murid yang datang ke sekolah berkaki ayam kerana tidak mampu membeli kasut. Tentulah tabung ini juga tidak sanggup membiarkan seorang pelajar yang agak cerdas tidak berdaya

menduduki peperiksaan SRP kerana tidak mampu membayar wang peperiksaan. Kita tidak tahu berapa ramaikah bilangan kanak-kanak miskin yang menderita akibat padi tidak menjadi, berpunca daripada kemarau panjang. Begitu juga, tidak ada angka sebenar tentang bilangan kanak-kanak yang menderita makan sekali sehari akibat kegagalan bapanya ke laut akibat laut yang sentiasa bergelora.

Pejabat Kebajikan Masyarakat tentu mengetahui bilangan sebenar keluarga yang kehilangan rumah akibat banjir besar yang melanda Kelantan, Terengganu dan Perak. Dalam hal ini, saya percaya, Tabung BM ingin berganding bahu mencurahkan khidmat bersama-sama dengan jabatan lain, meringankan bebanan mereka yang ditimpa derita. Kelahiran Tabung BM tidak langsung berhasrat untuk bersaing dengan kutipan derma yang lain, misalnya, Derma Tabung Rakyat Palestin. Kedua-dua tabung adalah perlu dan seharusnya mendapat sokongan daripada semua pihak.

Cuma bezanya Tabung Rakyat Palestin untuk membantu mangsa perang akibat keganasan Israel dan Tabung BM bertujuan untuk membantu rakyat Malaysia sendiri yang dikira tidak banyak bezanya dari segi penderitaan, jika dibandingkan dengan rakyat Palestin itu sendiri, dari segi makanan, pakaian dan sebagainya. Sesuailah Tabung BM ini mengesyorkan agar "lihat sekelilingmu dan bantulah saudara yang memerlukanmu!!!"

## **UMNO BARU: TEGUHKAN KEMBALI MARUAH BANGSA**

...Yang paling penting difikirkan tatkala membina UMNO bentuk baru ini ialah menghindarkan gejala-gejala negatif yang sentiasa mengancam keutuhan UMNO. Misalnya, kita sering diketemukan dengan persoalan politik wang (walaupun keadaan sebegini tidak dapat dielakkan bagi negara yang sedang menuju ke arah pembangunan).

---

*Berita Harian*, 10 Februari 1988

HAKIM DATUK HARUN Hashim mengatakan UMNO adalah pertubuhan tidak sah dari segi pendaftarannya. Ayat itu juga dilafazkan di dalam mahkamah dan tentunya tidak dapat dirombak lagi. Bak kata pepatah Melayu, 'Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya'. Orang Melayu tentunya terpegun seketika mendengarkan khabar ini. Ada yang kurang percaya akan kesahihan berita itu. Sebilangan besar ahli UMNO mengeluh, seolah-olah tidak menyangka yang tragedi sedemikian berlaku terhadap parti yang mendukung Kerajaan.

Tentu ramai pula memikirkan pelbagai kemungkinan yang berlaku. Yang paling ditakuti, ketidakstabilan negara yang berpunca daripada peristiwa malang itu. Kenyataan Perdana Menteri jelas membayangkan bahawa Kerajaan tidak tergugat dengan keadaan itu dan dapat menenteramkan situasi. Bukan itu sahaja, malah pasaran saham juga tidak 'terkejut' mendengar berita ini. Kita tidak mahu keadaan UMNO menjadi sedemikian tetapi ia sudah terjadi. Satu kesan jelas hasil daripada 'malapetaka' itu ialah kukuhnya kedudukan Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri. Beliau ialah Perdana Menteri kita.

Kalau dahulu seolah-olah ada golongan UMNO yang merasakan mereka lebih berhak 'memiliki' Dr. Mahathir tetapi kini beliau milik semua. Beliau adalah Perdana Menteri Malaysia dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Tidak ada lagi golongan di negara ini yang mengatakan lebih berhak daripada golongan lain. Beliau ialah Perdana Menteri orang Melayu, India dan Cina dan beberapa suku lain di Sabah dan Sarawak. Barisan Nasional juga akan bertambah teguh dan kukuh. Presiden MCA, Datuk Dr. Ling Liong Sik, awal-awal lagi menyatakan sokongan partinya kepada kepemimpinan Dr. Mahathir. Begitu juga pendirian Datuk Dr. Lim Kheng Yaik (Gerakan).

Dari Sabah dan Sarawak pula datang curahan ikrar sokongan dari Parti Pesaka, USNO, SNAP dan PBS. Ini dengan jelas menunjukkan kesatuan yang amat kukuh di kalangan rakyat Malaysia seluruhnya. Sebagai rakyat yang cintakan negara ini, tentulah kita bangga melihat sokongan sebegitu, terutama ketika menghadapi saat-saat begini. Seolah-olah dalam sekelip mata sahaja kita dapat melupakan apa juga perselisihan di kalangan kita.

Dunia akan melihat kematangan kita menghadapi masalah runcing ini. Kita akan ditertawakan sekiranya tersilap langkah tetapi sebaliknya akan dicontohi sekiranya keadaan dapat kita kawal. Berita malang yang menimpa UMNO ini mungkin akan meremuk-redamkan perasaan pengasas-pengasas UMNO yang kini masih memerhatikan tindak-tanduk pertubuhan itu dengan penuh minat. Sekiranya Dato' Onn Jaafar masih ada, tentunya Allahyarham begitu hiba melihatkan keadaan yang berlaku kepada UMNO kini.

Tentulah tidak diduganya sama sekali pertubuhan yang diasaskan dengan linangan air mata, dengan mudah diiktiraf tidak sah. Paling menyedihkan ialah adanya kumpulan yang boleh dianggap sebagai perosak dalam UMNO, yang akan berbuat apa sahaja untuk memuaskan hati dan nafsu mereka. Kumpulan perosak itu mungkin tidak dapat menghayati perjuangan pejuang kita pada masa lampau, terutama golongan guru. Guru-guru pelatih yang menuntut di Maktab Perguruan Sultan Idris (kini dinaikkan ke taraf institut) pada tahun 1922 adalah antara golongan yang meniupkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu ketika itu. Dan merekalah yang kebanyakannya menganggotai UMNO pada peringkat awal, yang tujuannya semata-mata untuk memerdekakan tanah air. Guru-guru yang mempunyai semangat waja, yang sanggup dibakar hangus, direndam basah, dicincang lumat, dipancung mati - demi negara, bangsa dan agama yang dicintai.

Tentulah mereka kecewa mendengarkan pertubuhan UMNO yang diasaskan dengan tapak yang kukuh telah dirobuhkan oleh sekumpulan ahli yang tidak bertanggungjawab. Malangnya nasibmu UMNO. Sebagai seorang yang mengikuti perkembangan sejarah



tanah air pula, tentulah peristiwa sebegini tidak begitu menghairankan kerana sememangnya begitulah lumrah alam. Peristiwa yang menimpa UMNO bukanlah sesuatu yang boleh mengecewakan orang Melayu kerana banyak lagi peristiwa sejarah sebelum ini yang boleh mematikan orang Melayu.

Kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511 boleh dikira sebagai satu detik malang dalam sejarah bangsa Melayu dan boleh mematikan semangat orang Melayu untuk berjuang menentang Portugis. Mungkin ramai yang tidak tahu bahawa perjuangan orang Melayu pada ketika itu tidak pernah kenal erti putus asa. Semangat sentiasa menyala. Walaupun mereka penuh sedar yang kekuatan mereka tidak sekuat senjata Portugis, namun menyerah kalah tidak sekali.

Kita harus sedar bahawa perjuangan orang Melayu membebaskan tanah air memakan masa 446 tahun, bermula dari tahun 1511 sehingga tercapainya kemerdekaan pada tahun 1957. Dan sehingga tahun 1946 (tahun tertubuhnya UMNO) dapat diperhatikan bahawa tidak ada sebarang kesepaduan yang menyeluruh di kalangan orang Melayu, walaupun semangat perjuangan membara di hati dan sanubari mereka. Perjuangan yang dilakukan oleh Maharajalela di Perak berlainan dengan perjuangan Datuk Bahaman dan Mat Kilau di Pahang. Apatah lagi perjuangan Rosli Dhobi di Sarawak, tidak langsung diketahui oleh pejuang-pejuang bangsa di Semenanjung. Orang Melayu benar-benar bersatu apabila muncul Dato' Onn Jaafar yang lantas menubuhkan UMNO untuk menentang Malayan Union.

Tan Sri Abdul Samad Idris ada menulis mengenai saat-saat penubuhan UMNO dalam bukunya berjudul, *25 Tabun Merdeka*. Antara lain katanya:

Jam 10.30 pagi 11hb Mei 1946 bermulalah upacara penubuhan UMNO di Istana Besar Johor Bahru, Johor. Pemangku Raja Johor, Tengku Mahkota Ismail bin Sultan Ibrahim telah berangkat mencemar duli merasmikan upacara penubuhan Umno.... 29 orang wakil dari tiap-tiap badan gabungan yang telah menuruni tandatangan bagi mengesahkan piagam Umno sebagai bermulanya perjuangan Umno itu.

Itulah saat bermulanya UMNO sebagai pertubuhan kebangsaan yang ulung bagi orang Melayu. Perjuangan UMNO bukan sahaja berjaya menghancurkan Malayan Union tetapi hidup subur dan berjaya pula mencapai kemerdekaan tanah air bersama-sama rakan seperjuangannya, MCA dan MIC. Ada dicatatkan senarai nama pengasas UMNO, yang antaranya tidak terkenal di kalangan masyarakat kini. Dalam hal ini penulis buku *25 Tabun Merdeka* menasihatkan:

Apakah generasi muda mahu melupakan begitu sahaja jasa pejuang-pejuang yang telah mengorbankan segala-galanya untuk kepentingan agama, bangsa dan tanah air? Barangkali ada antaranya yang terbiar dan hampir dilupakan. Sekalipun ada antara nama-nama mereka ini tidak terkemuka sebagai tokoh tanah air, namun sumbangannya yang amat besar ini tetap tercatat dalam lipatan sejarah tanah air. Mereka inilah yang telah mengorbankan segala-galanya pada peringkat awal UMNO ditubuhkan. Menepikan nama mereka adalah satu dosa yang tidak terampun di sisi sejarah bangsa Melayu....

Sehubungan ini, apalah agaknya rasa hati golongan yang dinyatakan di atas apabila mengetahui yang UMNO sudah tidak lagi wujud di negara ini.

Bagaimanalah pula perasaan mereka apabila mengetahui punca yang menyebabkan UMNO tidak sah disebabkan tindak-tanduk kumpulan yang tidak bertanggungjawab dan tamakkan kuasa. Di samping itu, tentulah kita pula ingin meninjau perasaan kumpulan yang berjaya mencatatkan sejarah hitam dalam arena persejaraan bangsanya. Apakah mereka tidak pernah terfikir sebelum ini, bahawasanya tindakan mereka ini akan menjejaskan maruah bangsanya sendiri?

Apakah mereka tidak pernah mendengar pepatah Melayu yang berbunyi, menang jadi abu, kalah jadi arang. Apakah mereka hanya berpaut pada pepatah biar putih tulang jangan putih mata? Mereka nampaknya hanya mengikut rasa yang akhirnya binasa. Mereka kini lebih teruk daripada Pak Kaduk, kalah sorak kampung tergadai.

Orang Melayu, khususnya pejuang-pejuang UMNO (yang tulen), tentunya tidak dapat melupakan perbuatan kumpulan itu dan golongan yang di belakang mereka. Walaupun tujuan asal mereka bukannya untuk menghapuskan UMNO, tetapi hasrat dan cita-cita mereka sama jugalah untuk memporak-perandakannya. Sekiranya mereka berjaya dan mahkamah mengisytiharkan Perhimpunan Agung 24 April ini tidak sah, pasti akan diadakan pemilihan yang baru. Kita amat faham implikasinya jika diadakan Perhimpunan Agung UMNO yang baru. Bukan sahaja banyak wang dan masa terbuang, malah banyak tugas membina negara juga akan tergendala, apatah lagi dalam keadaan ekonomi dunia yang lembap. Selain itu, tentulah hasrat dan cita-cita kita untuk membina bangsa Malaysia yang teguh dan bersatu juga akan terganggu.

Kini keadaan sudah berubah, jangan lagi ditangisi nasi yang sudah menjadi bubur. Dan sememangnya menjadi hasrat pemimpin kita untuk membetulkan keadaan yang salah, memperbaiki keadaan yang runtuh. Hendaknya setiap langkah yang diambil biarlah lebih berhati-hati supaya tidak berlaku lagi sepertimana yang telah kita alami. Yang paling penting difikirkan tatkala membina UMNO bentuk baru ini ialah menghindarkan gejala-gejala negatif yang sentiasa mengancam keutuhan UMNO. Misalnya, kita sering diketemukan dengan persoalan politik wang (walaupun keadaan sebegini tidak dapat dielakkan bagi negara yang sedang menuju ke arah pembangunan).

Tentu kita ingin menyelesaikan beberapa persoalan yang sentiasa ditujukan kepada kita berkaitan dengan masalah ini. Mengapa permainan politik wang ini begitu berleluasa sekali dalam UMNO? Apakah dengan termasuk unsur ini yang menyebabkan perpecahan dalam parti? Apakah tidak dapat dielakkan percaturan yang sebegini? Bukankah pepatah Inggeris ada mengatakan, *'money is the root to all evils'*.

Selain persoalan politik wang yang menguasai UMNO, kita perlu juga memikirkan UMNO dalam menghadapi kurun ke-21. Apakah kita berpuas hati dengan keadaan ahli UMNO kini? Apakah begitu sebenarnya perjuangan UMNO yang kita perlukan dalam usaha menjadikan bangsa kita sebagai satu bangsa yang kuat dan setanding dengan bangsa lain di dunia? Apakah kita berpuas hati dengan prestasi setiap Persidangan Agung UMNO yang kita adakan pada tiap-tiap tahun itu? Apakah kita berpuas hati dengan sikap dan pendirian ahli UMNO apabila mereka menghadiri persidangan kita?

Yang paling penting dalam usaha kita membina UMNO ialah keperluan parti kepada golongan bijak pandai yang dahulunya masih menjauhkan diri untuk sama-sama menceburkan diri dalam UMNO. Tidak dapat dinafikan ramai golongan ini yang menyertai UMNO (terutama sejak kemasukan Anwar Ibrahim dalam UMNO), namun begitu masih ada lagi yang menjauhkan diri. Keadaan sedemikian berlaku apabila ada usaha daripada golongan tertentu cuba menyekat kemasukan golongan muda yang berpelajaran.

Perjuangan UMNO berlandaskan perjuangan yang amat kukuh. Kejayaannya menumbangkan Malayan Union sudah cukup untuk membuktikan kekuatannya. Apatah lagi apabila dilihat dari segi perjuangan menuntut kemerdekaan dan persahabatannya dengan MCA dan MIC yang kemudiannya ditambah dengan Gerakan, PBS, USNO, PESAKA dan parti-parti lain. Yang lebih penting ialah UMNO telah diterima dengan hati terbuka oleh parti-parti yang dianggotai oleh bukan Melayu. Diharapkan dengan pemulihan UMNO oleh Dr. Mahathir, ditambah pula dengan semangat, kita menempah satu bangsa Malaysia yang kuat dan kukuh setanding dengan bangsa-bangsa lain yang menghuni di muka bumi ini. Insyallah.

# BUDAYA WANG DAN TAKTIK KOTOR MAINAN CALON PARTI

Majlis Tertinggi UMNO membuat beberapa garis panduan bagi calon yang ingin bertanding. Pada Disember 1986 sebuah jawatankuasa ditubuhkan untuk menentukan tata cara seseorang calon yang ingin menjadi calon merebut jawatan dalam Parti. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Mohd Khir Johari itu ditubuhkan bertujuan untuk menentukan kempen setiap calon yang bertanding dalam perhimpunan ini dijalankan secara adil dan saksama. Misalnya, calon dilarang menggunakan wang untuk mempengaruhi pengundi....

---

*Berita Harian*, 15 November 1990

MUNGKINKAH SEJARAH HITAM kesan Perhimpunan Agung UMNO 1987 akan berulang? Persoalan ini menakutkan setiap perwakilan UMNO khususnya, orang Melayu umumnya. Perpecahan Melayu ekoran peristiwa 1987 amat perit. Ia mengambil masa terlalu panjang untuk pulih. Kini walaupun pada zahirnya luka itu kelihatan sembuh tetapi parutnya masih ada. Masyarakat Melayu amat takut jika luka itu berdarah kembali.

Apatah lagi mengenangkan perhimpunan kali ini adalah untuk pemilihan Ahli Majlis Kerja Tertinggi yang baru.

Justeru itulah Perdana Menteri selaku Presiden UMNO awal-awal lagi mengingatkan setiap calon Majlis Tertinggi supaya jangan memasuki gelanggang pertandingan dengan tindak-tanduk yang terkeluar daripada landasan demokrasi. Beliau mengingatkan kesan buruk yang akan menimpa seluruh parti jika ada calon yang berkempen menggunakan taktik kotor. Oleh itu disarankan agar kriteria yang boleh digunakan oleh ahli ialah dengan melihat ketokohan dan kewibawaan seseorang calon; dari segi rekod kerja dan jangan berkempen memburukkan calon lain.

Seperkara yang perlu juga dilihat oleh ahli perwakilan ialah pembangunan dan kemajuan negara pada masa kini yang dirasakan berkait rapat dengan pemilihan pucuk pimpinan parti. Negara sedang menuju satu tahap kemajuan yang tidak ada tolok bandingnya dalam sejarah pembangunan negara. Pemimpin Malaysia bukan lagi menjadi pemimpin negara sendiri tetapi mula menjadi pemimpin masyarakat antarabangsa. Sebab itulah pemilihan pucuk pimpinan tidak seharusnya berdasarkan sentimen tetapi hasil kerja seseorang pemimpin.

Sehingga kini lapan orang calon akan merebut jawatan Naib Presiden. Ini termasuklah Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Tan Sri Muhammad bin Mohd Taib, Datuk Seri Sanusi Junid, Tan Sri Rahim Thamby Chik dan Datuk Abu Hassan Omar. Bagi jawatan Ahli Majlis Tertinggi UMNO pula entah berapa puluh (dan mungkin mencapai angka ratusan) calon mahu merebut dua puluh kerusi yang

dipertandingkan. Sejumlah besar calon yang bertanding merebut jawatan Naib Presiden dan Ahli Majlis Tertinggi di Perhimpunan Agung UMNO pada penghujung November ini tentulah tidak menghairankan kerana itu adalah permulaan pemupukan budaya baru dalam sesuatu pertandingan dalam parti. Bagaimanapun senarai ini sementara kerana beberapa calon mengundur diri menjelang hari penentuan sebenar.

Aliran begini ada asasnya. Dalam perebutan mengisi jawatan Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1981 iaitu sebaik sahaja Tun Hussein Onn mengumumkan perletakan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO, ramai yang menyatakan hasrat untuk bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden (Dr. Mahathir menang jawatan Presiden tanpa bertanding). Ini termasuklah Tan Sri Ghazali Shafie, Encik Ghafar Baba, Tengku Ahmad Rithauddeen, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato' Musa. Akhirnya hanya dua tokoh yang bertanding iaitu Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato' Musa.

Fred Von der Mehden dalam rencana yang berjudul, 'Malaysia in 1981: Continuity and Change' yang tersiar dalam *Asian Survey*, Februari 1982 menyatakan peluang begitu besar mungkin diperoleh oleh Tengku Razaleigh untuk memenangi pemilihan itu. Katanya:

Ramalan awal kebanyakan pemerhati yang berpengalaman ialah Razaleigh mempunyai kelebihan. Sebagai Menteri Kewangan, beliau boleh menagih banyak hutang politik dan mempunyai banyak hubungan dengan golongan berada, terutama masyarakat peniaga Cina....

Bagaimanapun apabila keputusan diumumkan Dato' Musa yang muncul sebagai juara.



Berdasarkan kenyataan di atas, apakah dapat dibuat satu kesimpulan yang budaya politik wang di Malaysia bermula dari tarikh itu? Umum mengetahui sememangnya ada penggunaan wang yang berleluasa dalam usaha seseorang calon mempengaruhi pengundi. Namun begitu tidak ada pula tangkapan yang dilakukan bersabit perkara itu. Dalam pemilihan 1987, Datuk Seri Rafidah Aziz pernah mendakwa ada kumpulan yang menyogokkan wang sehingga RM10,000 kepada wakil Wanita dari Pulau Pinang untuk menentang Datuk Seri Dr. Mahathir yang mempertahankan jawatan Presiden Parti. Bagi Wanita Perak pula kononnya, mereka diminta meletakkan harga iaitu berapa sahaja yang mereka perlukan. Walaupun kenyataan itu tidak dapat dibuktikan kesahihannya tetapi jika tidak ada angin masakan pokok bergoyang.

Majlis Tertinggi UMNO membuat beberapa garis panduan bagi calon yang ingin bertanding. Pada Disember 1986 sebuah jawatankuasa ditubuhkan untuk menentukan tata cara seseorang calon yang ingin menjadi calon merebut jawatan dalam Parti. Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tan Sri Mohd Khir Johari itu ditubuhkan bertujuan untuk menentukan kempen setiap calon yang bertanding dalam perhimpunan ini dijalankan secara adil dan saksama. Misalnya, calon dilarang menggunakan wang untuk mempengaruhi pengundi. Di samping itu, mereka juga dikehendaki mematuhi beberapa larangan lain seperti menyebarkan risalah, mengadakan perjumpaan, jamuan dan menubuhkan kumpulan atau regu masing-masing.

Dalam pertandingan 1987, ada pihak di luar UMNO cuba campur tangan dalam urusan pertandingan ini. Dato' Musa yang pada ketika itu bertanding merebut

jawatan Timbalan Presiden memberi amaran kepada pemimpin sebuah parti komponen BN agar tidak mencampuri urusan keluarga UMNO. Di samping itu, ada juga pemimpin parti lawan yang juga turut kacau daun dalam pemilihan ini. Apakah kali ini juga akan ada campur tangan parti lain yang suka melihat perpecahan dalam UMNO wujud kembali? Kemungkinan berulangnya keadaan sedemikian bukanlah mustahil. Ada kemungkinan besar ahli Semangat 46 akan turut sama dalam 'pesta' UMNO kali ini.

Umum menyedari, pertandingan 1987 itu mengakibatkan pelbagai perkara yang mana sehingga hari ini masih terasa kesan dan padahnya. Pertandingan itu juga mempertingkatkan pengamalan budaya 'politik wang' yang diperkenalkan pada tahun 1981. Kemunculan budaya baru inilah yang menjadi unsur pemecah paling ketara dalam UMNO. Munculnya, budaya ini juga ada kaitan dengan persoalan kemunculan Orang Kaya Baru hasil DEB yang menukarkan corak golongan peniaga di negara ini.

Persoalannya sekarang, adakah benar anggapan yang mengatakan bilangan calon yang ramai membawa pengertian demokrasi subur dalam UMNO? Perdana Menteri pernah menyentuh mengenai perkara ini pada pertandingan 1987. Beliau menasihatkan ahli UMNO agar jangan mengadakan pertandingan di peringkat Presiden kerana ia boleh memecahbelahkan parti. Sungguhpun bilangan calon ramai menandakan kewujudan demokrasi tetapi ahli UMNO tidak sepatutnya mengambil bahagian semata-mata untuk memenuhi kehendak demokrasi.

Ada juga kemungkinan pertandingan kali ini tidak membawa perpecahan parti. Ini satu doa. Untuk meng-

analisis keadaan itu, perlulah kita meninjau sejarah. Soalnya, bilakah bibit perpecahan itu bermula? Ada kalangan berpendapat perpecahan itu bermula pada tahun 1987 apabila berlaku pertandingan merebut jawatan Presiden antara Dr. Mahathir dengan Tengku Razaleigh Hamzah. Bukan itu sahaja malah timbul dua kumpulan dalam UMNO yang lebih sedap dipanggil dengan panggilan Team A dan Team B.

Tetapi jika dihalusi, kita akan dapat satu lagi jawapan yang boleh menunjukkan bahawa benih perpecahan bermula apabila berlaku pertandingan antara Dato' Musa dan Tengku Razaleigh pada tahun 1981 dan dilanjutkan pula pada tahun 1984 untuk merebut jawatan Timbalan Presiden. Di situlah sebenarnya ahli UMNO mula menunjukkan kecondongan mereka berpihak kepada seseorang calon. Apatah lagi apabila calon yang bertanding itu hanya dua orang. Jadi terpaksa mereka memilih satu antara dua. Kesannya UMNO terbahagi kepada dua kumpulan.

Berbanding keadaan sekarang, perwakilan mempunyai banyak pilihan antara pemimpin yang menawarkan diri. Pilihannya bukan pula satu tetapi tiga. Namun demikian, tentulah ada satu atau dua orang tokoh yang dianggap boleh mewakili semua ahli UMNO dan rakyat Malaysia seluruhnya. Jadi perwakilan diberikan banyak pilihan. Tepuk dada tanya selera. Sepertimana doa kita tadi, penyertaan ramai calon untuk jawatan Naib Presiden UMNO usahlah mengarah kepada perpecahan tetapi yang pasti, ia akan membawa kesan sampingan; sedikit sebanyak menerbitkan faham kenegerian. Ini disebabkan kemunculan beberapa orang menteri besar dan ketua menteri yang menjadi calon Naib Presiden. Berdasarkan pencalonan Bahagian setakat ini, calon

dari negeri mereka tidak diketepikan dari senarai calon, walaupun calon yang mendapat pengiktirafan nasional dimasukkan sama. Misalnya, Menteri Besar Selangor dicalonkan oleh beberapa bahagian di Selangor, Menteri Besar Johor dicalonkan oleh orang Johor, Menteri Besar Pahang dicalonkan oleh perwakilan Pahang, begitu juga negeri lain.

Namun ada pihak tertentu, khususnya Dr. Mahathir berusaha menyekat berulangnya perpecahan di kalangan orang Melayu. Salah satu langkah yang diambil ialah melarang upacara perasmian mesyuarat perwakilan Bahagian dilakukan oleh pemimpin kebangsaan. Memadailah mesyuarat itu dirasmikan oleh Ketua Bahagian sahaja. Ini bertujuan untuk mengurangkan kesan negatif. Tindakan sebegini tidak pernah berlaku pada musim pemilihan yang lalu. Mungkinkah ini boleh dijadikan alasan berlakunya perpecahan di kalangan ahli UMNO pada musim lalu? Apakah garis panduan yang perlu diikuti oleh calon yang bertanding?

Mengikut Perdana Menteri:

Apabila seseorang itu berkempen ia akan hanya menimbulkan fitnah sama ada secara langsung atau tidak dan ini seterusnya mungkin boleh memecahbelahkan parti. Kita mahu jamuan makan tidak diadakan langsung tetapi kerana ada satu pihak yang terlebih dahulu melakukannya, pihak lain pun terpaksa buat untuk menjawab segala fitnah. Saya akan memberitahu kepada umum bahawa orang seumpama itu menggunakan kempen cara salah dan ahli UMNO tidak sepatutnya menyokong mereka.

*Berita Harian*, 12 November 1990

Hakikat ini seharusnya difahami benar-benar oleh calon yang bertanding dan juga perwakilan. Sejarah

membuktikan bahawa tokoh yang dilantik menduduki kerusi Naib Presiden UMNO mestilah seorang tokoh terkenal ataupun sekurang-kurangnya segala kegiatan mereka ada kaitan dengan masalah negara. Di samping itu ada ciri-ciri tertentu yang harus digunakan oleh perwakilan untuk memilih calon, khususnya:

- Faktor 'pelapis' – Golongan ini dianggap sebagai pewaris kepada pucuk pimpinan sekarang, yang bakal membawa cota dan menentukan jatuh banggunya bangsa Melayu di hari muka. Dengan demikian tokoh itu seharusnya pemimpin yang menampilkan ciri-ciri tertentu yang mirip kepada kepemimpinannya yang ada pada peneraju negara hari ini.
- Kebolehan dan kewibawaan seseorang calon itu juga menjadi pertimbangan mutlak. Walaupun syarat sebegini tidak begitu dipedulikan pada peringkat pemilihan yang lampau, namun pada pemilihan kali ini ia adalah syarat paling penting terutama dalam keadaan negara sedang berkembang menghadapi cabaran kurun ke-21. Perwakilan tidak boleh menafikan syarat ini kerana dengan berbuat demikian seolah-olah kita tidak peka langsung terhadap perkembangan politik di negara jiran khususnya dan dunia amnya. Adalah sesuatu yang bertentangan jika dari satu segi kita mahu meningkatkan pembangunan negara dan dari segi yang lain pula kita mengetepikan kelulusan seseorang calon.
- Sumbangan dan kegagalan seseorang itu dalam melaksanakan tugas negara adalah perhatian yang tidak kurang pentingnya kepada perwakilan.

- Kesediaan bakal Naib Presiden untuk sama-sama 'hidup dan mati' dengan pucuk pimpinan dan kesediaan pucuk pimpinan bekerja sama dengan Naib Presiden. Punca kekalahan Tengku Razaleigh di tangan Dato' Musa untuk merebut jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1981 dan 1983 dahulu disebabkan kepekaan rakyat tentang kemungkinan tidak akan wujud satu pasukan yang teguh antara Presiden dan Timbalan Presiden sekiranya Tengku Razaleigh dilantik. Dengan demikian perwakilan memberikan undi mereka kepada Dato' Musa.

Sebagai kesimpulan, sebahagian besar rakyat menanggap bahawa persoalan perpecahan dalam UMNO dan kesan perebutan jawatan dalam perhimpunan yang akan diadakan pada penghujung bulan ini tidak mungkin timbul. Ini disebabkan banyak faktor. Pertama, perwakilan sangat berhati-hati membuat sesuatu tindakan agar pisang tidak berbuah dua kali. Kedua, dan yang paling penting ialah dua jawatan iaitu Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan. Kedua-dua jawatan ini amat penting disebabkan fungsinya sebagai bapa kepada semua perwakilan.

## KEMENANGAN BN DI AMPANG JAYA: BUKTI SOKONGAN RAKYAT

Ramai pemerhati politik menganggap keputusan pilihan raya di Ampang Jaya itu menjadi satu titik perubahan dalam sejarah perjuangan UMNO tetapi penulis berpendapat titik perubahannya ialah pilihan raya di Parit Raja. Kemenangan di Parit Raja itulah sebenarnya memberikan semangat perjuangan yang baru kepada ahli-ahli UMNO.

---

*Nusantara*, 5 Februari 1989

PILIHAN RAYA KAWASAN Ampang Jaya boleh diibaratkan permainan badminton dalam set penentu. Pertandingan pertama diadakan di Johor Bahru yang dimenangi oleh kumpulan serpihan. Pertemuan kedua diadakan di Parit Raja. Barisan Nasional (BN) yang menang. Pertandingan ketiga di Ampang Jaya. Dan yang dikatakan set penentu itu ialah BN telah menang, walaupun dengan mata kemenangan yang sedikit berbanding kemenangan yang pernah dicapai sebelumnya.

Menang tetap menang. Dan BN yang bergelar johan. Jika diukur dari segi permainan badminton, kebiasaannya pemain yang memenangi set kedua dan ketiga

sebenarnya yang jadi jaguh. Jaguh yang kalah dalam set pertama bukanlah disebabkan kelemahannya tetapi itu adalah taktik permainannya. Kemungkinan dalam set pertama seseorang jaguh banyak membaca dan membuat perkiraan tentang permainan lawan, dan setelah setiap gerak langkah lawan dapat dibaca, maka dalam set kedua dan ketiga si jaguh akan membuat 'kill!'

Tentulah agaknya tidak banyak perbezaan jika dibandingkan pertandingan di Johor Bahru, Parit Raja dan Ampang Jaya dengan pertandingan badminton sebagaimana yang dihuraikan di atas tadi. Kekalahan BN di Johor Bahru mungkin disebabkan kejutan suatu suasana baru yang belum pernah dialami oleh BN sebelumnya. Apatah lagi apabila pertandingan itu diadakan di tempat pihak lawan. Tentunya mendapat sokongan yang luar biasa.

Mungkin BN menduga yang mereka akan menghadapi kekalahan. Namun demikian, BN sentiasa memerhatikan kelemahan pihak lawan untuk menggunakan segala kelemahan itu bagi kepentingan pertandingan-pertandingan selepasnya. Perkiraan dan perhitungan BN agak tepat apabila berjaya menewaskan parti lawan di Parit Raja. Kemenangan itu menunjukkan orang Melayu memihak kepada UMNO dan menolak kumpulan serpihan atau kumpulan Semangat 46. Kekalahan Bebas di Parit Raja mungkin disebabkan penggunaan dan strategi yang sama seperti dilakukan di Johor Bahru sedang pihak BN menggunakan taktik baru. Ia juga memberi pengertian bahawa prinsip perjuangan kumpulan serpihan itu mungkin hanya sesuai digunakan di Johor Bahru sahaja.

Pengundi Johor Bahru mungkin terlalu ghairah mendengar caci hamun pihak lawan terhadap kepim-



pinan Mahathir tetapi berlainan caranya bagi pengundi di Parit Raja dan Ampang Jaya. Ini adalah satu hakikat yang patut difahami oleh kumpulan Semangat 46. Ramai pemerhati politik menganggap keputusan pilihan raya di Ampang Jaya itu menjadi satu titik perubahan dalam sejarah perjuangan UMNO tetapi penulis berpendapat titik perubahannya ialah pilihan raya di Parit Raja. Kemenangan di Parit Raja itulah sebenarnya memberikan semangat perjuangan yang baru kepada ahli-ahli UMNO.

Hujah saya begini, diandaikan BN gagal di Parit Raja, sudah tentu ramai ahli dan pemimpin UMNO yang kecewa dan lemah semangat yang boleh memberi kesan amat buruk kepada perjuangan UMNO seterusnya. Sekiranya dapat dipulihkan sekalipun, proses itu tentunya mengambil masa yang amat lambat. Yang amat membimbangkan pucuk pimpinan ialah kesan pilihan raya Parit Raja ke atas suasana Perhimpunan Agung Khas UMNO yang diadakan selepas itu.

Diandaikan BN tewas dalam pilihan raya itu, bagaimana agaknya suasana dalam perhimpunan itu? Syukur, BN menang dan Allah menyebelahi pihak yang benar. Menjelmalah semula semangat perjuangan yang sentiasa membara dan itulah yang memberi makna yang amat besar kepada Perhimpunan Agung Khas Johor, Oktober lalu. Perhimpunan Agung UMNO yang lepas adalah lain daripada yang lain. Ia bukan lagi menjadi majlis pesta-pestaan (walaupun masih ada lagi saki-baki ahli UMNO yang merasakan demikian).

Segala perbincangan berlaku dalam suasana serius. Setiap isu yang dibentangkan dibahaskan dengan hati-hati kerana segala keputusan yang diambil nanti adalah penentu arah dasar negara. Yang paling membanggakan

ialah kehadiran begitu ramai pemerhati daripada golongan cendekiawan Melayu di majlis sehingga tamat persidangan selama tiga hari itu. Ini jelas menunjukkan Persidangan Agung UMNO amat penting kepada penerusan ketuanan Melayu di Malaysia. Berpecah tidaknya bangsa Melayu, dapat dilihat daripada persidangan itu.

Banyak perkara diperkatakan dan banyak isu dibincangkan, namun begitu, segala perbincangan dijalankan dalam suasana berhati-hati, takut kalau-kalau ada yang terusik. Orang Melayu seolah-olah begitu takut kepada perpecahan, walaupun dalam memperkatakan sesuatu, ada juga tersentuh tentang kegiatan golongan serpihan ataupun golongan yang ingin memulihkan Semangat 46. Tetapi hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah hasrat setiap perwakilan yang inginkan perpaduan.

Ada perwakilan yang bersuara lantang mengutuk kegiatan kumpulan serpihan tetapi di celah-celah kutukan, ada juga terselit mesej yang inginkan perpaduan. Hampir setiap perwakilan mengutarakan hujah dalam irama yang sama. Hakikat ini amat difahami oleh Presiden UMNO, Dr. Mahathir. Sebab itulah agaknya beliau mengumumkan jemputannya kepada Dato' Musa dan Tengku Razaleigh untuk menyertai kabinetnya pada penghujung persidangan itu. Ramai perwakilan tersentak dengan pengumuman itu kerana ia datang dalam saat yang tidak disangka-sangka. *Standing ovation* yang diberikan kepada para perwakilan terhadap pengumuman Dr. Mahathir itu membuktikan yang para perwakilan merestuinnya.

Masyarakat Melayu dan ahli-ahli UMNO khususnya, mengharapkan suatu tindakan diambil oleh dua pemimpin yang masih disayangi ekoran daripada peng-

umuman Dr. Mahathir itu. Orang Melayu terus menunggu dengan penuh kesabaran, namun yang ditunggu belum juga tiba. Malah, orang yang dijemput seolah-olah tidak begitu sudi menerima pelawaan ikhlas Dr. Mahathir. Kekecewaan tentunya menyelubungi hati dan perasaan orang Melayu.

Dato' Musa dan Tengku Razaleigh terus berada dalam kumpulan yang didukung oleh mereka. Masing-masing merasakan merekalah yang berhak untuk mewakili kumpulan Melayu. Merekalah yang sentiasa mendakwa bahawa orang Melayu sudah berpecah (sedangkan pada hakikatnya tidak). Sehubungan ini, hanya masyarakat Malaysia yang boleh mengadilinya. Dr. Mahathir menyerahkan kepada masyarakat Melayu untuk mengadili tindakannya itu.

Orang Melayu menyedari tentang tolak ansur yang diamalkannya. Mereka juga menyedari bahawa sebenarnya dia mahukan perdamaian dan perpaduan. Dalam keadaan dan suasana yang begitulah, berlaku pula perletakan jawatan Ahli Parlimen MCA dari Ampang Jaya yang menyebabkan kerusi itu perlu dipertandingkan. Rakyat sekali lagi diminta menjadi pengadil. Dan peluang ini sangat dinanti-nantikan oleh kumpulan serpihan. Mereka mengharap dan amat yakin kemenangan menyebelahi mereka kerana sebab-sebab tertentu yang amat difahami oleh setiap rakyat Malaysia. Sekali lagi mereka tewas apabila keputusan diumumkan.

Apakah kumpulan ini akan terus berjuang walaupun telah tewas? Kita tidak tahu apa yang akan berlaku selepas ini. Kita tidak tahu juga apakah kumpulan serpihan ini sedar yang masyarakat Malaysia dahagakan pembangunan. Kita hanya boleh berdoa agar kumpulan ini menghentikan percubaan untuk melanjutkan pertan-

dingan kerana rakyat Malaysia merasakan terlalu banyak perkara yang hendak diselesaikan, terutama dalam keadaan ekonomi negara yang sedang berkembang.

## GURU MELAYU TUNGGAK PERJUANGAN PARTI

Dalam suasana yang agak kacau inilah guru Melayu bangkit kembali menyuarakan pandangan mereka bahawa kaum guru harus berdiri teguh di belakang Kerajaan bagi memastikan agar perjuangan serta semangat 1946 itu dapat dibangunkan semula. Guru Melayu yang sudah sekian lama mendiamkan diri muncul sebagai wira berdiri di samping Perdana Menteri memberikan sokongan padu dan rela menghadapi apa jua rintangan.

---

*Berita Harian, 25 Ogos 1988*

"GOLONGAN YANG PALING sedih atas peristiwa malang yang menimpa UMNO hari ini ialah guru Melayu," demikian kata Haji Nordin Haji Mahmud, Presiden Kesatuan Guru Melayu Malaysia Barat (KGGMB). Apakah ini bermakna guru Melayu akan tampil semula ke hadapan seperti yang mereka lakukan 40 tahun yang lalu? Itu belum pasti. Yang jelas, guru Melayu menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bagi berdiri teguh di samping pejuang-pejuang UMNO yang ada sekarang. Sokongan guru ini sudah pasti memberi perangsang dan semangat kepada Perdana Menteri untuk meneruskan pimpinan negara di samping

meneruskan perjuangan untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang teguh. Perahu sudah di air, pengayuh sudah di tangan, hanya menunggu masa untuk berdayung.

Walaupun sokongan yang ditunjukkan oleh guru Melayu ini begitu jelas, ia tidak pula bererti sokongan daripada pihak-pihak lain tidak memberi makna. Malah dalam usaha mencapai pembangunan yang menyeluruh, termasuk menghadapi suasana genting, sokongan semua pihak adalah penting dan mempunyai erti yang besar. Yang memberikan sedikit kelainan mengenai sokongan guru Melayu terhadap kepemimpinan parti ialah apabila ditinjau dari perspektif sejarah. Memang tiada siapa dapat menafikan perjuangan guru Melayu dalam UMNO untuk menuntut kemerdekaan tanah air. Masyarakat Melayu khususnya tidak akan melupakan perjuangan golongan ini, terutama guru-guru Melayu lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim (MPSI).

Orang Melayu tentu tidak dapat melupakan jasa pejuang-pejuang guru Melayu seperti Abdul Hadi, Harun Mohd Amin, Buyong Adil, Ahmad Abdullah, Ibrahim Yaakob dan sebagainya. Walaupun mereka tidak dapat mengecapi nikmat kemerdekaan dalam erti kata sebenar, namun jasa mereka menanamkan benih perjuangan di kalangan pelajar MPSI sudah cukup untuk mengenang budi mereka. Inilah yang menjadi benih perjuangan generasi yang mengikut di belakang. Sesungguhnya, guru Melayu sebelum merdeka bukan sahaja berfungsi sebagai guru yang mengajar anak-anak di sekolah, malah ramai antara mereka yang menyumbangkan buah fikiran melalui karya mereka yang tersiar dalam *Majallah Guru*. Misalnya, Ismail Salleh dalam

rencananya yang berjudul, 'Inteligensia Didikan Melayu Dalam Politik Tanah Melayu 1920-1945' di dalam *Jurnal Sejarah Universiti Malaya* 1971/1972 ada menyenaraikan nama penulis guru yang mengabdikan penanya untuk perjuangan bangsa seperti berikut:

Di antara pengarang-pengarang yang melaungkan kesedaran kebangsaan di dalam *Majallah Guru* hingga ke penghujung tahun-tahun 30-an ialah Mohd Yusof Ahmad 'Bahasa Melayu', *Majallah Guru* Julai 1926; Mohd Dato Muda, 'Bahasa Melayu di Gerbang Zaman Baru', *Majallah Guru* Januari 1931; Mohd Taib, 'Pemimpin Kehidupan Rakyat Melayu', *Majallah Guru* Disember 1931; Mohd Arif Abdul Rahman, 'Sifat-sifat Kebangsaan Melayu', *Majallah Guru* Oktober 1932; Darus Abu, 'Roh Atau Semangat Melayu', *Majallah Guru* November 1932; Mohd Ariff, 'Ibu Melayu Dengan Kemerdekaannya', *Majallah Guru* Mac 1933; Bakariah, 'Menungkat Bangsa', *Majallah Guru* Ogos 1933; Hassan Manan, 'Perasaan Kasihkan Tanahair dan Bangsa', *Majallah Guru* Jun 1934.

Petikan ini tentu dapat mengingatkan kita betapa gigihnya perjuangan guru-guru Melayu pada tahun-tahun 20-an. Mereka sedar tugas membangunkan bangsa dan negara terletak di bahu mereka semata-mata kerana merekalah kumpulan yang boleh digolongkan dalam lingkungan bijak pandai Melayu pada ketika itu. Apabila UMNO ditubuhkan di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar, tugas yang dimainkan oleh guru Melayu tidak berkurangan, walaupun pimpinan UMNO diterajui oleh bijak pandai berpendidikan Inggeris kerana di peringkat akar umbi guru-guru Melayu masih mempunyai pengaruh yang kuat dan amat ketara. Pada suatu ketika UMNO pernah mempunyai pemimpin-pemimpin dari semua peringkat di kalangan guru Melayu.

Ada pihak yang terang-terang mengatakan UMNO tidak pernah menghadapi krisis besar ketika ia diterajui oleh majoriti kaum guru. Penulis tidak mempunyai hujah yang cukup untuk mempertahankan anggapan ini, cuma penulis hanya berani meninjau beberapa keadaan yang boleh menyokong hujah itu. Berkurangnya pembabitan kaum guru dalam UMNO seiring dengan kemunculan dan pengenalan DEB. Andaian ini mungkin boleh dipertikaikan, tetapi ia adalah satu hakikat bahawa terlaksananya DEB menelurkan golongan peniaga Melayu yang juga pemimpin UMNO. Ini jelas ada kalangan yang menceburkan diri dalam UMNO pada tahun-tahun 70-an adalah semata-mata kerana ingin mencari peluang mendapat kejayaan melalui DEB.

Kemunculan ahli-ahli perniagaan Melayu inilah yang kemudiannya mengurangkan sedikit sebanyak pengaruh kaum guru dalam UMNO. Permainan wang dalam pemilihan pucuk kepimpinan UMNO terus mengetepikan kehadiran kaum guru. Akhirnya, sumbangan guru dalam UMNO menjadi amat berkurangan, malah nampak jelas perasaan rendah diri kaum guru apabila berhadapan dengan golongan peniaga yang sudah mula menguasai UMNO. Mahu tidak mahu kaum guru juga terpaksa mengikut rentak zaman. Ramai guru yang terbabit dalam UMNO cuba mencari peluang di lapangan perniagaan. Ada yang berjaya dan tidak kurang juga yang gagal dalam menempuh gelombang baru ini.

Apa yang dapat diperhatikan berdasarkan keadaan yang berlaku ialah seolah-olah hilang nilai perjuangan murni dalam UMNO seperti yang diperjuangkan oleh kaum guru Melayu di peringkat awal. Kehilangan nilai murni ini menyebabkan pelbagai keadaan wujud dalam



UMNO yang akhirnya membawa kepada malapetaka yang dihadapi kini. Proses perpecahan dalam UMNO bermula pada penghujung tahun 70-an apabila jawatan Tun Hussein Onn selaku Presiden UMNO pada ketika itu dicabar oleh Haji Sulaiman Palestin. Saat itu adalah kejutan pertama kepada ahli-ahli UMNO. Ini adalah satu kejutan budaya kerana keadaan sedemikian tidak pernah berlaku sebelumnya. Ahli UMNO terpinga-pinga tetapi akhirnya terpaksa menerima hakikat itu.

Perpecahan UMNO yang kedua ialah apabila berlaku pertarungan di antara Tengku Razaleigh dengan Dato' Musa Hitam untuk merebut jawatan Timbalan Presiden Parti. Pertandingan itu benar-benar membuatkan ahli UMNO serba salah. Ahli UMNO terpaksa berpecah. Perpecahan itu lebih hebat daripada perpecahan awal. Perpecahan kali ketiga menentukan bahawa UMNO harus menghadapi malapetaka dan parti UMNO sendiri dicabar begitu hebat. Perhimpunan Agung UMNO April 1987 adalah saat-saat akhir umur UMNO. Perpecahan itu amat sukar dipulihkan sekiranya tidak berlaku peristiwa 4 Februari 1988 yang mengisytiharkan UMNO sebagai pertubuhan tidak sah. Ini satu rahmat Allah kerana peristiwa itu menyedarkan orang Melayu yang insaf akan kesilapan mereka dan bersatu kembali, walaupun ada segelintir ahli lama parti yang masih berusaha memecahbelahkan orang Melayu demi kepentingan masing-masing.

Dalam suasana yang agak kacau inilah guru Melayu bangkit kembali menyuarakan pandangan mereka bahawa kaum guru harus berdiri teguh di belakang Kerajaan bagi memastikan agar perjuangan serta semangat 1946 itu dapat dibangunkan semula. Guru Melayu yang sudah sekian lama mendiamkan diri muncul sebagai

wira berdiri di samping Perdana Menteri memberikan sokongan padu dan rela menghadapi apa jua rintangan. Sesungguhnya, inilah semangat 1946 yang memastikan perjuangan UMNO tetap di atas landasan yang murni; demi kepentingan agama, bangsa dan negara merdeka yang berna'wah.

## PEMERHATI LUAR MUSLIHAT PEMBANGKANG

Bagi pihak pembangkang tentulah ia merupakan satu helah untuk mengabui mata dunia dengan menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena dalam pemerintahan Dr. Mahathir. Tindakan ini adalah senjata terakhir untuk memburuk-burukkan Kerajaan dan menjadi harapan mereka agar nama negara tercemar di mata dunia....

---

*Berita Harian, 9 Ogos 1990*

PENUBUHAN PEMERHATI PILIHAN raya yang dipengerusikan oleh Tun Suffian Hashim mirip kepada penubuhan Namfrel (National Citizens Movement for Free Elections) di Filipina pada pilihan raya Presiden tahun 1986. Yang berbeza antara kedua-duanya ialah dari segi suasana politik yang membawa kepada kelahiran badan itu masing-masing. Namfrel wujud di tengah-tengah pergolakan politik yang amat runcing, ketika berlaku perebutan jawatan Presiden antara Marcos dan Corazon Aquino.

Pemerhati pilihan raya pula wujud di Malaysia dalam suasana politik yang aman. Pendek kata tidak pula wujud suasana sepertimana di Filipina. Dan suasana menjelang pilihan raya kini tidak pula memer-

lukan kelahiran satu lagi badan bebas untuk memerhatikan perjalanan pilihan raya kita kerana terbukti sejak pilihan raya pertama 1955 tidak pernah berlaku lagi sebarang kekecohan sebagaimana yang pernah berlaku di negara lain, seperti Filipina. Dunia mengakui keangkuhan Marcos sebagai pemerintah kuku besi, sehingga sanggup membunuh pencabar utamanya Benigno Aquino (suami Corazon).

Persoalan kita kini ialah mengapakah timbul desakan yang begitu mendadak bagi sesetengah pihak untuk menubuhkan pemerhati pilihan raya itu? Apakah ada pihak tertentu berpendapat suasana politik kita sudah menyerupai suasana politik di Filipina pada tahun 1986 dahulu. Suasana politik yang wujud di Filipina khususnya pada pertengahan tahun 80-an amat jauh berbeza dengan keadaan politik di negara kita. Gelagat pemerintahan diktator Marcos dapat dikesan sejak awal lagi yang menunjukkan beliau akan terus mempertahankan kedudukannya, walau dengan apa cara sekalipun. Tiga perkara yang boleh menunjukkan Presiden Marcos bersedia pada bila-bila masa untuk 'bermain kasar'. Pertama, demi memelihara kedudukannya, Filipina pernah diperintah alatentera selama beberapa tahun. Kedua, kesanggupan Marcos membiarkan berlakunya tragedi pembunuhan Benigno Aquino pada 21 Ogos 1983. Ketiga, pembunuhan penyokong Aquino di kawasan Makati pada 10 Februari 1986.

Memutarbelitkan keputusan pilihan raya adalah 'mainan politik di Filipina, sedang keadaan begini tidak pernah berlaku dalam pilihan raya di negara kita. Kita belum lagi mendengar kisah seperti serangan ke atas peti undi, memutarbelitkan senarai pengundi dan perbuatan lain yang boleh menjejaskan proses demokrasi

itu sendiri. Dengan demikian, apakah perlu satu badan lain untuk memerhatikan perjalanan pilihan raya kita. Suruhanjaya Pilihan Raya kita amat berwibawa menjalankan pilihan raya dengan adil dan saksama.

Di Filipina ada dua organisasi yang berfungsi sebagai badan untuk menyelenggarakan pilihan raya (sekurang-kurangnya ketika pemilihan Presiden iaitu Commission on Election (Comelec) dan Namfrel. Comelec ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengendalikan perjalanan pemilihan Presiden dan Namfrel pula berfungsi sebagai pemerhati pilihan raya yang bertanggungjawab memerhati dan menentukan kesahihan pilihan raya itu. Berdasarkan keadaan yang wujud di Filipina ketika itu, setiap organisasi memihak kepada calon pilihanraya, menyebabkan masing-masing mendakwa calonnya menang. Kekacauan yang wujud di Filipina menyebabkan amat sulit untuk diselesaikan melalui proses demokrasi dan perundangan.

Sehubungan itu, tentulah kita amat bimbang kalau keadaan di Filipina berlaku di negara kita. Comelec didakwa terlalu memihak kepada Presiden dan ada bukti yang menunjukkan demikian. Tetapi pernahkah kita terjumpa bukti yang menunjukkan Suruhanjaya pilihan raya Malaysia (SPR) memihak kepada Kerajaan atau Barisan Nasional (BN)? Jika perkara demikian menjadi amalan di negara kita, sudah tentulah setiap pilihan raya kecil ataupun besar dikuasai oleh calon BN tetapi tidak dan buktinya Johor Bahru dan Teluk Pasu jatuh ke tangan parti pembangkang. Malah selama ini rakyat terbanyak tidak pernah mempertikaikan kewibawaan SPR dalam menjalankan tugasnya.

Berdasarkan laporan yang menyentuh pilihan raya Presiden, peristiwa penipuan yang sering dilakukan

dalam proses pengundian di Filipina ialah ketika membawa peti undi dari tempat mengundi ke tempat pengiraan undi. Sebagai contoh apabila sampai sahaja peti undi dari kawasan Barat Laut Luzon (kawasan pilihan raya Marcos) ke tempat pembuangan undi, sebanyak tujuh daripada lapan *tally sheets* dipalsukan. Di samping itu ada juga kesalahan lain yang dilakukan yang tentunya amat bertentangan dengan etika pilihan raya. Sekiranya keadaan yang berlaku di Filipina itu berlaku di negara kita, maka SPR telah melakukan satu perubahan besar dengan mengadakan pengiraan undi di tempat pembuangan undi itu sendiri. Dan ini terbukti amat berkesan dengan mengambil kira pilihan raya di Sabah baru-baru ini sebagai projek percubaannya. Terbukti cara begitu amat berkesan.

Justeru itu, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba mencabar Tun Suffian memberikan komennya mengenai pilihan raya Sabah baru-baru ini. Kata Encik Ghafar, "Kalau ada penyelewengan, katakan ada, supaya kita boleh kaji dan memperbaikinya. Jangan diam saja." Cabaran ini amat wajar diketengahkan, agar masyarakat dapat mengesan ke arah mana sebenarnya hasrat dan tujuan desakan pembentukan pemerhati pilihan raya itu. Sekiranya SPR gagal menjalankan fungsinya dengan berkesan, maka adalah menjadi tugas pemerhati pilihan raya pula memaklumpkannya (kalau betul-betul berfungsi).

Baru-baru ini tersiar berita yang Kerajaan akan mengundang pemerhati dari Komanwel untuk memerhati perjalanan pilihan raya nanti. Cuba bandingkan keadaan itu dengan sikap pemerintah di Filipina. Mereka tidak mengundang sebarang pemerhati luar, malah mereka tidak gemar dengan kehadiran pemerhati luar.

Philip Habib, wakil khas Amerika Syarikat ditugaskan menjadi pemerhati pelaksanaan pilihan raya. Beliau tidak dijemput oleh Kerajaan Filipina tetapi dihantar oleh Kerajaan Amerika. Ini juga menunjukkan kebimbangan Presiden Reagan mengenai kesahihan proses pemilihan di negara itu. Di samping wakil khas Amerika, ada seramai seribu orang yang menganggotai kumpulan wartawan asing untuk memerhatikan proses pengundian di Filipina. Dalam keadaan sedemikian pun Marcos sentiasa mencari jalan untuk cuba menipu pengundian, walaupun keadaan menunjukkan Aquino mendapat kelebihan undi. Apakah hasrat yang terselindung bagi setengah pihak di Malaysia yang beria-ia benar mendesak Kerajaan untuk menubuhkan atau memanggil pemerhati pilihan raya?

Bagi pihak pembangkang tentulah ia merupakan satu helah untuk mengabui mata dunia dengan menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena dalam pemerintahan Dr. Mahathir. Tindakan ini adalah senjata terakhir untuk memburuk-burukkan Kerajaan dan menjadi harapan mereka agar nama negara tercemar di mata dunia. Pihak pembangkang sedar kegagalan mereka mempengaruhi rakyat terbanyak dengan isu yang diketengahkan. Hampir tidak ada isu besar atau kecil yang betul-betul dapat menafikan segala usaha yang dibuat oleh Kerajaan kini. Dengan perkataan lain apa yang dilakukan oleh Kerajaan bertepatan dengan hasrat rakyat terbanyak.

Ada pihak tertentu yang cuba bermain dengan isu GSP. Mereka mendesak Amerika agar menarik balik pemberian GSP kepada Malaysia, sedangkan mereka sedar betapa pentingnya keutamaan itu untuk pertumbuhan ekonomi negara dan kesejahteraan pekerja. Perdana Menteri sanggup menolak gelaran Malaysia

sebagai negara baru perindustrian (NIC) semata-mata untuk memelihara dan mengekalkan pemberian GSP kepada negara ini. Tetapi lain halnya kepada segelintir manusia yang hanya mementingkan diri semata-mata. Hasrat golongan ini hanyalah untuk menunjukkan kepada dunia kononnya berlaku penindasan pekerja di negara ini.

Kegiatan memburuk-burukkan Kerajaan Malaysia di mata dunia bukanlah amalan baru, malah wujud sejak zaman pentadbiran Tun Abdul Razak lagi. Dahulu mereka memperalatkan pelajar kita yang menuntut di seberang laut agar menunjuk perasaan. Mereka menimbulkan pelbagai isu untuk menarik minat dunia. Tetapi kini dengan pendedahan kesedaran yang diberikan kepada pelajar kita, mereka tidak berjaya mempengaruhi pelajar walaupun usaha ke arah itu terus-menerus dijalankan.

Golongan ini iri hati dengan pencapaian Malaysia sama ada dari segi sosio ekonomi atau politik antarabangsa. Kemasukan mencurah-curah modal asing memberikan petanda bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang stabil dari segi politik. Begitu juga perkembangan ekonomi yang amat pesat menunjukkan keberkesanan kepemimpinan Dr. Mahathir. Di peringkat antarabangsa pula, ketokohan pemimpin kita begitu menonjol sekali. Perdana Menteri bukan sahaja dikenali tetapi termasuk dalam golongan pemimpin dunia yang berkaliiber.

Perkembangan ini menimbulkan rasa kurang senang sesetengah pihak dalam negara kita. Golongan ini terdiri daripada kumpulan yang terkeluar daripada landasan kepemimpinan masa kini. Mereka berasakan diri mereka tersisih daripada masyarakat Malaysia.



Sebelumnya mereka adalah orang yang berpengaruh dalam masyarakat dan segala pandangan mereka diterima umum. Tetapi dengan munculnya nilai-nilai baru dalam masyarakat kita (seperti penerapan nilai-nilai Islam) maka mereka diketepikan. Namun begitu mereka masih lagi berkuasa dan berpengaruh. Lantas mereka cuba menegakkan semula walau dengan apa cara sekalipun.

Cara yang paling mudah bagi mereka untuk berpengaruh semula ialah dengan menyertai parti politik pembangkang, walaupun tidak tahu ke mana matlamat akhirnya. Kumpulan pembangkang terus bergabung tenaga semata-mata untuk menumbangkan majoriti dua pertiga parti Kerajaan. Mereka menjelaskan kepada umum yang mereka sebenarnya tidak berniat untuk memerintah tetapi sebenarnya hati kecil mereka mengatakan demikian. Ada pemimpin parti pembangkang sanggup mengorbankan kepentingan kaumnya semata-mata mengikut runtunan perasaan untuk menjatuhkan pemimpin yang dia sendiri sedari bahawa lawannya itu telah menabur bakti yang bukan sedikit kepada negara.

Berdasarkan beberapa tindakan kumpulan penentang Kerajaan ini, dapatlah disimpulkan bahawa sebenarnya mereka cuba memburuk-burukkan Kerajaan di mata dunia. Mereka sedar mereka gagal mempengaruhi rakyat terbanyak. Mereka mengharapkan agar masyarakat dunia yakin dengan dakwaan mereka bahawa ada sesuatu yang tidak kena berlaku di negara kita.

Justeru itu, perlantikan wakil dari Komanwel nanti hanya berperanan sebagai pemerhati pilihan raya semata-mata dan tidak lebih dari itu. Pihak pembangkang pula tentulah berpuas hati dengan peranan yang akan disumbangkan oleh perwakilan itu nanti. Sekiranya ada

pula desakan dari pihak tertentu agar perwakilan menjalankan tugas yang lebih daripada sebagaimana yang dijangkakan, maka perlulah diambil kira pula suasana sosio politik yang wujud di negara ini. Persetujuan kabinet ialah agar para pemerhati Komanwel mempunyai status yang sama seperti pemerhati pilihan raya Presiden Amerika Syarikat, Britain dan Australia. Dan amat tidak kena sekiranya suasana menjelangnya pilihan raya Malaysia kali ini disamakan dengan suasana pemilihan Presiden Filipina.

## **MEMBANTERAS PENYELEWENGAN YANG BERTERUSAN**

Persoalan penyelewengan nampaknya tidak pernah selesai. Mungkin boleh dapat direedakan sekiranya perwakilan UMNO mengambil suatu tindakan tegas. Ini tidak pula bermakna persidangan UMNO tidak pernah membincangkan soal-soal penyelewengan. Tetapi yang dimaksudkan ialah tindakan bersepadu seluruh ahli UMNO yang sedar tanggungjawab terhadap bangsa dan negara.

---

*Berita Harian*, 12 Oktober 1991

PEPATAH MELAYU ADA mengatakan, kalau tidak ada angin, masakan pokok bergoyang. Dalam konteks ini tiupan angin dari manalah agaknya yang menyapa telinga Anwar Ibrahim yang menyebabkan beliau menyinga, lantas berikrar akan terus membanteras sebarang penyelewengan dan pembaziran khususnya, dalam badan-badan berkanun untuk memastikan agensi berkenaan tidak rosak akibat masalah itu. Mungkinkah pisang akan berbuah dua kali? Diharapkan tidak akan berulang peristiwa seperti skandal Bank Rakyat dan Bumiputra Finance (BMF). Masyarakat Melayu khususnya sudah

begitu perit dengan peristiwa beberapa skandal kewangan yang hampir meruntuhkan keyakinan masyarakat terhadap agensi-agensi Kerajaan yang diasaskan oleh orang Melayu. Kesannya orang Melayu hampir tidak percaya terhadap syarikat yang ditubuhkan oleh bangsanya sendiri. Memang ada asasnya mengapa mereka bertindak demikian. Hampir seluruh syarikat yang dikuasai oleh orang Melayu lambat-laun akan runtuh akhirnya; atau sekurang-kurangnya dicemari skandal kewangan dan salah guna kuasa – orang Melayu hampir percaya dan menerima bulat-bulat hakikat ini.

Mujur perasaan begini belum meluas. Sedikit demi sedikit rekod kejayaan beberapa kerat anak Melayu dapat mengikis prasangka ini. Dengan munculnya beberapa syarikat yang diasaskan oleh orang Melayu dan berjaya pula, keyakinan positif itu mulai berputik. Masyarakat Melayu mula memiliki perasaan yakin terhadap usaha mereka dalam bidang perniagaan. Mereka mula merenung jauh memikirkan Wawasan 2020 bersama-sama pemimpin yang mereka kasihi. Orang Melayu mulai berjinak-jinak dengan bursa saham dan perlahan-lahan meneroka alam eksport import.

Apakah keyakinan positif ini akan terus mekar? Persoalan inilah yang mungkin menghantui pemikiran Menteri Kewangan itu. Beliau mungkin menghidu sesuatu yang tidak diinginkan akan berlaku. Beliau juga mungkin sudah dapat mengenal pasti bangkai mana akan terdedah dan pastinya akan mencemarkan suasana harum yang sedang kita nikmati kini. Sudah tentu beliau tidak rela melihat berlakunya sekali lagi skandal penyelewengan yang akan meruntuhkan terus keyakinan bangsa Melayu terhadap tindak-tanduk segelintir manusia dari kalangan bangsanya sendiri.

Bangsa Malaysia pimpinan Dr. Mahathir mula mendapat sanjungan daripada bangsa-bangsa maju dunia. Kejituan Dr. Mahathir dalam arena politik antarabangsa sentiasa mendapat perhatian pemimpin dunia apabila ditinjau dari segi sumbangan beliau terhadap kesejahteraan penduduk dunia ketiga khususnya. Dalam bidang perdagangan, Malaysia mula dikira sebagai negara yang sedang bergerak maju dengan cepat hampir sebanding dengan negara-negara *Tigers* yang lain. Dari segi pertumbuhan ekonomi, prestasi negara kita tidak mengecewakan. Begitu juga jika diukur dari segi keadaan inflasi yang masih dapat dikawal dengan jayanya.

Pendek kata kita sedang bergerak maju dalam pelbagai lapangan. Dengan demikian, kita tidak mahu langsung ada halangan yang akan melambatkan proses kemajuan yang sedang kita tujui itu. Atas alasan inilah mungkin Anwar Ibrahim beria-ia benar ingin mendapat simpati daripada ahli UMNO untuk bersama beliau memerangi sebarang penyelewengan yang berlaku. Kata Anwar Ibrahim:

Saya akan berhadapan dan menceritakan hal seumpama itu pada orang ramai khususnya ahli UMNO dan berharap mendapat sokongan mereka. Jika usaha saya membanteras penyelewengan dan pembaziran tidak mendapat sokongan, saya rela meletakkan jawatan. Jika usaha itu diterima, serahkan saja pada orang yang hendak mengikut cara lama yang pernah mereka amalkan. Hanya melalui kebenaran sahaja, satu cabaran baru dan wawasan yang diimpikan akan terlaksana sepenuhnya.

Masyarakat Malaysia walau dari keturunan apa pun akan bersama dengan Menteri Kewangan dalam perjuangan ini. Sokongan moral ahli UMNO pula tentu tidak

akan berbelah bagi kepada Naib Presiden mereka. Malah difikirkan sesuai jika ahli UMNO mahu menjadikan membasmi penyelewengan sebagai tema persidangan kali ini. Mungkin ini akan menjadi satu titik perubahan dalam siri perjuangan UMNO untuk menegakkan bangsa yang tercinta. Jika dahulu ahli UMNO sibuk mempersoalkan siapa yang bakal menjadi pemimpin mereka tetapi persidangan kali ini perwakilan membincangkan cara-cara mengatasi penyelewengan dalam badan-badan berkanun.

Persoalan penyelewengan nampaknya tidak pernah selesai. Mungkin boleh dapat diredakan sekiranya perwakilan UMNO mengambil suatu tindakan tegas. Ini tidak pula bermakna persidangan UMNO tidak pernah membincangkan soal-soal penyelewengan. Tetapi yang dimaksudkan ialah tindakan bersepadu seluruh ahli UMNO yang sedar tanggungjawab terhadap bangsa dan negara.

Skandal Bank Rakyat masih segar di benak kita. Kisah penyelewengan dalam BMF juga masih segar dalam ingatan. Begitu juga beberapa skandal yang kecil-kecil yang kesnya ditutup begitu sahaja. Ahli UMNO yang datang dari kampung tidak menyedari hal itu. Mereka dengan penuh ikhlas menyerahkan mandat menerajui negara kepada pemimpin yang mereka pilih. Mereka tidak tahu ada di kalangan pemimpin mereka cuba menyeleweng daripada perjuangan asal dengan menjalankan pelbagai kegiatan penipuan, penyelewengan, rasuah dan perkara-perkara terkutuk. Ada ahli UMNO tidak tahu hal sebegini dilakukan oleh pemimpin yang mereka sanjung tinggi.

Ahli UMNO dari kampung sudah agak faham akan hasrat Perdana Menteri untuk menjadikan negara ini dan

bangsa Malaysia sebagai sebuah negara yang maju pada tahun 2020, bukan sahaja maju dalam lapangan ekonomi dan perdagangan tetapi maju kita bersendikan budi dan ditunjangi pula kekuatan iman.

Tempoh DEB sudah tamat. Ada yang mengatakan kita berjaya, tidak kurang pula yang meragui pencapaiannya. Satu hal yang jelas, kita tidak dapat memenuhi hasrat untuk mencapai pemilikan ekuiti 30% bagi Bumiputera. Mengapa? Antara sebabnya penyelewengan yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu dan kegiatan rasuah yang berleluasa. Kalau dahulu kita sering mendengar perniagaan yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri tidak pernah mengaut untung. Yang musykilnya hampir 90% daripada perniagaan yang dijalankan mengalami kerugian. Bagaimanapun kini kita boleh bersyukur kerana ada Perbadanan Kemajuan Negeri yang berjaya mencatat keuntungan. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor adalah contoh cemerlang.

Tindakan Anwar Ibrahim membanteras kegiatan terkutuk ini tentunya amat dialu-alukan oleh seluruh masyarakat Malaysia walaupun tindakannya ini berkeungkinan mendapat tentangan daripada pihak-pihak tertentu. Beliau tentu prihatin, Rancangan Malaysia Keenam dan Rangka Rancangan Jangka Panjang 1991-2000 adalah dua program raksasa yang diletakkan secara langsung di bawah Kementerian Kewangan.

# MEMBENDUNG AMALAN RASUAH: SIKAP ANWAR HARUS DITELADANI

Langkah ini tentulah juga akan menguatkan keyakinan rakyat mengenai usaha pembentukan Kerajaan yang bersih dan menepati pula slogan yang sentiasa dilaung-laungkan iaitu 'Kepemimpinan Melalui Teladan'. Tidak syak lagi rakyat ingin sekali melihat hasilnya dalam masa yang amat singkat kerana terlalu mengidamkan sebuah Kerajaan yang bersih.

---

*Berita Harian*, 26 Januari 1989

ISU PENYELEWENGAN DAN rasuah kini menjadi tajuk perbincangan hangat. Mungkin, ia dihangatkan suasana pilihan raya kecil Ampang Jaya. Dan, orang yang paling hangat berkaitan dengan isu ini ialah Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penyelewengan, Anwar Ibrahim. Sepanjang minggu ini perkara menarik yang juga berakar umbi dari Ampang Jaya ialah mengenai kewibawaan Anwar Ibrahim sebagai menteri yang diberi tanggungjawab untuk memimpin jawatankuasa yang ditubuhkan menurut konsep *Ombudsman*.

Dalam kecamuk politik Ampang Jaya, nama bapa Menteri Pendidikan itu, Haji Ibrahim Abdul Rahman,



diheret ke kancah memancing undi. Beliau dikatakan menerima saham Industrial Oxygen Incorporated Berhad bernilai RM400,000 daripada Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Razaleigh Hamzah pada tahun 1984. Ramai berpendapat tindakan mendedahkan saham Haji Ibrahim dan perbelanjaan membina rumah Anwar Ibrahim itu adalah satu cara musuh politik Anwar dan Kerajaan hari ini, menggugat kedudukan beliau dan kewibawaan Kerajaan. Matlamat akhir kumpulan yang bertindak demikian ialah mengikis kepercayaan pengundi Ampang Jaya terhadap Kerajaan.

Bagaimanapun tindakan itu sebenarnya adalah sebahagian daripada perang terhadap penyelewengan dan rasuah yang dilancarkan secara rasmi oleh Kerajaan dengan pembentukan *Ombudsman* yang diperkenalkan pada November lalu. 'Peperangan' itu adalah satu tugas yang dibebankan kepada Anwar Ibrahim selaku pengerusi jawatankuasa. Tugas jawatankuasa bukan sahaja menitikberatkan masalah rasuah tetapi apa sahaja bentuk penyelewengan dalam pentadbiran Kerajaan.

Tugas ini tentulah amat berat untuk dilaksanakan kerana sistem ini seolah-olah gagal dilaksanakan apabila diperkenalkan buat pertama kali ketika pentadbiran Tun Abdul Razak dahulu. Jadi Anwar Ibrahim akan memastikan yang pengenalan kali kedua ini tidak menemui kegagalan. Beliau menekankan berkali-kali bahawa jawatankuasa kabinet ini bukan sahaja bertindak ke atas penyelewengan yang berlaku sekarang tetapi juga segala penyelewengan yang dilakukan sebelum penubuhan jawatankuasa ini lagi. Ia meliputi penyiasatan terhadap laporan mengenai kegiatan yang dianggap tidak menurut prosedur yang dilakukan oleh pemimpin

dan pegawai Kerajaan yang sudah bersara seperti menteri besar dan wakil rakyat.

Sebagai pembuka gelanggang, Anwar Ibrahim meminta Badan Pencegah Rasuah (BPR) menyiasat kes bapanya sendiri yang dituduh menerima saham berkenaan. Di samping itu disebabkan terlalu banyak tohmah yang membabitkan pembinaan rumahnya yang dikatakan berjumlah satu juta ringgit, beliau juga meminta BPR menyiasat mengenai kes perbelanjaan pembinaan rumahnya iaitu daripada punca mana wang itu diperolehi. Tindakan sedemikian tentunya belum pernah berlaku dalam sejarah negara ini apabila seorang menteri rela disiasat mengenai hartanya.

Langkah ini tentulah juga akan menguatkan keyakinan rakyat mengenai usaha pembentukan Kerajaan yang bersih dan menepati pula slogan yang sentiasa di-laung-laungkan iaitu 'Kepemimpinan Melalui Teladan'. Tidak syak lagi rakyat ingin sekali melihat hasilnya dalam masa yang amat singkat kerana terlalu mengidamkan sebuah Kerajaan yang bersih.

Sekian lama rakyat negara ini memuji tindakan yang dilakukan oleh pemerintah Singapura. Kononnya di Singapura tidak berlaku penyelewengan, sebab itulah Singapura sentiasa menempa kemajuan. Itu memberikan pengertian bahawa negara kita tidak menjalankan pentadbiran yang bersih sebagaimana di negara jiran itu. Hakikat inilah yang sentiasa diperkatakan oleh pihak pembangkang, terutama DAP. Kini, Kerajaan juga menjalankan gerakan pembersihan ini. Apakah DAP akan menyokong tindakan ini? Atau, mungkinkah tindakan itu akan mendapat sokongan rakyat terbanyak?

Isu ini menjadi bahan ceramah pilihan raya kecil Ampang Jaya. Jika dahulu pihak pembangkang sentiasa

memperkatakan mengenai rasuah dan menuduh pentadbiran Kerajaan rasuah, kini tuduhan itu beransur reda kerana kenyataan Anwar Ibrahim akan memerangkap mereka. Ramai juga beranggapan bahawa pilihan raya kecil Ampang Jaya adalah satu rahmat bagi bangsa Malaysia dan akan dikenang dalam sejarah perjuangan bangsa. Adanya cabaran daripada pihak pembangkang terhadap Anwar Ibrahim menyebabkan beliau merasa terusik dan diharapkan Pengerusi *Ombudsman* ini tidak akan tersalah langkah hingga jawatankuasa yang dipimpinnya mati tidak berkubur seperti yang pertama beberapa tahun dahulu.

Selaras dengan hasrat membentuk sebuah Kerajaan yang bersih, Ketua Pengarah BPR, Haji Zulkifli Mahmood juga mencadangkan pasukan antirasuah ditubuhkan di semua jabatan Kerajaan untuk mencegah rasuah, penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan kecurangan. Hakikat mengenai adanya sesetengah pegawai kanan Kerajaan yang menyalahgunakan kuasa, terutama yang ada hubungan dengan pemborong, diakui sendiri oleh Haji Zulkifli. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sallehuddin Mohamed juga menggesa semua ketua jabatan agar mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai yang melakukan penyelewengan dalam tugas harian mereka, dan hendaklah dilaksanakan tanpa rasa takut dan segan. Gesaan sebegini hendaklah didokong dan dihayati dengan sepenuhnya agar dapat dilaksanakan dengan segera, apatah lagi dalam suasana 'peperangan' yang ada sekarang.

Masyarakat sedar akan kegiatan penyelewengan di kalangan tertentu dalam pentadbiran Kerajaan hingga kadang-kadang hairan bagaimana pegawai rendah dalam sesebuah jabatan yang berpendapatan tidak

seberapa, mampu membeli barang-barang keperluan yang dikira terlalu lumayan. Ada juga golongan tertentu yang mampu bercuti keluar negeri setiap kali menjelang musim cuti. Dan ada pula wakil rakyat mempunyai bilangan kereta yang agak banyak sehinggakan tidak digunakan kerana terlalu banyak.

Rakyat sudah jemu mendengar kritikan sesetengah pihak terhadap fungsi BPR. Badan ini sentiasa ditempelak kerana bertindak hanya ke atas 'ikan-ikan bilis' sedang 'ikan-ikan yu' dibiarkan begitu sahaja. Masyarakat sudah sekian lama merasakan tindakan sedemikian amat tidak adil. Ini tidaklah pula bermakna masyarakat mengizinkan rasuah dan penyelewengan itu berlaku tetapi yang dituntut adalah keadilan dari segi tindakan.

Semua orang yang cintakan negara amat mengharapkan Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Anwar Ibrahim akan berfungsi dan dapat memenuhi kehendak dan idaman rakyat terbanyak yang sudah terpendam sejak sekian lama. Lakukanlah tindakan sepertimana yang dijalankan oleh Datuk Harun Hashim terhadap bekas Menteri Besar Perak, Datuk Ahmad Said. Hasrat Anwar Ibrahim adalah hasrat rakyat. Tentunya tindakan beliau mendapat keredaan Allah.

Sekiranya berkesan hasrat Anwar untuk memberihkan rasuah di kalangan menteri atau bekas menteri, wakil rakyat atau bekas wakil rakyat, maka usaha itu tentu sangat dialu-alukan. Apatah lagi kepada golongan bekas menteri dan menteri besar yang sentiasa sahaja melaungkan soal antirasuah. Sudah sampai masanya mereka dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tindakan ketidakamanahan mereka. Serahkan perkara itu ke muka pengadilan dan di situlah nanti akan diadili secara saksama.

Selama ini rakyat Malaysia sering diperdayakan oleh golongan ini. Mereka mudah percaya pula. Sudah sampai masanya masyarakat yang berbudi itu didedahkan dengan realiti sebenarnya. Barulah kita tahu nanti siapa sebenarnya yang berbudi. Kewujudan sistem Ombudsman di negara ini amat tepat pada masanya. Ini memandangkan pada ketika inilah negara sedang mengalami pertumbuhan ekonomi dengan kenaikan harga kebanyakan bahan mentah. Di samping itu impian untuk menjadikan negara ini sebuah Negara Perindustrian Baru (NIC) tentu tidak akan tercapai sekiranya ramai pegawai dan menteri yang terbabit dengan rasuah dan penyelewengan.

Kegagalan orang Melayu untuk memenuhi hasrat DEB, khususnya dalam bidang perniagaan korporat sedikit sebanyak berpunca daripada kegiatan rasuah di kalangan pegawai yang bertanggungjawab, walaupun ia bukanlah faktor terpenting. Ini adalah satu hakikat. Menafikan hakikat bahawa rasuah tidak berlaku di kalangan kita adalah perbuatan yang sia-sia. Cuma yang memeningkan kita ialah kegiatan rasuah ini dilakukan dengan cara yang amat licin sehingga terlalu sukar untuk mengesannya.

Jika begitulah keadaannya apakah Anwar Ibrahim dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan? Berpandukan kepada rekodnya yang lepas, rakyat tentunya menaruh kepercayaan dan menyerahkan tugas amat besar ini kepada beliau. Namun begitu masyarakat umum haruslah pula memberikan kerja sama dalam apa juga bentuk untuk menjayakan program raksasa ini, sekiranya kita mahu negara ini mencapai kejayaan seperti negara lain yang maju di dunia.

## **BELANJAWAN 1992: KE ARAH REFORMASI SOSIAL**

Pendek kata Belanjawan 1992 adalah titik tolak ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia yang maju, bukan sahaja diukur dari kaca mata Asia tetapi dari kaca mata dunia seluruhnya. Kemajuan yang hendak dituju oleh negara tidak pula bererti maju dalam lapangan ekonomi semata-mata tetapi tidak harus pula mengetepikan faktor lain.

---

*Berita Harian*, 19 November 1991

SEKALI IMBAS BELANJAWAN 1992 yang diutarakan oleh Anwar Ibrahim pada 1 November 1991 serupa dengan pembentangan Belanjawan Menteri Kewangan yang lalu. Namun, jika diperinci dan dihalusi, Belanjawan 1992 bersendikan satu falsafah terselindung yang hanya dapat dicungkil dengan membuat penelitian yang jitu. Ia mengambil kira semua aspek fizikal, mental dan kerohanian negara dan bangsa Malaysia dan paling penting penentuan titik tolak bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Mukadimah pembentangan Belanjawan 1992 telah diselitkan oleh Anwar Ibrahim mengenai arah yang hendak dituju iaitu:

Belanjawan 1992 dirangka bagi menghadapi cabaran-cabaran strategik dan menterjemahkan hasrat dan cita-cita yang terkandung dalam Wawasan 2020. Justeru itu strategi Belanjawan ini dan langkah-langkah yang diambil cuba memenuhi keperluan dan tuntutan Dasar Pembangunan Negara dan Rancangan Malaysia Ke-6 (RM6) kerana dasar dan rancangan itu adalah langkah pertama ke arah mencapai matlamat wawasan.

*Berita Harian*, 2 November 1991

Pendek kata Belanjawan 1992 adalah titik tolak ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia yang maju, bukan sahaja diukur dari kaca mata Asia tetapi dari kaca mata dunia seluruhnya. Kemajuan yang hendak dituju oleh negara tidak pula bererti maju dalam lapangan ekonomi semata-mata tetapi tidak harus pula mengetepikan faktor lain.

Sudah beberapa kali ditekankan dalam mencapai matlamat wawasan, faktor masyarakat penyayang dan berbudi adalah sendinya dan penghayatan nilai murni adalah tunjang pencapaian itu. Di samping itu, ia memberi pertimbangan wajar kepada pertumbuhan budaya ilmu, penerapan ilmu Islam, perkembangan pendidikan, sumbangan Malaysia dalam arena politik dan ekonomi antarabangsa dan aspek lain yang menjurus ke arah pencapaian matlamat wawasan.

Anwar Ibrahim dalam ucapannya memuji bekas Menteri Kewangan kerana memperkenalkan langkah tegas dan berani dalam usaha memulihkan ekonomi negara ketika negara dalam keadaan agak tenat. Ada perbezaan senario antara kedua-dua Menteri Kewangan itu. Tun Daim menjadi Menteri Kewangan ketika negara berada dalam kemelesetan sedangkan Anwar Ibrahim mengendalikan kementerian ketika negara menikmati kemakmuran.

Oleh yang demikian langkah Menteri Kewangan kini tentulah berbeza dengan yang lampau. Misalnya, Tun Daim pernah memperkenalkan pemotongan perbelanjaan Kerajaan dengan tujuan memulihkan ekonomi ketika itu dan tindakan sedemikian tentu sekali tidak akan dilakukan oleh Anwar Ibrahim. Tugas dan tanggungjawab Anwar Ibrahim dari satu segi menentukan penerusan ekonomi negara seperti yang ditinggalkan oleh Tun Daim dan dari segi lain menentukan masyarakat dan bangsa terus maju sebagaimana diperlukan matlamat wawasan.

Kita tidak mahu negara maju dari satu segi tetapi mundur dari segi lain. Lantas reformasi sosial amat diperlukan seiring dengan pembaharuan dan kemajuan sosial. Langkah ke arah penstrukturan sosial tentu sekali dialu-alukan sebagaimana terpancar dalam Belanjawan 1992 dan pada fikiran ramai langkah ini wajar.

Sekiranya kejuruteraan sosial ini tidak diambil, besar kemungkinan masyarakat kita akan menjadi seperti Korea Selatan. Ramai pihak di Korea dalam perbincangan dengan penulis menyatakan kebimbangan mereka, khuatir kalau-kalau Korea terkandas separuh jalan dalam usaha menjadikan negara mereka sebagai anggota G8. Perlu diingat kemajuan Korea sebagai sebuah negara maju disebabkan ketekunan dan kerajinan rakyat. Antaranya, ajaran Confucius dan konsep bekerja yang berteraskan prinsip Samuel Undung.

Korea kini sudah maju tetapi kebimbangan yang sedang melanda masyarakat tua di Korea ialah apakah kemajuan ini akan berterusan. Ini disebabkan dua faktor yang membawa kepada kemajuan mereka iaitu kelunturan Samuel Undung dan terhakisnya keyakinan kepada ajaran Confucius. Bersandarkan hujah itu dan



dibandingkan dengan apa yang kita lakukan kini, kita bergerak di atas landasan yang betul.

Wawasan 2020 mengharapakan bangsa Malaysia menjadi satu bangsa yang maju bukan sahaja dalam lapangan ekonomi tetapi dalam segala bidang. Perdana Menteri menyatakan bahawa maju kita bukan seperti maju Amerika atau Jepun tetapi maju kita berteraskan prinsip kita, bersendikan keluhuran budi dan bertunjangan amalan beragama yang kuat. Pemantapan budaya ilmu adalah antara ciri-ciri yang terselindung di sebalik perencanaan Belanjawan 1992.

Mungkin ini pertama kali penekanan diberikan oleh Menteri Kewangan terhadap kepentingan dan pemantapan budaya ilmu dalam pembentangan Belanjawan Negara. Dengan demikian Kerajaan mencadangkan pengecualian bagi pendapatan yang diterima daripada terjemahan buku dan karya sastera dinaikkan daripada RM3,000 kepada RM6,000. Selaras dengan itu juga diberikan satu peruntukan lumayan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk mewujudkan Biro Terjemahan.

Tindakan dan penumpuan Kerajaan ke arah ini memberi satu isyarat kepada golongan ilmuan di pusat pengajian tinggi agar dapat menghasilkan karya bermutu untuk dijadikan bahan bacaan ramai. Menerapkan nilai-nilai murni di kalangan rakyat Malaysia adalah usaha berterusan semenjak beberapa tahun yang lampau. Dan kini usaha sedemikian masih diteruskan. Sebagai langkah ke arah menerapkan nilai-nilai murni di kalangan rakyat, Kerajaan tidak menggalakkan rakyat negara ini minum minuman keras. Lantas cukai yang tinggi dikenakan ke atas minuman keras iaitu antara 50% hingga 185%. Mungkin ada pihak tertentu kurang senang dengan pengenaan cukai yang tinggi ini. Namun

sebilangan besar masyarakat Malaysia menyambut baik langkah itu.

Kerajaan juga peka dengan perkembangan politik dan ekonomi dunia yang kian mencabar. Perkembangan politik yang amat pesat berlaku di Rusia dan Eropah Timur, begitu juga dengan perkembangan ekonomi yang berlaku di Amerika dan Eropah, memaksa kita mengubah suai dasar negara kita. Hakikat dunia akan menjadi sebuah *global village* atau *the borderless world* perlu diberi pertimbangan serius dalam merangka Belanjawan Negara, khususnya bagi negara yang sedang menuju ke taraf perindustrian seperti Malaysia.

Ditinjau dari segi peruntukan kewangan bagi Kementerian, jelaslah Kementerian Pendidikan masih menjadi kementerian yang banyak menerima peruntukan dan kementerian yang diberikan keutamaan. Sebagai Menteri yang pernah menerajui Kementerian Pendidikan, Anwar Ibrahim amat peka mengenai fungsi pendidikan dalam membentuk generasi baru untuk mendokong matlamat wawasan.

Justeru, Kementerian Pendidikan diberikan peruntukan RM6.7 bilion iaitu pertambahan RM1.142 bilion atau 20.5% melebihi peruntukan tahun 1990. Menitikberatkan lapangan pendidikan bererti merealisasikan hasrat dan matlamat wawasan. Kejayaan negara seperti Amerika, Jepun atau Korea berpunca daripada ramainya golongan profesional mereka yang berusaha membina negara. Dengan demikian sekiranya negara kita ingin mencapai kemajuan seperti mereka, langkah memajukan pendidikan dan menambahkan bilangan golongan profesional adalah wajar.

Kita harus bersyukur kerana langkah ini disusun buat sekian lama iaitu sejak awal tahun 1970-an lagi de-

ngan pengenalan DEB. Semenjak itu ratusan ribu pelajar dihantar ke pusat pengajian tinggi dalam dan luar negara. Pelbagai perkara diberi penekanan dalam merangkakan Belanjawan 1992, namun golongan berpendapatan rendah tetap tidak dilupakan.

Kerajaan amat peka mengenai masalah kesukaran mendapat pinjaman membeli rumah bagi golongan berpendapatan rendah. Ada peminjam enggan memberi pinjaman kepada golongan yang ingin membeli rumah di bawah harga RM100,000 dengan alasan kadar faedah 9% yang dikenakan sebelum ini tidak akan diubah iaitu terus berada pada tahap 9%.

Belanjawan 1992 adalah permulaan kepada satu destinasi yang panjang iaitu untuk merealisasikan matlamat Wawasan 2020. Selaras dengan hasrat untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan memperkenalkan satu program bina semangat dan perubahan sikap yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). Peruntukan belanjawan sebanyak RM100 juta semata-mata untuk melaksanakan Program Bina Negara bagi memupuk semangat patriotisme dan setia kawan adalah pengorbanan yang bukan sedikit. Penekanan demikian membawa maksud bahawa Kerajaan, khususnya Perdana Menteri amat mengharapkan satu perubahan sikap yang positif lahir dari kalangan rakyat Malaysia sekurang-kurangnya menjelang tahun 2020.

## MENGUJI KEUTUHAN DEMOKRASI ALA-MALAYSIA

Suasana politik seperti yang dialami oleh Malaysia tidak wujud di negara-negara lain di Asia Tenggara, walaupun ada kelompok-kelompok kaum di sana. Indonesia tidak memberikan hak bersuara kepada rakyat keturunan Cina dan India. Begitu juga di Thailand. Hanya Singapura yang agak mirip dengan Malaysia. Kedudukan kaum-kaum di Malaysia diletakkan di kedudukan yang sewajarnya, walaupun ada tohmah dan fitnah yang mengatakan pemimpin Malaysia menganaktirikan kaum-kaum mendatang di negara ini.

---

*Berita Minggu*, 18 April 1985

INTI UCAPAN DR. Mahathir ketika merasmikan perayaan 25 Tahun Parlimen Malaysia sangat penting dijadikan renungan. Secara keseluruhan ia menggambarkan keyakinan seorang pemimpin dalam sebuah negara demokrasi mengenai bentuk pentadbiran yang dijalankan. Sekaligus memberikan gambaran bahawa apa yang sedang dilakukan tidak bertentangan dengan hasrat rakyat terbanyak.

Tentulah kita tidak dapat lari daripada kritikan. Tidak ada sebuah negara di dunia ini bebas daripada kritikan, baik negara-negara Barat mahupun Timur. Dan

ramai juga yang mempersoalkan konsep demokrasi yang dipraktikkan, terutama dalam soal-soal hubungan antara kaum di Malaysia.

Dalam hal ini, Dr. Mahathir sendiri meyakini bahawa konsep demokrasi itu tidaklah dapat dilaksanakan dengan begitu ideal, mengharapkan pelaksanaan seratus-peratus. Agak mustahil bagi kita untuk mencapai tahap itu, terutama dalam negara yang terdiri daripada pelbagai kaum. Isu ini sentiasa dipertikaikan oleh sebilangan kecil rakyat Malaysia, sama ada di negara ini ataupun pelajar-pelajar kita di luar negara.

Bagi mereka yang di luar negara sering membandingkan antara pemerintahan di negara sendiri dengan pentadbiran negara lain. Lazimnya apa yang dilakukan oleh pemerintah negara kita amat bertentangan dengan selera dan pendapat mereka. Selama 25 tahun, kemerdekaan dan amalan demokrasi negara ini telah teruji. Walaupun ada riak-riak kecil yang mengocak ketenangan suasana di negara kita, namun bahtera merdeka kita terus belayar sampai ke hari ini.

Parti yang memimpin Kerajaan hari ini adalah teras yang mengasaskan kemerdekaan negara, walaupun nama dan pemimpinnya bersilih ganti dari satu waktu ke zaman yang lain. Walaupun Perikatan ditukarkan ke Barisan Nasional (BN), namun konsep perjuangannya sama. Tiga kaum terbesar di negara ini tetap bersatu padu mendokong cita-cita negara.

Suasana politik seperti yang dialami oleh Malaysia tidak wujud di negara-negara lain di Asia Tenggara, walaupun ada kelompok-kelompok kaum di sana. Indonesia tidak memberikan hak bersuara kepada rakyat keturunan Cina dan India. Begitu juga di Thailand. Hanya Singapura yang agak mirip dengan Malaysia.

Kedudukan kaum-kaum di Malaysia diletakkan di kedudukan yang sewajarnya, walaupun ada tohmah dan fitnah yang mengatakan pemimpin Malaysia menganaktirikan kaum-kaum mendatang di negara ini.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Dr. Mahathir bahawa "Demokrasi memberikan kebebasan tetapi tidak sampai ke satu tahap yang demokrasi itu sendiri menghancurkan kita." Dr. Mahathir pernah mengingatkan dan menasihatkan golongan muda agar tidak terpedaya dengan dakyah-dakyah yang cuba memburuk-burukkan Kerajaan. Paling dikhuatiri ialah golongan muda yang tidak faham dan tidak tahu apa yang sepatutnya mereka tahu, lantas menentang Kerajaan.

Ini telah dan sedang berlaku di kalangan pelajar kita di luar negara. Mereka sering mendengar pandangan dari sebelah pihak sahaja. Masalahnya, mereka enggan mengetahui dan menganalisis keadaan sebenar bagi negara. Misalnya, tindakan Kerajaan mengenakan undang-undang ISA. Ia menimbulkan penentangan yang hebat dari kalangan pelajar-pelajar kita di luar negara, lantas menganggap Kerajaan tidak demokratik.

Tidak tahu dan sedarkah mereka apakah rasionalnya yang menyebabkan Kerajaan bertindak demikian? Salahkah pentadbiran negara kita jika undang-undang ISA itu dilaksanakan semata-mata untuk melindungi negara dan harta rakyat di Malaysia? Demokrasi negara kita menjadi sasaran lagi apabila ramai yang mempersoalkan kedudukan istimewa Bumiputera. Mereka marah terhadap usaha yang dilakukan oleh Kerajaan untuk memajukan kedudukan sosio ekonomi Bumiputera, sedangkan usaha itu baik dan murni.

Mereka lupa negara akan menjadi huru-hara apabila ada masyarakat yang menderita dalam kemiskinan.

Keadaan sedemikian telah kita tempuhi pada tahun 1969 dan ia menjadi pengajaran kepada Kerajaan. Dengan alasan itulah Kerajaan berusaha menyusun semula masyarakat dan menyempitkan jurang antara golongan miskin dan kaya melalui konsep DEB. Moga-moga dengan terlaksananya konsep DEB ini, perpaduan kaum akan tercapai. Salahkah Kerajaan berbuat demikian? Ataupun tidak demokratikkah Kerajaan jika usaha sedemikian dilaksanakan?

Sistem pelajaran dan Dasar Pelajaran Kebangsaan sentiasa menjadi persoalan dan kritikan, baik oleh individu ataupun wakil-wakil di Parlimen. Kononnya Kerajaan banyak memberikan bantuan kepada kaum Bumiputera. Misalannya, menubuhkan beberapa buah sekolah berasrama penuh, khusus untuk menampung pelajar-pelajar Bumiputera. Di samping itu, pusat pengajian tinggi juga sentiasa menitikberatkan kemasukan pelajar Bumiputera. Dengan demikian, sekali lagi amalan demokrasi negara ini dipersoalkan. Cara Kerajaan mengendalikan pentadbiran pelajaran dipersoalkan.

Hanya sebahagian kecil rakyat di negara ini mempersoalkan demokrasi yang kita amalkan. Majoriti rakyat masih berdiri di belakang Kerajaan. Ini terbukti dengan kemenangan yang diperoleh oleh BN dalam pilihan raya lalu. Walaupun ada tentangan dan sungutan, namun demokrasi yang kita jalankan itu amatlah bersesuaian dengan keadaan negara kita.

Perayaan 25 Tahun Parlimen secara langsung bermakna merayakan keteguhan demokrasi yang diamalkan sekian lama. Kita tidak harus melatah dalam menempuh hari muka. Walaupun demokrasi yang kita jalankan mungkin tidak sama dengan demokrasi yang diamalkan di negara-negara lain, namun kita masih tetap

berpegang pada apa yang kita praktikkan kerana cara itulah yang amat sesuai dengan cara hidup kita sebagai sebuah negara berbilang kaum.



## MEMAHAMI DASAR EKONOMI NEGARA

Sepanjang pelaksanaan DEB selama 20 tahun adalah jelas ia bukan satu dasar penindasan, walaupun ada pihak tertentu yang mengatakan demikian. Percubaan itu gagal. Sebilangan besar rakyat yakin dengan DEB. Kaum bukan Bumiputera yang sebelum ini agak ragu-ragu dengan DEB mula menyedari yang sangkaan mereka meleset. Sebaliknya dasar ini menimbulkan keadaan harmoni dalam negara di samping menikmati perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat.

---

*Berita Harian*, 21 Ogos 1989

DALAM SATU MAJLIS makan malam anjuran Kelab Harvard Malaysia pada 28 Ogos 1990 Perdana Menteri telah menyampaikan ucapan penting mengenai DEB selepas 1990. Antara lain katanya:

DEB adalah satu ujian dalam usaha kejuruteraan sosial. Kita mempunyai matlamat yang jelas ketika menggubal dasar itu – membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat supaya fungsi ekonomi tidak disamakan dengan keturunan seseorang. Bagaimanapun kita telah pun menolak sosialisme dan komunisme. Kita yakin kepada sistem pasaran bebas yang membawa pengertian bahawa kita mesti akur kepada segala sekatan yang dikenakan oleh kuasa pasaran yang pada lazim-

nya meluaskan lagi jurang perbezaan daripada merapatkannya. Kita perlu mencergaskan pertumbuhan suatu segmen masyarakat tanpa cuba memberi gambaran bahawa kita cuba menafikan hak satu pihak yang lain. Sesungguhnya ini adalah satu tugas yang besar bagi sebuah Kerajaan dan birokrasi yang kira-kira 12 tahun sebelumnya hanyalah sebuah badan pentadbiran.

Kenyataan ini disuarakan ketika dasar ekonomi negara selepas 1990 masih dalam peringkat perencananan yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN). Kini laporan setebal 600 muka itu telah siap dan diserahkan kepada Kerajaan oleh Pengerusi MAPEN Tan Sri Ghazali Shafie. Dalam ucapannya ketika menerima laporan itu, Dr. Mahathir menyatakan program kejuruteraan sosial yang dijalankan oleh negara-negara Komunis dan Sosialis telah gagal, lalu diberhentikan tetapi DEB Malaysia dilaksanakan selama 20 tahun walaupun tidak semua matlamatnya tercapai.

Beliau juga menegaskan bahawa DEB yang dilaksanakan tanpa sandaran pengalaman berjaya membantu rakyat menikmati perkembangan ekonomi. Dengan pengalaman ini Malaysia yakin dapat menggantikan DEB yang telah tamat tempohnya. Sepanjang pelaksanaan DEB selama 20 tahun adalah jelas ia bukan satu dasar penindasan, walaupun ada pihak tertentu yang menyatakan demikian. Percubaan itu gagal. Sebilangan besar rakyat yakin dengan DEB. Kaum bukan Bumiputera yang sebelum ini agak ragu-ragu dengan DEB mula menyedari yang sangkaan mereka meleset. Sebaliknya dasar ini menimbulkan keadaan harmoni dalam negara di samping menikmati perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Thomas Sowell, dalam bukunya *Preferential Policies* (An International Perspective, New York 1990) meninjau tentang dasar yang mirip dengan DEB di beberapa negara di dunia. Kajian itu meliputi keadaan Maori di New Zealand, Sephardim di Israel, kaum Asia Tengah di Soviet Union dan kaum pariah di India. Satu ciri yang ada pada semua dasar istimewa di negara berkenaan ialah sifat sementara yang diamalkan oleh pembuat dasar itu, walaupun ia dihasratkan untuk diteruskan buat beberapa lama. Malah ia memperlihatkan banyak lagi kumpulan yang boleh menggubal dasar itu. Satu program serupa yang dilaksanakan di India dan Pakistan, misalnya sudah jauh melampaui tarikh tamat yang ditetapkan.

Satu hal yang agak ketara mengenai dasar istimewa itu ialah sebilangan kecil penduduk menikmati hasil daripada dasar ini. Di sesetengah negara yang mengamalkan dasar itu golongan yang memerlukan pembelaan diketepikan sebaliknya segala kemudahan dikecapi oleh golongan yang berpengaruh.

Di Malaysia, misalnya walaupun pihak Kerajaan cuba sedaya upaya memberikan nikmat DEB itu kepada golongan yang tidak bernasib baik namun ada pula golongan berada yang sentiasa mencari kesempatan untuk kepentingan diri. Satu contoh yang amat baik ialah pelabur-pelabur ASN (Bumiputera) yang diperalatkan oleh bukan Bumiputera dengan memberikan wang untuk dilaburkan dalam ASN. Amalan ini ditegur oleh Perdana Menteri.

Thomas Sowell cuba mengetengahkan kewujudan polarisasi kaum kesan daripada pengenalan dasar keutamaan ini. Di sesetengah negara, golongan yang tidak berpeluang terbabit dengan dasar itu mengambil pel-

bagai tindakan negatif yang kadang-kadang boleh membawa kepada pertumpahan darah. Dalam hal ini tentulah ada kelainan jika diambil DEB sebagai contoh. Wujudnya pertumpahan darah antara kaum di Malaysia pada tahun 1969 bukan disebabkan dasar keutamaan Kerajaan tetapi berpunca daripada ketiadaan dasar yang serupa itu. Sejak DEB diwujudkan tidak timbul pula pertumpahan darah. Jika ada yang cuba mempersoalkan tahap kejayaan DEB, maka jawapannya ialah Kerajaan berjaya mewujudkan keharmonian antara kaum.

DEB dilancarkan selepas peristiwa 1969. Orang Melayu yang mewakili 47% daripada penduduk di negara ini hanya memiliki 4% daripada harta korporat. Keadaan itu amat menyedihkan. Justeru itu orang Melayu diberikan peluang memajukan diri dari segi pendidikan, ekonomi dan sosial. Kaum Cina dan India yang memiliki saham negara yang bernilai 34% pada tahun 1970 akan menikmati kenaikan sebanyak 10% kepada 40% pada tahun 1990. Ini bermakna Kerajaan tidak ada niat untuk menindas kaum lain ketika melancarkan DEB. Ini menampakkan satu bentuk pembangunan yang seimbang antara kaum. Di samping itu pemilikan ekonomi negara oleh pemodal asing akan menurun daripada 62% pada tahun 1970 kepada 30% pada tahun 1990. Bagaimanapun pada penghujung tahun 1985 pemilikan ini menurun semula kepada 17.8%. Pemodal asing memiliki 25.5% dan orang Cina dan India memiliki 56.7%. Sebagai perbandingan ada baiknya perbincangan dimulakan dengan keadaan yang wujud di India. Thomas Sowell menjelaskan:

...pada sejarahnya, perbezaan antara Brahmin dengan mereka yang maksum menjadikan masyarakatnya yang paling berbau perkauman di dunia. Pertempuran di antara penganut Islam

dan Hindu menyaksikan paling banyak darah mengalir dalam sejarah manusia termasuk lebih setengah juta terbunuh ketika kemerdekaan.

Thomas Sowell, hlm. 52

Perlembagaan India sebagaimana Perlembagaan Amerika menetapkan syarat layanan sama rata kepada semua rakyat. Namun begitu secara terselindung ada juga peruntukan dalam perlembagaan menghalang program yang boleh memberikan kemajuan kepada golongan pariah dan juga golongan yang tidak dipedulikan oleh Kerajaan. Jika ditinjau di Assam, sebagai sebuah kawasan di India yang mempunyai keluasan lebih kurang 30,000 batu persegi perkembangan ekonomi moden dalam sektor perindustrian dan perdagangan bukan dimonopoli oleh anak negeri tetapi orang luar. Puncanya serupa dengan keadaan yang wujud di Malaysia suatu masa dahulu. Disebabkan orang Assam tidak berminat bekerja di ladang-ladang teh, maka British (dalam zaman penjajahan) mengimport orang China ke ladang berkenaan.

Orang Benggali juga diimport oleh British untuk bekerja di jabatan Kerajaan dan sektor pertanian. Di samping itu, kumpulan Benggali inilah yang berjaya dalam bidang pendidikan dan ramai antara mereka memegang jawatan peguam, doktor, guru, wartawan dan sebagainya. Kumpulan ini juga banyak mengusahakan tanah yang tidak dikerjakan oleh orang Assam. Lantas mereka merebut peluang yang ada untuk menghimpun harta.

Penduduk asal Assam tinggal dalam keadaan kemiskinan sebagai petani yang tidak tentu arah tujuan. Satu lagi kumpulan penduduk Assam yang memainkan peranan dalam perkembangan ekonomi ialah kaum Mar-

waris, kaum peniaga yang amat berjaya dalam bidang perniagaan. Penduduk Assam sendiri menjadi miskin dan tidak bertanah.

Di Nigeria pula, ada satu kaum yang berasal dari Selatan menguasai kaum yang tinggal di sebelah Utara. Dalam beberapa bidang, kemajuan penduduk Selatan lebih ketara menonjol berbanding dengan penduduk Utara. Misalnya, sehingga tahun 1950, hanya ada seorang sahaja doktor dari Utara daripada 160 orang doktor di seluruh Nigeria. Dan dalam bidang ketenteraan, 70% daripada tentera berpangkat rendah datang dari Utara sedang 80% tentera berpangkat tinggi datang dari Selatan. Justeru itu setelah mencapai kemerdekaan penduduk dari kawasan Utara memperjuangkan dasar kenigeriaan iaitu memberikan hak istimewa kepada penduduk dari Utara dalam segenap lapangan seperti ekonomi, sosial dan politik.

Sekiranya dianalisis pemberian hak keistimewaan kepada penduduk yang kurang bernasib baik di negara-negara tertentu, sudah tentu memakan halaman yang banyak. Yang penting disedari oleh rakyat negara itu ialah tindakan negara lain dalam menangani masalah sosial, ekonomi dan politik negara mereka. Sudah pasti ini dapat mengubah pandangan sesetengah penduduk di negara ini yang sentiasa mencemuh tindakan Kerajaan yang kononnya menitikberatkan kebajikan Bumiputera sahaja, terutama dalam pelaksanaan DEB.

Masyarakat Malaysia sentiasa didendangkan dengan irama sumbang apabila kita memperkatakan sesuatu mengenai pentadbiran negara; seolah-olah berlaku penindasan dan kezaliman. Begitu juga apabila kita memperkatakan tentang kedudukan kaum bukan Bumiputera, seolah-olah Kerajaan Malaysia amat zalim dan

sentiasa menindas bukan Bumiputera serta memberikan keutamaan kepada Bumiputera. Sudah sampai masanya rakyat negara ini menghapuskan prasangka sesama mereka jika benar-benar ikhlas ingin membangunkan negara.

Dasar ekonomi negara selepas 1990 akan diperkenalkan tidak lama lagi. Justeru itu tentu lebih banyak pihak memberikan cadangan tentang pembentukan dasar baru ini. Yang pasti, kebanyakannya akan mempersoalkan mengenai kewajaran penerusan DEB. Ada golongan tertentu yang amat cemburu dengan penekanan dan tumpuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada golongan yang tidak bernasib baik di negara ini iaitu golongan Bumiputera.

# MELAYU MESTI UBAH SIKAP UNTUK MENYAHUT WAWASAN NEGARA

Tentulah amat sukar diramalkan tarikh dan waktunya. Cuma yang diharapkan ialah agar Perdana Menteri tidak kecewa dengan sikap Bumiputera seperti itu walaupun sudah 33 tahun mencapai kemerdekaan. Setelah selesai satu pusingan DEB, masih ada lagi Bumiputera yang bersikap seperti orang Melayu yang belum merdeka....

---

*Berita Harian*, 1 Januari 1991

DALAM KEGHAIRAHAN ORANG Melayu memperkatakan bonus khas yang beri oleh ASN, Perdana Menteri mendedahkan satu lagi tembelang kaum Bumiputera yang menjijikkan berkaitan pembelian saham ASN orang Melayu yang dimodali oleh orang lain. Kononnya ada Bumiputera yang sanggup menjual nama kepada orang lain semata-mata untuk mengejar keuntungan yang boleh diberikan oleh ASN apabila diniagakan di pasaran saham mulai tahun 1991. Hal begini tidak ubah seperti amalan alibaba yang pernah berlaku dan terus berlaku di kalangan masyarakat Bumiputera.



Orang lain yang makan isi, sedangkan kaum Bumiputera hanya menikmati kuahnya sahaja.

Berapa lama lagi agaknya hal begini akan berterusan? Tentulah amat sukar diramalkan tarikh dan jangka waktunya. Cuma yang diharapkan agar Perdana Menteri tidak kecewa dengan sikap Bumiputera seperti itu walaupun sudah 33 tahun mencapai kemerdekaan. Setelah selesai satu pusingan DEB masih ada lagi Bumiputera yang bersikap seperti orang Melayu yang belum merdeka. Inilah perkara yang amat memalukan. Dan sekiranya ramai pemegang saham ASN bersikap demikian apakah akan tercapai hasrat ASN (PNB) untuk menepati tujuan asal penubuhannya seperti yang pernah dilahirkan oleh Perdana Menteri:

Kalau kita menjual saham itu, maka kuranglah penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Matlamat DEB juga tidak akan tercapai.

*Berita Minggu*, 30 Disember 1990.

PNB ditubuhkan bukan semata-mata untuk memberikan keuntungan kepada pelaburnya tetapi yang lebih besar lagi ialah memenuhi dan menepati hasrat DEB yang memperuntukkan agar orang Melayu dapat menguasai sekurang-kurangnya 30% daripada harta negara ini. Pemberian bonus khas ASN adalah satu peristiwa yang amat bersejarah kepada orang Melayu. Belum pernah wujud dalam sejarah Malaysia dan sejarah orang Melayu khususnya, satu peristiwa yang benar-benar menunjukkan kejayaan mereka dalam bidang perniagaan dan sekaligus memberikan keyakinan dan kebanggaan kepada mereka. Sebelum ini orang Melayu sentiasa didendangkan dengan cerita kekecewaan sehinggakan

ada di kalangan orang Melayu sendiri yang malu mengaku mereka keturunan Melayu.

Tetapi nampaknya peristiwa kejayaan ASN ini juga tidak boleh dibanggakan sangat oleh orang Melayu terutama apabila terbongkar skandal sebagaimana yang didedahkan oleh Perdana Menteri. Perasaan terhina sekali menimpa orang Melayu. Ramai beranggapan pengenaan skim ASN inilah satu cara terbaik untuk memberi peluang kepada orang Melayu menyertai bidang perniagaan dan inilah juga caranya untuk mengawal orang lain daripada mencampuri hal-ehwal perniagaan yang dikhususkan kepada Bumiputera.

Rupa-rupanya hasrat murni Kerajaan itu meleset belaka. Keadaan yang wujud kini tidak ubah seperti keadaan pertengahan 70-an dahulu. Ketika itu orang Melayu digalakkan membeli saham dan diperlukan mendaftar dengan Kementerian Perdagangan mengikut giliran. Ramailah orang Melayu mendaftar dan ramailah juga yang melabur. Kerajaan lapang dada pada mulanya tetapi rupa-rupanya wang yang dilaburkan oleh orang Melayu itu adalah kepunyaan orang lain! Kerajaan amat kecewa.

Apabila agensi Kerajaan diswastakan, sekali lagi membuka peluang pelaburan kepada orang Melayu. Saham melalui 'pink form' ditawarkan kepada orang Melayu (dan juga bukan Melayu) yang menjadi pekerja di sesebuah syarikat. Orang Melayu tidak melepaskan peluang ini tetapi ada pekerja yang bergaji kecil pun mampu membeli saham di luar kemampuan mereka. Dari manalah agaknya datang wang yang sebegitu banyak? Mungkinkah dari bawah bantal, tetapi soalnya bantal siapa? Sekali lagi Kerajaan kecewa! Selama mana

lagi agaknya Kerajaan akan kecewa, khususnya Dr. Mahathir?

Tahun 70-an kita didedahkan dengan skandal Bank Rakyat dan pada awal 80-an pula sekali kita dilanda skandal BMF yang melibatkan orang Melayu juga. Yang menyedihkan kita ialah orang yang melakukan skandal itu adalah golongan bijak pandai Melayu, tokoh berpengaruh yang masyarakat Melayu sentiasa meletakkan harapan agar dapat memulihkan kedudukan orang Melayu dari segi perniagaan. Rupa-rupanya harapkan pagar, pagar makan padi.

Dua peristiwa pahit itu masih dikenang oleh orang Melayu, malah dalam setiap perjumpaan penting orang Melayu, episod sejarah itu sentiasa dikaitkan. Ibarat luka yang sentiasa berdarah walaupun parut menampakkan sudah sembuh. Di samping itu cerita kegagalan orang Melayu dilanjutkan lagi dengan peristiwa kegagalan Perbadanan Kemajuan Negeri dan anak-anak syarikatnya yang ditubuhkan semata-mata untuk meninggikan tahap kemajuan ekonomi orang Melayu. Kesemua cerita kegagalan itu didedahkan akhirnya, walaupun ada usaha pihak tertentu yang cuba menutup bangkai gajah dengan nyiru.

Pemimpin negara yang betul-betul komited dengan wawasan yang diperjuangkan seolah-olah bingung melihat keadaan yang berlaku. Tetapi syukur kepada Allah yang menguatkan dan mengukuhkan perjuangan pemimpin ini untuk terus berjuang tanpa menoleh ke belakang bagi menegakkan maruah bangsanya, walaupun tidak sunyi dengan cabaran-cabaran yang men-datang.

Entah macam mana PNB diasaskan. Kewujudan PNB berkait rapat dengan pelaksanaan DEB yang dilan-

carkan oleh Kerajaan pada tahun 1971. PNB ditubuhkan pada bulan Mac 1978 dengan modal berbayar RM100 juta. Dalam masa 10 tahun kewujudannya PNB menjadi pelabur terbesar dan paling aktif di pasaran saham Malaysia. Perangkaan 1986 menunjukkan PNB menanam modal dalam 154 syarikat dan sebanyak 95 daripadanya didagangkan di pasaran saham dan hampir kesemuanya mendatangkan keuntungan. Antara saham syarikat korporat yang dimiliki termasuklah Malayan Banking, Harrisons Plantation Malaysia, Malaysia Mining Corporations dan lain-lain.

Sejarah kejayaan ASN (PNB) ini tentulah ada kaitan rapat dengan sejarah yang tercatat pada tahun 1981 dahulu apabila kita berjaya memeranjatkan pasaran saham London dengan tindakan serangan waktu fajar yang mungkin buat pertama kalinya membingungkan ahli ekonomi Great Britain. Pada ketika itulah bermulanya sejarah cemerlang PNB yang dengan berani dan pintar berjaya menguasai sebahagian besar saham Guthrie yang merupakan perniagaan gergasi menguasai harta tanah di negara lain.

Kejayaan PNB tidak diketahui oleh ramai disebabkan kejahilan sebahagian besar masyarakat kita mengenai hal-hal yang berkaitan dengan pasaran saham. Jika diteliti dan diperhalusi, sebenarnya PNB membuka tirai ke arah menebus kembali maruah bangsa Melayu. Dengan pengambilan sebahagian besar saham Guthrie itu PNB meninggalkan kesan yang amat buruk kepada perniagaan Guthrie di seberang laut. Apabila diapungkan semula pada tahun 1986 dahulu, nilai sahamnya hanya bernilai 25 pence bagi satu saham berbanding saham yang dipegang oleh Malaysia yang bernilai 270 pence - keuntungan 1,000%. Perniagaan yang di-

jalankan oleh Guthrie selepas itu hanyalah dalam bentuk permaidani dan alat-alat elektrik - *Asiaweek*, 20 Mei 1988.

Bersyukurlah kepada Allah atas kekayaan-Nya memberikan nafas baru kepada orang Melayu, memberikan dorongan dan semangat untuk meyakinkan diri mereka untuk memujuk hati kecil (yang hampir punah-ranah) bahawa sebenarnya bangsa yang sentiasa dianggap hina ini mempunyai kebolehan dan keupayaan seperti juga orang lain. Sekiranya orang lain berjaya dalam perniagaan kita buktikan yang kita juga boleh berjaya.

Soalnya sekarang, masih ada lagi saki-baki orang Melayu yang ingin menjual maruah bangsanya. Mereka tidak peduli sama ada tindakan mereka itu bertentangan dengan perjuangan bangsa atau tidak. Matlamat mereka ialah bagaimana untuk memberi kekayaan kepada mereka, walau dengan apa cara sekalipun. "...Kerajaan tidak mampu mengawal kegiatan itu selagi orang Melayu sendiri tidak berusaha mengubah sikap," demikian kata Perdana Menteri. Dan beliau kesal kerana segala rancangan Kerajaan untuk membantu Bumiputera digagalkan oleh Bumiputera tertentu (*Berita Harian*, 30 Disember 1990).

Sekali lagi seolah-olah Kerajaan berada di satu persimpangan yang penuh dilema berkaitan kedudukan orang Melayu. Tahun 1990 adalah penentuan bagi nasib masa depan orang Melayu dalam bidang ekonomi. Apa lagi apabila mengenangkan DEB tamat pada tahun 1990. Ini bermakna sudah wajar orang Melayu dibiarkan berseendirian, bersaing dengan kaum lain di negara ini. Permasalahan yang ada di hadapan kita ialah apakah Kerajaan

sampai hati membiarkan orang Melayu menentukan nasibnya sendiri?

Dr. Mahathir pernah membuat saranan penting di satu majlis makan malam anjuran Kelab Harvard Malaysia pada 22 Ogos lalu. Katanya:

Thus when the NEP put wealth into Bumiputeras hands without first training them in the management of wealth, the results is a foregone conclusion. Without the government controlled agencies such as PNB and Pemas, the NEP would do have achieved the 19 percent equity but probably four percent. Given time that four percent too could disappear as the Bumiputera dissipate their assets.

Dalam majlis itu juga disarankan mengenai perlunya kaum Bumiputera diberi latihan dari segi etika dan pengurusan kerana dalam setiap usaha ke arah kejuruteraan sosial penekanan haruslah diberikan kepada kedua-dua bidang ini. Kerajaan telah memulakan usaha ini dengan memasukkan mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam kurikulum sekolah menengah. Diharapkan usaha itu memberi manfaat kepada setiap rakyat kemudian hari kelak.

Jadi, jawapan kepada penyelewengan, skandal dan tindakan mengalibabakan sesuatu perniagaan adalah berpunca daripada kurangnya latihan dari segi etika dan pengurusan di kalangan Bumiputera. Usaha ke arah itu sedang dilaksanakan kini. Apakah kita terpaksa menunggu 10 tahun lagi untuk melihat orang Melayu benar-benar berjaya dalam bidang perniagaan. Jika ini di anggapkan sebagai satu hakikat, bermakna orang Melayu akan benar-benar mantap dalam segenap bidang apabila menjelang fajar kurun ke-21. Kita berdoa, insya-Allah.

# MELAHIRKAN PENGURUS INDUSTRI YANG BERDAYA MAJU

Pada dasarnya Malaysia telah mencapai taraf sebagai Negara Perindustrian Baru (Newly Industrialised Country – NIC) tetapi bagi Dr. Mahathir, gelaran ini tidak perlu. Beliau pernah menyatakan yang "Malaysia does not intend to become a NIC" (*FEER* – 7 September 1989). Baginya kebahagiaan rakyat dan negara adalah lebih penting daripada simbol status ekonomi. Pendek kata, hasrat Perdana Menteri itu dapat disimpulkan sebagai 'apalah ada pada nama'.

---

*Berita Harian*, 5 November 1990

PENGEKALAN BEBERAPA MENTERI kanan dalam kabinet Dr. Mahathir memberikan gambaran bahawa negara pada masa ini berada dalam proses pembinaan dan pencapaian kemajuan yang amat membanggakan. Lantas segala kemajuan dan pembangunan yang sedang berlaku itu seolah-olah tidak harus diganggu-gugat dengan perubahan-perubahan yang drastik dari segi perantikan menteri kabinet. Di sinilah letak kewajaran Perdana Menteri melantik semula menteri-menteri kanan seperti Anwar Ibrahim, Datuk Paduka Daim Zainuddin,

Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Seri Dr. Lim Liong Sik, Datuk Seri S. Samy Vellu, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik dan Datuk Leo Moggie ke dalam kabinet baru. Di samping itu, harus juga disadari bahawa seseorang menteri yang tidak kekal di dalam kabinet lamanya tidak pula bererti menteri-menteri itu tidak menjalankan tugas dengan berkesan di dalam kabinet yang lepas.

Anwar Ibrahim dikekalkan memandangkan tugas raksasa memerlukan perhatian beliau iaitu yang berkaitan dengan Akta Pendidikan dan reformasi pendidikan yang jelas menjurus ke arah pembinaan insan yang berteraskan keagamaan dengan tidak mengetepikan keperluan negara yang sedang bergerak ke arah kemajuan perindustrian. Penggubalan Akta Pendidikan berada di tahap yang paling akhir dan sedang dibincangkan di dalam Majlis Perundingan Akta Pendidikan yang beliau sendiri mempengeruskannya. Kepentingan dan maksud akta itu tentulah tidak dapat dipertikaikan kerana ia bakal menentukan jatuh bangunnya bangsa Malaysia pada masa akan datang.

Di samping itu, setiap pertumbuhan ekonomi yang dialami oleh negara pada masa kini seiring dengan limpahan kemasukan pelabur asing tentulah amat rapat kaitannya dengan peranan yang dimainkan oleh dua orang Menteri iaitu Datuk Paduka Daim Zainuddin dan Datuk Seri Rafidah Aziz. Mereka bolehlah dipertanggungjawabkan kepada kemajuan dan pertumbuhan ekonomi kini. Dan yang pentingnya ialah mengenai keupayaan negara ini bangun dan tegak semula, selepas mengalami keadaan kelembapan yang membimbangkan.

Penubuhan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang diterajui oleh Datuk Seri



Rafidah Aziz dengan sendirinya menjelaskan arah dan haluan negara yang akan dibawa oleh Perdana Menteri. Mungkin idea penubuhan itu tercetus memandangkan kejayaan negara yang dapat membawa pelaburan luar negara yang bukan kecil jumlahnya. Misalnya, dalam masa lapan bulan pertama tahun ini pelaburan luar yang masuk ke negara ini berjumlah RM24 bilion berbanding RM11 bilion pada tahun 1989 (*New Straits Times*, 28 Oktober 1990).

Sebagai perbandingan, tentulah amat menarik jika ditinjau perkembangan yang berlaku pada tahun lepas. Dalam masa lima bulan pertama tahun 1989 misalnya, nilai pelaburan yang diluluskan oleh Malaysia Industrial Development Authority (MIDA) ialah RM3.79 bilion iaitu pertambahan 120% daripada tahun sebelumnya (1988) dan projek yang diluluskan pada tahun 1988 pula menampakkan pertambahan 127% yang bernilai RM4.88 bilion.

Penanaman modal dari negara luar ini telah mempergiatkan bidang industri seperti National Semiconductor, Motorola, Grundig dan BASF (dari Jerman), Sony dan Hitachi (Jepun) dan industri-industri lain. Kewujudan industri-industri ini bukan sahaja menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara yang pesat tetapi yang lebih penting ialah sumbangannya ke arah penyediaan pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Jika diperinci, sebenarnya pada tahun-tahun kebelakangan ini industri elektroniklah yang telah berperanan menukarkan corak ekonomi Malaysia daripada berperanan sebagai pengeluar barang-barang mentah kepada pembuatan. Ketika ini Malaysia seharusnya berbangga kerana menjadi pengeksport terbesar dunia alat-alat

semikonduktor dan pengeluar ketiga bahan itu selepas Jepun dan Amerika.

Eksport bahan-bahan industri pada tahun 1988 berjumlah RM14.7 bilion iaitu sebanyak 56%. Dalam tahun 1980 peratusan itu cuma 48%. Sepanjang tahun-tahun 1980-1988, sumbangan barangan pembuatan terhadap jumlah eksport negara secara keseluruhannya meningkat daripada 22% kepada 49%. Ini dengan jelas menunjukkan fungsi elektronik dalam sektor ekonomi Malaysia sebagaimana yang dijelaskan di awal rencana ini.

Satu ciri yang agak luar biasa yang kita amalkan ialah kepelbagaian negara yang mengimport barangan kita. Berbanding dengan negara-negara Asia yang lain, Malaysia tidak bergantung semata-mata kepada negara Amerika untuk mengeksport barangannya. Tidak ada sebuah negara pun yang dapat mengimport lebih daripada 20% daripada eksportnya. Negara pengimport utama barangan kita ialah Singapura yang bernilai 19%, sementara Jepun dan Amerika hanya dalam lingkungan 17%. Ini juga adalah kebijaksanaan pemerintah yang tidak mahu terhutang budi hanya kepada sebuah negara. Jika negara pengimport barangan kita dapat dipelbagaikan, keadaan yang sama juga dilakukan kepada negara-negara yang ingin menanam modal ke dalam negara. Misalnya, Malaysia tidak semata-mata bergantung kepada negara-negara Barat seperti Amerika dan Great Britain untuk membuat pelaburan di sini tetapi sebaliknya kita mengharapkan penanaman modal dari negara Asia sendiri. Misalnya, penanaman modal Jepun berjumlah RM1.2 bilion yang diikuti oleh Taiwan (RM816 juta) dan Singapura (RM533 juta).

Pada dasarnya Malaysia telah mencapai taraf sebagai Negara Perindustrian Baru (Newly Industrialised

Country – NIC) tetapi bagi Dr. Mahathir, gelaran ini tidak perlu. Beliau pernah menyatakan yang "Malaysia does not intend to become a NIC" (*FEER* – 7 September 1989). Baginya kebahagiaan rakyat dan negara adalah lebih penting daripada simbol status ekonomi. Pendek kata, hasrat Perdana Menteri itu dapat disimpulkan sebagai 'apalah ada pada nama'.

Namun begitu, harus pula disedari bahawa sikap Dr. Mahathir bukanlah pula bermakna beliau antipembangunan tetapi tentulah mempunyai muslihat mengapa beliau bersikap demikian. Satu daripadanya ialah keseimbangan beliau dengan hilangnya keistimewaan yang diberi mengikut GSP. Ini memandangkan pada tahun 1988 sahaja, Malaysia berjaya mengeksport barangan bernilai RM5.4 bilion mengikut GSP iaitu peningkatan 30% berbanding tahun-tahun sebelumnya. Justeru itu tentulah tidak logik menolak keistimewaan ini semata-mata untuk mendapat gelaran sebagai sebuah NIC.

Profesor Fong Chan On dalam rencananya yang berjudul, 'In Pursuit of Newly Industrialised Country' dalam *Asian Development Review* menyatakan mengenai beruntungnya nasib negara yang bernama Malaysia ini. Seolah-olah negara ini memiliki segala-galanya; bahan mentah, infrastruktur yang baik, tenaga buruh yang memadai dan yang lebih penting ialah kestabilan politik yang jarang dinikmati oleh negara-negara lain di rantau ini, kecuali Singapura.

Dari segi pengeluaran bahan mentah seperti bijih timah dan getah adalah bahan eksport yang amat penting kepada Malaysia sejak zaman-berzaman. Lembah Kinta mula dikenali dunia sejak zaman sebelum merdeka lagi. Nadi ekonomi negara amat bergantung pada kedua-dua pengeluaran ini. Namun begitu, ada juga

yang mempersoalkan mengenai kedua-dua bahan eksport ini yang berkemungkinan menjadi penyebab kepada kelemahan bangsa Malaysia dari segi ekonomi yang ditinjau dari sudut pergantungan yang berlebihan kepada bahan-bahan mentah itu.

Hakikat ini mungkin juga ada betulnya. Negara-negara yang menganggotai NIC di Asia kini seperti Hong Kong, Singapura dan Korea Selatan adalah negara-negara yang tidak mempunyai bahan mentah seperti mana yang dimiliki oleh Malaysia. Tetapi mereka muncul sebagai negara maju dalam perindustrian. Keadaan itulah yang memberikan dorongan kepada pemimpin negara kita untuk bergerak di atas landasan yang sama sepertimana negara-negara yang disebut telah dapat membuktikan keutuhan mereka dari segi ekonomi.

Persoalannya, apakah pula kaitannya antara perkembangan ekonomi negara seperti yang dihuraikan itu dengan tindakan pengekalan menteri-menteri kanan dalam kabinet Dr. Mahathir? Tidak dapat dinafikan pada saat ini gandingan tiga kementerian (Kewangan, Perdagangan dan Pendidikan) adalah amat penting untuk menentukan arus pembangunan negara. Perkembangan dan pemantapan ekonomi negara amat berkait rapat dengan bidang pendidikan. Maju mundurnya ekonomi negara bergantung pada pengurusan perindustrian yang dapat dilahirkan melalui sistem pendidikan negara. Kemajuan negara yang dicapai oleh *'the five lions of Asia'* itu adalah berteraskan kepada kemahiran tenaga manusianya.

Justeru itu, penggubalan Akta Pendidikan dan reformasi pendidikan yang sedang dilaksanakan adalah bergerak ke arah tersebut. Memperbanyakkan pembinaan sekolah teknik dan vokasional semata-mata ber-

tujuan untuk melahirkan seberapa ramai tenaga pekerja kolar biru yang akan mengisi segala keperluan yang didambakan oleh negara kelak. Penghantaran puluhan ribu pelajar keluar negara semata-mata untuk mengisi keperluan pengurusan perindustrian bagi menghadapi program penswastaan Kerajaan yang sudah lama digerakkan.

Perkembangan yang berlaku kini adalah satu pertukaran budaya di negara kita yang masih belum dapat difahami oleh rakyat Malaysia. Program kejuruteraan sosial yang sedang berlaku kini seharusnya dapat difahami dalam erti kata sebenar. Ia bukan hanya harus difahami oleh beberapa orang jurutera tetapi juga dapat dihayati oleh ramai jurutera terutamanya yang mendapat gelaran 'Yang Berhormat'. Selama ini anggapannya ialah seolah-olah golongan rakyat sahaja yang perlu disedarkan dan golongan yang memimpin tidak. Hakikatnya, ramai lagi pemimpin dan wakil rakyat kita di peringkat negeri dan kebangsaan yang tidak ambil peduli dengan wawasan Dr. Mahathir.

Pilihan raya yang baru sahaja selesai itu sepatutnya dapat memberikan pengajaran yang paling bermakna kepada kita, khususnya wakil rakyat yang baru dilantik. Mereka harus sedar bahawa ramai antara wakil rakyat yang menang itu terpaksa menumpang kasih kepada parti dan merupakan satu rahmat yang terselindung yang menjelma dalam bentuk penahan diri PBS daripada BN. Perkara ini tidak dinafikan peranannya untuk menyelamatkan sesetengah wakil rakyat dalam BN.

Tidak keterlaluan sekiranya dikatakan ada antara calon yang beberapa kali bertanding tidak lagi dapat diterima oleh rakyat kerana beberapa sebab. Namun begitu rakyat terpaksa juga mengundi disebabkan

perasaan segan kepada Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan beberapa Menteri kanan yang sememangnya amat disenangi rakyat. Kini wakil rakyat berciri demikian diberi peluang sekali lagi untuk menjadi wakil mereka.

Sampailah masanya untuk mereka menyedari hakikat bahawa mereka seharusnya berganding bahu dan sentiasa berada di hadapan Perdana Menteri membawa obor kemajuan sebagaimana yang disarankan oleh pemimpin itu. Wakil rakyat tidak seharusnya merupakan kumpulan yang lebih jahil daripada rakyat yang dipimpinnya. Sudah sampai masanya mereka menyedari hakikat yang sebenar dan mula bertindak selari dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan.

Kesimpulannya, dengan perlantikan semula menteri-menteri kanan untuk menerajui kementerian yang pernah mereka terajui itu menampakkan usaha gigih Perdana Menteri ke arah kejuruteraan sosial dan penghasilan pengurusan perindustrian yang berwibawa, dengan kemajuan bangsa dan negara di hari muka. Hakikat ini harus disedari oleh semua pihak bukan sahaja rakyat terbanyak tetapi yang paling penting pemimpin lain yang masih belum peka dengan wawasan dan arus yang hendak dituju oleh Perdana Menteri. Rakyat awal-awal lagi meramalkan kabinet baru Dr. Mahathir adalah yang terbaik pernah dilahirkan. Marilah kita sama-sama berdoa kepada Allah.

# ASPIRASI WAWASAN UNTUK KEMAJUAN BANGSA DAN NEGARA

Pilihan raya Prai sebenarnya memberikan satu isyarat kepada seluruh rakyat Malaysia bahawasanya kita perlu bersatu menyokong rancangan yang konstruktif yang dianjurkan oleh Kerajaan. Pengundi Prai begitu peka terhadap perlunya sokongan kepada Kerajaan yang ada dan penerusan dasar-dasar yang ingin dilaksanakan. Kestabilan politik akan melahirkan kestabilan ekonomi. Justeru itu, setiap pembangunan dalam negara walau dalam apa aspek sekalipun memerlukan keadaan yang stabil. Suasana stabil yang ada pada hari ini harus dipelihara demi menuju pemantapan ekonomi negara.

---

*Berita Harian*, 1 Ogos 1991

DALAM SUASANA NEGARA memperkatakan Wawasan 2020, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan Rancangan Malaysia Ke-6, BN menang dalam pilihan raya kecil kawasan Prai. Dengan kejayaan BN menawan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kawasan Prai dari tangan DAP bermakna BN menambah kerusinya dalam DUN Pulau Pinang. Yang lebih penting, kesan daripada pilihan raya kecil pada 27 Julai 1991 lalu

itu ialah kemerosotan moral parti DAP yang sentiasa mendakwa mereka adalah parti yang kuat, terutama di kawasan yang majoriti penduduknya terdiri daripada bukan Melayu. Kini hakikat itu terbukti meleset.

Kemenangan itu tentulah bersandar kepada beberapa dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan dan kini dapat meyakinkan rakyat. Dr. Mahathir yakin rakyat percaya pada kestabilan politik yang sedang dinikmati sekarang dan mahu keadaan demikian berterusan supaya segala perancangan dan kegiatan ekonomi yang dirangka dapat berjalan lancar dan berkesan. RRPJ2 yang dibentangkan di Parlimen baru-baru ini tidak mendapat tentangan menyeluruh daripada anggota Dewan Rakyat. Ini bererti mereka sudah nampak kesan yang akan diperolehi daripada dasar itu. Mengenai RRPJ2, Perdana Menteri dalam kata pendahulunya:

Matlamat Dasar Pembangunan Baru (DPB – kemudian diubah menjadi Dasar Pembangunan Nasional – DPN) adalah untuk mencapai pembangunan ekonomi bagi mewujudkan sebuah negara yang lebih bersatu padu dan adil. DPN adalah berasaskan kepada pencapaian pengalaman dalam dekad-dekad yang lampau dan akan meneruskan lagi proses pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Dasar ini akan dilaksanakan berasaskan kepada prinsip pertumbuhan dengan pengagihan saksama untuk mencapai keadilan pengagihan bagi semua lapisan masyarakat.

Dalam konteks pilihan raya di Prai, pengundi seolah-olah yakin apa yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan, terutama memandangkan prestasi Kerajaan dari segi pelaksanaan DEB dan dasar-dasarnya yang lain. Pengundi di Prai yang terdiri daripada golongan yang sering mengikuti perkembangan dalam negara



memberikan satu petunjuk kepada pengundi di tempat lain bahawa mereka begitu faham dengan apa yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan.

Mereka faham akan wawasan yang hendak diserapkan oleh Kerajaan. Berbanding BN, DAP masih lagi memperkatakan isu lama yang tidak lagi dapat diterima oleh masyarakat Malaysia. Sekiranya DAP masih mahu mempersoalkan mengenai kedudukan dan hak istimewa sesuatu kaum di Malaysia, nyatalah DAP agak ketinggalan dalam hal ini. Isu sedemikian boleh dianggap sudah usang dan hanya dijadikan sebagai satu bahan sejarah. Kalau ada di kalangan masyarakat kita yang masih ghairah dengan isu demikian tentulah lambat-laun mereka akan ketinggalan dalam segala bidang.

Masyarakat dunia sedang memperkatakan kawasan Asia Pasifik yang bakal menjadi medan kegiatan ekonomi antarabangsa. Jikalau 500 tahun yang lampau, kegiatan perdagangan berpindah dari kawasan Mediterranean ke Atlantik tetapi hari ini ia akan berpindah dari Atlantik ke Pasifik. Hakikat demikian pernah dilafazkan oleh John Hay, bekas Setiausaha Negara Amerika. Katanya:

Mediterranean adalah lautan untuk masa lalu, Atlantik adalah lautan masa kini, tetapi Pasifik adalah lautan perdagangan untuk masa depan.

Masyarakat antarabangsa juga sedar kewujudan dan kehebatan negara Malaysia yang hampir setanding dengan negara-negara maju lain di dunia. Negara maju perindustrian dunia mula menganggap Malaysia tergolong dalam negara-negara yang bakal mendominasi senario ekonomi abad ke-21. Tanpa disedari, sebenarnya Malaysia sudah boleh dianggap tergolong dalam negara

perindustrian baru. Ulasan John Naisbitt dan Patricia Aburdene dalam buku mereka, *Megatrends 2000* mengenai Malaysia amat menarik sekali:

Meskipun pada asasnya ia adalah sebuah negara pertanian, Malaysia kini sudah menduduki tempat ketiga di dunia sebagai pengeluar litar bersepadu di belakang Amerika Syarikat dan Jepun. Adalah menakjubkan 53.8% daripada eksport Malaysia adalah semikonduktor dan peralatan elektronik lain. Malaysia juga mengalami pertumbuhan pesat dalam pembuatan pendingin hawa, radio dan televisyen.

Sekiranya begitulah keadaannya amat sesuaiilah Perdana Menteri menyediakan kita satu wawasan, satu pandangan dan satu perspektif untuk kita tuju bagi mengharungi kurun ke-21 yang akan tiba tidak berapa lama lagi. Pemikiran masyarakat Malaysia seharusnya selari dengan hasrat Perdana Menteri iaitu penumpuan ke arah memikirkan hari esok – persiapan apa yang harus dibuat.

Pilihan raya Prai sebenarnya memberikan satu isyarat kepada seluruh rakyat Malaysia bahawasanya kita perlu bersatu menyokong rancangan yang konstruktif yang dianjurkan oleh Kerajaan. Pengundi Prai begitu peka terhadap perlunya sokongan kepada Kerajaan yang ada dan penerusan dasar-dasar yang ingin dilaksanakan. Kestabilan politik akan melahirkan kestabilan ekonomi. Justeru itu, setiap pembangunan dalam negara walau dalam apa aspek sekalipun memerlukan keadaan yang stabil. Suasana stabil yang ada pada hari ini harus dipelihara demi menuju pementapan ekonomi negara.

Tentu banyak faktor yang membawa kejayaan BN di kawasan itu tetapi yang jelas ialah kemenangan BN wujud

ketika negara sedang sibuk memperkatakan tiga isu besar iaitu Wawasan 2020, Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Malaysia Ke-6. Dengan kemenangan BN seolah-olah tiga isu besar ini lulus ujian dan rakyat bersedia menerimanya sebagai satu gagasan yang akan menentukan masa hadapan mereka.

Kejayaan BN di Prai tidak boleh diperkecilkan. Sebenarnya ia adalah satu permulaan sejarah yang akan dikenang oleh rakyat Malaysia. Satu garis pemisah antara satu zaman sebelum dan selepasnya. Ia boleh dikatakan sebagai satu titik perubahan dalam sejarah Malaysia. Ada beberapa faktor penting yang boleh menyokong hujah ini:

- Prai adalah kawasan milik parti DAP. Lazimnya terlalu sukar untuk menebus kembali kawasan yang terlepas ke tangan pembangkang terutamanya apabila majoriti pengundi di kawasan itu adalah bukan Melayu.
- Kejayaan calon BN, Encik V. Muthusamy bukan sahaja sekadar menewaskan calon DAP, Encik Karpal Singh bahkan berjaya menambah majoriti undi daripada apa yang diperoleh oleh DAP dalam Pilihan raya Umum lalu. Majoriti yang diperoleh oleh Muthusamy ialah 862 undi berbanding undi yang diperoleh oleh calon DAP yang hanya berjumlah 355 undi.
- Keyakinan rakyat yang begitu mantap dan kukuh terhadap kepemimpinan dua orang tokoh muda iaitu Dr. Koh Tsu Khoon dan Dr. Ibrahim Saad. Mereka adalah gandingan tenaga muda yang sedang diperhatikan oleh negara. Di samping itu, mungkin kita kurang menyedari bahawa keadaan

kepemimpinan di Pulau Pinang adalah satu-satunya contoh yang ada di dunia. Lantas kita harus berbangga dengan keadaan demikian.

Kerajaan BN sudah pun lulus ujian yang paling getir di Prai jika diukur dari segi penerusan dasar-dasar baru yang menjelma dalam Wawasan 2020 Perdana Menteri. Masyarakat berbilang kaum di Prai mengiakan apa yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Kini dua lagi pilihan raya kecil menanti di Kelantan yang majoriti pengundinya orang Melayu. Kita belum pasti sikap dan pandangan mereka hari ini. Mungkin mereka sudah menyedari hakikat yang sebenarnya. Pilihan raya yang bakal diadakan akan menentukan segala-galanya.

## PENJAJAHAN BENTUK BARU

Sekiranya masalah Antartika tidak dapat diselesaikan dari sekarang oleh badan dunia itu, kemungkinan timbul masalah yang lebih rumit pada masa akan datang. Lihat sahajalah betapa Amerika dan Rusia, di samping negara-negara lain seperti Australia, New Zealand, Jepun, Norway dan Argentina berlumba-lumba mendapatkan tempat di Kutub Selatan. Ini mencetuskan blok penyokong Rusia, misalnya yang tidak diingini dunia.

---

*Berita Harian*, 25 September 1983

DR. MAHATHIR AKAN membentangkan sekali lagi isu Antartika dalam persidangan PBB yang akan datang. Perdana Menteri benar-benar mahukan kesejahteraan dan keamanan dunia menjadi kenyataan untuk dikecapi bersama. Pada dasarnya, kawasan Antartika diliputi salji dan hidup-hidupan laut yang menghuni di bumi itu ialah anjing laut, singa laut, penguin, burung camar dan beberapa jenis ikan yang dapat hidup dalam suasana demikian. Kini, ditemui pula bahan-bahan galian dan uranium.

Sekiranya masalah Antartika tidak dapat diselesaikan dari sekarang oleh badan dunia itu, kemungkinan timbul masalah yang lebih rumit pada masa akan datang. Lihat sahajalah betapa Amerika dan Rusia, di samping

negara-negara lain seperti Australia, New Zealand, Jepun, Norway dan Argentina berlumba-lumba mendapatkan tempat di Kutub Selatan. Ini mencetuskan blok penyokong Rusia, misalnya yang tidak diingini dunia.

Mungkin kesan inilah yang ditakuti oleh Dr. Mahathir. Tetapi mengapa pemimpin-pemimpin lain di sebelah Barat dan Timur membisu dan tidak atau pura-pura tidak nampak akan bahaya akibatnya? Sejarah membuktikan bahawa kedatangan Portugis dan Belanda ke daerah Nusantara disebabkan lambaian hasil ini seperti lada hitam, bunga cengkih, buah pelaga dan lain-lain. Mereka berlumba-lumba menguasai kawasan ini dan akibatnya tertandatanganilah beberapa perjanjian sesama mereka membahagikan kawasan Nusantara kepada sempadan tertentu, tanpa disedari pemimpin-pemimpin tempatan.

Kegiatan yang dijalankan pada zaman dahulu seakan-akan serupa dengan tindak-tanduk beberapa kuasa yang cuba membahagikan kawasan-kawasan Antartika ini. Portugis dan Belanda, terbukti telah menjadikan kawasan Nusantara sebagai pentas peperangan mereka dalam kurun ke-16, 17 dan 18. Punca peperangan ialah merebut tanah jajahan dan bahan-bahan mentah. Banyak negara di kawasan Nusantara khasnya dan Asia Tengah amnya, menjadi mangsa. Bak kata pepatah, gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah. Dan disebabkan berebutkan rempah-ratus ini Melaka jatuh ke tangan Portugis dan kemudian diambil alih pula oleh Belanda melalui peperangan yang berakhir pada tahun 1641.

Apakah catatan sejarah Melaka jatuh ke tangan Portugis dan Belanda tidak boleh dijadikan teladan sebagai asas untuk menghujahkan isu Antartika? Jikalau tidak

mahu contoh hanya bertapak di bumi Semenanjung, Negara China satu lagi contoh yang dijadikan pentas peperangan orang-orang Barat. Apakah peristiwa 'The Cutting of the Watermelon' di China berkemungkinan terjadi juga di kawasan Antartika? Kesan daripada peperangan itulah maka negara-negara Barat membahagi-bahagikan kawasan tanah di China kepada bangsa-bangsa yang terlibat.

Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 atau Perjanjian London telah membahagikan dua bangsa serumpun kepada dua bentuk pemerintahan. Asal mula timbulnya pergaduhan ialah perebutan kawasan tanah jajahan. Selepas Portugis dan Belanda, datang pula Inggeris, Perancis, Belanda, Sepanyol dan sebagainya. Lihat sahajalah Tanah Melayu yang dikuasai oleh Portugis, Belanda dan Inggeris. Indonesia kaku di bawah Belanda, begitu juga Vietnam di bawah Perancis.

Nampak sangat gelojohnya negara-negara di dunia cuba menerokai kawasan di Antartika. Sifat tamak dan mementingkan diri sendiri mengatasi segala sifat baik yang cuba dianuti oleh negara dunia. Kejujuran negara-negara besar seperti Amerika Syarikat dipersoalkan. Tentulah ramai yang akan mengatakan bahawa Persidangan Utara-Selatan di Cancun pada tahun 1981 itu hanyalah semacam pesta berseronok pemimpin-pemimpin dunia. Bukankah persidangan itu bertujuan menyelaraskan bentuk bantuan yang harus diberikan oleh negara-negara Utara kepada negara-negara Selatan? Bukankah syor Dr. Mahathir itu boleh dipertimbangkan sebagai cadangan ke arah bantuan yang boleh diberikan oleh negara-negara besar kepada negara-negara sedang membangun? Mengapakah sehingga kini masih banyak lagi negara maju membisu atas syor dan cadangan itu?

Melihatkan sikap Amerika dan Rusia kini seolah-olah merekalah yang mewarisi sikap Portugis, Sepanyol, Inggeris pada kurun-kurun yang lampau. Seolah-olah timbul idea penjajahan bentuk baru. Mungkin penaklukan tanah jajahan tidak dapat dijalankan secara meluas, namun hasrat untuk menjajah sesuatu negara lain tetap ada. Diharapkan persidangan PBB ini, banyak negara lagi hendaknya menyokong pendirian tegas Malaysia mengenai masalah Antartika. Biarpun usul itu ditentang oleh negara-negara maju, namun pendirian negara-negara ketiga harus ditonjolkan. Sekurang-kurangnya ia dapat memberi gambaran kepada dunia bahawa negara-negara kecil sebenarnya yang sering memikirkan tentang keselamatan dan kesejahteraan manusia sejagat.



# G15 MANTAPKAN PEMBANGUNAN DAN EKONOMI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN

G15 menjadi sebuah pertubuhan yang mantap dan berupaya menyelesaikan banyak masalah yang berkaitan dengan negara Selatan, di samping berkemampuan menyuarakan pandangan mereka sendiri secara lebih bersepadu di persidangan antarabangsa seperti di PBB.

---

*Berita Harian*, 5 Disember 1991

SELESAINYA PERSIDANGAN PERKUMPULAN Negara-negara G15 di Caracas, Venezuela, baru-baru ini seolah-olah memberi gambaran kepada dunia bahawa kini muncul seorang pemimpin dari perkumpulan itu yang bakal memperjuangkan nasib rakyat dan masyarakat dunia ketiga. Pemimpin itu pernah pada suatu ketika mengecam dengan hebat Persidangan Negara-negara Komanwel dan juga Persidangan Utara-Selatan yang dianggapnya tidak banyak mendatangkan faedah kepada negara-negara sedang membangun. Tujuannya jelas. Beliau ingin meletakkan perjuangan di atas lan-

dasan yang benar. Beliau yang dimaksudkan ialah Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad.

Sepuluh tahun yang lampau, sebaik sahaja mengambil alih kepemimpinan negara, Dr. Mahathir enggan menghadiri dua persidangan antarabangsa. Ini terkeluar daripada kebiasaan tiga Perdana Menteri sebelumnya. Dua persidangan itu ialah Persidangan Komanwel di Australia dan Persidangan Utara-Selatan di Cancun, Mexico. Dilaporkan pada ketika itu ada beberapa perkara yang menyebabkan beliau enggan menyertai kedua-dua persidangan itu. Sebenarnya Dr. Mahathir kurang senang dengan tindakan negara-negara maju (negara-negara Utara) yang seolah-olah "bercakap tak serupa bikin." Sebab lain berligar pada persoalan:

- Sifat persidangan yang lebih banyak bercakap daripada bekerja. Pada pendapat Dr. Mahathir lebih menguntungkannya berada di Malaysia daripada membuang masa menghadiri persidangan seperti itu.
- Persoalan yang berkaitan dengan kenaikan yuran pelajaran di Great Britain, yang membabitkan Malaysia kerana pelajar negara ini adalah paling ramai menuntut di sana. Alasan pentabdiran Britain mengenakan yuran yang begitu tinggi ialah kerana pelajar-pelajar Malaysia tidak tergolong dalam kumpulan EEC dan ini ternyata membebankan negara.
- Keengganan British membenarkan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) menambah penerbangannya ke London menimbulkan masalah, sedang pertambahan itu perlu memandangkan permintaan yang kian bertambah.

- Kedinginan sambutan negara-negara maju memberikan bantuan teknikal kepada negara-negara membangun, sedang bantuan sedemikian diperlukan oleh negara-negara berkenaan.

Yang mengejutkan dunia pada ketika itu ialah kenyataan Dr. Mahathir bahawa tidak ada keikhlasan dari pihak negara-negara Utara untuk membantu negara-negara Selatan dari segi ekonomi. Kenyataan ini dikeluarkan dalam hubungannya dengan Persidangan Cancun. Alasan yang dikemukakan ialah berkaitan dengan penjualan stok bijih timah oleh Amerika Syarikat pada ketika itu. Amerika Syarikat sedar pada ketika itu bekalan bijih timah tidak berkurangan di pasaran dunia. Namun Amerika Syarikat berdegil dan melambakkan stok simpanannya di pasaran dunia. Kesannya ialah kejatuhan harga bijih dan keadaan itu menghimpit ekonomi Malaysia yang menjadi negara pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia.

Apakah ekoran daripada beberapa peristiwa itu menyebabkan Perdana Menteri kini bersungguh-sungguh merealisasikan kewujudan G15? Hal ini tidak sukar dipastikan. Namun hingga kini dan kesan daripada persidangan yang diadakan di Caracas jelas menampakkan bahawa apa yang diimpikan oleh beliau pada suatu ketika hampir menjadi kenyataan dengan syarat adanya keakraban yang tulen di kalangan ahli.

Ketua negara-negara G15 yang bersidang di Caracas baru-baru ini dalam pernyataan bersama mereka mengambil ketetapan menyarankan supaya membentuk sistem perdagangan antarabangsa yang terbuka. Ia mengalu-alukan tindakan ke arah integrasi yang bertujuan untuk meluaskan pemasaran, memperbaiki penge-

luaran dan persaingan serta memajukan pelaburan berasaskan global. Di samping itu, pernyataan itu mengajak masyarakat antarabangsa berusaha mengalihkan halangan perdagangan dan menghalang kelahiran perdagangan bentuk baru yang tidak sesuai.

Apakah konsep ekonomi global yang diutarakan oleh G15 bersesuaian dengan konsep global yang dikemukakan oleh John Neisbitt di dalam bukunya, *Megatrends 2000*. Beliau menulis:

Bagi memastikan sistem ekonomi sejagat – satu pasaran – berkesan, kita mesti mengizinkan hubungan perdagangan bebas sebenar-benarnya di kalangan negara-negara dunia, seperti yang diamalkan di setiap negara. Tiada siapa tahu bagaimanakah ketidakseimbangan dagangan antara Frankfurt dan Dusseldorf, Tokyo dan Osaka, di antara Denver dan Dallas, begitu juga di antara Amerika Syarikat dan Jepun.

Namun demikian ini bermakna Kumpulan G15 perlu berusaha ke arah pemantapan kerja sama antarabangsa yang akan menitikberatkan kepentingan dan kerja sama masyarakat dunia seluruhnya dan negara-negara membangun khususnya. Dalam pernyataan itu ditegaskan, “bahawasanya kami akan menggandakan usaha mewujudkan dunia yang makmur, adil dan bebas untuk semua, tidak ada istilah Selatan, Utara atau Timur tetapi sebuah keluarga manusia yang memberi peluang sama rata kepada semua ahlinya, sebuah dunia tunggal.”

↳ Nampaknya pemimpin-pemimpin negara G15 bercakap dalam bahasa dan irama yang berlainan dengan perkumpulan negara-negara maju dunia. Misalnya, Amerika Syarikat dan Kanada tidak berhasrat untuk kesejahteraan dunia sejagat tetapi mereka lebih mementingkan untuk menjadikan Amerika Utara sebagai zon

perdagangan bebas yang luas. Jika bukan itulah hasratnya tentu mereka tidak menandatangani perjanjian kawasan perdagangan bebas Amerika Utara pada tahun 1988. Begitu juga tindakan beberapa negara maju yang lain. Pada tahun hadapan, negara-negara yang menggelarkan diri mereka Komuniti Eropah akan melenyapkan segala halangan perdagangan antara dua belas negara yang menganggotai kesatuan itu. Itu bermakna pada tahun 1992 peguam dari Greece akan menubuhkan firma guamannya di Copenhagen dan syarikat membuat kasut Sepanyol akan membuka perniagaannya di Dublin tanpa sebarang halangan dan rintangan.

Di sebelah Pasifik pula, Australia dan New Zealand membuat perjanjian perdagangan bebas pada tahun 1988 yang tentunya mirip dengan perjanjian yang dibuat oleh suku-sakatnya di Amerika dan Eropah. Bukan itu sahaja, di sebelah Amerika Selatan pula, Brazil dan Argentina merangka satu perjanjian perdagangan bebas yang serupa, akhirnya mewujudkan apa yang dinamakan pasaran bersama Amerika Syarikat.

Kedengaran juga desas-desus kemungkinan terjalin perjanjian perdagangan bebas antara Amerika Syarikat dan Jepun. Jika ini terjadi dan pasti berlaku, dunia tidak lagi terbahagi kepada beberapa negara tetapi terbahagi kepada beberapa zon. Yang terkeluar dari zon itu tentunya negara-negara dunia ketiga ataupun negara-negara sedang membangun seperti Malaysia.

Yang anehnya, negara-negara Selatan yang daif ini masih lagi memperjuangkan sesuatu yang luhur bagi masyarakat dunia. Pemimpin-pemimpin G15 masih mahu ...'keadilan dan kebebasan bagi semua yakni tidak ada Selatan, Utara, Timur atau Barat'. Pemimpin berkenaan juga sedar potensi di negara-negara Selatan dari

segi pasaran, bahan mentah, teknologi tempatan dan tenaga manusia. Oleh yang demikian, demi kemajuan mereka akan terus menekankan betapa pentingnya pembangunan tenaga manusia melalui dasar yang sesuai untuk memajukan pendidikan dan kesihatan rakyat. Antara beberapa kesan hasil daripada perjumpaan itu ialah:

- Penubuhan SITTDEC (Pusat Pertukaran Data Pelaburan Perdagangan dan Teknologi Selatan) yang akan berpusat di Kuala Lumpur.
- G15 menjadi sebuah pertubuhan yang mantap dan berupaya menyelesaikan banyak masalah yang berkaitan dengan negara-negara Selatan, di samping berkemampuan menyuarakan pandangan mereka secara bersepadu di persidangan antara-bangsa seperti di PBB.
- Menteri-menteri Luar G15 ditugaskan menyiapkan kertas kerja yang memaparkan pandangan negara-negara anggota berkaitan dengan Orde Baru Dunia. Dr. Mahathir menyatakan bahawa pandangan negara-negara Selatan mengenai Orde Baru Dunia ini adalah amat penting oleh negara-negara Utara yang hanya mengambil kira kepentingan mereka sahaja.
- Persoalan alam sekitar juga dibincangkan dalam persidangan ini dan memutuskan pandangan negara-negara membangun perlu diambil kira di Persidangan Alam Sekitar anjuran PBB yang akan diadakan di Rio de Janeiro pada Jun tahun depan.
- Pertemuan antara usahawan dari negara-negara G15 memberikan peluang untuk mereka bertukar-tukar fikiran dan mencari jalan memajukan per-

dagangan di kalangan negara-negara ahli. Dengan cara itu, mereka dapat bertukar-tukar maklumat perdagangan sesama mereka.

Pendek kata, persidangan itu memberikan satu isyarat kepada pemimpin negara-negara maju bahawa segala pandangan, aspirasi, pemikiran daripada pemimpin dunia ketiga seharusnya diambil perhatian serius. Pemimpin negara maju seharusnya menoleh ke belakang dan merenung sejenak bahawasanya negara-negara dunia ketiga yang wujud kini bukanlah lagi entiti yang boleh diperkotak-katikkan sebagaimana yang pernah mereka lakukan dalam zaman penjajahan dahulu. Walaupun tugas mereka kini berubah daripada penjajahan politik kepada penjajahan ekonomi, namun pada hakikatnya segala rupa bentuk penjajahan seharusnya dilenyapkan di muka bumi ini.

# GEORGE BUSH MENGIKTIRAF KEMAJUAN MALAYSIA

Rata-rata penulis dari Barat atau Timur mengakui hakikat bahawa Malaysia menempa sejarah sebagai salah sebuah negara maju dan akan duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara di dunia amnya, setidak-tidaknya pada tahun 2020.

---

*Berita Harian*, 15 Ogos 1991

PENGIKTIRAFAN PRESIDEN GEORGE Bush terhadap kemajuan Malaysia pimpinan Dr. Mahathir adalah satu 'pencemaran duli' yang dibuat oleh seorang pemimpin dunia dari sebuah negara kuasa besar. Mungkin terlalu berat bagi seorang Presiden Amerika Syarikat untuk melafazkan pujian itu kerana kesannya adalah pelbagai. Namun demikian, Bush tentulah tidak dapat lari daripada membuat kenyataan begitu kerana tekanan daripada media massa dunia seluruhnya.

Rata-rata penulis dari Barat atau Timur mengakui hakikat bahawa Malaysia menempa sejarah sebagai salah sebuah negara maju dan akan duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara di dunia



amnya, setidaknya-tidaknya pada tahun 2020. Robert Elegant dalam bukunya, *Pacific Destiny*, mengulas mengenai Malaysia:

Bagaimanapun, Malaysia adalah sebuah negara mewah hari ini dan berpeluang mengekalkan prestasi itu. Beberapa faktor jangka pendek dan panjang yang sedang dirancang adalah puncanya. Kebanyakan orang Cina dan Melayu mahu menikmati kehidupan yang baik itu sekarang. Kedua-duanya tidak digerakkan oleh satu cita-cita besar atau dihantui oleh rasa tidak puas hati.... Malaysia akan terus makmur selagi dua perkara dipenuhi: Selagi generasi muda - 37% penduduknya berumur bawah 15 tahun - menolak sikap fanatik; dan selagi perimbangan kuasa di rantau ini tidak berubah secara mendadak.

Tidak ketinggalan memberikan ulasan mengenai Malaysia ialah John Naisbitt dan Patricia Aburdene di dalam buku mereka, *Megatrends 2000*. Kata mereka:

Malaysia kini menikmati pertumbuhan ekonomi yang galak. Pertumbuhan yang paling pesat dalam dekad lalu (8.7%), dicatatkan pada tahun 1988. Ekonomi Malaysia pasti mengulangi kejayaan itu pada tahun 1989 dan 1990. Jumlah eksport meningkat 26 dan 23% bagi kedua-dua tahun berkenaan. Pencapaian ekonomi yang baik pasti dikekalkan untuk tahun 1989 dan 1990....

Berdasarkan ulasan di atas maka terdapatlah gelaran yang berikan oleh majalah *Far Eastern Economic Review*, 18 July 1991 kepada Malaysia sebagai 'The Mahathir Decade'. Dalam rencananya, majalah itu menyorot fungsi yang dimainkan oleh Perdana Menteri dalam menerajui negara ini bermula daripada tindakannya menentukan setiap pegawai memasuki pejabat dengan kad perakam waktu dan pemakaian tanda nama.

Dasar-dasar yang diperkenalkan selepas itu seperti 'Pandang Ke Timur', Penswastaan, Kepemimpinan Melalui Teladan, Persyarikatan Malaysia, dan lain-lain sebenarnya meletakkan kedudukan negara sebagaimana yang kita lihat pada hari ini.

Awal tahun 1980-an iaitu sebaik sahaja menerajui negara sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat pada 16 Julai 1981, beliau menekankan dasar Pandang Ke Timur. Rakyat Malaysia seolah-olah terpinga-pinga pada ketika itu mengenai apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri mereka. Tidak kurang juga keraguan yang ditimbulkan oleh penyokong Kerajaan sendiri. Sebenarnya ramai yang tidak nampak wawasan Perdana Menteri pada ketika itu. Lantas mereka memberikan tafsiran yang pelbagai. Ada yang mengatakan pentadbiran Dr. Mahathir pada ketika itu terlalu laju dan sukar bagi rakyat untuk mengikutinya. Sebenarnya bukan beliau yang terlalu laju tetapi hakikat yang sebenarnya ialah ada di kalangan rakyat yang terlalu lambat!

Majalah *Asiaweek* terbitan 23 September 1983 menyiarkan satu temu ramah dengan Dr. Mahathir berkaitan dengan isu di atas:

*Asiaweek* Adakah pentadbiran YAB bergerak terlalu laju untuk difahami oleh orang awam?

Dr. Mahathir: Dasar-dasar itu saling berhubung kait, semuanya adalah satu. Saya perlu menonjolkan beberapa aspek tertentu untuk memastikan ia bergerak... Pandang Ke Timur bererti melihat ke Jepun dan Korea Selatan.... saya melihat kejayaan usahawan swasta di sana. Maka timbul soal penswastaan. Saya melihat kejayaan kerja sama Kerajaan dan sektor swasta, maka ditonjolkan soal Persyarikatan Malaysia; dan kita juga lihat cara Jepun bekerja. Presiden syarikat turun ke kedai dengan

memakai baju yang sama dengan pekerja lain. Itu adalah Kepemimpinan Melalui Teladan....

Yang jelas sekarang ialah tindakan Dr. Mahathir mendatangkan kesan yang amat positif. Apa yang di-bayangkan pada tahun 1983 menjadi kenyataan pada tahun 1991 dan hendaknya apa yang diunjurkan pada tahun 1991 akan menjadi kenyataan pada tahun 2020. Malaysia kini menjadi sebuah negara maju, malah boleh dipanggil sebagai salah sebuah negara perindustrian yang baru.

Profesor Dr. Fong Chan Onn (Timbalan Menteri Pendidikan), pernah menulis dalam *Asian Development Review* pada tahun 1990, memperkatakan mengenai Malaysia yang menjadi sebuah negara perindustrian seperti juga Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan. Jikalau dahulu masih ada juga yang mempersoalkan mengapa Dr. Mahathir tidak menjadikan negara Amerika Syarikat ataupun Great Britain sebagai contoh, maka jawapan kepada soalan itu telah terjawab kini.

Masyarakat dunia sama ada pakar ekonomi Barat atau Timur sepakat mengatakan bahawa kurun ke-21 adalah milik negara Asia dari segi ekonomi. Kawasan Asia Pasifik adalah medan kegiatan ekonomi bagi negara-negara di pesisiran Pasifik. Antara hujah yang dikemukakan oleh mereka ialah dari segi kepesatan perkembangan ekonomi dan penduduk bagi negara-negara di kawasan ini. Misalnya, 20% daripada penduduknya dari negara China dan 20% lagi datang dari India, Pakistan dan Bangladesh.

Dalam ekonomi pula, Jepun adalah negara yang membangun di samping Korea Selatan, Hong Kong dan Singapura. Tidak dilupakan juga ialah

kepesatan pembangunan negara-negara seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia. Faktor-faktor ini tentunya tidak dapat menyekat arus pembangunan di kawasan Pasifik. Lambat-laun ia pasti akan menjadi kenyataan juga.

Banyak diperkatakan tentang tenaga manusia adalah lebih penting daripada sumber alam dalam memajukan sesebuah negara. Malaysia amat bertuah kerana memiliki pelbagai sumber alam seperti bijih, getah dan petroleum berbanding negara *'four tigers'* di atas. Tetapi mengapa Malaysia ketinggalan berbanding mereka?

Kenichi Ohmae di dalam bukunya *The Borderless World* memberikan satu analisis menarik mengenai isu yang berkaitan. Malaysia mengalami satu peristiwa yang amat pahit kesan daripada tindakan penjajah British yang dengan sengaja memajukan sektor perladangan dan perlombongan dan mengabaikan langsung usaha ke arah negara perindustrian, dengan tujuan hasil yang dikeluarkan dari negara ini tidak dapat menyaingi hasil yang dikeluarkan oleh Great Britain. Walaupun beliau tidak menyentuh pentadbiran Perdana Menteri yang lalu, jelas kepada kita bahawa "Perdana Menteri, Dr. Mahathir memberitahu mereka bahawa itu adalah jalan mati. Dengan slogan Pandang Ke Timur beliau menggerakkan rakyat belajar daripada etika kerja Jepun, Korea Selatan dan Taiwan.... Hari ini, Malaysia adalah pengeksport bahan semikonduktor di dunia dan lebih besar dari segi kuantiti dibandingkan dengan Jepun. Lebih banyak barangan industri dieksport daripada bahan mentah sekarang ini."

Tidak hairanlah jika Perdana Menteri selama ini sentiasa melaungkan persoalan perubahan sikap di kalang-

an rakyat Malaysia, bergerak ke arah sesuatu yang inovatif, berfikiran terbuka dan global.

Berdasarkan pengalaman dua dekad lalu mengenai keajaiban ekonomi di negara yang miskin dari segi sumber semula jadi, adalah jelas bahawa sumber utama mana-mana negara ialah bakat, kemahiran, kepakaran, kreatif dan semangat rakyat. Apa yang kita ada ialah fikiran, tulang empat kerat dan hati kita adalah lebih penting daripada apa yang kita ada di bawah tapak kaki dan sekeliling kita. Rakyat kita adalah sumber yang paling utama. Tanpa ragu-ragu lagi, pada tahun 1990-an dan selepas itu, Malaysia mesti memberi penekanan sepenuh mungkin kepada pembangunan sumber utama ini.

Dipetik dari *Malaysia: The Way Forward*

Dari segi penyediaan sumber manusia sebenarnya langkah sedemikian dirintis oleh Tun Abdul Razak lagi, ketika menjadi Perdana Menteri kedua. Pembinaan sekolah-sekolah berasrama penuh, penambahan beberapa universiti dalam negeri dan penghantaran beramai-ramai pelajar ke luar negara adalah langkah positif ke arah itu. Bidang pendidikanlah yang menjadi kejayaan terbesar Kerajaan dalam melaksanakan DEB. Usaha gigih itu menampakkan kesan pada hari ini dan akan datang. Benih yang ditanam beberapa tahun lampau kini, mula menampakkan hasilnya. Cuma yang perlu dilakukan kini ialah pembentukan nilai dan penyemaian semangat agar golongan ini dapat memberi sumbangan dalam erti kata sebenar kepada negara.

Dalam konteks penyediaan ke arah Wawasan 2020, sesuatu yang agak menarik juga ialah dari segi perediaan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Sejak tahun 1986 pelbagai dasar inovatif diwujudkan di samping mengetengahkan pelbagai ungkapan seperti

Falsafah Pendidikan Negara, Pembakuan Bahasa, Insan Kamil, Pembelajaran Bahasa Asing dan Kemahiran Manipulatif. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) jelas bertujuan ke arah melahirkan pelajar untuk mengisi masa hadapan negara. Yang penting, fungsi agama yang kelak menunjangi setiap tindak-tanduk individu terpelajar itu di hari muka.

Akta Pendidikan dan Falsafah Pendidikan Negara adalah dua elemen yang akan menunjangi mantap tidaknya persediaan kita menghadapi kurun ke-21 dan sebagai melengkapkan diri ke arah Wawasan 2020. Falsafah Pendidikan Negara yang menjadi pasak Akta Pendidikan amat jelas fungsinya sebagai sendi yang akan mengukuhkan pelaksanaan Wawasan 2020. Falsafah Pendidikan Negara diungkapkan seperti berikut:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Berdasarkan pengalaman negara maju seperti Korea dan Taiwan, sememangnya penanaman modal utama negara itu ialah dalam bidang pendidikan. Buku *Megatrends 2000* menyatakan bahawa "Komitmen Korea dan Taiwan kepada pendidikan melebihi atau boleh menyaingi mana-mana negara maju kecuali, Amerika Syarikat dan Jepun." Jika didasarkan kepada perangkaan bilangan pelajar luar yang berada di universiti

di Amerika Syarikat pada tahun 1985, Taiwan menduduki tempat pertama dan diikuti oleh Malaysia. Dalam hal ini penanaman modal yang dibuat oleh Malaysia seharusnya mendapat sanjungan.

